

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENERBITAN JEJAK ILMUWAN SELANGOR

17. Usaha untuk merakyatkan ilmu dan ilmuwan telah dilaksanakan antara lain dengan menerbitkan majalah Jejak Ilmuwan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan sasaran penerbitan Jejak Ilmuwan Selangor?
- b) Siapakah yang menjadi sasaran Jejak Ilmuwan Selangor?
- c) Apakah hubungan penerbitan Jejak Ilmuwan Selangor dengan program SPIES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Matlamat penerbitan Jejak Ilmuwan Selangor adalah untuk memperluaskan lagi penyebaran maklumat dan informasi yang berkaitan tentang program-program atau aktiviti di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor. Selain itu ia juga adalah di antara usaha untuk mempromosi program jejak Ilmuwan sendiri, di mana melalui program ini Ilmuwan akan ditonjolkan di kalangan masyarakat.
- b) Golongan sasar bagi majalah Jejak Ilmuwan ini adalah kepada rakyat Negeri Selangor daripada pelbagai lapisan masyarakat, antaranya pelajar, ibu bapa, pendidik, pelajar IPT, dan sebagainya.
- c) Hubungan di antara SPIES dan penerbitan Jejak Ilmuwan antaranya adalah, SPIES juga adalah merupakan di antara Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor. Selain itu Jejak Ilmuwan adalah di antara program yang menjana perkembangan intelektual rakyat Negeri Selangor, yang mana pembangunan intelektual ini adalah merupakan sebahagian daripada elemen utama di dalam model Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : DEMAM DENGGI

18. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kes demam denggi yang telah dilaporkan dan berapakah kes yang membawa maut akibat demam denggi dari bulan Oktober 2009 hingga Februari 2010 di seluruh negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan 'Hot Spot' demam denggi di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Kes demam denggi yang dilaporkan bagi tempoh Oktober 2009 sehingga Februari 2010 adalah berjumlah 6,947 kes dengan 19 kematian.
- b) Senarai 'Hotspot' (wabak denggi > 30 hari) di Negeri Selangor pada 31/03/2010 adalah seperti berikut:

Lokasi	Hotspot
Majlis Perbandaran Selayang	Taman Pelangi Rawang/ Bandar Tasik Puteri 7/ Taman Tun Perak (Apartment)
Majlis Perbandaran Subang Jaya	SS 18/ USJ 11/ USJ 6/ Taman Bukit Serdang/ Taman Sedang Perdana/ Pusat Bandar Puchong
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Flat Desaria PJS 5/ Mentari Court PJS 8/ Gugusan Melur Sekyksen 4 PJU 5/ SS 9A
Majlis Perbandaran Kajang	Taman Sepakat Indah
Majlis Bandaraya Shah Alam	Sekyksen 7D
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Pandan Indah/ Taman Dagang/ AU2 Taman Keramat/ Pandan Jaya/ Taman Melawati/ Taman Dagang/ AU3/1 Taman Keramat
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak	BandarBaru Selayang Fasa 2B/ Selayang Baru K2/ Taman Sri Gombak Fasa 9/ Kampung

	Desa Aman
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	Taman Cheras Awana/ Apartment 16C Sekysen 16 Bandar Baru Bangi/ Sekysen 2 Bandar Rinching/ PKNS Beranang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : HASIL BATUAN

19. Selain hasil pasir biasa dan pasir sungai, negeri Selangor juga ada hasil seperti batu granit, batu kapur dan tanah merah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan syarikat lain yang akan menguruskan hasil-hasil batuan ini?
- b) Sampai bilakah sumber hasil batuan di Selangor dapat bertahan?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan syarikat lain yang akan menguruskan hasil-hasil batuan kerana pada ketika ini Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus melalui anak syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. kepada aktiviti perlombongan pasir sebagai sumber dan penyumbang utama hasil bahan batuan kepada Kerajaan Negeri dalam merealisasikan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).
- b) Pada tahun 2008, pengeluaran agregat di negeri Selangor adalah sebanyak 22.2 juta metrik tan. Walau bagaimana pun, jumlah pengeluaran ini hanya mampu menampung 85 peratus (%) daripada keseluruhan permintaan untuk negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu sebanyak 30 juta tan setahun.

Dianggarkan, sehingga akhir tahun 2009, rizab batuan yang masih terdapat di kuari-kuari di negeri Selangor yang boleh di ekstrak adalah sebanyak 350 juta metrik tan. Sekiranya diambil kira kadar pengeluaran tahunan semasa (2008) iaitu 22.2 juta metrik tan, dilihat rizab ini hanya mampu bertahan untuk tempoh 16 tahun akan datang.

Walaupun bagaimanapun, bergantung pada lokasi dan saiz kuari, dijangkakan bagi kuari batuan granit yang sedang beroperasi di negeri Selangor, jangka hayat mengikut keperluan semasa hanya mampu menampung permintaan industri pembangunan untuk tempoh 20 tahun sahaja lagi. Bagaimanapun jika permintaan meningkat kepada 200% dalam masa 10 tahun akan datang, jangka hayat kuari-kuari seperti di kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong hanya mampu bertahan untuk tempoh 10 tahun sahaja. Unjuran ini berdasarkan kepada peningkatan jumlah penduduk, lonjakan permintaan kepada kadar pengeluaran per kapita serta pembangunan pesat di Lembah Kelang dan kini melangkau ke daerah Gombak (Rawang dan Selayang) serta daerah Hulu Langat (Kajang dan Cheras).

Untuk kawasan kuari yang lain, peningkatan permintaan batuan agregat boleh menyebabkan jangka hayat kuari granit adalah dianggarkan kurang dari 15 tahun. (penggunaan semasa agregat batuan negeri Selangor ialah 4.3 tan per kapita, negara ialah 2.9 tan per kapita).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR

20. Kerajaan Negeri ada bercadang untuk mewujudkan skim mikro kredit untuk membantu golongan miskin berniaga.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelaksanaan cadangan tersebut ?
- b) Apakah ada program lain yang boleh membantu golongan miskin Bandar di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Cadangan pelaksanaan program mikrokredit ini telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 24 Mac 2010 dan berdasarkan jadual skop pelaksanaan kerja pelancaran program akan diadakan pada bulan Mei 2010.
- b) Banyak program telah dilaksanakan di pihak Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin bandar. Di antara program-program yang dilaksanakan adalah program agihan barangan keperluan harian, skim bantuan pelajar miskin, program kembali ke sekolah iaitu program subsidi barangan keperluan sekolah, bantuan subsidi tambang bas dan program-program sedia ada lain seperti program kemahiran teknikal, program peralatan 'Blueprint' dan program perumahan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : AKTIVITI KEDAI MESIN JUDI

21. Kegiatan mesin judi makin berleluasa di Pelabuhan Klang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah pihak PBT tidak mengambil tindakan bagi mengatasi masalah begini?
- b) Adakah pihak PBT sudah dibeli supaya tidak mengenakan tindakan ke atas pengusaha kedai mesin judi?

JAWAPAN :

- a) Merujuk statistik pada tahun 2009, pihak penguat kuasa MPK mengenal pasti 28 buah premis pusat siber tidak berlesen dan 34 sitaan dikenakan pada semua premis yang dikenal pasti menjalankan perniagaan pusat siber di sekitar Pelabuhan Klang. Sebanyak 370 unit set komputer telah disita sepanjang operasi sitaan dijalankan dari bulan Januari sehingga Disember 2009.
- b) Untuk makluman, pihak MPK tiada kepakaran bagi mengenal pasti permainan komputer mesin judi seperti pihak polis. Pihak MPK hanya menjalankan tindakan ke atas premis yang menjalankan aktiviti mesin judi ini di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MPK) 2007. Pihak penguat kuasa MPK sering kali menjalankan operasi bersepadu bersama pihak polis IPD Klang bagi mengatasi masalah kedai video game di sekitar daerah Klang.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : BELIA DAN PERANAN ANAK MUDA

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri di dalam melibatkan peranan anak muda di dalam proses membuat polisi dan dasar kerajaan?
- b) Bagaimanakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan kesedaran sivik generasi muda di dalam membawa perubahan kepada masyarakat?

JAWAPAN :

- a) Golongan belia merupakan nadi kepada pembangunan negeri Selangor. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kira peranan dan penglibatan anak muda dalam proses membuat polisi Kerajaan Negeri. Meskipun begitu penglibatan golongan belia dalam menggubal polisi tidak dilaksanakan secara terus. Antara kaedah yang sering diguna pakai adalah mengadakan pertemuan atau pun melalui sesi dialog bersama golongan belia untuk mendapat input serta maklum balas yang boleh dipertimbangkan bersama dalam membuat, merangka polisi Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri sedar bahawa pembangunan pesat telah banyak mengubah gaya hidup golongan belia, yang negatif seperti kurang kesedaran sivik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah dan sedang mengadakan program-program kemasyarakatan seperti program 'Youth In Community'. Program ini berkonsepkan gotong-royong bagi mewujudkan rasa hormat-menghormati serta rasa bertanggungjawab. Kerajaan Negeri turut memperkenalkan program SPIES bagi memantapkan rohani dan meningkatkan sahsiah belia. Kaedah-kaedah yang melibatkan fizikal dan rohani ini dapat membantu para belia untuk meningkatkan kesedaran sivik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah status garis panduan baru yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk konsep komuniti berpagar?
 - b) Bagaimanakah garis panduan Kerajaan Negeri akan diselaraskan dengan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)?
 - c) Berapakah anggaran komuniti berpagar (sama ada dengan atau tanpa kebenaran) yang sedang beroperasi di semua kawasan PBT Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Garis Panduan Pembangunan Skim Komuniti Berpagar '(Gated Community)' yang baru telah pun siap dan dicadangkan untuk dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, sebelum ia dibentangkan ke MMKN untuk pertimbangan kelulusan, draf garis panduan tersebut telah pun diedarkan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada 9 Mac 2010 yang lepas bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas terakhir. Sehingga kini hanya 2 orang ADUN sahaja yang memberikan maklum balas dan pandangan secara bertulis berkenaan dengan garis panduan ini dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) masih lagi menunggu maklum balas secara bertulis daripada ADUN-ADUN yang lain. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada maklum balas awal mendapati kebanyakan ADUN-ADUN secara dasarnya telah bersetuju dengan garis panduan baru yang telah disediakan.

Dengan adanya garis panduan baru sekiranya diluluskan oleh Kerajaan Negeri kelak diharap akan dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mempertimbangkan kelulusan bagi tujuan pembangunan komuniti berpagar itu dan juga skim komuniti berpengawal. Ia secara langsung akan dapat memastikan struktur binaan seperti pondok pengawal tidak membahayakan dan menyusahkan orang awam serta di samping memastikan keseragaman yang dapat mengelakkan kesan yang negatif dari segi visual bandar dan tanggapan orang luar khususnya pelawat luar negara terhadap aspek keselamatan negeri dan negara dalam pelaksanaan konsep komuniti berpagar dan komuniti berpengawal ini.

- b) Memandangkan sehingga kini tiadanya satu pun garis panduan khusus berkenaan dengan Pembangunan Komuniti Berpagar yang dikeluarkan di peringkat persekutuan, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengambil inisiatif untuk menyediakan garis panduan khusus bagi pembangunan skim komuniti berpagar sebagai langkah sementara bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya di Negeri Selangor dalam mempertimbangkan permohonan sama ada daripada pihak penduduk mahupun pemaju.

Saya difahamkan di Peringkat Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ketika ini sedang di peringkat penyediaan garis panduan pembangunan skim komuniti berpagar. Sekiranya garis panduan telah siap kelak ia perlu di bawa ke Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang mana ahli-ahlinya turut terdiri daripada semua Y.A.B. Menteri Besar / Ketua Menteri terlebih dahulu untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum ia diguna pakai oleh Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Selangor. Apabila telah diterima pakai oleh MNKT, Kerajaan Negeri akan menyelaraskan dan menyesuaikan kedua-dua garis panduan untuk diguna pakai di Negeri Selangor.

- c) Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada PBT secara keseluruhannya dianggarkan terdapat sebanyak 338 skim perumahan berkonsepkan skim komuniti berpagar (*'gated community berpagar'*) di Negeri Selangor sama ada dengan kelulusan PBT ataupun tidak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 259 skim perumahan berkonsepkan komuniti berpagar, 1 skim perumahan berkonsepkan komuniti berpagar dan baki sebanyak 78 skim berkonsepkan komuniti berpagar dan berpagar. Pecahan penuh mengikut PBT dan kelulusan adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Anggaran Skim Perumahan Berkonsepkan Komuniti Berpagar (Sama ada Dengan atau Tanpa Kebenaran) Di Semua PBT di Negeri Selangor.

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Konsep Komuniti Berpengawal (<i>Guarded Community</i>)		Konsep Komuniti Berpagar (<i>Gated Community</i>)		Konsep Komuniti Berpengawal & Komuniti Berpagar (<i>Guarded & Gated Community</i>)		Jumlah
		Dengan Kebenaran / Lulus PBT	Tiada Kelulusan Permit PBT	Dengan Kebenaran / Lulus PBT	Tiada Kelulusan Permit PBT	Dengan Kebenaran / Lulus PBT	Tiada Kelulusan Permit PBT	
1.	MBSA	24	62	-	-	20	11	117
2.	MBPJ	1	38	-	-	-	-	39
3.	MPK	T.M	T.M	T.M	T.M	T.M	T.M	T.M
4.	MPSJ	-	57	-	-	14	27	98
5.	MPAJ	5	15	-	-	-	-	20
6.	MPS	6	-	1	-	4	-	11
7.	MPKJ	31	-	-	-	-	-	31
8.	MPSp	7	10	-	-	-	-	17
9.	MDKL	-	-	-	-	-	-	0
10.	MDKS	-	3	-	-	-	-	3
11.	MDHS	-	-	-	-	-	2	2
12.	MDSB	-	-	-	-	-	-	0
JUMLAH		74	185	1	-	38	40	338

TM = Tiada maklumat diperolehi

(Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor, 2010)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: CEGAH MAKSIAT

24. Beberapa bulan yang lalu, YB Dato' Dr. Hassan Ali telah mengisytiharkan peranan pegawai-pegawai masjid di Selangor yang akan diperkasakan melalui autoriti yang diberikan oleh JAIS untuk mencegah kemungkaran di Qariah masing-masing.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah peranan ini telah dimainkan oleh pegawai terbabit dan keberkesanan kepada arahan terbaru ini?
- b) Berapakah jumlah tangkapan yang telah dilakukan?
- c) Minta diberikan pecahan jumlah tangkapan mengikut daerah dalam negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sebahagian masjid telah pun menjalankan fungsi mereka dalam mencegah kemungkaran berdasarkan autoriti yang diberi oleh JAIS manakala sebahagiannya masih belum melaksanakannya. Walaupun perkembangannya tidak menyeluruh, akan tetapi pihak masjid sudah mula menggerakkan fungsi mencegah kemungkaran ini dengan menubuhkan Biro Amal Makruf dan Nahi Mungkar dengan kerjasama JKKK dan RELA di qariah mereka dan semakin hari semakin bertambah masjid yang berbuat sedemikian.
- b) Jumlah tangkapan oleh pegawai Masjid di negeri Selangor terhadap perlakuan kemungkaran : ialah sebanyak **277** tangkapan sepanjang **Januari 2009 hingga Mac 2010.**
- c) Pecahan tangkapan oleh pegawai Masjid di Negeri Selangor sepanjang Januari 2009 hingga Mac 2010 :

Bil.	Daerah	Tangkapan
1.	Sabak Bernam	2 kes
2.	Kuala Selangor	30 kes
3.	Klang	6 kes
4.	Kuala Langat	13 kes
5.	Sepang	3 kes
6.	Hulu Langat	138 kes
7.	Gombak	3 kes
8.	Hulu Selangor	3 kes
9.	Petaling	79 kes
JUMLAH KES		277 kes

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : KEJAYAAN PROGRAM HARI TANPA PLASTIK

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini adakah program ini berjaya dan memberi kesedaran kepada masyarakat atau memberi keuntungan kepada pasar raya hasil jualan beg plastik?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memberi kesedaran penggunaan bahan plastik dan alam sekitar kepada rakyat secara menyeluruh?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan pemantauan kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" oleh Kerajaan Negeri sejak Januari 2010, kempen ini berjaya mengurangkan lebih kurang 2 juta beg plastik dalam tempoh 3 bulan. Ini menunjukkan kempen ini banyak memberi kesedaran kepada masyarakat tentang impak penggunaan beg plastik. Walaupun banyak mendapat tentangan daripada segelintir masyarakat, secara beransur-ansur, masyarakat mula menerima dan menyokong kempen ini demi menjamin kepentingan alam sekitar yang berterusan dan mula membawa beg sendiri atau menggunakan beg mesra alam untuk membeli belah. Sekiranya kempen ini diteruskan dalam jangka masa yang panjang, nescaya masalah pencemaran beg plastik di Negeri Selangor berjaya diatasi seterusnya menjadi contoh ikutan kepada negeri yang lain.

Hasil kutipan caj 20 sen yang dikenakan disalurkan kepada badan-badan kebajikan/NGO alam sekitar dan bukan untuk kegunaan pasaraya itu sendiri. Secara tidak langsung, masyarakat akan mempelajari untuk tidak menggunakan beg plastik kerana caj lebih akan dikenakan semasa mereka membeli belah. Pasaraya mendapat untung secara tidak langsung dengan pengurangan pembelian beg plastik kerana penggunaannya semakin berkurangan.

- b) Kerajaan Negeri akan terus-menerus menjalankan kempen ini selama 6 bulan sebagai tempoh percubaan. Seterusnya, pihak Kerajaan Negeri bersama pengusaha-pengusaha akan menjalankan kajian bagi mengenal pasti impak daripada kempen tanpa beg plastik ini. Sekiranya kempen ini memberikan impak positif, pelaksanaan peringkat kedua akan diteruskan dengan melanjutkan kempen ini kepada hari-hari biasa.

LAMPIRAN

No. Company Name

- 1 GCH (M) Sdn Bhd - Giant Hypermart
- 2 IKANO Sdn Bhd - IKEA
- 3 Sunway Pyramid Sdn Bhd
- 4 Magnificent Diagraph Sdn Bhd - Carrefour
- 5 99 Speedmart Sdn Bhd
- 6 GCH Retail (M) Sdn Bhd - Guardian Cawangan Selangor
- 7 Econsave Cash & Carry (PD) Sdn Bhd
- 8 Kumpulan Farmasi Vitacare Sdn Bhd
- 9 The Store Corporation Berhad
- 10 Parkson Corporation Sdn Bhd
- 11 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd
- 12 Aeon Co (M) Bhd
- 13 Classic Bonita Sdn Bhd - Elianto, Bonita, Tiamo
- 14 1 Utama Shopping Centre
- 15 Watson's Personal Care Stores Sdn Bhd
- 16 Goin' Places Sdn Bhd - Goin Places Winter Apparel
- 17 Hektar Premier Sdn Bhd - Subang Parade
- 18 Able Potential Sdn Bhd (ITMAS) - Aoneplus
- 19 Action IT Solution Sdm Bd (USJ 19) - Aoneplus
- 20 Caring Pharmacy Sdn Bhd
- 21 Tropicana Life Sdn Bhd
- 22 Tesco Stores (M) Sdn Bhd
- 23 Planete Enfants Sdn Bhd
- 24 Mydin Mohamed holdings Berhad
- 25 IT Hyperstore (M) Sdn Bhd - E@Curve
- 26 Tiens Health Development (M) Sdn Bhd
- 27 Golden Screen Cinema Sdn Bhd - 1U, Summit, Tropicana, IOI, Klang Shaw Centre Point
- 28 HSL E&E Corp (M) Sdn Bhd
- 29 Yves Rocher Beauty Institute (Subang Parade)
- 30 Magic Clothing Alterations (Subang Parade)
- 31 BV Eyecare (M) Sdn Bhd - BetterVision (Subang Parade)
- 32 Mirac Jaya Sdn Bhd (Subang Parade)
- 33 Johnson fitness (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
- 34 D&J Collection (Subang Parade)
- 35 Bintang Retail Industries Sdn Bhd
- 36 Memory Lane (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
- 37 Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Subang Parade)
- 38 Kilauan Lestari Sdn Bhd (Subang Parade)
- 39 Memory Lane (M) Sdn Bhd (Sg Chua, Kajang)

- 40 Pasaraya Badurun
- 41 Baby Villa Sdn Bhd
- 42 Baby Cottage Sdn Bhd (Subang Parade)
- 43 Warta Superstore (Batu Caves) Sdn Bhd
- 44 EK HARDWARE DIY (M) SDN. BHD
- 45 SACC Mall
- 46 Rampai Niaga Sdn Bhd - The Body Shop
- 47 Pets More Sdn Bhd
- 48 Kat-Iye Boutique Sdn Bhd (Subang Parade)
- 49 KK Group - KK Supermart
- 50 HiTS Collection (SACC)
- 51 Nando's (SACC)
- 52 Turkuaz Sdn Bhd (SACC)
- 53 Qamilla Collection (SACC)
- 54 Sunway Giza- Kota Damansara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : H1N1

26. Ancaman penularan H1N1 dalam kalangan masyarakat Malaysia masih ada.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik pesakit positif H1N1 dan gejala menyerupai H1N1 di Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil kerajaan negeri untuk membendung gejala H1N1?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 1 April 2010 sebanyak 1644 kes H1N1 dikesan sejak pandemik Influenza A bermula di Malaysia. Bilangan kematian yang disebabkan secara langsung oleh Virus H1N1 ini adalah 15 orang.
- b) Langkah yang boleh di ambil oleh kerajaan negeri untuk membendung gejala H1N1 adalah seperti berikut:
 - i) Meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang gelombang ke-2 H1N1
 - ii) Meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang gejala dan tanda-tanda jangkitan H1N1 dan mendapat rawatan awal jika ada gejala dan tanda-tanda tersebut.
 - iii) Meningkatkan kesedaran umum mengenai langkah kawalan seperti:-
 - 1) Social distancing
 - 2) Etika batuk yang baik
 - 3) Sentiasa mementingkan kebersihan tangan.
 - 4) Memastikan kemudahan mencuci tangan/hand sanitizer di sediakan di semua tempat-tempat umum, di sekolah dan sebagainya.
 - 5) Elakkan pergi ke tempat-tempat umum/ keramaian yang sesak sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : KEGAWATAN EKONOMI

27. Umumnya prestasi ekonomi negara telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status semasa ekonomi Negeri Selangor dan adakah Selangor sudah keluar dari kemelut masalah ekonomi ?
- b) Adakah langkah tambahan yang dilakukan Kerajaan Negeri untuk memulihkan dan memacu ekonomi negeri ?

JAWAPAN :

- a) Pada tahun 2009, Negeri Selangor telah mencatatkan penguncupan pertumbuhan ekonomi pada tahap 3.8% seiring dengan kemerosotan ekonomi negara dan dunia. Kini, ekonomi negeri telah menunjukkan peningkatan yang baik dengan pertumbuhan ekonomi negeri telah menunjukkan peningkatan yang baik dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada suku tahun pertama tahun ini. Hal ini menunjukkan keyakinan pelabur dan peniaga telah mula teguh dan dianggarkan angka-angka pengeluaran daripada sektor-sektor pembuatan dan perindustrian akan terus meningkat. Sektor pembinaan dijangka akan berkembang dengan pertumbuhan dan sektor pertanian turut dijangka akan memperoleh manfaat daripada pemulihan ekonomi dan pelaksanaan berterusan akibat suntikan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor. Ekonomi negeri akan merekodkan prestasi sederhana pada tahun 2010 dan dianggarkan akan mencapai pertumbuhan sekitar 2% hingga 3%.
- b) Dalam usaha untuk merangsang ekonomi negeri Selangor, pelbagai langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memacu dan memulihkan ekonomi negeri ini. Kerajaan Negeri melalui pembentangan Bajet 2010 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion untuk perbelanjaan negeri dengan jumlah sebanyak RM590.4 juta adalah dikhaskan bagi perbelanjaan pembangunan. Antara program utama yang telah disediakan adalah seperti berikut:-
 - i) Pertama – memperluaskan peluang-pelung ekonomi negeri Selangor dengan sumber yang sedia ada;
 - ii) Kedua – memastikan dan mengembalikan kekayaan negeri kepada rakyat melalui program MES;
 - iii) Ketiga – menyediakan infrastruktur dan modal 18 insan negeri Selangor bagi memantapkan daya saing Selangor antara negeri dan di peringkat antarabangsa, terutamanya dengan kelebihan Selangor sebagai penggerak ekonomi Malaysia (dan Asia Tenggara); dan
 - iv) Keempat – meneruskan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dilancarkan pada tahun 2009.

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha memastikan pembangunan ekonomi negeri berlandaskan matlamat untuk merakyatkan ekonomi negeri dan melaksanakan ketelusan dalam pentadbiran. Sehubungan itu, Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor telah disediakan untuk menggariskan pendekatan bagi mencapai wawasan dan matlamat Negeri Selangor menjelang tahun 2025 berlandaskan strategi-strategi yang berikut:-

- i) Menguruskan negeri maju berteraskan nilai murni, nilai sejagat, keunggulan budaya dan tradisi;
- ii) Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan;
- iii) Menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah;
- iv) Menambah baik tadbir urus;
- v) Menguruskan pembangunan alam sekitar yang mampan;
- vi) Memacu pembangunan modal insan; dan
- vii) Menjana sumber pertumbuhan baru.

Manakala bagi meneruskan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil inisiatif untuk memperuntukkan bajet yang bertepatan dalam melaksanakan projek-projek seperti berikut:-

- i) Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang;
- ii) Pembangunan semula projek perumahan yang terbengkalai;
- iii) Pembaharuan aktiviti di bandar melalui pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang.
- iv) Peningkatan hasil tanaman padi;
- v) Perluasan sistem pengangkutan; dan
- vi) Penstrukturan semula industri air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : KESALAHGUNA BANGUNAN UNTUK MEMELIHARA BINATANG

28. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah dilaksanakan mengenai isu kesalahguna bangunan di kawasan Perindustrian Bukit Beruntung untuk memelihara binatang?
- b) Adakah tujuan kegunaan tanah perlu di tukar kepada syarat memelihara binatang?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Haiwan & Jabatan Kesihatan?

JAWAPAN :

a) & b) Dijawab oleh MDHS.

c) Kerajaan Negeri menerusi agensinya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor telah berusaha membantu pengusaha mendapatkan kawasan penternakan yang lebih bersesuaian -

- i) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor pernah menawarkan kepada pengusaha suatu kawasan penternakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lubuk Nibong, Hulu Selangor. Pengusaha telah mencuba untuk membangunkan ladang (ternakan rusa) di kawasan tersebut tetapi akhirnya menarik diri dan menyerahkan kembali kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.

Keadaan muka bumi di kawasan tersebut memerlukan kos pembangunan yang tinggi dan tidak ekonomik untuk membangunkan ladang ternakan.

- ii) Lanjutan dari itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor sekali lagi membantu pengusaha mendapatkan kelulusan sewaan/pajakan kawasan ladang seluas 500 ekar kepunyaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia di Lenggong, Perak. Pada asasnya permohonan kawasan 500 ekar ladang tersebut telah disokong dan diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Bagaimana pun, kelulusan muktamad penyewaan/pemajakan masih di peringkat penilaian pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) Persekutuan. Selaras dengan fungsi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor juga menyediakan perkhidmatan rawatan dan kesihatan bagi menjamin kebajikan ternakan rusa-rusa tersebut sentiasa terpelihara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)

29. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan penunjuk aras, indikator atau Key Results Area (KRA) yang telah ditetapkan kepada setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan apakah pencapaian setiap Exco.

JAWAPAN :

- a) Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) adalah satu sistem pengukuran prestasi yang bertujuan membantu kita mengenal-pasti dan menyemak semula kelancaran serta keberkesanan pergerakan dan misi Kerajaan Negeri Selangor, khususnya yang bersifat jangka masa panjang. Setiap ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) telah menyenaraikan KPI mereka masing-masing untuk setiap jawatankuasa tetap. Oleh kerana KPI untuk semua jawatankuasa tetap adalah terlalu panjang, YB boleh merujuk kepada lampiran yang telah diedarkan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri. KPI dan juga pencapaian setiap EXCO telah dimasukkan ke dalam lampiran tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : SENARAI PROJEK USAHASAMA DENGAN LEBAR DAUN SDN. BHD.

30. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek-projek pembangunan secara usaha sama antara syarikat lebar Daun Sdn. Bhd. dengan kerajaan negeri Selangor?
- b) Senaraikan juga keuntungan-keuntungan yang diperoleh oleh kerajaan negeri melalui projek-projek usaha sama dengan syarikat ini?

JAWAPAN :

- a) Terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam perkara usaha sama antara Lebar Daun Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri Selangor. Projek yang terlibat dengan usaha sama tersebut adalah seperti berikut:-

1. Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Terdapat satu (1) projek usaha sama Kerajaan Negeri dengan Syarikat Lebar Daun Development Sdn. Bhd. di Bukit Cherakah seluas 273 ekar Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

2. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

Terdapat dua (2) buah projek usaha sama di antara PNSB dan Lebar Daun Sdn. Bhd. seperti berikut:-

- i) Cadangan membina dan menyiapkan Pusat Membeli Belah, Pejabat dan Kediaman Di Atas Tanah Milik PNSB Seluas 3.475 ekar di Precint 2.9, Seksyen 14, Bandar Shah Alam;
- ii) Cadangan pembangunan di atas tanah milik PNSB seluas 96.19 ekar di Taman Botani, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling;

3. Kumpulan Darul Ehsan Berhad

Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah menandatangani Perjanjian usaha sama dengan Lebar Daun Development Sdn Bhd pada 24 Mac 2003. Walau bagaimanapun, berikutan daripada kegagalan pihak Lebar Daun memenuhi syarat-syarat dan obligasinya seperti yang termaktub di dalam perjanjian, perjanjian usaha sama tersebut telah pun ditamatkan pada 25 Mac 2010. Sehubungan dengan itu, tiada lagi sebarang hubungan yang mengikat kedua-dua pihak. Pulangannya dalam bentuk *in-kind* iaitu ruang pejabat berkeluasan 85,000 kaki persegi yang dianggarkan bernilai RM27,600,000.00.

4. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

Tiada projek dan keuntungan melalui projek usaha sama dengan Lebar Daun Sdn. Bhd.

5. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

Pada 3 April 2002 satu perjanjian penswastaaan telah ditandatangani di antara PKNS dan Lebar Daun Development Sdn Bhd bagi memajukan tanah seluas 150 ekar di atas Lot PT 445, Seksyen 13 Shah Alam. Tempoh pembangunan yang ditetapkan adalah selama 9 tahun bermula 3 April 2002 sehingga 2 April 2011. Cadangan pembangunan yang dimajukan adalah perumahan dan komersial.

b) Keuntungan yang diperolehi adalah seperti berikut:-

1. Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Syarikat dikehendaki membayar premium sebanyak RM145,000.00 seekar yang berjumlah RM39,585,000.00 (RM145,000.00 x 273 ekar) seperti diputuskan EXCO MTES ke 7/98 bertarikh 16 September 1998. Nilai tanah bagi pembangunan pada tahun 2002 adalah di antara RM20.00 hingga RM23.00 sekaki persegi manakala bagi harga pertanian adalah RM12.00 hingga RM15.00 sekaki persegi. **(Sila Rujuk Maklumat Tambahan)**

2. Kemudahan Kepada Orang Asli

- i) Bayaran tunai sebanyak RM6,951,510.00 telah diagihkan mengikut perjanjian usaha sama.
- ii) Balasan dalam bentuk unit-unit kediaman dan bangunan-bangunan kemudahan bernilai RM18,233,500.00.
- iii) Jumlah nilai wang tunai dan unit-unit kediaman & bangunan untuk kemudahan Orang Asli ialah RM25,185,010.00.

3. Pulangan Kepada Kerajaan Negeri

Pulangan kepada Kerajaan Negeri iaitu 105 rumah pangsa yang di jadikan kuarters kerajaan serta kemudahan-kemudahan lain iaitu seperti dewan, surau, tadika dan taman rekreasi. Nilainya adalah RM14,945,000.00.

4. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

Terdapat dua (2) projek yang terlibat dengan usaha sama dengan PNSB seperti berikut:-

- i) Bagi cadangan membina dan menyiapkan pusat membeli belah, pejabat dan kediaman di atas tanah milik PNSB seluas 3.475 ekar di Precint 2.9, Seksyen 14, Bandar Shah Alam yang melibatkan keuntungan bernilai *inkind* iaitu ruang pejabat berkeluasan 60,000 kaki persegi yang dianggarkan bernilai RM19,500,000.00. Status terkini adalah Perjanjian telah ditamatkan pada 22 November 2009. PNSB tidak mendapat apa-apa pulangan selaras dengan penamatan perjanjian usaha sama tersebut.
- ii) Cadangan pembangunan di atas tanah milik PNSB seluas 96.19 ekar di Taman Botani, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling yang melibatkan jumlah pulangan RM31,000,000.00. Status terkini adalah perjanjian telah ditamatkan pada 12 Februari 2009, selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri (MMKN Ke 18/2008 bertarikh 9 Julai 2008), yang mengekalkan kawasan tersebut sebagai Taman Botani. PNSB tidak mendapat apa-apa pulangan selaras dengan penamatan perjanjian usaha sama tersebut.

5. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

Jumlah keuntungan yang diterima setakat 31 Disember 2009 adalah sebanyak RM25,122,840 dari jumlah pulangan keseluruhan sebanyak RM139,501,569.00.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Nilai tanah pada tahun 1998 adalah RM145,000.00 seekar@43,560 kaki persegi adalah RM3.30 sekaki persegi.
2. Nilai tanah pembangunan pada tahun 2002 melalui Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah RM20.00 sekaki persegi. Keseluruhan harga tanah pembangunan adalah RM237,837,600.00.
3. Bagi nilai pertanian pada tahun 2002 melalui Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah RM12.00 sekaki persegi. Keseluruhan harga tanah pertanian adalah RM142,702,560.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BILLBOARDS

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kriteria-kriteria atau garis-panduan yang dikenakan kepada billboards yang dipasang di seluruh Negeri Selangor?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri Selangor terhadap billboards yang masih memaparkan wajah-wajah warga asing yang kadang-kadang membawa imej dan budaya yang bukan melambangkan malah mencemarkan budaya kita?

JAWAPAN :

- a) Dalam mengawal pemasangan papan iklan luar (Billboard) di Negeri Selangor, terdapat 2 garis panduan yang diguna pakai oleh PBT iaitu:
 - i) Garis panduan Papan Iklan Luaran di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. (berkuat kuasa 31 Mac 2009) ; dan
 - ii) Garis Panduan Perancangan (GP021) Papan Iklan Luar dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia (bertarikh 16 Januari 2009).

Garis panduan Papan Iklan Luaran di Pihak Berkuasa Selangor pada 31 Mac 2009 menyatakan kriteria-kriteria bagi mengawal pemasangan struktur papan iklan di semua PBT Selangor merangkumi aspek seperti berikut:

- i) Syarat yang mewajibkan pengusaha yang ingin mendirikan struktur di atas tanah atau rizab Kerajaan Negeri untuk menyewa tanah tersebut daripada PBT dengan kadar sebanyak 25% dari hasil pendapatan paparan iklan yang diperoleh oleh pemilik struktur; dan
- ii) Struktur yang dibina perlu mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan Lesen Iklan daripada PBT berkaitan.

Selain daripada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, PBT juga mengguna pakai Garis Panduan Perancangan (GP021) Papan Iklan Luar dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia yang merangkumi aspek seperti berikut:

- i) Keselamatan Awam;
- ii) Kualiti Persekitaran;
- iii) Keselesaan Awam;
- iv) Kandungan Pengiklanan; dan
- v) Saiz yang dibenarkan berdasarkan kategori.

- b) Berdasarkan Garis Panduan Papan Iklan Luar yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia bertarikh 16 Januari 2009, dinyatakan bahawa paparan wajah warganegara Malaysia diwajibkan dan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 70% atau lebih di dalam papan iklan.

Walau bagaimanapun, pengecualian paparan wajah bukan warganegara Malaysia hanya diberikan kepada iklan-iklan tempatan yang mempromosikan pelancongan Malaysia ke negara asing dan juga kepada syarikat-syarikat kembara/pelancongan negara-negara asing.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengarahkan semua PBT untuk meneliti semua visual papan iklan sedia ada dan permohonan baru agar ianya bertepatan dengan kehendak garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. Sekiranya ia tidak bertepatan, maka pengusaha akan dinasihatkan untuk melakukan perubahan yang sewajarnya. Jika pengusaha ingkar maka lesen sedia ada boleh dibatalkan atau permohonan lesen baru tidak akan dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : DUA TAHUN PAKATAN RAKYAT MEMERINTAH NEGERI SELANGOR

32. Setelah Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor dua tahun banyak perkara yang telah dilakukan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi ekonomi Negeri Selangor dalam masa pemerintahan Pakatan Rakyat?
- b) Apakah kejayaan-kejayaan utama dalam masa dua tahun pemerintahan?
- c) Apakah perancangan utama yang akan dilaksanakan pada tahun-tahun mendatang?

JAWAPAN :

- a) Ekonomi global telah mula menunjukkan tanda-tanda kestabilan pada suku kedua tahun 2009. Ini telah dicerminkan oleh peningkatan pengeluaran industri dan eksport dan telah menghasilkan pertumbuhan KDNK yang lebih baik di beberapa negara maju. Bagi negeri Selangor, jangkaan pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2010 adalah dianggarkan dalam sekitar 2% - 3% berbanding keadaan yang menguncup pada tahun 2009. Kerajaan sangat optimis bahawa pertumbuhan ekonomi negeri Selangor bagi 5 tahun yang akan datang akan meningkat dan kekal positif melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Inisiatif kerajaan bagi menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri termasuklah :-
 - i) Menggalakkan penglibatan pihak swasta bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri;
 - ii) Melaksanakan amalan ketelusan (*transparency*) dalam semua peringkat pentadbiran;
 - iii) Merangka perbelanjaan dengan berkhemah dan tiada pembaziran;
 - iv) Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian agensi dan anak syarikat Kerajaan;
 - v) Meningkatkan jumlah pelaburan pelabur-pelabur sedia ada serta menarik pelaburan baru ke negeri Selangor.

Tumpuan utama akan diberi kepada sektor-sektor perdagangan dan perkhidmatan seperti logistik, kewangan dan ICT. Sektor perkhidmatan ini dianggar akan tumbuh positif dan memberi sumbangan yang lebih tinggi kepada KDNK negeri Selangor. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh kecergasan aktiviti subsektor komunikasi, kewangan, insurans, perdagangan borong dan runcit dan yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan.

- b) Pelbagai usaha dan langkah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan ekonomi dan menjaga kebajikan rakyat Negeri Selangor umumnya. Antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam masa dua tahun pemerintahan adalah seperti berikut:

Merakyatkan ekonomi Selangor (MES)

- i) Pertama, **Program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)** telah mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat negeri Selangor. Sehingga Januari 2010, seramai 15,209 orang anak kelahiran negeri Selangor yang menepati syarat telah diluluskan untuk program Tabung Warisan Anak Selangor. Jumlah yang diperuntukkan untuk program TAWAS dari tahun 2008 ke tahun 2009 ialah sebanyak RM13.5 juta. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan pendidikan awal kanak-kanak kerana kanak-kanak merupakan tonggak pembangunan modal insan bagi negeri Selangor, lebih-lebih lagi yang dijayakan program TAWAS.
- ii) Kedua, **Program Bekalan Air Percuma** membolehkan rakyat negeri Selangor yang mempunyai meter individu menikmati bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu. Kerajaan Negeri berusaha meneruskan program air percuma ini kerana ia ternyata membantu mengurangkan beban kewangan rakyat dalam perbelanjaan utiliti yang semakin meningkat. Dalam hal ini, sebanyak RM200 juta sudah dibelanjakan untuk dinikmati oleh rakyat Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan setiap keuntungan yang diperoleh daripada hasil penyusunan semula industri air akan digunakan untuk kepentingan rakyat.
- iii) Ketiga, melalui **Program Hadiah Anak Masuk Universiti** Kerajaan Negeri memberikan wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi. Sehingga Disember 2009, seramai 9,581 pelajar telah menerima hadiah RM1,000 setiap seorang bagi menampung keperluan kewangan semasa mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM8.5 juta untuk program ini pada tahun 2009 dan RM7.7 juta bagi tahun 2010.
- iv) Keempat, **Skim Mesra Usia Emas (SMUE)** dilancarkan bagi membantu mengurangkan beban kewangan waris warga emas di negeri Selangor untuk memastikan agar setiap warga emas dan orang kurang upaya (OKU) diberi penghargaan dan penghormatan yang sewajarnya. Sehingga Januari 2010, seramai 9,131 orang waris menerima faedah daripada skim tersebut. Di samping itu, seramai 114,699 orang telah mendaftarkan diri dalam skim ini termasuk Wilayah Persekutuan dan 104,819 orang di Selangor, iaitu lebih kurang 44 peratus daripada sasaran iaitu 236,000 orang warga emas di kerajaan negeri Selangor.
- v) Kelima, bagi pelaksanaan program MES seterusnya, Kerajaan Negeri telah menubuhkan syarikat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) bagi melaksanakan **Program Meningkatkan Hasil Batuan dan Mineral**. Sehingga Disember 2009, hasil daripada penjualan pasir yang telah diterima dan dikumpulkan adalah

berjumlah RM35juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM7.2juta.

- vi) Keenam, **Program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)** di mana sebanyak 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti telah diwujudkan iaitu di Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang. Sehingga kini sebanyak 37 buah DUN, iaitu 64.28% telah melaksanakan program seminar OSCC di DUN masing-masing. Purata kehadiran peserta sekitar 88.47% di setiap DUN. Melalui maklum balas awal yang diterima, lebih 90% daripada para peserta sama ada tidak pernah mendengar atau mengetahui tentang kewujudan OSCC serta peranan dan khidmat yang boleh didapati walaupun ia telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 1996. Seminar OSCC tersebut telah memberi kesedaran dalam mendidik masyarakat tentang keganasan rumah tangga dan memberikan maklumat undang-undang yang berkaitan secara umum.
 - vii) Ketujuh, **Program Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang** diwujudkan dengan bertujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang untuk menyambung pelajaran dalam kursus kemahiran teknikal di INPENS. Sehingga Disember 2009, seramai 154 orang anak pekerja ladang telah melanjutkan pelajaran di INPENS dengan bantuan skim tabung ini. Peruntukan sebanyak RM 2 juta telah disalurkan dalam program ini pada tahun 2010 sepertimana yang telah diperuntukkan pada tahun 2009.
- c) Dalam memastikan ekonomi negeri terus kukuh menjelang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan dalam masa yang sama mampu beriringan dengan Kerajaan Persekutuan yang telah mengumumkan Model Ekonomi Baru (MEB) baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah terlebih dahulu mengorak langkah yang lebih proaktif dengan melancarkan model pembangunan yang lebih komprehensif dan menetapkan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 bagi menjadikan "Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan".

Berasaskan hala tuju tersebut, Kerajaan menetapkan pelbagai usaha-usaha pembangunan dilaksanakan secara holistik dengan melibatkan pembangunan modal insan yang sentiasa tunduk kepada Penciptanya, pembangunan infrastruktur, ekonomi, urus tadbir yang baik serta tidak melupakan pengurusan alam sekitar. Hala tuju yang holistik ini digariskan melalui 7 teras seperti berikut:-

- i) Menguruskan negeri maju berteraskan nilai murni, nilai sejagat, keunggulan budaya dan tradisi;
- ii) Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan;
- iii) Menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah;
- iv) Menambah baik tadbir urus;
- v) Mengurus pembangunan alam sekitar yang mampan;
- vi) Memacu pembangunan modal insan;
- vii) Menjana sumber pertumbuhan baru

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PETANI / PESAWAH

33. Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa strategi untuk menambah pendapatan pesawah melalui program pelbagai kegiatan ekonomi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun 2010 mengikut jenis program tersebut?
- b) Berapakah jumlah bilangan petani yang disasarkan dalam program pelbagaikan kegiatan ekonomi tersebut mengikut daerah-daerah?

JAWAPAN :

- a) Antara strategi mempelbagaikan pendapatan petani adalah melalui program industri asas tani di mana keluarga pesawah boleh terbabit untuk mendapatkan sumber pendapatan sampingan.
- b) Jumlah petani yang disasarkan dalam program mempelbagaikan ekonomi melalui program industri asas tani mengikut daerah di kawasan barat laut adalah seperti berikut:

Kuala Selangor -RM120,500.00

Merangkumi projek pemprosesan makanan ringan dan segera, makanan dan kuih tradisional, bakeri dan pemprosesan herba, Bilangan petani terlibat adalah 10 orang.

Sabak Bernam- RM100,000.00

Merangkumi projek makanan ringan, makanan dan kuih tradisional. Bilangan petani terlibat adalah 7 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN

34. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pewujudan zon-zon IKS di setiap daerah dan prestasi perkembangannya?
- b) Berapa banyakan premis perniagaan yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan Selangor?

JAWAPAN :

- a) Tiada pewujudan zon – zon IKS bagi setiap daerah.
- b) Premis – premis perniagaan yang telah diwujudkan untuk membantu usahawan Selangor adalah di bawah kedai – kedai Pembangunan Luar Bandar (PLB) seperti berikut;

Bil	Daerah	Jumlah Gerai
1	Klang	150
2	Petaling	Tiada Maklumat
3	Kuala Langat	150
4	Hulu Langat	129
5	Sabak Bernam	207
6	Kuala Selangor	116
7	Gombak	191
8	Hulu Selangor	197
9	Sepang	54
JUMLAH		1194

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERUNTUKAN TAHUNAN

35. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan kewangan tahunan kepada SJKC, SJKT dan SAR.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak peruntukan telah diluluskan kepada SJKC, SJKT dan SAR di kawasan DUN Sg. Pelek mengikut pecahan sekolah semenjak tahun 2008 sehingga sekarang ?

JAWAPAN :

- a) Pelaksanaan dilakukan adalah bermula pada tahun 2009. Tiada peruntukan khas dibuat mengikut DUN-DUN tertentu. Namun penilaian permohonan sekolah-sekolah di Negeri Selangor adalah dibuat secara menyeluruh.

Berikut adalah jumlah keseluruhan dan jumlah agihan bantuan pendidikan sekolah-sekolah mengikut jenis

BIL	JENIS SEKOLAH	JUMLAH	JUMLAH AGIHAN
1	Sekolah Agama Rakyat	146	RM 5,425,972.00
2	Sekolah Jenis Kebangsaan	83	RM 6,000,000.00
3	Sekolah Jenis Kebangsaan	97	RM 3,957,726.00
Jumlah Keseluruhan Agihan : RM 15, 383,698.00			

Jumlah keseluruhan sekolah yang menerima sumbangan : 326 buah sekolah

Jumlah keseluruhan agihan : RM 15,383,698.00

Peratus Agihan adalah sebanyak : 96.14% dari jumlah peruntukkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : RAMPASAN TANAH

36. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah status terkini perampasan tanah hak milik yang digunakan sebagai tempat pelupusan sampah ? Nyatakan jumlah mengikut daerah?
 - b) Apakah cerita sebenar berkenaan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan huraikan sejarahnya?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini tindakan perampasan tanah yang disalahgunakan oleh pemilik tanah sebagai tempat pelupusan sampah hanya melibatkan daerah Gombak sahaja. Bagi daerah tersebut sejumlah 5 lot tanah terlibat di mana 4 lot tanah diwartakan Notis 8A Kanun Tanah Negara iaitu notis mengesahkan pengambilan tanah kepada Kerajaan, manakala 1 lot lagi sedang dalam proses untuk penyiaran warta Notis 8A tersebut melalui Percetakan Nasional.
- b) Pada 24 Oktober 1994, Pejabat Tanah Hulu Selangor telah menerima permohonan pemberimilikan tanah seluas **875.227 ekar** di Mukim Serendah yang dikemukakan oleh YBK bagi tujuan pembangunan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) kali ke 9/95 melalui kertas MMKN No. 60/9/95 yang diadakan pada 8hb Mac 1995 telah meluluskan permohonan tersebut bagi tujuan pelbagai tujuan.

Keputusan MMKN ke 34/95 telah meluluskan kadar premium bagi permohonan tanah YBK dikenakan nominal kepada **RM 1,000 per lot** dari **RM 10,000 per ekar**.

Jumlah keseluruhan tunggakan Cukai Tanah yang perlu bayar bagi hakmilik YBK sehingga tahun 2010 adalah berjumlah **RM 6,916,623.10**. PYBK (anak syarikat milik YBK) telah membayar Cukai Tanah sejak tahun 1996 hingga September 2008 dengan jumlah RM 1,133,360.20 dan jumlah tunggakan Cukai Tanah sehingga November 2008 ialah RM 6,389,357.05

Bagi 9 hakmilik yang bertunggakan cukai tinggi, jumlah keseluruhan tunggakan cukai tanah yang perlu dibayar sehingga tahun 2010 adalah sebanyak **RM 6,180,614.10**. Notis 6A telah dikeluarkan bagi 9 hakmilik tersebut.

Berikut adalah butir-butir berkenaan hakmilik yang telah dikeluarkan **Notis 6A** :

BIL	NOMBOR HAKMILIK	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TARIKH NOTIS DITERIMA OLEH YBK	TARIKH NOTIS DITERIMA OLEH PEMEGANG KAVEAT/ GADAIAN	TARIKH TAMAT NOTIS
1.	0909090044553001103	27/10/2009	29/10/2009	-	29/01/2010
2.	0909090015737001102	27/10/2009	29/10/2009	-	29/01/2010
3.	0909090044549001103	27/10/2009	29/10/2009	-	29/01/2010
4.	0909090044548001102	27/10/2009	29/10/2009	-	29/01/2010
5.	0909090044551001101	26/10/2009	14/12/2009	09/11/2009	14/03/2010
6.	0909090015237001102	26/10/2009	14/12/2009	25/11/2009	14/03/2010
7.	0909090014814001103	26/10/2009	14/12/2009	21/01/2010	21/04/2010
8.	0909090015235001100	26/10/2009	14/12/2009	21/01/2010	21/04/2010
9.	0909090014826001103	26/10/2009	14/12/2009	21/01/2010	21/04/2010

Pada 29/01/2010, pihak YBK telah membayar dengan menggunakan bank draf bagi hakmilik di (bil 7) sebanyak **RM 102,820.70** iaitu tunggakan cukai tanah sehingga tahun 2009 dan bayaran Notis 6A mengikut amaun di Notis 6A yang telah dikeluarkan .

Manakala bagi hakmilik di (bil 8) pihak YBK telah membayar dengan menggunakan bank draf pada hari yang sama sebanyak **RM 80,494.10** iaitu tunggakan cukai tanah sehingga tahun 2009 dan bayaran Notis 6A mengikut amaun di Notis 6A yang telah dikeluarkan.

Pada 01/02/2010, pihak Yayasan Melaka bagi pihak Permodalan YBK Sdn Bhd telah membayar dengan menggunakan bank draf yang berjumlah **RM 5,000,000.00** dan **RM 439,463.80** untuk hakmilik di (bil 1,2,3,4,5 dan 6). Bank draft tersebut telah dikreditkan ke akaun CIMB Bendahari Negeri Selangor. Manakala bagi hakmilik di (bil 9) pihak YBK belum membayar tunggakan cukai tanahnya.

Pada 02/02/2010 **Notis 8A** telah dikeluarkan bagi hakmilik di (bil 1,2,3 dan 4) yang tamat tempoh Notis 6A pada 29/01/2010 yang mana pembayaran telah dilakukan pada 01/02/2010. Pada 03/02/2010 juga, surat telah disediakan kepada Permodalan YBK Sdn Bhd dan salinan kepada YB Dato Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Perkara surat tersebut adalah bagi memaklumkan bahawa lanjutan daripada keputusan MMKN Selangor Bil5/2010 yang bersidang pada 03/02/2010, telah memutuskan agar Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor mengembalikan dengan segera segala bayaran berkaitan percukaian tanah yang diterima dari atau bagi pihak YBK.

Pada 07/04/2010 bagi hakmilik di (bil 5 dan 6) yang telah tamat tempoh Notis 6A, telah dikeluarkan **Notis 8A** dan borang permohonan kepada PNB telah disediakan pada 08/04/2010 untuk proses warta Notis 8A tersebut. Bagi hakmilik bernombor 7,8 & 9 tarikh tamat Notis 6A ialah 21hb April 2010 dan Notis 8A (Perampasan Tanah) hanya boleh dikeluarkan selepas tarikh tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU CINA

37. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Setelah Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan negeri Selangor, berapakah jumlah peruntukan yang digunakan untuk pembangunan kampung baru Cina? Sila nyatakan dalam bentuk pecahan.
- b) Apakah masalah pembangunan yang dihadapi oleh kampung baru Cina ini?
- c) Apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi pembangunan kampung baru cina mengikut pecahan adalah seperti berikut :
 - i) Tahun 2009 : RM 3,337,983.79

BIL	PTD / PBT	BIL PROJEK
1	Petaling	7
2	Klang	4
3	Gombak	7
4	Sepang	3
5	Kuala Selangor	16
6	Kuala Langat	2
7	Hulu Langat	14
8	Hulu Selangor	10
9	Sabak Bernam	16
10	MPKJ	1
11	MPSJ	2
JUMLAH KESELURUHAN		82

ii) Tahun 2010 : RM 1,894,075.00

BIL	PTD / PBT	BIL PROJEK
1	Petaling	1
2	Klang	3
3	Gombak	6
4	Sepang	0
5	Kuala Selangor	5
6	Kuala Langat	1
7	Hulu Langat	1
8	Hulu Selangor	7
9	Sabak Bernam	1
10	MDKL	1
JUMLAH KESELURUHAN		26

- Bilangan projek tahun 2010 setakat April 2010.

- b) Antara masalah yang dihadapi berkaitan dengan pembangunan Kampung Baru adalah dari segi kemudahan infrastruktur seperti longkang, jalan dan lampu jalan yang tidak sempurna. Selain itu, terdapat juga masalah dari segi kemudahan awam yang melibatkan balai raya, perpustakaan, taman permainan dan sebagainya yang perlu diselenggara dan dinaiktaraf.
- c) Kerajaan Negeri akan mengguna pakai kesemua peruntukan yang disalurkan bagi tujuan seperti menaiktaraf, menyelenggara dan membaik pulih infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan kampung baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PUSAT KOMUNITI WANITA

38. Antara program pemberdayaan wanita yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah mewujudkan Pusat Komuniti Wanita.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan sasaran yang hendak dicapai oleh kerajaan dalam melaksanakan program ini?
- b) Berapa banyakkah terdapat pusat-pusat seperti ini di seluruh Negeri Selangor?
- c) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan dalam mewujudkan pusat-pusat ini?

JAWAPAN :

- a) Dalam merealisasikan pemberdayaan wanita Selangor, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita telah merancang mewujudkan Pusat Komuniti Wanita (PKW) di setiap DUN. PKW DUN ini ditubuhkan sebagai satu platform untuk meningkatkan jati diri, ilmu kemahiran, hak dan tanggungjawab serta memberikan pendidikan dari setiap segi. Pusat Komuniti Wanita DUN ini juga disasarkan menjadi satu wadah untuk mencambahkan segala idea-idea dan memperkembangkan setiap ruang yang ada untuk dikongsikan sesama wanita di DUN tersebut. PKW DUN ini juga boleh menjadi satu simbol dan lambang keberdayaan wanita yang berwawasan, dinamik dan mempunyai jati diri yang tinggi. Aktiviti yang dilakukan di PKW DUN ini meliputi segenap aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tidak terbatas, di mana ia juga boleh menjadi sumber penjana kewangan kepada golongan sasaran yang terlibat.
- b) Sehingga Disember 2009, Kerajaan Negeri telah berjaya mewujudkan sebanyak sepuluh (10) Pusat Komuniti Wanita. Berikut adalah pusat komuniti wanita yang berjaya diwujudkan :-
 - i) Pusat Komuniti Wanita DUN Ijok
 - ii) Pusat Komuniti Wanita DUN Jeram
 - iii) Pusat Komuniti Wanita DUN Hulu Kelang
 - iv) Pusat Komuniti Wanita DUN Kota Damansara
 - v) Pusat Komuniti Wanita DUN Sijangkang
 - vi) Pusat Komuniti Wanita DUN Batu Tiga
 - vii) Pusat Komuniti Wanita DUN Morib
 - viii) Pusat Komuniti Wanita DUN Taman Medan
 - ix) Pusat Komuniti Wanita DUN Selat Kelang
 - x) Pusat Komuniti Wanita DUN Lembah Jaya

- c) Dalam memastikan Pusat Komuniti Wanita ini berjaya, Kerajaan negeri telah membekalkan peralatan yang merangkumi aktiviti jahitan dan masakan. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 15,000.00 kepada setiap PKW yang lulus permohonannya. Berikut adalah senarai barangan yang dibekalkan kepada PKW yang layak:-

1) PERALATAN JAHITAN

BIL.	PERKARA	KUANTITI
1	Mesin Jahit Lurus Industri	2
2	Mesin Jahit Tepi Industri	1
3	Mesin Jahit Sulam	1
4	Mesin Jahit Serbaguna (Multipurpose)	1
5	Meja Potong Kain	1
6	Kit Jahitan	10

2) PERALATAN MASAKAN*

BIL	PERKARA	PERINCIAN
1.	Chiller	1 pintu
2.	Mixer	20 L @ 5 Kg
3.	Oven Gas	1 Deck, 2 Tray
4.	Working Table Stainless Steel	6' x 2 ½'
5.	Mesin Mee	1 unit
6.	Rack	Tray (Modular)
7.	Freezer	220 L

Seterusnya bagi menjayakan program ini, setiap PKW perlu melantik Penyelia Pusat Komuniti agar program dan aktiviti dapat diselaraskan dan dijalankan dengan baik. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah membelanjakan RM 50,000.00 dengan memberikan kursus Asas Penyeliaan kepada mereka supaya dapat meningkatkan martabat wanita dalam merancang dan membuat keputusan dengan lebih efektif dan tersusun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA BAWAH JAIS

39. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan sekolah-sekolah yang mendapat bantuan atau pembiayaan kewangan serta jumlah yang diterima daripada Jabatan Agama Islam Selangor.
- b) Nyatakan projek-projek sekolah di bawah JAIS yang telah diluluskan pada tahun 2006-2010 dan maklumat terperinci berkaitan peruntukan, tarikh mula-siap projek dan kontraktor yang dilantik menjalankan projek-projek tersebut.

JAWAPAN :

a)

Bil	Kategori	Bil. Sekolah	Jenis Bantuan	Jumlah Kewangan	Catatan
1	Maahad Integrasi Tahfidz Sains & Teknologi	02	Bekalan Bahan Bermasak Asrama untuk 420 orang pelajar Dari Januari hingga Dis 2009.	RM 1.8 juta	
		01	Membina bangunan tambahan 06 bilik darjah di Maahad Integrasi Tahfidz Sains & Teknologi Istana Bandar Jugra, Kuala Langat.	RM 424,000.00	
		02	Melaksanakan kerja-kerja baikpulih bangunan di 02 buah Maahad Integrasi Tahfidz Sains & Teknologi.(Klang dan Kuala Langat)	RM 390,000.00	
2	Sekolah Agama Menengah (SAM / SAMT)	11	Baikpulih bangunan		
			- SAMT. Hisamuddin, Kg. Jawa	RM 300,000.00	
			- SAM. Hisamuddin, Sg. Bertih	RM 40,000.00	
			- SAMT. SSAAS, Batu 38	RM 25,000.00	
			- SAM. Bagan Terap	RM 18,000.00	

			- SAM. TAJ Sungai Besar	RM 20,000.00	
			- SAMT.TAR Sungai Manggis	RM 40,000.00	
			- SAM. Unwanus Saadah	RM 200,000.00	
			- SAM. Bandar Baru Salak Tinggi	RM 20,000.00	
			- SAM. Hulu Langat Batu 10	RM 75,000.00	
			- SAM.TAJ Shah Alam	RM 150,000.00	
			- SAMT. Kuala Kubu Bahru	RM 40,000.00	
			JUMLAH	RM 928,000.00	
3	Sekolah Rendah Agama (SRA)	202	Elaun kerja-kerja Pembersih kawasan untuk seorang pekerja setiap buah sekolah. (RM 100 sebulan x 12 bulan)	RM 242,400.00	
		39	Baikpulih Bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA)	RM 2.45 juta	
4	Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)	11	Kerja-Kerja Membersih kawasan & Mencuci bangunan	RM 460,000.00	
		11	Pengawal keselamatan 24 jam untuk semua SRAI	RM 337,260.00	
		04	Bantuan baikpulih bangunan (Sg. Manggis , Keramat , Bandar Baru Bangi dan Seksyen 19 Shah Alam)	RM 175,000.00	
		02	Perabot 1. SRAI SG.Manggis 2. SRAI. Sg. Cincin	RM 430,000.00	
5	PRA Sekolah JAIS	12	Elaun pembersih kawasan (RM 100 sebulan x 12 bulan)	RM 14,400.00	
		03	Baikpulih bangunan		
			- Daerah Sepang	RM 20,000.00	
			- Daerah Klang	RM 12,000.00	

			- Daerah Sabak Bernam	RM 20,000.00	
			JUMLAH	RM 52,000.00	
6	Pembiayaan Kewangan yang lain		Utiliti (Elektrik & Air) - MITS : 02 buah - SRA : 202 buah - SRAI : 11 buah - Pra Sekolah : 12 buah	RM 2,131,480.00	
			Gaji - Bantuan dan pembiayaan kewangan yang lain termasuk pembayaran gaji bagi penjawat tetap, kontrak, sandaran.	RM 47,518,951.23	
			Elaun Guru KAFA N. Selangor - Bantuan dan pembiayaan kewangan yang lain termasuk elaun guru KAFA.	RM 56 juta	

b) Seperti Lampiran A

VOT : P.14 JAIS

**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK 9
SEHINGGA 31 MAC 2010**

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

b)

**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK 9
SEHINGGA 31 MAC 2010**

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	DAERAH / PARLIMEN / DUN	CATATAN JADUAL / SEBENAR
	01000	SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA		
1	01110	SRA Sek. 16, Shah Alam Kont.: Excel Top Team Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM4,550,000.00	Petaling	Siap TMT : 16/04/07 TSA : 15/09/08 TSS : 29/03/09
2	01115	SRAI Sek. 7, Shah Alam Kont.: APBS Trading & Construction H. Kontrak: RM6,100,000.00	Petaling	Siap TMT : 13/08/07 TSA : 12/12/08 TLM 1 : 12/03/09 TLM 2 : 30/04/09 TSS : 30/04/09
3	01123	SRA Batu 13 Puchong (Tambahan Bilik Darjah) Kont.: Mestika Indah Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM2,700,000.00	Petaling	Siap TMT : 01/04/08 TSA : 31/01/09 TLM 1 : 11/04/09 TLM 2 : 17/10/09 TSS : 29/12/09
4	01201	SRA Selayang Baru Kont.: Cytech Resources Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM1,436,000.00	Gombak	Siap TMT : 29/05/07 TSA : 24/03/08 TLM 1 : 22/06/08 TLM 2 : 20/09/08
5	01205	SRAI Sg. Chinchin (Blok Tambahan) Kont.: Cytech Resources Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM1,436,000.00	Gombak	Siap TMT : 30/04/07 TSA : 27/04/08 TLM 1 : 22/04/09 TLM 2 : 23/12/09 TLM 3 : 22/04/09 TSS : 30/12/09
6	01305	SRA Bukit Kapar Timur Kont.: Ikram Teguh Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM3,619,840.61	Klang	Siap TMT : 12/04/07 TSA : 12/09/08
7	01301	SRA Kg. Perepat Kapar Kont.: TB Roadwork Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM5,470,000.00	Klang	Siap TMT : 09/08/07 TSA : 06/08/08 TLM 1 : 30/10/09 TSS : 11/10/08

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	DAERAH / PARLIMEN / DUN	CATATAN JADUAL / SEBENAR
8	01402	SRA Kg. Sg. Lang Tengah Kont.: Gorass (M) Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM2,200,000.00	K. Langat	Siap TMT : 17/07/07 TSA : 14/07/08 TLM 1 : 12/09/08 TSS : 12/09/08
9	01406	SRA Seri Cheeding Kont.: Sarbani Asas Bina Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM4,433,900.00	K. Langat	Siap TMT : 12/07/07 TSA : 11/06/08 TLM 1 : 09/09/08 TSS : 09/09/08
10	01407	SRA Seri Jugra Morib Kont.: Puspacon H. Kontrak: RM6,200,000.00	K. Langat	Siap TMT : 18/03/08 TSA : 11/05/09 TLM 1 : 20/05/09 TSS : 20/05/09
11	01410	SRA Sg. Manggis Kont.: Syarikat Fuad Construction H. Kontrak: RM4,500,000.00	K. Langat	Siap TMT : 13/03/08 TSA : 11/03/09 TLM 1 : 09/08/09 TSS : 09/08/09
12	01411	SRA Kanchong Tengah Kont.: Sutera Niaga Resources H. Kontrak: RM6,850,000.00	K. Langat	Siap TMT : 18/03/08 TSA : 03/08/09 TLM 1 : 01/11/09 TSS : 04/11/09
13	01515	SRA Bandar Seri Putra, Bangi Kont.: Compact Vision Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM5,574,358.00	H. Langat	Siap TMT : 15/08/07 TSA : 15/08/08 TLM 1 : 14/10/08 TLM 2 : 13/12/08 TLM 3 : 11/02/09 TLM 4 : 12/04/09 TSS : 12/04/09
14	01516	SRA Bandar Rinching Kont.: Gafis (M) Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM6,075,000.00	H. Langat	Siap TMT : 28/02/08 TSA : 25/03/09 TLM 1 : 23/06/09 TSS : 07/07/09

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	DAERAH / PARLIMEN / DUN	CATATAN JADUAL / SEBENAR
15	01517	SRA Dusun Nanding Kont.: Purnama Jitu Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM7,650,000.00	H. Langat	Siap TMT : 18/03/08 TSA : 14/09/09 TLM 1 : 13/12/09 TSS : 15/12/09
16	01519	SRA Jalan 'F' Kg. Pandan Kont.: Prinsip Mutiara (M) Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM2,650,000.00	H. Langat	Siap TMT : 18/02/08 TSA : 16/03/09 TLM 1 : 14/06/09 TSS : 07/07/09
17	01520	SRAI Sek. 3 Bdr. Baru Bangi Kont.: Puncak Urus Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM3,500,000.00	H. Langat	Siap TMT : 02/03/08 TSA : 26/03/09 TLM 1 : 24/06/09 TSS : 07/07/09
18	01704	SRA Sungai Tenggi Kanan Shukur Baharum Sdn. Bhd. Kont.: H. Kontrak: RM4,500,000.00	K. Selangor	Siap TMT : 11/04/07 TSA : 10/10/08 TLM 1 : 18/01/09 TSS : 18/01/09
19	01807	SRA Bandar Utama Batangkali Kont.: Cosmic Existence Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM3,177,000.00	H. Selangor	Siap TMT : 16/04/07 TSA : 02/09/08 TSS : 02/09/08
20	01808	SRA Taman Bunga Raya Kont.: Shandos Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM3,250,000.00	H. Selangor	Siap TMT : 03/04/07 TSA : 18/08/08 TSS : 18/08/08
21	01907	SRA Bagan Nira Kont.: Bakti Beradik Enterprise H. Kontrak: RM1,700,000.00	Sabak Bernam	Siap TMT : 01/09/06 TSA : 27/04/07 TSS : 31/07/07

RINGKASAN

BM	Belum Mula / Token
DP	Dalam Perancangan
LJ	Lewat Jadual
IJ	Ikut Jadual
DJ	Dahulu Jadual
SS	Sudah Siap
TMT	Tarikh Milik Tapak
TSA	Tarikh Siap Asal
TLM	Tarikh Lanjutan Masa
TSS	Tarikh Siap Sebenar

**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK 9
SEHINGGA 31 MAC 2010**

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	DAERAH / PARLIMEN / DUN	CATATAN JADUAL / SEBENAR
	01000	SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA		
1	01109	SRA Kg. Medan Kont.: FNA Builders & Services Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM5,619,220.00	Petaling	89.4% / 79.6% TMT : 03/03/09 TSA : 31/05/10
2	01117	SRA & Masjid Subang Mewah Kont.: Prinsip Restu Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM9,977,000.00	Petaling	90.1% / 90.6% TMT : 22/10/07 TSA : 21/03/10
3	01121	SRA Bukit Jelutong, Shah Alam Kont.: Jurumula Corporation Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM6,662,220.00	Petaling	88.9% / 52.5% TMT : 11/03/09 TSA : 09/03/10
4	01124	SRA Bukit Bandar Puchong Kont.: Trisaga Construction Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM6,250,000.00	Petaling	83% / 76% TMT : 18/03/08 TSA : 03/08/09 TLM 1 : 01/11/09 TLM 2 : 30/01/10
5	01209	SRA Taman Tun Teja Kont.: Pertubuhan Peladang H. Kontrak: RM5,800,000.00	Gombak	100% / 95% TMT : 18/03/07 TSA : 17/09/09 TLM 1 : 16/12/09 TLM 2 : 14/02/10
6	01306	SRA Pulau Indah Kont.: Puncak Urus Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM5,690,530.00	Klang	52.1% / 43.1% TMT : 04/05/09 TSA : 28/06/10
7	01606	SRA Putra Perdana Kont.: Syarikat Vet-Pine (M) Sdn. Bhd. H. Kontrak: RM5,800,000.00	Sepang	91.2% / 71.4% TMT : 18/03/08 TSA : 03/08/09 TLM 1 : 01/11/09 TLM 2 : 30/01/10

BM	Belum Mula / Token
DP	Dalam Perancangan
LJ	Lewat Jadual
IJ	Ikut Jadual
DJ	Dahulu Jadual
SS	Sudah Siap

TMT	Tarikh Milik Tapak
TSA	Tarikh Siap Asal
TLM	Tarikh Lanjutan Masa
TSS	Tarikh Siap Sebenar

**SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK 9
SEHINGGA 31 MAC 2010**

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	DAERAH / PARLIMEN / DUN	CATATAN JADUAL / SEBENAR
	01000	SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA		
1	01113	SRA Bukit Cherakah Kos Siling : RM3,000,000.00	Petaling	Projek Ditangguhkan ke RMK 10
2	01118	SRA Sek. 24, Shah Alam Kos Siling : RM5,000,000.00	Petaling	Tender Pada 15/12/09
3	01119	SRA Kg. Baiduri Kos Siling : RM6,000,000.00	Petaling	Tender Pada 15/12/09
4	01125	SRA Bandar Kinrara 5 Kos Siling : RM5,000,000.00	Petaling	Tender Pada 10/12/09
5	01126	Maahad Integrasi Tahfidz Sains & Teknologi, Alam Impian Kos Siling : RM20,000,000.00	Petaling	Projek Baru 2010
6	01207	SRA Bandar Tasek Puteri, Rawang (Bgn. Tambahan) Kos Siling : RM4,000,000.00	Gombak	Projek Baru 2010 (Bangunan Tambahan)
7	01210	SRA Hulu Klang Kos Siling : RM6,000,000.00	Gombak	Projek Ditangguhkan ke RMK 10
8	01307	SRA Pekan Meru Kos Siling : RM7,000,000.00	Klang	Projek Baru 2010
9	01308	SRA Bukit Naga Kos Siling : RM4,000,000.00	Klang	Dalam Proses Tender
10	01404	SRA Telok Panglima Garang Kos Siling : RM2,000,000.00	Klang	Projek Ditangguhkan ke RMK 10
11	01412	SRA Saujana Putra Kos Siling : RM6,000,000.00	K. Langat	Projek Ditangguhkan ke RMK 10

BIL	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	DAERAH / PARLIMEN / DUN	CATATAN JADUAL / SEBENAR
12	01503	SRA Lembah Jaya Selatan Kos Siling : RM6,000,000.00	H. Langat	Projek Baru 2010
13	01522	SRA Tmn. Tun Perak, Bdr. Tun Hussein Onn Kos Siling : RM8,000,000.00	H. Langat	Tender Pada 21/12/09
14		SRA Sg. Chua Kos Siling : RM6,000,000.00	H. Langat	Projek Baru 2010 (Tiada Kod Projek)
15	01602	SRA Bdr. Baru Salak Tinggi Kos Siling : RM5,000,000.00	Sepang	Projek Baru 2010
16	01605	SRA Bagan Lalang Kos Siling : RM5,000,000.00	Sepang	Projek Ditangguhkan ke RMK 10
17		SRA Sg. Merab Luar Kos Siling : RM6,000,000.00	Sepang	Projek Baru 2010 (Tiada Kod Projek)
18	01708	SRA Puncak Alam Kos Siling : RM7,000,000.00	K. Selangor	Tender Pada 24/11/09
19	01713	SRA Saujana Utama Kos Siling : RM7,000,000.00	K. Selangor	Tender Pada 25/11/09
20	01805	SRA Bukit Sentosa Kos Siling : RM3,000,000.00	H. Selangor	Tender Pada 21/12/09
21	01910	SRA Taman Harmoni Pekan Sekinchan Kos Siling : RM6,000,000.00	S. Bernam	Projek Ditangguhkan ke RMK 10
22	01911	SRA Pekan Selasa, Sg. Hj. Dorani Kos Siling : RM6,000,000.00	S. Bernam	Projek Ditangguhkan ke RMK 10

BM	Belum Mula / Token
DP	Dalam Perancangan
LJ	Lewat Jadual
IJ	Ikut Jadual
DJ	Dahulu Jadual
SS	Sudah Siap
TMT	Tarikh Milik Tapak
TSA	Tarikh Siap Asal
TLM	Tarikh Lanjutan Masa
TSS	Tarikh Siap Sebenar

c) **SENARAI KERJA-KERJA BAIKPULIH SEKOLAH RENDAH AGAMA**

YANG TELAH DIKELUARKAN PADA TAHUN 2009

DILANTIK OLEH JAIS

BIL.	NAMA SRA	KOS BAIKPULIH (RM)
1	SRA HULU BERNAM H SELANGOR	19,980.00
2	SAM BAGAN TERAP S BERNAM	16,375.00
3	SRA SG KELAMBU K LGT	7,840.00
4	SRA SG BUAYA K LANGAT	5,474.00
5	SRA KG KUANTAN K SELANGOR	19,500.00
6	SAM HISAMUDDIN KOTA RAJA KLANG	19,500.00
7	SRA HULU BERNAM H SELANGOR	19,961.60
8	SRA BKT CHANGGANG K LANGAT	19,238.60
9	SRAI SG MANGGIS K LANGAT	19,993.30
10	SRAI SEK. 19 S ALAM	30,000.00
11	SRA EHYAHUL FALAH SG BESAR	18,841.00
12	SRA JERAM BT 20 K SELANGOR	19,771.20
13	SRA JALAN KEBUN KLANG	17,440.00
14	SAM BESTARI USJ 5 SUBANG JAYA	46,500.00
15	MITIB JUGRA K LANGAT	147,000.00
16	SAM SG MERAB LUAR SEPANG	3,869.80
17	SAM BESTARI SUBANG JAYA	19,970.00
18	SAMT KUALA KUBU BHARU H SELANGOR	18,305.00
19	MAHAD TAHFIZ JUGRA K LANGAT	150,000.00
20	SAM KUALA KUBU BHARU	19,989.00
21	SRA KG JAWA KLANG	19,980.00
22	SRA SG MERAB LUAR	29,000.00
23	SRA PANDAMARAN JAYA KLANG	17,990.00
24	SRA RANTAU PANJANG KLANG	17,028.00
25	SRA FELDA SG TENGI H SELANGOR	18,045.00
26	SRA PEKAN PASIR PANJANG SEKINCHAN	19,472.00
27	SRA JALAN KEBUN KLANG	19,908.00
28	SRA KG TOK MUDA KAPAR KLANG	19,382.00
29	SAMTTAJ SG BESAR	19,996.00
30	SRA PEKAN BANTING K LANGAT	11,581.00
31	SAMT SG MANGGIS K LANGAT	16,350.00

32	SRA SG RAMAL DALAM H LANGAT	19,992.00
33	SRA SG KANTAN 2 H LANGAT	19,999.20
34	SRA JALAN KEBUN KLANG	4,314.50
35	SRA HISAMUDDIN KG JAWA KLANG	19,892.00
36	SAMT KUALA KUBU BHARU	19,752.00
37	MITIB KLANG	19,950.00
38	SRA SG CHOH HULU SELANGOR	19,801.00
39	SRA PEKAN MERU	17,985.00
40	SRA KUANG GOMBAK	19,912.30
41	SRA SG PELEK SEPANG	9,845.00
42	SRA KUALA KUBU BHARU H SELANGOR	19,987.00
43	SRA MERU KLANG	19,910.00
44	MITIB JUGRA K LANGAT	18,001.80
45	SRA SG KANTAN 1	19,997.30
46	SRA PARIT BARU S BERNAM	19,904.00
47	SRA SG HJ DORANI S BERNAM	19,999.00
48	SRA SG AIR TAWAR S BERNAM	15,732.00
49	SRA SIMPANG 5 S BERNAM	16,672.10
50	SRA IBNU KHALDUN GOMBAK	19,236.55
51	SRA PARIT 6 TIMUR SG BESAR	19,756.80
52	SRAI TMN KERAMAT GOMBAK	18,768.00
53	SRA SELISIK H SELANGOR	19,640.00
54	SRA KUANG GOMBAK	19,997.40
55	SRA GEDANGSA H SELANGOR	19,732.00
56	SRA MERBAU SEMPAK	6,222.40
57	SAM BESTARI USJ 5 SUBANG JAYA	18,042.00
58	SRA SG CHINCHIN GOMBAK	4,650.00
59	SRA TAMAN PERMATA GOMBAK	19,757.50
60	SRA SG TUA BHARU GOMBAK	9,043.40
61	SRA KG DESA PUTRA SEPANG	19,955.00
62	SRA KG GESIR TENGAH H SELANGOR	19,610.00
63	SRA SYED MASYUR KERLING H SELANGOR	18,917.00
64	SRA KALUMPANG H SELANGOR	19,460.00
65	SRA KG MELAYU RASA	19,960.00
66	MISTEK KLANG	19,400.00
67	SRAI BATU 1 S BERNAM	19,063.00
68	SAM MUHAMMADIYAH BT 1 S BERNAM	19,976.00
69	SAM BT 38 S BERNAM	11,045.00

70	SRA KG SOEHARTO H SELANGOR	19,450.00
71	SRA SERENDAH H SELANGOR	19,934.60
72	SAM TG KARANG K SELANGOR	31,000.00
73	SRA MERBAU SEMPAK	19,180.00
74	SRA SG PELEK SEPANG	19,950.00
75	SRA BT 3 BANGI H LANGAT	19,290.00
76	SRA BT 7 JLN KEBUN KLANG	19,720.00
77	SRA PANDAMARAN JAYA KLANG	19,710.00
78	SAMT HISAMUDDIN SG BERTIH KLANG	19,900.00
79	SRA DESA PUTRA SEPANG	18,748.00
80	SRA GINCHING SEPANG	10,653.00
81	SRA SERENDAH H SELANGOR	19,982.80
82	SRA KG MEDAN K LANGAT	19,665.00
83	SRA HULU BERNAM H SELANGOR	19,942.25
84	SRAI SEK. 7 S ALAM	16,378.50
85	SRAI BANDAR BARU BANGI	19,983.30
86	MISTEK KLANG	19,950.00
87	SRA KG JAWA	19,956.00
88	SRA BKT HIJAU K SELANGOR	19,720.00
89	SRA JLN F KG PANDAN H LANGAT	19,960.80
90	SRA LEMBAH JAYA H LANGAT	19,177.50
91	SRA SG RAMAL LUAR H LANGAT	19,997.50
92	SRA HULU YAM BARU H SELANGOR	19,485.00
93	SRA TALIAIR 7 SG LEMAN S BERNAM	19,990.40
94	SAMTTAJ S BERNAM	19,950.00
95	SRA BLOK S SG BURONG TG KARANG	19,485.00
96	SRA MORIB K LANGAT	16,567.60
97	SRA KG MELAYU RASA H SELANGOR	19,950.00
98	SRA JLN F KG PANDAN	6,985.20
	JUMLAH KESELURUHAN	2,066,821.20

DILANTIK OLEH JKR

BIL.	NAMA SRA	KOS BAIKPULIH (RM)
1	SRA TMN KERAMAT GOMBAK	130,000.00
2	SAMTAJJ SEK 11 S ALAM	200,000.00
3	SRA SG KELAMBU K LANGAT	66,000.00
4	SRA TG SEPAT K LANGAT	76,749.00
5	SRA SIJANGKANG K LANGAT	74,185.00
6	SRA SG TERAP	20,000.00
7	SRAI SEK. 19 S ALAM	50,000.00
8	SAM BDR BARU SALAK TINGGI	50,000.00
9	SRA TMN PERMATA	62,500.00
10	SRA PEKAN BANGI H LANGAT	40,000.00
11	SRA OLAK LEMPIT K LANGAT	9,983.95
12	SRA KG MELAYU SUBANG	20,000.00
13	SRAI SEK. 19 S ALAM	20,000.00
14	SRA SEK. 3 S ALAM	20,000.00
15	SRA BT 13 PUCHONG	140,000.00
16	SRA MEDAN HARUN KLANG LAMA	150,000.00
17	SRA KG KAYU ARA	143,145.00
18	SAM BESTARI USJ 5	20,000.00
19	SRA KOTA DAMANSARA	1,987.00
20	SRA PAYA JARAS	119,200.00
	JUMLAH KESELURUHAN	1,393,749.95

KOS BAIKPULIH LANTIKAN JAIS - RM2,066,821.20

KOS BAIKPULIH LANTIKAN JKR - RM1,393,749.95

JUMLAH KOS BAIKPULIH SRA - RM3,460,571.15

TAHUN 2009

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI NEGERI

40. Kerajaan negeri telah melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah terma rujukan seorang penasihat ekonomi negeri dan apakah kemudahan (*entitlement*) yang dinikmati oleh penasihat ekonomi negeri dan berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri?
- b) Apakah Dato' Menteri Besar dan barisan EXCO yang dilantik oleh DYMM Sultan Selangor tidak berupaya mentadbir ekonomi negeri?
- c) Apakah impak segera dan kejayaan yang telah dicapai oleh penasihat ekonomi negeri setakat ini?

JAWAPAN :

- a)
 - i) Menasihatkan Kerajaan Negeri berhubung dengan dasar pembangunan ekonomi negeri khususnya yang berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi, pengagihan kekayaan dan peningkatan kualiti hidup rakyat Selangor sesuai dengan falsafah MES;
 - ii) Menasihatkan Kerajaan negeri mengenai hala tuju, perancangan dan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi negeri supaya pakej ini benar-benar menjadi jentera pertumbuhan yang menjadikan ekonomi negeri Selangor lestari dan mampan;
 - iii) Menasihatkan Kerajaan Negeri berhubung dengan aliran langsung modal asing (FDI) dengan hasrat menjadikan negeri Selangor negeri terulung dalam menarik pelaburan asing yang menjadi penjana utama ekonomi negeri;
 - iv) Menasihatkan kerajaan Negeri berkaitan dengan jenis industri yang perlu dijana supaya negeri Selangor terus menjadi negeri pilihan untuk membangunkan industri berteknologi tinggi berpaksikan ilmu pengetahuan selain daripada memberi perhatian kepada industri perkhidmatan;
 - v) Menasihatkan kerajaan Negeri berhubung dengan cadangan menjadikan Selangor khususnya Shah Alam sebagai hub kewangan dan pelaburan modal yang menepati kehendak syariah (Syariah compliant) bertaraf antarabangsa termasuk pembangunan hub halal serantau;

- vi) Menasihatkan kerajaan Negeri berhubung dengan perkara-perkara besar yang melibatkan hubungan kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan terutama yang berhubung kait dengan pembangunan ekonomi negeri; dan
 - vii) Menasihatkan kerajaan negeri tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi menguruskan kerjasama di antara negeri-negeri bagi memungkinkan wujudnya blok ekonomi yang akan memberi manfaat kepada semua pihak.
- b) Tindakan melantik Penasihat Ekonomi ini adalah bagi memperkasakan ekonomi negeri Selangor. Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan bekas Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri yang menerima pengiktirafan dari Euromoney dan Asiamoney. Beliau juga telah dijemput menasihat pelbagai kerajaan dan syarikat di seluruh dunia dalam bidang pelaburan dan perbankan Islam.

Amalan melantik penasihat ini bukanlah sesuatu yang baru dan dibuat di seluruh dunia, termasuk bagi Kerajaan Persekutuan di Malaysia.

- c) YB Penasihat Ekonomi telah memberikan tumpuan awal kepada bidang-bidang yang dikira mempunyai impak ekonomi dan kebajikan yang besar kepada rakyat dan negeri.

Oleh itu, YB Penasihat Ekonomi telah terbabit secara langsung dengan usaha-usaha untuk mengungkap kekusutan rundingan pengambilalihan konsesi air oleh Kerajaan Negeri dengan pemegang-pemegang konsesi, dengan tujuan memastikan hak rakyat dan Kerajaan Negeri terjamin.

Setakat ini, Kerajaan Negeri telah pun bersedia dengan langkah seterusnya selepas Kerajaan Persekutuan gagal mendapatkan persetujuan pemegang konsesi air di Lembah Klang.

YB Penasihat Ekonomi juga telah mengambil kesempatan dari pelbagai lawatan luar negara atas jemputan badan-badan antarabangsa untuk bertemu dengan pelabur serta wakil institusi kewangan antarabangsa.

Fokus utama beliau adalah untuk mewujudkan minat institusi kewangan antarabangsa kepada potensi Selangor bagi tujuan pelaburan; yang seterusnya akan dapat memastikan kadar pembiayaan yang lebih rendah apabila Kerajaan Negeri perlu membiayai projek besar yang memerlukan suntikan modal yang besar.

YB Penasihat Ekonomi juga mengambil pendekatan membawa beberapa isu kebajikan rakyat untuk dijadikan fokus oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini, YB Penasihat Ekonomi telah bekerja rapat dengan YAB Dato' Menteri Besar untuk mencari pendekatan terbaik mempercepatkan pemulihan projek-projek perumahan terbengkalai di Selangor; yang diwarisi dari Barisan Nasional.

Satu lagi fokus utama YB Penasihat Ekonomi adalah membantu melicinkan perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri dan menghubungkan masalah rakyat secara terus kepada Kerajaan Negeri. Satu contoh penglibatan terus YB Penasihat Ekonomi di dalam aspek ini adalah tumpuan yang diberikan untuk menyelesaikan segera beberapa masalah perumahan rakyat melalui lawatan-lawatan menjejut, contohnya ke Desa Mentari dalam bulan Januari 2010. Sehingga kini, sebahagian masalah-masalah yang dibawa oleh penduduk Desa Mentari telah diselesaikan dan beberapa yang lain sudah pun diambil tindakan.

YB Penasihat Ekonomi juga memainkan peranan utama memacu usaha penambahbaikan Skim Air Percuma untuk memastikan golongan yang paling memerlukan (iaitu penduduk flat kos rendah) juga dapat menikmati rebat air yang diberikan Kerajaan Negeri. Setakat ini, cadangan penambahbaikan telah pun disiapkan oleh Pejabat Penasihat Ekonomi dan dipersetujui secara dasarnya oleh YAB Menteri Besar sementara menunggu untuk dilaksanakan secepat mungkin.

YB Penasihat Ekonomi juga memberi perhatian kepada usaha-usaha memberi nilai kepada tanah-tanah milik Kerajaan Negeri atau agensi Kerajaan Negeri yang sedia ada. Ini termasuklah pembabitan beliau membawa masuk syarikat pertanian besar dunia untuk memastikan hasil pertanian Selangor dapat dipasarkan dengan baik di seluruh dunia dan pada masa yang sama memberi nilai kepada tanah-tanah tersebut. Salah satu syarikat tersebut adalah Dole Inc, sebuah syarikat tersenarai di Bursa Saham New York yang merupakan syarikat pengeluar buah-buahan terbesar di dunia. Usaha yang serupa akan terus diambil oleh Pejabat Penasihat Ekonomi untuk membawa sektor pertanian di negeri Selangor ke tahap yang lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : BANTUAN KESIHATAN

41. Kerajaan negeri telah mengumumkan program bantuan kesihatan untuk rawatan katarak mata, dialisis buah pinggang dan pembedahan kecil.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan program ini dan berapa orangkah telah mendapat bantuan?
- b) Apakah kriteria melayakkan untuk menerima bantuan ini?
- c) Bolehkah kerajaan negeri memberi jaminan tiada "pilih kasih" untuk menerima bantuan ini?

JAWAPAN :

- a) Program bantuan kesihatan bagi rakyat miskin di Negeri Selangor telah bermula pada Jun 2009. Program ini meliputi bantuan-bantuan seperti berikut:
 - i. Bantuan Dialisis Buah Pinggang : RM 2,000
 - ii. Katarak Mata : RM 1200
 - iii. Bantuan Pembedahan Kecil : RM 5,000

Sehingga Disember 2009, seramai 20 orang penerima yang layak untuk menerima bantuan. Senarai penerima tersebut adalah seperti berikut:

Jenis Bantuan	Jumlah Penerima	Jumlah Disalurkan (RM)
Dialisis Buah Pinggang	13	RM 22,300
Katarak Mata	3	RM 1,500
Pembedahan Kecil	4	RM 18,300
Lain-lain (bantuan cermin mata, kerusi roda, alat bantuan pendengaran dan pembelian kaki palsu)	4	RM 7,540
JUMLAH	24	RM 49,640

Selain itu kerajaan negeri juga turut membiayai pembelian sebuah mesin dialisis kepada Haemodialysis Association Klang yang berjumlah sebanyak RM 41,000.

- b) Kriteria bagi permohonan bantuan kesihatan ini adalah seperti berikut:
- i. Pemohon merupakan rakyat Negeri Selangor atau bermastautin di Negeri Selangor lebih daripada 5 tahun.
 - ii. Berpendapatan di bawah RM 1,500 (seisi rumah)
 - iii. Mendapatkan rawatan di hospital kerajaan atau pusat rawatan yang diiktiraf.
- c) Bagi memohon bantuan kesihatan, pemohon perlu mendapat borang program ini di Pejabat DUN, Pejabat Daerah dan kerajaan negeri. Pemohon perlu mengisi borang permohonan tersebut dan mengemukakan borang yang lengkap kepada kerajaan negeri melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN. Ke semua permohonan akan disiasat dan dipertimbangkan. Bagi meluluskan sesuatu permohonan, kerajaan negeri tidak mengamalkan sikap 'pilih kasih' di mana penerima bantuan ini adalah meliputi semua kaum dan bangsa dalam daerah di Negeri Selangor. Selain itu, tiada permohonan ini juga tidak memerlukan sokongan daripada mana-mana parti politik bagi meluluskan permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : BEKALAN AIR

42. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah jangka pendek Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan air di dalam negeri mencukupi bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di musim kemarau begini?

JAWAPAN :

- a) Sebagai langkah jangka pendek bagi mengatasi sekiranya berlaku kekurangan bekalan air, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memantau paras air di empangan dan pengeluaran harian yang dilakukan oleh setiap Loji Rawatan Air. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama pihak SYABAS juga menyediakan kemudahan seperti berikut:-

▪ RO Water (5 liter)	= 27,380 botol
▪ Tangki air	= 42 unit
▪ Tangki statik	- 500 gelen = 137 unit - 600 gelen = 97 unit - 1,000 gelen = 12 unit
▪ Elephant trunk	= 77 unit

Kemudahan-kemudahan seperti ini akan dapat membantu pihak Kerajaan Negeri dalam memastikan bantuan bekalan air disediakan sekiranya berlaku sebarang gangguan ketika kemarau. Selain itu, pemantauan jumlah pengeluaran oleh loji akan dapat membantu pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air terawat sentiasa mencukupi.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga bertindak melalui Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif Untuk Bekalan Air Negeri Selangor yang telah ditubuhkan sejak tahun 2005. Pasukan Petugas ini dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor dan pihak LUAS sebagai urus setia.

Objektif utamanya ialah untuk mengenal pasti kolam, tasik, bekas lombong dan juga sumber air bawah tanah yang sesuai untuk dibangunkan sebagai sumber air alternatif bagi bekalan air dan seterusnya merangka Pelan Tindakan bagi pengurusan sumber air alternatif tersebut. Jumlah luahan yang mampu dihasilkan daripada kesemua telaga di Negeri Selangor ialah 1.7 juta liter sejam bersamaan 20.4 juta liter sehari. Anggaran jumlah isi padu air kolam yang telah dikenal pasti dan boleh digunakan ialah 57.6 juta meter padu.

Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk mewartakan sumber air alternatif dan kawasan tadahan air empangan sebagai zon perlindungan tertakluk dalam Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999.

Manakala pelaksanaan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu, contohnya melalui Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor (2007-2012) yang mana ia melibatkan salah satu polisi utama iaitu 'Memastikan Air Mencukupi'. Terdapat dua (2) strategi yang telah dikenal pasti iaitu menambah baik pengurusan permintaan air seperti :

- i) Mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (*Non-revenue water, NRW*) dalam sistem pengagihan dengan penggantian meter dan paip lama oleh SYABAS dan menggalakkan kitar semula air dalam sektor industri .
- ii) Meningkatkan penggunaan sumber air bumi dengan skim caj dan pelesenan yang dijalankan oleh LUAS. Ini adalah bagi memastikan sumber air di Negeri Selangor ini digunakan secara terkawal dan mampan di samping mengelakkan masalah alam sekitar seperti pemendapan tanah dan penerobosan air masin. Hasil kutipan caj digunakan untuk perlindungan air daripada pencemaran, peningkatan dan pembaikan kualiti air serta pemuliharaan selaras dengan Seksyen 41, Enakmen LUAS 1999.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KAWALAN OPERASI RUMAH URUT DAN JUDI HARAM

43. Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak polis ada mengambil tindakan sitaan dan mengkompaun premis-premis haram tersebut dengan menggunakan Undang-undang kecil yang ada. Masalahnya ialah operasi Judi Haram dan Rumah Urut akan beroperasi semula selepas beberapa ketika . Penyitaan dan kompaun tidak berkesan untuk menghapuskan gejala ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah premis Judi Haram dan Rumah Urut Haram yang ditutup pada tahun 2009 hingga kini oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri yang lebih efektif untuk mengawal kegiatan Judi haram dan Rumah Urut?

JAWAPAN :

- a) Maklumat bilangan lesen premis judi haram dan rumah urut yang ditutup pada tahun 2009 hingga kini oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut:

Bilangan Premis Rumah Urut yang dikenakan tindakan sita/tutup pada Tahun 2009		
PBT	Premis Judi Haram	Premis Rumah Urut
MBSA	2	.
MBPJ	2	5

- b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT untuk menjalankan operasi bersepadu bersama pihak Polis, Jabatan Agama Islam, Jabatan Imigresen, TNB dan Syabas. Operasi tersebut perlu dijalankan secara berkala bagi memastikan tidak ada pengusaha premis judi haram dan pusat rumah urut yang tidak berlesen menjalankan operasi mereka.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga menetapkan polisi membekukan lesen baru pusat siber dan rumah urut untuk menghadkan bilangan premis bagi memudahkan pemantauan dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.

Tindakan operasi bersepadu merupakan langkah yang paling berkesan untuk mengawal kegiatan tersebut di mana dalam operasi tersebut pihak TNB dan Syabas akan memotong bekalan bagi memastikan premis tersebut tidak akan dapat beroperasi semula selepas operasi dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bajet telah dibelanjakan dalam tuisyen rakyat dan berapakah pelajar telah menyertai program ini pada tahun 2009. Sila terperinci setiap belanjawan mengikut kawasan masing-masing.
- b) Di antara pelajar-pelajar yang menyertai program ini pada tahun 2009, apakah keputusan mereka?
- c) Bagaimanakah orang ramai boleh tahu kejayaan program ini?

JAWAPAN :

- a) **Pelaksanaan pada tahun 2009 adalah seperti berikut:**
 - **Peruntukkan : RM 3.45 juta**
 - **Penyertaan pelajar : 4305 orang yang mendaftar**
 - **Bilangan Pusat Tuisyen : 115**

Selain kelas tuisyen percuma, program ini turut dilaksanakan secara pakej, di mana di dalam program ini, turut mengandungi program Keibubapaan, Program Pecutan Akhir iaitu program persediaan saat akhir sebelum peperiksaan SPM dan para pelajar turut dibekalkan buku nota khas, khusus untuk peserta PTRS. Perincian setiap belanjawan kawasan masing-masing adalah seperti di **lampiran**.

- b) Setakat ini hanya dapat mengumpul 219 keputusan peperiksaan SPM 2009. Pihak kami masih menunggu pengumpulan data-data daripada Koordinator Pembangunan Modal Insan dan akan menjawab dalam jawapan bentuk bertulis.

Berikut adalah analisa keputusan SPM 2009 pelajar-pelajar PTRS:

SUBJEK	SKOR	BILANGAN	PERATUS (%)
BM (219 pelajar)	A	101	46.119
	B	60	27.397
	C	34	15.525
	D	15	6.849
	E	6	2.739
	G	3	1.370
BI (219 pelajar)	A	16	7.306
	B	45	20.548
	C	59	26.941
	D	58	26.484
	E	33	15.068
	G	8	3.653
MATEMATIK (219 pelajar)	A	65	29.680
	B	37	16.895
	C	43	19.635
	D	34	15.525
	E	28	12.785
	G	12	5.479
SEJARAH (210 pelajar)	A	30	14.286
	B	45	21.429
	C	61	29.048
	D	35	16.667
	E	19	9.048
	G	20	9.524

c) **MAJALAH JEJAK ILMUWAN**

Maklumat perjalanan Program Tuisyen Rakyat Selangor boleh diperolehi melalui majalah Jejak Ilmuwan yang diterbitkan khas oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor. Laporan akan dibuat secara berperingkat mengikut DUN-DUN yang menjalankan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) di seluruh Negeri Selangor. Pemberian majalah ini secara percuma kepada orang ramai dan meliputi seluruh kawasan di Negeri Selangor.

AKHBAR SELANGORKINI

Orang ramai boleh mengikuti perkembangan dan kejayaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) melalui akhbar alternatif SELANGORKINI.

BLOG INTERAKTIF – PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

Perancangan untuk membina sebuah blog interaktif khusus untuk memuatkan perjalanan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) telah dilakukan dan promosi akan dilakukan secara menyeluruh di seluruh Negeri Selangor.

**PERINCIAN PERBELANJAAN PTRS PERINGKAT DUN BAGI TAHUN 2009
(APRIL HINGGA OKTOBER 2009 = 7 BULAN)**

ZON 2 [KONSULTAN : IMTIAZ SYSTEM]							
BIL	DUN	NAMA KPMI	ELAUN GURU (RM) (1)	SEWAAN / PELBAGAI (RM)	KEIBUBAPAAN (2)•PENGURUSAN (2)	PENGURUSAN (RM)	JUMLAH (RM)
1	HULU BERNAM	HUSAINI BIN ROSLIN	19600	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	34350
2	KUALA KUBU BAHARU	NORAZIZAN B. NORDIN	19200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33950
3	BATANG KALI	SHAIFUL ANUAR BIN SULAIMAN	19600	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	34350
4	RAWANG	NOR AZMAN BIN HJ MOHD YUNUS	19600	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	34350
5	TAMAN TEMPLER	MOHD KASSIM PACKIRY	18400	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33150
6	BATU CAVES	MOHAMMAD AZWAN B. MOHD KAMARUZAMAN	19200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33950
7	GOMBAK SETIA	KAMAROLZAMAN ZAINAL ABIDIN	18400	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33150
8	HULU KELANG	MUHAMAD SYAFIQ B. HUSNI ZAIN	17600	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	32350
9	BUKIT ANTARABANGSA	ROSLIN B. MOHD ROSLI	19200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33950
10	LEMBAH JAYA	AKMA EZAN AHMAD	20200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	34950
11	CHEMPAKA	NAJIHAH AHMAD	13200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	27950
12	TERATAI	CHEONG CHYE WAH	9400	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	24150
13	DUSUN TUA	ABDUL MUIEZ BIN JAMALUDIN	16600	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	31350
14	SEMENYIH	ZAHARI BIN MAJID	15800	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	RM3,500	11,250 (1250 X9 BULAN)	34050

**PERINCIAN PERBELANJAAN PTRS PERINGKAT DUN BAGI TAHUN 2009
(APRIL HINGGA OKTOBER 2009 = 7 BULAN)**

15	KAJANG	RAJA ROHAISAM RJ MUHAIDDIN	18400	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33150
16	BANGI	SAKINAH BT AHMAD AKHRI	16600	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	31350
17	BALAKONG	SITI NUR AZIZAH HO BT ABDULLAH	17200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	RM3,500	11,250 (1250 X9 BULAN)	35450
18	SERI KEMBANGAN	CHONG HOON MING	16400	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	31150
19	SERI SERDANG	NOOR HANIM BT ISMAIL	19200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	RM3,500	11,250 (1250 X9 BULAN)	37450
20	KINRARA	BALAKRISHNAN	16800	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	31550
21	DAMANSARA UTAMA	GUNASEKARAN SANNASIPILLAI	6000	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	20750
22	BUKIT LANJAN	LOO CHUAN BOON	10000	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	24750
23	SIJANGKANG	RASIMAH BINTI ALI	20800	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	35550
24	TELUK DATUK	TAN CHIN KEONG	20000	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	34750
25	MORIB	MOHD ADZNI DAUD	20800	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	RM3,500	11,250 (1250 X9 BULAN)	39050
26	TANJONG SEPAT	MASTURA BT SIRAT	19200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	RM3,500	11,250 (1250 X9 BULAN)	37450
27	DENGKIL	AZMIR YUNUS	16400	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	31150
28	SUNGAI PELEK	NORHANIM AHMAD	19200	RM 3,500 (7 BULAN X 500)	-	11,250 (1250 X9 BULAN)	33950

*****JUMLAH KESELURUHAN RM 913,500**

**PERINCIAN PERBELANJAAN PTRS PERINGKAT DUN BAGI TAHUN 2009
(APRIL HINGGA OKTOBER 2009 = 7 BULAN)**

ZON 1 [KONSULTAN : LIFDA ENTERPRISE]							
BIL	DUN	NAMA KPMI	TUNTUTAN GURU (RM)	SEWAAN + PELBAGAI (RM)	PARENTING (RM)	PENGURUSAN (RM)	JUMLAH (RM)
1	SUNGAI AIR TAWAR	RAMLI BIN ASMUNI	6000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	24250
2	SABAK	WAHIDI BIN HJ DAN	9000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	27250
3	SUNGAI PANJANG	MOHD YUSOF BIN MARSIDIN	6000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	24250
4	SEKINCHAN	GAN KIAN YONG	12200	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	30450
5	SUNGAI BURONG	ABU ZAKI	7200	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	25450
6	PERMATANG	EN RAJA SHAHMIRULZAMAN RAJA BADA KOZAMAN	5400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	23650
7	BUKIT MELAWATI	EN ZULKIFLI B. KAMARUDIN	15200	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	33450
8	IJOK	EN ZUBIR ZASHALI	12200	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	30450
9	JERAM	MOHD ARIS BIN HJ ABU HUSSAIN	12800	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	31050

**PERINCIAN PERBELANJAAN PTRS PERINGKAT DUN BAGI TAHUN 2009
(APRIL HINGGA OKTOBER 2009 = 7 BULAN)**

10	KUANG	FAUZIAH BT ABDUL MAJID	7600	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	22350
11	SUBANG JAYA	JAMIL AWAB	2800	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	17550
12	SERI SETIA	MOHD SAIFULLAH MOHD ZULKIFLI	4400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	22650
13	TAMAN MEDAN	NUR IDAYU ABD RAHMAN	13600	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	31850
14	BUKIT GASING	NADARAJAN A/L SIVAPRAGASAM	1000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	15750
15	KAMPUNG TUNKU	PHUA CHEE LING	400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	15150
16	PAYA JARAS	PN HAKIMAH BT HASSAN	1600	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	16350
17	KOTA DAMANSARA	MICHEAL WONG	6400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	21150
18	KOTA ANGGERIK	RAJA SARINAH RAJA ALIAS	10400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	25150
19	BATU TIGA	SAIRA BANU BT AJAN	13200	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	27950
20	MERU	BAHROM BASIRON	18000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	36250

**PERINCIAN PERBELANJAAN PTRS PERINGKAT DUN BAGI TAHUN 2009
(APRIL HINGGA OKTOBER 2009 = 7 BULAN)**

21	SEMENTA	MOHD AKHSAN B. AHMAD	14400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	33650
22	SUNGAI PINANG	TAN CHEE GEAP	7600	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	22350
23	SELAT KELANG	SITI KHADIJAH BT MD ZAINI	10600	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	28850
24	PELABUHAN KELANG				-		
25	PANDAMARAN	NAVARATNA CHANDREN	7000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	21750
26	KOTA ALAM SHAH	DEEPAKARAN A/L KARUPPIAH	9400	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	27650
27	SERI ANDALAS	MUHAMMAD JAYA ABDULLAH	10000	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	-	1250 X9 = 11,250	24750
28	SRI MUDA	K.GUNASEKARAN A/L KUPPAN	14200	7 BULAN X RM 500 = RM 3,500	RM 3,500	1250 X9 = 11,250	32450

***** JUMLAH KESELURUHAN RM 693,850**


**PERINCIAN PERBELANJAAN PTRS PERINGKAT DUN BAGI TAHUN 2009
(APRIL HINGGA OKTOBER 2009 = 7 BULAN)**

NOTA:

- 1) Perbezaan kerana:
 - a) Beberapa DUN memulakan Program Tuisyen Rakyat lebih awal.
 - b) DUN tidak mencapai kuota 4 kelas (80-100 pelajar)


- 2) Terdapat DUN tidak sempat menyempurnakan program keibubapaan.
- 3) JUMLAH RM 693,850 (ZON 1) + RM 913,500 (ZON 2) = RM 1,607,350
- 4) Jumlah ini adalah tidak termasuk kos peruntukkan untuk pelaksanaan program-program sokongan PTRS yang diuruskan oleh konsultan dan bayaran pengurusan kepada pihak konsultan.
- 5) Program sokongan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - a) Smart Learning – 5 kali
 - b) Pecutan Akhir – 5 kali
 - c) Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM Perdana
 - d) Solat Hajat Perdana

BAHASA MELAYU (219 pelajar)




- A
- B
- C
- D
- E
- F
- G

4% BAHASA INGGERIS (219 pelajar)




- A
- B
- C
- D
- E
- F
- G

MATEMATIK (219 pelajar)



- A
- B
- C
- D
- E
- F
- G

SEJARAH (210 pelajar)



- A
- B
- C
- D
- E
- F
- G

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: ZAKAT

45. Agihan zakat di negeri Selangor diakui antara yang terbaik di dalam negara kita namun ramai mendakwa permohonan terutamanya dari Asnaf Fi Sabilillah masih ramai yang ketinggalan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.
- b) Berapakah jumlah penerima dan jumlah RM diterima?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan sejumlah besar dana zakat kepada asnaf Fisabilillah dan merupakan antara yang terbesar berbanding asnaf-asnaf yang lain. Bantuan yang diberikan meliputi aspek pembangunan syiar Islam seperti pendidikan, pembangunan institusi agama dan program penerapan nilai-nilai Islam.

LZS sentiasa menerima banyak permohonan melalui bantuan Fisabilillah, dan tidak semestinya semua permohonan tersebut berjaya kerana berkemungkinan tidak memenuhi syarat dan tidak termasuk di dalam golongan asnaf fisabilillah.

- b) Rujuk jadual bagi jumlah penerima bantuan dan RM keseluruhan bagi tahun 2009

ASNAF FISABILILLAH
Emolumen Kakitangan MAIS
Emolumen Kakitangan Baitul Hasanah
Emolumen Kakitangan Projek LZS
Pengurusan & Pentadbiran Kakitangan Projek
Elaun Guru/Penceramah Bulanan
Program Forum/Ceramah Agama
Program Outreach
Bantuan Persatuan/Badan
Kursus Pegawai Masjid
Bantuan Penyelidikan/Penerbitan
Program Penerapan Nilai-Nilai Islam
Elaun Guru KAFA
Elaun Bulanan Pegawai Masjid
Imbuan Penolong Pendaftar Nikah

Saguhati Kaunselor Sukarela
Bantuan Kecemasan
Bantuan Kecemasan Banjir
Bantuan Kecemasan Ribut
Bantuan Kecemasan Kebakaran
Bantuan Karpit Masjid/Surau
Bantuan Peralatan Masjid/Surau
Bantuan Peralatan PA Sistem
Bantuan Kecemasan - Utiliti
Pembinaan/Baik Pulih Masjid
Pembinaan/Baik Pulih Surau
Pembinaan/Baik Pulih Surau Sekolah
Bina/Baik Pulih Institusi Agama Luar Negara
Bina/Baik Pulih Sek. Agama
Bantuan Keperluan Sekolah
Bina/Baik Pulih Institusi Agama
Derasiswa Hufaz Quran
Derasiswa Pelajar Dalam Negara
Derasiswa Pelajar Luar Negara
Derasiswa Pelajar Cemerlang
Derasiswa Kecil Sek Men Agama Rendah/Tinggi
Bantuan Umum Pelajaran
Bantuan kepada Kolej Universiti Islam Selangor
Agihan Semula 1/3 Kutipan

JUMLAH KESELURUHAN FISABILILAH BAGI TAHUN 2009: RM88,032,289.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : AGENDA PENGURANGAN “CARBON FOOTPRINT” DAN GBI(GREEN BUILDING INDEX)

46. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan mempunyai dasar dan rancangan pengurangan “Carbon Footprint”?
- b) Apakah kriteria dan insentif untuk menggalakkan bangunan yang memenuhi syarat “Green Building Index” ?

JAWAPAN :

- a) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah pun menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara. Dasar ini digubal bagi mengurusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim.

Dasar Perubahan Iklim Negara akan dijadikan panduan dalam mengintegrasikan isu perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses membuat keputusan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara lestari dan pembangunan insan; serta pemuliharaan alam sekitar.

Y.A.B. Perdana Menteri juga semasa di Mesyuarat Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) di Copenhagen, Denmark tahun lepas (2009), telah mengumumkan bahawa Malaysia, dalam usahanya untuk menangani perubahan iklim di peringkat domestik, akan mengurangkan pelepasan Gas Rumah Kaca (Green House Gases – GHG) secara sukarela sehingga 40% melalui indikator intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding dengan intensiti karbon pada tahun 2005 (nisbah pelepasan GHG dengan GDP).

Kerajaan negeri Selangor akan terus mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran orang awan untuk bertindak menangani perubahan iklim dan penjagaan alam sekitar di peringkat negeri dengan mengadakan pelbagai kempen kesedaran yang melibatkan semua lapisan rakyat. Antara kempen yang telah dan akan diadakan adalah kempen hari tanpa beg plastik, kempen penjimatan tenaga, Green building index, menggalakkan penggunaan teknologi bersih dan teknologi hijau dan seumpamanya.

- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum menetapkan sebarang kriteria dan insentif untuk bangunan yang memenuhi syarat Indeks Bangunan Hijau (GBI). Setakat ini insentif untuk menggalakkan pembinaan bangunan berkonsepkan hijau hanya diberikan di peringkat persekutuan. Antara insentif yang diberikan kepada pemilik bangunan adalah dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan bagi memperoleh Sijil Green Building Index (GBI). Insentif kepada pembeli yang membeli bangunan dan rumah kediaman yang telah memperoleh Sijil GBI daripada pemaju hartanah adalah pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Amaun pengecualian adalah bersamaan dengan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA LADANG

47. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang berperanan untuk membincang segala isu dan permasalahan pekerja-pekerja ladang bagi memastikan kebajikan mereka terjamin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah bagi membantu pekerja-pekerja lading menambah pendapatan di samping kerja-kerja di ladang?
- b) Apakah langkah-langkah untuk membantu kaum wanita atau para isteri pekerja ladang yang ingin mempunyai pendapatan tambahan?
- c) Jika berlaku kemalangan atau kematian ketua keluarga, apakah perlindungan dan bantuan untuk mereka menampung diri dan anak-anak?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menawarkan satu skim yang dinamakan Dana Industri Kecil Sederhana (IKS) yang memberi bantuan dalam bentuk peralatan kepada mereka yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Bagi pekerja ladang yang berminat, mereka boleh memohon dana tersebut untuk menjalankan perusahaan sendiri dan seterusnya memberi pendapatan tambahan kepada mereka.
- b) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menawarkan satu skim yang dinamakan Dana Industri Kecil Sederhana (IKS) yang memberi bantuan dalam bentuk peralatan kepada mereka yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga turut menawarkan Dana Blueprint Kemiskinan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Bagi wanita atau isteri pekerja ladang yang berminat, mereka boleh memohon dana tersebut untuk menjalankan perusahaan sendiri dan seterusnya memberi pendapatan tambahan kepada mereka.
- c) Bagi anak-anak pekerja ladang, Kerajaan Negeri menyediakan satu bantuan iaitu Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang di mana dana ini digunakan untuk menaja mana-mana anak pekerja ladang yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran ini Kolej Inpens Antarabangsa di Kuala Selangor. Selain itu, sumbangan dari Ahli Dewan Negeri Selangor yang berkaitan amat digalakkan bagi meringankan beban keluarga pekerja ladang yang kematian ketua keluarga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : KUTIPAN SAMPAH

48. Sejak akhir-akhir ini banyak aduan diterima mengenai kutipan sampah di kawasan PBT yang tidak diselia dengan baik. Ini akan mengakibatkan banyak longgokan sampah berselerakan terbiar beberapa hari di kawasan perumahan dan juga di kawasan kampung Tradisional di kawasan PBT. Ini akan mengakibatkan masalah kebersihan dan kesihatan penduduk yang boleh mengundang pelbagai penyakit.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah mekanisme pungutan sampah yang dilaksanakan oleh PBT agar ianya dapat dipungut mengikut jadual?
- b) Bagaimanakah proses pungutan sampah yang dilakukan di kawasan kampung Tradisional di kawasan PBT?
- c) Apakah tindakan yang dilakukan PBT kepada mereka-mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat dan sekiranya tidak dibanteras ianya akan mengakibatkan pandangan yang tidak baik terhadap PBT?

JAWAPAN :

- a) Pungutan sampah di PBT adalah berdasarkan kepada jadual kerja yang telah dipersetujui seperti yang termaktub di dalam perjanjian interim yang ditandatangani dengan pihak Alam Flora Sdn Bhd (AFSB). Kerja-kerja kutipan sampah ini akan dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja dan pengurus operasi serta penyelia kawasan AFSB akan sentiasa memantau kerja-kerja yang dijalankan oleh sub kontraktor AFSB.

Dalam masa yang sama, PBT juga masih memantau kerja-kerja kutipan dan pembersihan yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh AFSB bagi memastikan kutipan dan pembersihan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan.

- b) Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, PBT telah mengelaskan kawasan operasi dan kawasan pentadbiran dalam usaha memberikan perkhidmatan kepada semua penduduk. Pengelasan ini bergantung kepada bayaran cukai taksiran yang dikenakan kepada penduduk.

Bagi kawasan-kawasan perkampungan tradisional, AFSB akan menggunakan *open tipper* untuk memungut sampah di pusat-pusat pengumpulan sampah bergantung kepada kelebaran jalan/lorong di kampung-kampung tradisi itu. Sampah-sampah ini kemudian akan dihantar ke tapak-tapak pelupusan.

- c) Di peringkat PBT, mana-mana individu yang dapat ditangkap membuang sampah secara haram akan dikenakan denda, saman dan penalti. Bagi lokasi-lokasi yang dikenal pasti merupakan tapak pelupusan sampah haram akan dilaporkan kepada AFSB untuk diambil tindakan selanjutnya.

Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa pembuangan sampah secara haram merupakan permasalahan yang sukar dibanteras sejak dahulu lagi, namun begitu PBT masih membuat tindakan pemantauan berterusan untuk meminimumkan permasalahan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : HASIL BALAK

49. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Selangor masih mempunyai kawasan balak daripada hutan dara yang boleh menghasilkan pendapatan untuk negeri?
- b) Adakah Taman Warisan Negeri terpelihara daripada aktiviti pembalakan haram dan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengelakkan aktiviti pembalakan haram?
- c) Apakah perkembangan terkini mengenai pembalakan haram yang dikenal pasti di kawasan hutan di Hulu Selangor?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Inventori Hutan Nasional ke Empat yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan negeri Selangor, di negeri Selangor masih mempunyai seluas 8,944 hektar hutan dara dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal. Walau bagaimanapun keseluruhan kawasan ini adalah hutan perlindungan dan tidak bertujuan untuk penghasilan kayu balak.
- b) Sejak diwartakan pada tahun 2007, tiada kes aktiviti pembalakan haram dikesan berlaku di kawasan Taman Warisan atau Taman Negeri Selangor. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan aktiviti pembalakan haram berlaku ialah seperti berikut:-
 - i) Meletakkan papan-papan tanda larangan memasuki atau menjalankan aktiviti tanpa kebenaran daripada Pengarah Perhutanan Negeri di lokasi-lokasi strategik sepanjang sempadan kawasan Taman Negeri Selangor serta papan tanda besar berhubung penalti, hukuman dan denda berhubung kesalahan hutan mengikut Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993.
 - ii) Menjalankan pemantauan dan rondaan secara berkala termasuk menggunakan helikopter, menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis dan sebagainya dan bertindak segera ke atas setiap aduan awam diterima.
 - iii) Menjalankan aktiviti pengembangan dan kesedaran mengenai kepentingan dan peranan Taman Negeri Selangor untuk kesejahteraan hidup rakyat negeri Selangor serta mengenai hukuman, penalti dan denda berkaitan kesalahan hutan secara hebahan melalui media-massa dan program-program seperti pameran, penanaman pokok dan pendidikan melibatkan agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, masyarakat setempat dan pelajar-pelajar dari semua peringkat pengajian.

- c) Pembalakan Haram di Hulu Selangor telah dikesan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Hasil daripada kerjasama tersebut dua orang operator telah berjaya ditahan kerana cuba menawarkan rasuah kepada pegawai awam. Di samping itu tindakan juga akan diambil di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 kerana mengambil hasil hutan dari tanah kerajaan tanpa lesen. Untuk rekod tiada kawasan hutan simpan atau taman Negeri (Warisan) yang terlibat dalam kejadian pembalakan haram tersebut dan hanya melibatkan tanah kerajaan dan tanah milik sahaja. Bagi kayu-kayu terbabit tanah milik, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah membuat tuntutan dan telah mengadakan sebut harga ke atas kayu tersebut dan bagi tanah kerajaan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor membuat lelongan awam terhadap kayu-kayu sitaan tersebut selepas siasatan selesai dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : ADAT ISTIADAT MELAYU

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah ada usaha kerajaan negeri untuk mengenal pasti kesenian kebudayaan yang akan ditonjolkan sebagai aktiviti kesenian dan kebudayaan rasmi Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Usaha mengenal pasti kesenian kebudayaan negeri Selangor dilakukan secara berterusan supaya ianya mempunyai kesinambungan. Untuk itu usaha jangka pendek yang sedang giat dilaksanakan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) melalui Karnival Adat Rakyat Negeri Selangor yang akan diadakan pada 23 hingga 25 April 2010 di perkarangan Stadium Malawati, Shah Alam bersempena dengan Majlis Pelancaran PADAT yang akan disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor pada 24 April 2010 jam 8.00 malam di Stadium Malawati Shah Alam.

Majlis pelancaran akan diadakan dengan penuh adat istiadat yang akan merupakan bench marking kebudayaan Selangor bagi program yang berteraskan budaya yang akan dilaksanakan kemudiannya. Reka bentuk pentas utama majlis perasmian juga bercirikan warisan kesenian Selangor yang akan diangkat menjadi ikon negeri Selangor. Konsep keseluruhan majlis pelancaran berteraskan adat dan warisan Selangor merupakan langkah awal kerajaan negeri dalam mengangkat sesuatu warisan yang dimiliki oleh negeri sebagai kesenian dan kebudayaan rasmi negeri Selangor.

Antara program yang disusun bagi mengetengahkan kesenian kebudayaan negeri Selangor ialah melalui pemasaran produk kraf Masyarakat Asli Pulau Carey yang terkenal dengan anyaman dan ukiran kayu, persembahan tarian negeri Selangor iaitu tarian Pooja, tarian Pattenun dan tarian Zapin Selangor yang telah diangkat sebagai tarian warisan negeri Selangor. Manakala pameran tekstil warisan Selangor iaitu telepuk dan kelingkan akan turut mengambil tempat dalam Karnival Adat Rakyat Selangor selain pakaian tradisional Selangor iaitu Baju Sikap Selangor dan Baju Kebaya Selangor.

Aspek makanan pula, karnival Adat ini akan menonjolkan beberapa keunikan makanan warisan yang terdapat di Selangor seperti Nasi Ambeng, satay Kajang dan satay Banting, air Selangor, putu beras, kuih kacau, halwa, sambal taun dan kepelbagaian masakan yang menjadi warisan Selangor.

Rancangan jangka panjang bagi pengenalpastian kesenian kebudayaan Selangor pula telah dimasukkan ke dalam rancangan utama PADAT untuk tempoh Mac 2010 hingga Februari 2013 antaranya:

- i) Penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tugas PADAT. Hasil penyelidikan berkaitan adat Melayu dan warisan negeri akan diterbitkan.
- ii) Konvensyen Adat Melayu Selangor perlu diadakan setahun sekali. Pelaksanaannya sama ada pertengahan tahun atau hujung tahun.
- iii) Perwujudan Desa Budaya di Shah Alam untuk mengetengahkan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor.
- iv) Jalinan kerjasama antara PADAT dengan perbadanan negeri lain atau agensi lainnya yang mempunyai perkhidmatan teras (core business) yang sama termasuk di Asia dan peringkat antarabangsa.
- v) Mengujudkan kumpulan pakar permuziuman, adat dan warisan. Bagi merealisasikan hasrat ini satu bentuk bantuan sama ada biasiswa ataupun geran perlu diwujudkan.
- vi) Kebolehpayaan pembangunan daripada segi infrastruktur selain kakitangan.
- vii) Lawatan kerja rasmi dalam dan luar negara utama terpilih untuk melihat amalan membangun dan mempromosi adat dan warisan.
- viii) Penambahbaikan ekshibit di ruang pameran semua muzium di bawah PADAT. Pengubahsuaian daripada segi peragaan ekshibit iaitu penambahbaikan maklumat di seluruh ruang pameran perlu dilaksanakan segera.
- ix) Mengujudkan Pintu Gerbang Selangor di setiap pintu masuk. Sehubungan itu, perkampungan budaya perlu diwujudkan dengan jualan produk kraf selain produk IKS yang melambangkan identiti Selangor. Projek ini diharap dapat menonjolkan ikon Selangor di setiap perkampungan budaya yang diwujudkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI SELANGOR

51. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila huraikan berapakah jumlah keseluruhan hutang terkumpul Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat sejak 5 tahun yang lalu dan kemukakan perbandingan di antara negeri-negeri yang lain dalam tempoh yang sama ?
- b) Sila nyatakan butiran terperinci tentang jadual pembayaran balik hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat sejak 5 tahun yang lalu ?
- c) Sila nyatakan dengan jelas adakah dalam tempoh 2 tahun yang lepas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memohon pinjaman baru daripada Kerajaan Pusat?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan hutang terkumpul Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat sejak 5 tahun yang lalu sehingga **30 Disember 2009** adalah berjumlah **RM 1,322, 504, 184 ,184. 34 termasuk faedah**. Perincian hutang terkumpul daripada Tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti **Jadual 1**.

TAHUN	POKOK (RM)	FAEDAH (RM)	JUMLAH (RM)
2005	1,041,298,228.86	267,304,124.44	1,308,602,353.30
2006	1,040,511,918.96	266,244,913.11	1,306,756,832.07
2007	1,039,561,974.25	265,837,039.10	1,305,399,013.35
2008	1,072,985,040.77	263,594,561.32	1,336,579,602.09
2009	1,063,546,830.33	258,957,354.01	1,322,504,184.34

Jadual 1: Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun 2005 hingga 2009.

Pinjaman Negeri Selangor daripada Kerajaan Persekutuan terdiri daripada tiga (3) projek utama iaitu Projek Bekalan Air, Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Pelbagai seperti Projek Ladang Hutan Kompensatori, Projek Pembedungan Shah Alam dan Projek Peluasan Zon Bebas. Perincian mengikut jenis pinjaman dari Tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Perincian mengikut jenis pinjaman dari Tahun 2005 hingga 2009

TAHU	BEKALAN AIR		JUMLAH	PAKR		JUMLAH	PELBAGAI		JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
	POKOK (R M)	FAEDAH (R M)		POKOK (R M)	FAEDAH (R M)		POKOK (R M)	FAEDAH (R M)		
2005	756,557,19 7. 45	187,452,192. 03	944,009,38 9. 48	143,115,114. 73	65,062,665 .7 3	208,177,780 .46	141,625,886. 68	4,789,266.68	156,415,15 3. 3 6	1,308,602,32 3.3 0
2006	756,557,19 7. 45	187,452,192. 03	944,009,38 9. 48	142,761,923. 57	64,648,730 .1 0	207,410,653 .67	141,192,797. 94	14,143,990 .9 8	155,336,78 8. 9 2	1,306,756,83 2.0 7
2007	756,557,19 7. 45	187,452,192. 03	944,009,38 9. 48	142,761,923. 57	64,648,730 .1 0	207,410,653 .67	140,242,853. 26	13,736,117 .0 8	153,978,97 0. 3 4	1,305,399,01 3.4 9
2008	756,557,19 7. 45	187,452,192. 03	944,009,38 9. 48	142,761,923. 57	64,648,730 .1 0	207,410,653 .67	173,665,919. 75	11,493,639 .1 9	185,159,55 8. 9 4	1,336,579,60 2.0 9
2009	756,557,19 7. 45	187,452,192. 03	944,009,38 9. 48	135,979,871. 91	60,569,962 .8 1	196,549,834 .72	171,009,760. 97	10,935,199 .1 7	181,944,96 0. 1 4	1,322,504,18 4.3 4

- b) Jumlah bayaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi **tahun 2005 hingga 2009 ialah RM 30,638,635.39**. Perincian tentang jadual pembayaran balik hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti **Jadual 3**.

TAHUN	POKOK (RM)	FAEDAH (RM)	JUMLAH (RM)
2005	-	-	-
2006	786,309.93	937,496.99	1,723,806.92
2007	970,411.65	529,588.35	1,500,000.00
2008	11,096,933.48	2,242,477.75	13,339,411.23
2009	9,438,210.44	4,637,206.80	14,075,417.24
JUMLAH	22,291,865.50	8,346,769.89	30,638,635.39

Jadual 3: Jadual Pembayaran Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun 2005 hingga 2009

- c) Dalam tempoh 2 tahun yang lepas, Kerajaan Negeri Selangor telah memohon satu (1) pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan iaitu pada tahun 2008 yang berjumlah **RM 44,520,000.00**. Pinjaman tersebut bertujuan untuk membiayai projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungei Way, Petaling Jaya dengan tempoh bayaran balik selama 12 tahun dan dikenakan faedah sebanyak 4%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: KONTRAKTOR KELAS F (INFRASTRUKTUR)

52. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan mutu perkhidmatan kontraktor kelas F atau akan mengkaji semula kontraktor-kontraktor kelas F yang ada di negeri Selangor
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan kontraktor kelas F di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk maklumat semua Ahli Dewan Negeri Selangor, di Selangor terdapat sejumlah 4,300 kontraktor kelas F yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kerja Raya dan daripada jumlah itu 3,556 telah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.

Kerajaan Negeri telah bersetuju agar setiap kontraktor yang ingin melaksanakan kerja di Selangor harus berdaftar dengan UPEN terlebih dahulu dan sehingga kini tiada sebarang aduan yang diterima oleh UPEN mengenai mutu perkhidmatan kontraktor-kontraktor ini.

Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai sebarang cadangan untuk mengkaji semula kontraktor-kontraktor kelas F ini memandangkan pendaftaran kontraktor kelas F telah diselaraskan oleh Pusat Khidmat Kontraktor seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan dan juga mesti berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kedua-dua agensi ini bertanggungjawab dalam merangka pembangunan kontraktor-kontraktor di Malaysia.

- b) Seperti yang dinyatakan sebelum ini, PKK dan CIDB bertanggungjawab untuk merangka pembangunan kontraktor-kontraktor di Malaysia. Kedua-dua agensi ini akan menyediakan latihan dan akreditasi kepada syarikat-syarikat yang berdaftar. Maklumat mengenai kursus. Latihan dan seminar ini boleh diperolehi dari laman web rasmi kedua-dua agensi tersebut.

Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan kontraktor-kontraktor yang ingin melaksanakan kerja-kerja di Selangor merupakan kontraktor yang berwibawa dan mempunyai semangat untuk memajukan diri dengan mengikuti kursus dan juga latihan yang dianjurkan oleh PKK dan CIDB.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi agensi-agensinya juga sentiasa memantau prestasi dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh para kontraktor. Bagi syarikat yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang tinggi akan disenaraihitam dan tidak akan diberikan peluang untuk melaksanakan kerja pada masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan prestasi kontraktor-kontraktor di Selangor dari YB Dato'/Tuan/Puan sekalian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : JAWATAN DAN PERLANTIKAN KETUA-KETUA KAMPUNG

53. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai dalam pemilihan ketua-ketua kampung di Negeri Selangor pada masa kini?
- b) Berapakah jumlah ketua-ketua kampung yang telah dilantik mengikut komposisi kaum dan juga kawasan di dalam Negeri Selangor pada masa kini?
- c) Apakah perbezaan tugas-tugas dan juga tanggungjawab yang harus dipikul antara jawatan Ketua Kampung dan juga Ahli-Ahli Majlis?

JAWAPAN :

- a) Kriteria-kriteria yang diguna pakai dalam pemilihan ketua-ketua kampung di Negeri Selangor pada masa kini adalah seperti berikut :-
 - i) Warganegara Malaysia;
 - ii) Berumur di antara 30 – 65 tahun;
 - iii) Hendaklah tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia, kecuali bagi Ketua Kampung bukan Melayu memadailah ia tahu bertutur Bahasa Melayu;
 - iv) Hendaklah telah berumah tangga (beristeri) di dalam kampung itu dan telah bermastautin dalam kampung sekurang-kurangnya 2 (dua) tahun. Bagi kampung yang baru dibina, syarat ini boleh dilonggarkan mengikut budi bicara Pegawai Daerah;
 - v) Hendaklah ia bekerja sendiri di kampung berkenaan itu ataupun menjalankan pekerjaan lain tetapi yang difikirkan masa dan tenaganya yang berpatutan bagi jawatan sebagai Ketua Kampung;
 - vi) Hendaklah ia seorang yang bukan kakitangan Kerajaan; dan
 - vii) Hendaklah ia berkelakuan baik.
- b) Jumlah Ketua-Ketua Kampung yang telah dilantik mengikut komposisi kaum dan juga kawasan di dalam Negeri Selangor pada masa kini adalah seramai

Bil.	Kampung	Jumlah Ketua Kampung (orang)	Komposisi Kaum
1	Kampung Tradisi	368	Melayu – 368 orang
2	Kampung Cina	78	Cina – 76 orang India – 2 orang

- c) Perbezaan tugas-tugas dan juga tanggungjawab yang harus dipikul antara jawatan Ketua Kampung dan juga Ahli Majlis adalah seperti berikut :-

Tugas-tugas dan tanggungjawab Ketua Kampung:

Ketua Kampung adalah bertanggungjawab ke atas segala arahan dari Pegawai Daerah. Pegawai Daerah memberi tanggungjawab kepada Ketua Kampung di atas kemajuan dan keselamatan kampungnya di samping mematuhi syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut :-

- i) Bertanggungjawab menyampaikan kepada penduduk kampung segala dasar-dasar Kerajaan dan menasihati mereka supaya mematuhi dan taat setia kepada Kerajaan yang memerintah di samping memberikan unjuran, galakan dan tegahan berikut :
 - Berusaha ke arah kemajuan dan pembangunan diri, keluarga dan kampung;
 - Mengamalkan suruhan agama dan berpegang kepada adat resam bangsa yang bersesuaian dengan kehendak masa;
 - Menggalakkan orang-orang kampung membayar apa-apa hasil kepada Kerajaan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang;
 - Memberikan bantuan yang munasabah kepada kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas di dalam kampung;
 - Menggalakkan pembentukan semangat perpaduan dan kerjasama antara satu sama lain; dan
 - Mencegah dan menjauhkan diri dari perbuatan jenayah.
- ii) Hendaklah berunding dengan Penghulu Mukim terlebih dahulu bagi semua perkara yang berkaitan dengan hal ewal kemajuan dan keselamatan kampung sebelum disampaikan kepada Kerajaan; mempengerusikan mesyuarat JKJK; bertanggungjawab menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan juga keselamatan kampung; bertanggungjawab menentukan segala program dan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan oleh Kerajaan Negeri; dan menjadi penolong penasihat (mengikut mana-mana tatacara dan kaedah yang berkaitan), kepada badan sukarela lain yang ada di dalam kampung seperti Jawatankuasa Masjid/Surau, Persatuan Belia dan Perkumpulan Wanita.

Tugas-tugas dan tanggungjawab Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan:

Ahli Majlis adalah bertanggungjawab ke atas segala arahan dari Yang DiPertua Majlis. Yang DiPertua Majlis memberi tanggungjawab kepada Ahli Majlis sebagai sebahagian daripada sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (melaksanakan mengenai soal-soal pembangunan fizikal seperti pembinaan jalan, parit dan bangunan mengikut kehendak-kehendak yang ditetapkan), sebagai penasihat kepada majlis, sebagai mewakili rakyat, membuat dan meluluskan undang-undang kecil, sebagai pendokong dasar majlis, sebagai penyemak pelaksanaan dasar, sebagai tenaga penggerak masyarakat, dan sebagai pemantau terhadap integriti dan akauntabiliti pbt.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PILIHANRAYA PBT

54. Kerajaan negeri Selangor ada mengkaji kemungkinan untuk mengadakan pilihan raya peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status akhir kajian tersebut dan apakah kerajaan negeri bersedia melaksanakan pilihan raya peringkat PBT?
- b) Apakah kerajaan negeri setuju dengan kenyataan bahawa pilihan raya itu akan mengurangkan fokus kerja PBT sebaliknya sibuk berpolitik (politicking)?

JAWAPAN:

- a) Kajian tersebut telah pun selesai dilaksanakan. Kerajaan Negeri telah pun menghantar surat kepada SPR pada **15 Mac 2010** meminta secara rasmi untuk SPR menjalankan kajian dan penyelidikan bagi memastikan sama ada pilihan raya kerajaan tempatan untuk pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor boleh dilaksanakan atau pun tidak. Pihak SPR telah pun menjawab surat ini melalui satu **kenyataan akhbar** bertarikh **24 Mac 2010**. Keputusan pihak SPR adalah seperti berikut :
 - i) SPR mempunyai kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan tertakluk ia diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri menurut Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan;
 - ii) Akta 473 memberi SPR kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, SPR tidak dapat menguatkuasakan Akta 473 kerana subseksyen 15(1) Akta 171 yang memperuntukkan bahawa semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan dan terhenti kuat kuasanya atau terhenti mempunyai kesan;
 - iii) Berikutan dengan kuat kuasanya subseksyen 15(1) dan pemakaian seksyen 10 Akta 171, adalah jelas bahawa SPR tidak boleh menjalankan pilihan raya bagi memilih Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan kerana keanggotaan mereka hendaklah dibuat secara lantikan (*by appointment*);
 - iv) Walaupun pilihan raya kerajaan tempatan berada di bawah bidang kuasa Negeri, namun berdasarkan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, perubahan dasar berhubung dengan apa-apa cadangan untuk mengadakan semula pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh **Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (*National Council for Local Government*)**;

- v) Jika **Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (*National Council for Local Government*)** memutuskan bahawa Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan hendaklah dibuat melalui suatu pilihan raya, maka cadangan ini boleh dilaksanakan dengan cara berikut:
- 1) Seksyen 10 dan 15 Akta 171 perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukkan sedia ada yang lain berkaitan dengan pelantikan Anggota Majlis;
 - 2) Semua cadangan pindaan kepada Akta 171 hendaklah diterima pakai oleh semua Negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu; dan
 - 3) Peraturan-peraturan bagi menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diadakan.
- vi) Seinggalah segala tindakan diambil berdasarkan cadangan yang dinyatakan di sebelum ini, SPR tidak boleh menguatkuasakan Akta 473 untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan bagi Negeri Selangor.
- vii) Seterusnya, pihak SPR tidak boleh menjalankan kajian dan penyelidikan untuk Kerajaan Negeri Selangor kerana bertentangan dengan fungsi dan kuasa SPR di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada peruntukkan sedia ada sehingga ini, keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan di bawah Akta 473 tidak boleh dilaksanakan kerana semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan telah dimansuhkan dan terhenti berkuat kuasa atau terhenti mempunyai kesan atas pemakaian seksyen 15 Akta 171. Pihak Kerajaan Negeri juga adalah tertakluk kepada seksyen 10 Akta 171 yang menyatakan bahawa pelantikan Anggota Majlis Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat secara lantikan (*by appointment*).

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan meneliti perkara ini semula demi mencari pendekatan terbaik dengan kemungkinan alternatif yang tidak mewujudkan berlakunya percanggahan undang-undang.

- b) Sekiranya dilihat pendekatan pilihan raya ini, ia merupakan nadi demokrasi kepada Negara. Oleh yang demikian, sekiranya kenyataan bahawa pilihan raya itu akan mengurangkan fokus kerja PBT sebaliknya sibuk berpolitik (politiking) nampaknya tidak tepat kerana selama ini pilihan raya telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan terbukti kakitangan perkhidmatan awam tidak mengurangkan fokus kerja mereka kerana sibuk berpolitik semasa musim pilihan raya.

Pilihan raya hanya melibatkan peringkat pembuat dasar atau lebih dikenali sebagai legislatif di PBT, kakitangan lain di PBT hanya terlibat sebagai pelaksana sahaja atau lebih dikenali sebagai eksekutif dan mereka tidak terlibat langsung dengan berpolitik. Maka, pada hemat saya pilihan raya kerajaan tempatan sama sekali tidak akan mengurangkan fokus kerja di PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN BUKIT BOTAK

55. Usaha yang dilakukan kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan masalah mendirikan rumah penduduk setinggian Bukit Botak disambut baik, sungguhpun kos rumah yang ditawarkan kepada penduduk masih dianggap agak tinggi oleh mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan Negeri Selangor bagi membolehkan penduduk-penduduk asal Bukit Botak mampu membuat pinjaman bank dan akhirnya memiliki rumah yang telah lama diidamkan?
- b) Apakah jaminan kerajaan Negeri Selangor bahawa projek ini akan berjalan mengikut jadual dan layak diduduki pada Mac 2012?

JAWAPAN :

- a) Seperti mana Y.Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan cadangan penyelesaian baru bagi penempatan semula setinggian Bukit Botak yang melibatkan seramai 1,406 penduduk yang mana mereka akan ditawarkan rumah semi-D satu tingkat pada harga RM99,000.00 seunit berbanding dengan harga pasaran sekitar RM180,000.00-RM200,000.00 seunit. Bagi memastikan kesemua penduduk setinggian Bukit Botak yang memberi persetujuan dengan cadangan tersebut memperoleh pinjaman perumahan dan akhirnya memiliki rumah tersebut, Kerajaan Negeri akan mengaturkan satu perjumpaan di antara penduduk dengan bank-bank terlibat bagi menyelesaikan masalah mendapatkan pinjaman perumahan tersebut. Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti beberapa bank yang bersedia memberikan komitmen mereka dalam memberi bantuan pinjaman perumahan kepada mereka yang telah lanjut umur atau berpendapatan rendah. Satu skim khas yang dikenali sebagai Skim Jaminan Kredit Perumahan telah diperkenalkan di mana pinjaman perumahan diberikan kepada golongan yang tidak mempunyai bukti pendapatan bulanan yang tetap tanpa mengira jenis pekerjaan. Menerusi skim ini, tempoh pembayaran dilanjutkan sehingga peminjam berusia 65 tahun. Di bawah skim ini, pinjaman 2 generasi boleh dilakukan untuk memanjangkan tempoh pembayaran dan tempoh pembayaran akan dikira berdasarkan usia anak/pewaris sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas dan tiada caj/yuran yang dikenakan kepada peminjam. Secara langsung, ianya akan membantu pembeli memperoleh peluang yang lebih besar untuk memiliki rumah tersebut di samping mengurangkan bebanan dalam membayar semula pinjaman perumahan yang dibuat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menyediakan opsiyen bagi penduduk yang gagal atau tidak layak untuk memperolehi pinjaman perumahan yang telah ditawarkan oleh pihak bank. Untuk golongan ini, Kerajaan Negeri bersetuju menawarkan bayaran tunai kepada penduduk berjumlah lebih kurang **RM71,000** iaitu perbezaan harga jaminan PKNS sebanyak **RM170,000.00** dengan harga kos pembinaan sebanyak **RM99,000.00** dan akan dibayar setelah Kerajaan Negeri menerima semua hasil jualan. Dengan bayaran tersebut, penduduk terlibat boleh membeli/memiliki rumah lain pada harga yang mampu dibeli di pasaran

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan projek tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual yang dirancang. Bagi memastikan projek ini disiapkan seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Negeri, satu mesyuarat berkala telah diaturkan setiap sebulan sekali dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri dengan dibantu oleh PKNS sebagai pengurus projek telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras yang terdiri daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi berkaitan antaranya Pejabat EXCO, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Pejabat Tanah Daerah dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi menyelaras segala tindakan yang akan dilaksanakan dan seterusnya memastikan pembangunan projek ini berjalan dengan lancar.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri dalam proses akhir pengambilan tanah Bukit Botak dan akanewartakan tanah tersebut sebagai tanah kerajaan bagi tujuan membangunkan semula penempatan setinggan Bukit Botak. Dijangka pada awal bulan Mei 2010, tender terbuka akan dibuat kepada mana-mana syarikat/kontraktor yang berminat untuk memajukan projek ini.

Untuk mencapai matlamat pembangunan tersebut, Kerajaan Negeri akan memastikan proses pemilihan syarikat/kontraktor yang dilantik bagi meneruskan pembangunan projek ini benar-benar berwibawa dan berkaliber. Sehubungan dengan itu, penilaian secara menyeluruh ke atas keupayaan syarikat sama ada dari segi kewangan, aset, pengalaman kerja dan jaminan syarikat terhadap kerajaan negeri akan diberi keutamaan. Langkah ini bagi mengelakkan dari berlakunya projek terbengkalai buat kali kedua dan seterusnya merugikan kerajaan dan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

56. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kedudukan KUIS berbanding kolej universiti milik kerajaan atau swasta lain di peringkat Malaysia?
- b) Apakah KUIS mampu untuk bersaing dan meningkat tahap sehingga menjadi universiti penuh?
- c) Apakah graduan lulusan KUIS menepati kehendak pasaran kerja?

JAWAPAN :

- a) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) beroperasi sebagai sebuah kolej universiti swasta telah ditubuhkan sejak tahun 1995. Reputasi dan kedudukan KUIS terus meningkat setiap tahun, termasuk dari segi jumlah pengambilan pelajar, kakitangan akademik, kemudahan prasarana dan pengiktirafan dari dalam dan juga luar negara.

KUIS telah menjalani proses audit oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), iaitu Code of Practice for Institutional Audit (COPIA) pada 22 hingga 24 Februari 2010, Hasil dan rumusan laporan audit tersebut mendapati KUIS dikategorikan dalam kelompok IPTS yang **SIHAT**. Ini meliputi aspek governans, pengajaran dan pembelajaran (P&P), pengurusan akademik dan hal- ehwal pelajar, kemudahan prasarana dan logistik serta kemampuan untuk berdaya saing nasional dan antarabangsa.

Bagi menjamin integriti dan reputasi KUIS sebagai IPTS Islam yang berdaya saing, pihak pengurusan, fakulti dan jabatan di KUIS hanya memastikan program-program yang ditawarkan mendapat perakuan akreditasi daripada MQA. Sehingga kini KUIS telah menawarkan lima (5) program Asasi (Foundation Studies); 23 program akademik di peringkat diploma; 15 di peringkat ijazah sarjana muda manakala 2 program Sarjana – keseluruhannya berjumlah 45 program akademik.

Bagi menjamin kewibawaan penawaran program-program akademik, kakitangan akademik dipastikan memiliki ijazah sarjana MA dan PhD. Lebih 70% kakitangan akademik kini telah memiliki ijazah MA dan usaha-usaha juga giat dijalankan bagi menambah bilangan pensyarah berkeelayakan PhD melalui Skim Latihan Akademik Kakitangan (SLAK). Seramai 30 kakitangan akademik KUIS telah dipilih mengikuti program di peringkat PhD di universiti dalam negara.

Di kalangan IPTS Islam, KUIS juga telah diberikan peranan penting sebagai Sekretariat dan Pengerusi Ikatan Kolej-Kolej Islam Berkembar Antarabangsa (IKBA) yang ditubuhkan pada tahun 2003 dalam usaha meningkatkan jaringan akademik, peningkatan kualiti akademik dan pelajar.

Berdasarkan kekuatan dalaman yang ada, pihak pengurusan KUIS telah membentangkan dokumen naik taraf kepada Universiti Penuh pada 19 November 2009 dan sedang melakukan usaha-usaha penambahbaikan untuk mencapai matlamat menjadi sebuah universiti penuh.

Di bawah kepimpinan Rektor KUIS yang dilantik pada 1 April 2010, KUIS akan berusaha merealisasikan kedudukannya sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu secara bersepadu dengan menjadikan Cordoba dan Andalusia di Sepanyol sebagai inspirasi untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan tamadun ilmu abad ke-21 atau dengan izin *“to bring back the past glory of Islamic civilization of Cordoba and Andalusia into the present context.”*

- b) KUIS mempunyai fundamentals atau asas-asas yang kukuh untuk dinaik taraf kepada sebuah universiti penuh. Berdasarkan kepada maklum balas Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selepas pihak pengurusan KUIS membentangkan dokumen naik taraf universiti penuh, KUIS telah memenuhi 12 daripada 15 kriteria yang ditetapkan untuk menjadi sebuah universiti penuh. Bagaimanapun, KUIS perlu lebih intensif bagi memantapkan tiga aspek penting, iaitu menambah bilangan tenaga akademik berkelayakan PhD; menambah program-program akademik di peringkat sarjana dan PhD serta pengupayaan di bidang Penyelidikan & Pembangunan (R&D).

Sehingga kini KUIS masih mengekalkan status Kolej Universiti dengan memberi tumpuan kepada penambahbaikan program-program akademik berkualiti; pengukuhan di bidang penyelidikan dan memantapkan barisan tenaga akademik berkelayakan PhD.

- c) Kurikulum akademik yang ditawarkan bukan sahaja berasaskan kepada aspek teori semata-mata tetapi juga berdasarkan kepada input-input daripada pihak industri. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) juga adalah berteraskan kepada Problem Based Learning, iaitu memberi tumpuan kepada kajian-kajian kes bagi memantapkan kefahaman dalam aspek teori kepada bentuk praktikal.

Semua pelajar-pelajar KUIS di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda juga disyaratkan mengikuti latihan industri atau internship dalam tempoh 3 hingga 6 bulan bagi memastikan graduan KUIS mempunyai kemampuan kebolehpasaran pekerjaan. Sehingga kini, perangkaan menunjukkan kira-kira 70% graduan KUIS diterima dalam pasaran pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian manakala 30% lagi menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas di universiti-universiti dalam dan luar negara.

Selain itu, pihak fakulti dan jabatan akademik di KUIS juga giat menganjurkan kursus-kursus dalaman yang memberi nilai tambah (value-added) kepada pelajar-pelajar seperti program keusahawanan, komunikasi dan kepimpinan sebagai asas persediaan sebelum pelajar-pelajar memasuki lapangan pekerjaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TEMPOH PAJAKAN TAPAK KEDIAMAN

57. Penduduk kampung baru sering mengkritik pihak pejabat tanah mengambil masa yang panjang untuk memproses permohonan lanjutan tempoh pajakan tapak kediaman.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa permohonan lanjutan tempoh pajakan telah dibuat mengikut daerah ?
- b) Berapa permohonan telah diluluskan oleh pihak pentadbir Tanah mengikut daerah ?
- c) Berapakah permohonan di Dun Sg.Pelek dan berapa sudah di lulus setakat ini ?

JAWAPAN :

- a) Jumlah urusan melanjutkan tempoh pajakan yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah adalah seperti berikut:-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERMOHONA N
1.	Petaling	35
2.	Klang	833
3.	Gombak	420
4.	Hulu Langat	2847
5.	Hulu Selangor	28
6.	Kuala Langat	336
7.	Kuala Selangor	16
8.	Sepang	48
9.	Sabak Bernam	29
Jumlah		4,592

- b) Jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh **Pihak Berkuasa Negeri** adalah seperti berikut:-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERMOHONA N
1.	Petaling	4
2.	Klang	124
3.	Gombak	420
4.	Hulu Langat	2785
5.	Hulu Selangor	7
6.	Kuala Langat	219
7.	Kuala Selangor	16
8.	Sepang	4
9.	Sabak Bernam	15
Jumlah		3,594

- c) Berdasarkan rekod PTD Sepang, terdapat 52 permohonan daripada Sungai Pelek. Manakala 48 permohonan telah diangkat untuk pertimbangan Pentadbir Tanah Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : POLIS BANTUAN MBPJ

58. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar::

- a) Apakah keberkesanan pasukan polis bantuan yang dibentuk oleh MBPJ bagi menurunkan kadar jenayah dalam kawasan MBPJ dan berapakah jumlah peruntukkan yang digunakan untuk pelaksanaan pasukan polis bantuan tersebut?
- b) Apakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan kerjasama yang erat dengan pihak polis bagi memantau dan mengurangkan kes jenayah dalam kawasan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Keberkesanan pasukan polis bantuan yang dicadangkan oleh Majlis Bandar raya Petaling Jaya belum dapat dinilai kerana masih belum dilaksanakan. Pihak majlis telah mengemukakan permohonan bagi mewujudkan Polis Bantuan pada 26 Februari 2009, namun demikian permohonan tersebut telah ditolak oleh pihak Polis Diraja Malaysia pada 15 Mac 2010. MBPJ telah pun menghantar rayuan semula bagi penubuhan Polis Bantuan tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri.

Secara dasarnya cadangan penubuhan Polis Bantuan ini adalah untuk sama-sama membantu dan menyokong pihak PDRM dalam aspek keselamatan, seperti rondaan di kawasan perumahan, bagi mengurangkan kadar jenayah khususnya di kawasan Petaling Jaya, bukan bertujuan untuk mengambil kuasa pihak polis. Peruntukan yang telah diluluskan bagi penubuhan Polis Bantuan tersebut adalah sebanyak RM4,239,050.00.

Keadaan yang berlaku buat masa ini, penduduk cenderung mendirikan 'boom-gate' dengan pengawal keselamatan dan mengadakan 'guarded community' kerana merasakan keadaan persekitaran mereka tidak selamat dan kejadian jenayah boleh berlaku pada bila-bila masa.

Sehubungan itu, MBPJ telah mengusulkan penubuhan Polis Bantuan, yang mempunyai objektif seperti berikut:

- i) Untuk memberikan kuasa tambahan kepada Pihak Majlis di dalam menjaga harta benda miliknya dan sebagai membantu tugas-tugas penguatkuasaan yang dilaksanakan pada setiap hari.
- ii) Penubuhannya dipercayai dapat membantu dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan dan menjaga keselamatan orang awam.
- iii) Melaksanakan secara berkesan rondaan keselamatan di bawah Program Bandar Selamat bersama pihak PDRM.
- iv) Mengawal dan membantu tugas-tugas eskot untuk operasi tertentu yang berisiko tinggi.

- b) Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh bekerjasama dengan pihak polis melalui pelaksanaan operasi bersepadu bagi tindakan pihak polis melalui pelaksanaan operasi bersepadu bagi tindakan penguatkuasaan. Majlis Bandar raya Petaling Jaya juga menjemput penglibatan pihak polis sebagai ahli Jawatankuasa Infrastruktur Kesihatan, Perundangan dan Penguatkuasaan di peringkat majlis.

Kerjasama erat melalui tindakan bersepadu antara pihak polis, kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, dapat membentuk bagi memantau dan mengurangkan kes jenayah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : DADAH

59. Difahamkan bahawa kebanyakan penagih dadah juga terlibat dengan kes jenayah yang lain seperti menyamun, merompak dan sebagainya. Fenomena ini amat membimbangkan kerana keselamatan orang ramai tergugat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pandangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menubuhkan pusat pemulihan dadah? Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

- a) Memang tidak dinafikan bahawa jenayah jalanan ada dilakukan oleh penagih dadah. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, AADK Negeri Selangor telah mewujudkan Task Force untuk memastikan Orang Kena Pengawasan (OKP) supaya hadir mengikuti program-program yang dijalankan seperti :
 - i) Program Khidmat Masyarakat
 - ii) Sesi Kaunseling
 - iii) Program Pencegahan Relapse
 - iv) "Parenting Skills"
 - v) Bengkel, Ceramah dan Aktiviti Sukan & Riadah

Semua program di atas bertujuan untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat dan mempunyai kekuatan diri dalam usaha untuk membebaskan diri dari terjebak semula dalam penagihan dadah.

Di samping itu juga, Task Force ini menjalankan operasi menangkap OKP yang tidak komplians.

Pihak PDRM juga menjalankan operasi-operasi bagi memastikan jenayah jalanan yang dilakukan oleh penagih dadah berkurangan.

Definisi OKP:

OKP adalah penagih dadah yang diperintahkan oleh Majistret untuk menjalani rawatan dan pemulihan di dalam Pusat Pemulihan atau di dalam Komuniti di bawah Seksyen 6(1) (a) atau 6 (1) (b) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 atau,

Penagih dadah sukarela di bawah Seksyen 8 atau 9 Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983.

Pengguna dadah yang disabitkan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 / Seksyen 38B Akta yang sama.

Definisi Komplians:

Komplians ialah OKP yang mematuhi syarat -syarat pengawasan Seksyen 6(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983;

- i) orang itu mestilah tinggal di dalam Negeri atau Wilayah Persekutuan atau mana-mana kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;
 - ii) orang itu tidak boleh meninggalkan kawasan tempat dia tinggal tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah;
 - iii) pada waktu yang dinyatakan dalam perintah itu, orang itu hendaklah melaporkan diri di balai polis yang paling hampir atau bagi anggota angkatan tentera di tempat yang ditetapkan oleh seseorang pegawai;
 - iv) (iv) orang itu tidak boleh mengambil, menggunakan atau memiliki apa-apa dadah berbahaya;
 - v) orang itu hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang diperintahkan oleh seseorang pegawai; dan
 - vi) orang itu hendaklah menjalani apa-apa jua program pemulihan penagih dadah yang diadakan oleh Kerajaan.
- b) Pada masa ini, kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk menubuhkan Pusat pemulihan dadah kerana negeri Selangor telah terdapat 3 pusat pemulihan kerajaan iaitu :
- Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Dengkil
 - Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Serendah
 - Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Sepang

Selain daripada itu, di Negeri Selangor juga terdapat 24 pusat pemulihan swasta iaitu :

PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN
1	Desa Penawar	Puncak Alam, 45800 Kuala Selangor	Ust. Halim bin Mokhlas 019-2087383 013-6763950	Keagamaan
2	Persatuan Sahabat Prihatin	Felda Bukit Cherakah 42200 Kapar Klang	Mohd Shukri Bin Isa 019-3343448	Keagamaan
3	Kenosis Home	PT 2117, Jalan Mahang, Ijok, 45600 Batang Berjuntai	En. Caleb 012-6721559	Keagamaan

DAERAH HULU LANGAT

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN
4	Carish Youth Centre	Beg Berkunci 210, 43509 Semenyih Selangor	Soh Sheng Kung 03-87611254 012-2382501	Keagamaan
5	Ark Rehabilitation Centre	No.1, Jln Harmoni 13, Taman Harmoni 43500, Semenyih	Yeo Ong Kau 03-87234218 016-3766700	Keagamaan
6	True House Of Victory	54A, Jln Kampung Rinching Hulu 43500 Semenyih	Mok Seuw Lam 03-79818151	Keagamaan
7	Rumah Sahabat	Batu 4 ¼, Kampung Haji Thambi, 41000 Hulu Langat	En. Zakarian Bin Hj. Thambi 013-6036969	Cold Turkey
8	Rumah Sahabat (PERKID)	No. 9, Jln Sentosa 14, Taman Desa Sentosa, 43100 Kajang.	Ust. Masridzi bin Sat	Kerohanian
9	Peace Charis Home	Lot 1958, jln broga, 43509 Semenyih.	Choo Kok Lian	Cold Turkey
10.	Revitalize Rehab Centre	No. 28 Jalan Damai Perdana 4/1E, Bdr Damai Perdana, Cheras.	Yap Cheng Wah	Cold Turkey

DAERAH KLANG

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN
11.	Dispile House	No. 91 A Jalan Batu 3, 41300 Klang	En. Micheal Tan Lian Chung 03-33417780 019-3231788 (Pastor Mark)	Cold Turkey Keagamaan (KRISTIAN)
12.	Grace Centre	845 Jalan Selladevan Off Jalan Sg. Kandis, 41000 Klang	Long Hin San 012-2029425	Cold Turkey
13.	Boas Centre	No.17 Jalan Landasan Bukit Kuda, 41300 Klang	Pastor Nathan 019-6175799 03-33427561	Keagamaan (KRISTIAN)
14.	Corner Stone	Lot 1540/1, Jln Sg. Kandis, Kg. Sg. Kandis Klang	David Lau Ken Kong 03-33748825 019-2160335	Keagamaan (KRISTIAN)

AADK DAERAH PETALING

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN
15	Christian Care Centre	No. 326 Lorong 3D Kg. Baru Subang, 40000 Shah Alam	Brother Matthew/ mr. simon 03-78461914	Keagamaan (KRISTIAN) & Vokasional
16	Lifefone Drug Rehabilitation Centre	No 2 Jln RU 7/1 46050 Petaling Jaya	Mr Tan Meng Seong 03-79561086	Keagamaan
17	Morning Glory	No 100 Jln BM ¼ Taman Bukit Mayang Mas 47301 Petaling Jaya	Pastor Richard Lee 03-7049220	Keagamaan (KRISTIAN)
18	Community Excell Services Breakthrough	No 547 Jln 17/15 46400 Petaling Jaya No. 568 17/18	Pastor Samuel Khrishnan 03-79587388 012-2336857	Keagamaan (KRISTIAN) Cold Turkey Kaunseling
19	Yayasan Salam	22, Jalan Changgai (6/22) 46000 Petaling Jaya	Pn. Noraini Khaironi 012-3041162	Keagamaan
20	Burning Bush	No. 24, Jalan Tanjung, 5/4 Seksyen 5. Petaling Jaya.	Mr. Thomas Dass Ranagaratnam a/l Rajaya 03-79600504	Keagamaan

AADK DAERAH AMPANG

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN
21	PROGRAM BELA INSAN	DEWAN ORANG RAMAI LORONG G2,KAMPUNG PANDAN,55100 KUALA LUMPUR	EN MOHD JOFFRI B ABU BAKAR 012-3463561	TC
22	PERSATUAN KEBAJIKAN BEKAS PENGHUNI INSTITUT PEMULIHAN MALAYSIA (PROKIM)	15-1,JLN PANDAN INDAH 16/1 55100 KUALA LUMPUR	EN AMINUDDIN 019-2181755	TERAPI KERJA

AADK DAERAH SEPANG

BIL	NAMA PUSAT PEMULIHAN DADAH PERSENDIRIAN	ALAMAT	NAMA PENGUASA NO. TEL/ FAX	KAEDAH RAWATAN
23	Pusat Tao Yuan Services	No.3, PT161, Jln Kelab Pekan Sepang,43900 Sepang	Cheah King Liang 016-6560013 019-3178457	Jagaan lanjutan kepada bekas penagih

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BANTUAN SOKONGAN MUALAF

60. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Selain bantuan kewangan, apakah bentuk bantuan bersepadu yang lain yang boleh diberikan bagi mempertingkatkan keilmuan dan keimanan saudara baru di Selangor?
- b) Berapakah jumlah mualaf yang didaftarkan di seluruh Selangor tahun 2009 dan DUN Meru 2009.

JAWAPAN :

- a) Seperti di lampiran A.
- b) Seperti di lampiran A.



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : (73) MAIS/SU/BPA/01-1/001/02
Jld 17
3 Mac 2010
Tarikh : 17 Rabiulawal 1431

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Siti Nawwar Binti Najib,
Penolong Pengarah (Unit Pentadbiran),
Jabatan Agama Islam Selangor.

Puan,

**MAKLUMBALS DAN MAKLUMAT TAMBAHAN PERTANYAAN MULUT/BERTULIS
PERSIDANGAN DUN SELANGOR**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, MAIS tidak mendapat menjawab segala persoalan berkaitan MAIS seperti yang dipohon oleh pihak puan dalam surat bernombor rujukan (2)d/m.JAI.SEL.BP/01/014(s)/2/JLD.15.
3. Keputusan ini dibuat setelah mendapat pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor melalui surat bernombor rujukan PU.SEL.AM.0069/09/MFM(01) bertarikh 28 Julai 2009 (*surat dilampirkan*).

Kerjasama pihak puan amatlah diharapkan dan segala kesulitan amatlah dikesali.

Sekian, والسلام.

" مغهارف كرىصاعن الله "
" امانه , فريهاتين دان مسرا "

Saya yang menurut perintah,

(ROHANA BINTI HASSAN)
Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor.

s.k Timbalan Setiausaha





KAMAR PENASIHAT UNDANG-UNDANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TKT.4, PODIUM UTARA,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40512 SHAH ALAM.

Telefon : 03-5544 7190 (Pentadbiran)
: 03-5544 7191 (Sivil)
: 03-5510 5151 (PUU)
Fax : 03-5510 1775



Ruj. Tuan : (23)MAIS/PM/BUU/01-1/001/4
Ruj. Kami : PU.SEL.AM.0069/09/MFM (01)
Tarikh : 28 Julai 2009

Nurhani Salwa Binti Jamaluddin
Penasihat Undang-Undang
Majlis Agama Islam Selangor,
Tingkat 9 dan 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

FAKS/POS:03-55124042

Puan,

**MOHON PANDANGAN UNDANG-UNDANG MENGENAI KERTAS
CADANGAN MENDAPATKAN KETETAPAN MAJLIS UNTUK MENEGAH HAL
EHWAL DAN PROSIDING MAJLIS DIBINCANGKAN DI DALAM
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR (DNS)**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat puan dengan
no. rujukan (23) MAIS/PM/BUU/01-1/001/5 bertarikh 17 Julai 2009.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa setelah Kamar meneliti perkara tersebut di
atas, pandangan pihak Kamar berkaitan persoalan yang dikemukakan oleh pihak
puan adalah seperti berikut-

2.1 Hanya anggaran wang masuk dan anggaran perbelanjaan yang
diuruskan oleh Kerajaan Negeri sahaja yang perlu dibentangkan di
Dewan Negeri Selangor (DNS) berdasarkan **Perkara LXXXVI (1)** Undang-
Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Anggaran wang masuk
dan belanjawan di dalam penyata itu **TIDAK TERMASUK** hasil kutipan
Zakat, Fitrah, Baitul Mal atau segala hasil yang seumpamanya disisi Islam
berdasarkan **Perkara LXXXVI (3)** Undang-Undang Tubuh Kerajaan
Negeri Selangor 1959.

2.2 Berdasarkan **subseksyen 10(1)** dan **subseksyen 82(2)** Enakmen
Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2008 Undang-
Undang **HANYA** memperuntukkan kuasa kepada MMKN di dalam dua (2)
keadaan iaitu-


pu/ppt4
Telah maklum . Al
f-1
9/1/09



(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATIN PADUKA ZAUYAH BE BT. T. LOTH KHAN)

Penasihat Undang-undang Negeri
Selangor.

s.k Fail

YAB. Dato' Setia Haji Mohammad Adzib b. Mohd Isa
Pengerusi

Majlis Agama Islam Selangor,
Tingkat 9 dan 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PRESTASI SUKAN NEGERI SELANGOR

61. Sejak Pakatan Rakyat menguasai Selangor, prestasi sukan Negeri Selangor adalah meningkat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Seiauh manakah Sukan di Negeri Selangor meningkat?
- b) Apakah bidang-bidang yang ketara meningkat?
- c) Apakah rancangan masa depan?

JAWAPAN :

- a) Arena sukan di negeri Selangor telah menunjukkan peningkatan sejak kebelakangan ini, program pembangunan yang dirancang telah melahirkan ramai atlet yang berkualiti diperingkat negara dan bertaraf dunia. Peningkatan dari sukan lumba basikal, tenpin bowling, renang dan perahu layar menunjukkan program-program pembangunan yang telah dirancang telah membuahkan hasilnya. Ini kerana peningkatan prestasi dari sukan lumba basikal, atlet Mohd Rizal Tisin setaraf dengan pelumba-pelumba peringkat bertaraf dunia. Begitu juga atlet dari sukan layar Mohd Faizal Bin Norizan telah banyak memenangi kejohanan diperingkat Asia dan dunia.

Atlet -atlet negeri Selangor yang lain seperti Mohamad Akmal Amrun dan Nurul Ahmar dari sukan lumba basikal, Zulmazran Zulkifli dan Siti Safiyah Amirah Abd Rahman dari sukan tenpin bowling, Foo Jian Beng dan Khoo Cai Lin dari sukan renang, Ainil Johari Abu Bakar dari sukan golf telah banyak mengharumkan nama negeri Selangor baik dari peringkat negeri atau peringkat kebangsaan.

Secara keseluruhannya sukan di negeri Selangor telah menunjukkan peningkatan kerana ramai atlet dari negeri Selangor telah menguasai kejohanan di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan serta terpilih mewakili negara untuk menyertai kejohanan-kejohanan diperingkat antarabangsa.

- b) Sejak setahun ini, arena sukan di negeri Selangor telah berjaya mengekalkan status sebagai "powerhouse", malahan telah menunjukkan prestasi yang sangat membanggakan mahupun dalam kejohanan dalam atau luar negara.

Berikut adalah antara sukan-sukan yang telah mencapai keputusan yang sangat membanggakan:

1) Perahu layar

Norashikin Mohd Sayed

- Pelayar dari negeri Selangor, Norashikin Mohd Sayed telah memenangi pingat emas di Kejohanan Pelayaran Asia Ke - 14 di Shanwei, Guangdong, China.
- Pelayar dari negeri Selangor, Norashikin Mohd Sayed telah memenangi pingat emas di Kejohanan Pelayaran Asia Ke - 14 di Shanwei, Guangdong, China.

Mohd Faizal Bin Norizan

- Telah mendapat pingat perak di Kejohanan Perahu Layar (Optimist) Peringkat Dunia di Brazil.
- Pingat emas di Kejohanan Perahu Layar (Optimist) di Terbuka Singapura.
- Pingat emas di Kejohanan Perahu Layar (Optimist) di Terbuka Hong Kong.
- Pingat gangsa di Kejohanan Perahu Layar (Optimist) Peringkat Asia di Langkawi, Kedah.

2) Golf

Ainil Johari Binti Abu Bakar

- Telah mendapat pingat gangsa dalam acara berpasukan di Sukan SEA ke - 25 di Laos.
- Tempat pertama di Kejohanan Kuala Lumpur Amatur Open.

Kenneth De Silva

- Tempat pertama di Kejohanan Serawak Amatur Open.
- Tempat pertama di Kejohanan Kuala Lumpur Amatur Open.

3) Lumba Basikal

Mohd Rizal Tisin

- Telah berjaya meraih pingat gangsa sulung negara dalam acara 1 kilometer ujian masa pada Kejohanan Basikal Trek Dunia di Pruszkow, Poland.
- Pingat emas di 'UCI Track Cycling World Cup' Beijing, China dalam acara 1 kilometer ujian masa
- Pingat emas di 'Asian Cycling Championship' Nara, Japan dalam acara 1 kilometer ujian masa
- Pingat emas di 'Asian Cycling Championship' Kuala Lumpur dalam acara keirin.

4) Tenpin Bowling

Zulmazran Zulkifli

- Telah menamatkan saingan di tangga ketiga di Kejohanan Boling Cabaran Euro Brunswick yang disertai pemain-pemain boling handalan dunia di Pusat Boling Plaza, St. Maximin, Paris.
- Naib Juara di 7th Kuwait International Open 2010.

Siti Safiyah Amirah Binti Abd Rahman

- Telah memenangi Juara Masters Dunia Wanita 2009. Beliau mencipta kejayaan ini di Oltremare Bowling Arena, Naples Itali.

5) Renang

Foo Jian Beng

- Telah meraih Anugerah Olahragawan Sukan Malaysia (SUKMA) 2008. Semasa SUKMA ke - 12 di Terengganu, Foo Jian Beng telah memenangi tiga pingat emas, empat pingat perak dan satu pingat gangsa dalam acara renang sambil memecahkan dua rekod kebangsaan dan satu rekod sukma.

- c) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa merancang program-program pembangunan sukan dengan menganalisa isu-isu terkini yang berkenaan. Adaptasi kepada perubahan semasa dalam isu pembangunan sukan adalah sangat penting supaya program-program yang dirancang adalah selari dengan program pembangunan sukan diperingkat kebangsaan.

Pada secara dasarnya, Majlis Sukan Negeri Selangor memprogramkan rancangan pembangunan sukan melalui dua proses asas, iaitu pembangunan sukan akar umbi (grass-root athlete development) dan prestasi tinggi (high performance). Selain daripada program-program pembangunan sukan yang sedang giat di laksanakan, rancangan masa depan pihak kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor adalah untuk meluaskan lagi populasi alit akar umbi supaya ketandusan atlit tidak menjadi satu masalah kepada program sukan prestasi tinggi di peringkat Negeri. Pelaksanaan program peringkat awal telah pun dilaksanakan pada awal tahun ini. Program-program itu adalah seperti berikut:

1. Program Majlis Sukan Daerah

Rancangan jangka panjang dalam pembangunan sukan di negeri Selangor adalah untuk melahirkan lebih ramai atlit berkualiti diperingkat akar umbi supaya aliran atlit prestasi tinggi tidak berhenti.

Pihak kerajaan negeri amat peka kepada isu yang disebutkan tadi, maka kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah melancarkan program pemantapan Majlis Sukan Daerah di setiap 9 daerah di negeri Selangor. Dengan kaedah sedemikian, adalah diharapkan agar pembangunan sukan di setiap peringkat awal dapat berterusan.

Pada secara dasarnya, program pemantapan ini akan dibantu oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor dari bentuk peruntukan kewangan dalam pentadbiran dan program-program pembangunan sukan dalam daerah tersebut. Penyelarasan program tersebut akan dijalankan oleh pihak Majlis Sukan Daerah yang akan diterajui oleh Yang Dipertua Majlis Daerah tersebut. Keberkesanan program ini akan di nilai melalui prestasi mereka dalam Temasya Sukan Selangor yang berlangsung setiap dua tahun. Pihak kerajaan amat optimistik akan kejayaan rancangan ini.

2. Program Pembangunan Sukan Bersama Pihak Swasta

Program ini adalah untuk melibatkan sektor swasta dalam agenda pembangunan sukan diperingkat negeri. Ia akan melibatkan kerjasama antara pihak korporat yang terlibat dan Majlis Sukan Negeri Selangor. Pada dasarnya, pihak negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor akan mengkoordinasikan program tersebut dari segi pentadbiran dan di mana pihak syarikat yang terlibat akan membantu dari segi peralatan dan kepakaran yang sedia ada. Dengan secara tidak langsung, pihak syarikat yang terlibat dapat menunaikan tanggungjawab sosial mereka dalam melahirkan atlet yang berwibawa di negeri Selangor.

Baru-baru ini pihak kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah menandatangani satu Memorandum Kesefahaman (MOU) dengan syarikat RSH (M) Sdn Bhd dalam pembangunan sukan golf di kalangan atlit-atlit berusia 7 – 17 tahun di negeri ini.

Pihak kerajaan negeri akan terus merancang program-program tersebut untuk sukan sukan yang lain pada masa yang terdekat ini.

Pada secara keseluruhannya, pihak kerajaan negeri akan terus merancang dan melaksanakan program-program sukan supaya "merah-kuning" tetap di segani dan kekal sebagai satu "GIANT" dalam arena sukan tanah air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TENAGA KERJA

62. Kerajaan negeri ada melaksanakan program mencari dan menempatkan pekerja tempatan dalam sektor perindustrian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah status dan pencapaian program penempatan pekerja tersebut dan golongan manakah yang menunjukkan minat?
- b) Selain sektor perindustrian, bolehkah program ini diperluaskan ke sektor pertanian dan perkhidmatan lain?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan program "penempatan pembantu rumah" dari kalangan warga tempatan dan berapakah kadar pengangguran di Selangor sekarang?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Dr Hajah Halimah Ali telah mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan program Jom Kerja dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor di seluruh daerah di negeri Selangor. Program Jelajah 'Jom Kerja' adalah bertujuan untuk menghebahkan peluang pekerjaan yang ada di Selangor kepada masyarakat setempat.

Program Jom Kerja telah dijalankan di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam, Kuala Langat dan Klang bermula dari November 2009 sehingga Januari 2010. Sebanyak 21 buah syarikat telah turut serta di dalam program ini. Melalui program Jom Kerja, sebanyak 185 orang telah ditawarkan pekerjaan terus semasa sesi '*walk in interview*' yang dijalankan. Sejumlah 4,810 orang pengunjung telah memohon pekerjaan dan golongan remaja menunjukkan minat terhadap program ini. Ini dapat diterjemahkan melalui jumlah pemohon di kalangan remaja berumur antara 19 - 25 tahun adalah 4,010 orang (83.37%) berbanding 800 orang(16.63%) pula adalah di kalangan dewasa berumur antara 25 tahun dan ke atas.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil inisiatif untuk membantu pemohon-pemohon pekerjaan mencari pekerjaan dari masa ke semasa tanpa mengira jenis sektor pekerjaan termasuklah sektor pertanian dan perkhidmatan lain. Selaras dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang telah diumumkan pada Mac 2009, 6 projek jangka panjang di dalam pakej rangsangan berperanan untuk memajukan ekonomi melalui pertambahan pelaburan, peningkatan peluang pekerjaan dan pengurusan sumber dengan lebih berkesan.

Penyertaan program jelajah “Jom Kerja” adalah terbuka kepada semua sektor termasuklah sektor pertanian dan perkhidmatan lain. Penempatan pekerja akan dibuat berpandukan kepada permintaan daripada syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja. Penawaran pekerjaan adalah tertakluk kepada keputusan majikan itu sendiri sekiranya pemohon memenuhi kriteria atau kemahiran yang dikehendaki.

- c) Kebergantungan kepada pembantu rumah dari kalangan warga asing adalah disebabkan kesukaran mendapatkan khidmat pembantu rumah warga tempatan yang didorong oleh persepsi bahawa ianya bukanlah suatu pekerjaan yang menarik. Oleh kerana penawaran pembantu rumah warga tempatan agak sukar untuk diperolehi, maka berlakulah kebergantungan kepada pembantu rumah warga asing.

Pewujudan program “penempatan pembantu rumah” dari kalangan warga tempatan perlu diteliti terlebih dahulu dengan mengambil kira kesediaan warga tempatan untuk menjadi pembantu rumah dan bekerja seperti mana khidmat yang diberikan oleh pembantu rumah warga asing.

Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KPKM) yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2004, suatu institusi latihan kemahiran perlu ditubuhkan untuk melatih warga tempatan yang tamat sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan mereka yang tidak dapat mencari pekerjaan atau menganggur. Pelatih berkenaan diberikan kemahiran sebagai pembantu rumah seperti latihan memasak, melayan tetamu, mengemas rumah, menjaga anak majikan yang bersesuaian dengan adat dan budaya orang Malaysia. Ini bermakna lulusan institut berkenaan diberikan sijil dan apabila diserapkan dalam pekerjaan mereka akan diberikan gaji setimpal dengan kemahiran dan tidak lagi dipanggil pembantu rumah, sebaliknya pengurus rumah tangga.

Berdasarkan Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2009/2010, kadar pengangguran telah meningkat kepada 3.6% pada tahun 2009 berbanding 3.3% pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah kesan daripada kemelesetan ekonomi global yang melanda Negara pada penghujung tahun 2008. Sektor pembuatan dan perkilangan merupakan sektor utama yang terjejas akibat pengurangan aktiviti import dan eksport Negara. Peningkatan pengangguran juga adalah turut didorong oleh faktor kehilangan pekerjaan dari kalangan yang diberhentikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : NEGERI BERKEBAJIKAN

63. Konsep “Negeri Berkebakjikan” dilancarkan agar semua rakyat Selangor mendapat manfaat dari hasil-hasil negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:

- a) Selain daripada pemberian air percuma, nyatakan jumlah dan kelompok rakyat yang telah menikmati manfaat daripada konsep ini mengikut faedah?
- b) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan berdasarkan konsep “Negeri Berkebakjikan” bagi tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN :

- a) Konsep “Negeri Berkebakjikan” menekankan bahawa sumber-sumber dan aset-aset negeri tidak akan disalahgunakan tetapi ia akan dimaksimumkan untuk manfaat rakyat. Berteraskan kepada konsep ini, Kerajaan Negeri mewujudkan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bagi memastikan kebajikan rakyat terus terjamin. Ini bersesuaian dengan prinsip MES iaitu kepercayaan bahawa sumber-sumber negeri adalah kepunyaan rakyat. Oleh itu, kita memulangkan kekayaan negeri kepada mereka yang merupakan pemilik ekonomi yang sebenarnya.

Program MES yang melibatkan pengagihan peruntukan untuk kebaikan rakyat negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PENERIMA FAEDAH	KELOMPOK RAKYAT
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	12,424	Kanak-kanak
2.	Hadiah Anak Masuk Universiti	9,581	Belia
3.	Skim Mesra Usia Emas	9,131	Warga Tua
4.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	2,261,865	Pemilik meter individu di Negeri Selangor
5.	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	4,776	Belia

Selain daripada program-program di atas, terdapat juga program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) yang bertujuan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak khususnya bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga, penderaan dan sebagainya. Pusat ini bertindak sebagai *first respondent/point of contract* bagi kes-kes yang dinyatakan di atas. Terdapat 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan di Selangor, iaitu di Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang.

Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral juga merupakan salah satu program MES. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan berlainan dalam aktiviti pengorekan bahan batuan dan mineral di Selangor. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasil keuntungan akan diagihkan dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam program pelaksanaan Agenda MES. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Sehingga Disember 2009, hasil daripada penjualan pasir yang sudah diterima dan dikumpulkan adalah berjumlah RM35 juta dan royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM7.2 juta.

- b) Bagi merealisasikan konsep “Negeri Berkebajikan” ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah bajet yang besar kerana kebajikan rakyat adalah sangat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri bersesuaian dengan visi Negeri Selangor iaitu “Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan”. Jumlah perbelanjaan yang telah digunakan sepanjang dua tahun pelaksanaan program-program MES adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	
		TAHUN 2008	TAHUN 2009
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	40 ribu*	1.2 juta
2.	Hadiah Anak Masuk Universiti	3.6 juta	6 juta
3.	Skim Mesra Usia Emas	2.1 juta	19.6 juta
4.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu	69 juta	131 juta
5.	Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang	350 ribu	1.1 juta

* TAWAS – Kos operasi sahaja. Tiada tabungan yang dibuat pada tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : AHLI MAJLIS

64. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria pelantikan ahli majlis dari kalangan NGO dan profesional, adakah mereka mesti menganggotai parti politik tertentu?

JAWAPAN :

- a) Dalam pemilihan dan pelantikan Ahli Majlis PBT sama ada dari kalangan Ahli Politik, NGO mahupun profesional, Kerajaan Negeri amat menekankan kriteria-kriteria berdasarkan kelayakan taraf pendidikan, Ahli Majlis yang biasanya bermastautin dalam kawasan PBT, sumbangan setiap Ahli Majlis kepada PBT serta penduduk setempat, berpengalaman luas dan keaktifan seseorang Ahli Majlis di dalam masyarakat seperti mana peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Selain itu, Kerajaan Negeri juga mensyaratkan agar seseorang Ahli Majlis yang dilantik hendaklah bebas dari rekod jenayah, bersih dari Badan Pencegah Rasuah dan tidak bankrap.

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak pernah menetapkan kriteria bahawa seseorang NGO atau profesional yang akan dilantik sebagai Ahli Majlis PBT hendaklah menganggotai mana-mana parti politik.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : ISU JAIS DAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

65. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prosedur dan proses untuk mendapatkan tauliah JAIS?
- b) Apakah sikap dan tindakan pihak berkuasa yang melibatkan Institusi Islam di Selangor terhadap kelompok yang dilihat tidak seiring dengan pandangan terutamanya JAIS?

JAWAPAN :

a) Prosedur dan proses untuk mendapatkan tauliah MAIS adalah seperti berikut:-

- 1) Berdasarkan peraturan 11 (1) Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008, seseorang yang ingin memohon tauliah hendaklah memenuhi kehendak berikut:-
 - i) Beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah
 - ii) Berumur 18 tahun ke atas
 - iii) Sihat tubuh badan dan sempurna akal
 - iv) Berakhlak dengan akhlak Islam
 - v) Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah
 - vi) Mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya
 - vii) Lulus ujian bertulis atau temuduga yang dijalankan oleh Jawatankuasa, jika dikehendaki oleh Jawatankuasa
 - viii) Mendapat kebenaran bertulis dari majikan
 - ix) Bermastautin dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 2) Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan tauliah dengan lengkap dan mendapatkan cadangan dari mana-mana individu yang mengenali pemohon serta sokongan dari majikan jika pemohon bekerja, atau sokongan dari Nazir Masjid, Ketua Kampung atau Penghulu di mana pemohon bermastautin, jika pemohon tidak mempunyai pekerjaan tetap.
- 3) Permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan gambar pemohon, salinan kad pengenalan dan salinan sijil pengajian pemohon yang telah disahkan.
- 4) Pemohon hendaklah menghantar borang tersebut ke Pejabat Agama Islam Daerah di mana pemohon bermastautin.
- 5) Pihak Pejabat Agama Islam Daerah akan menghantar borang permohonan yang telah lengkap ke Bahagian Dakwah JAIS.

- 6) Pemohon akan dipanggil untuk sesi temuduga dan akan ditemuduga oleh panel penemu duga yang dilantik oleh MAIS.
 - 7) Maklumat pemohon akan dihantar kepada pihak berkuasa untuk tapisan keselamatan.
 - 8) Permohonan oleh pemohon akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tauliah MAIS untuk dipertimbangkan.
 - 9) Pemohon akan dimaklumkan sama ada lulus atau sebaliknya selepas mendapat keputusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tauliah MAIS.
 - 10) Pemohon yang lulus akan diberikan kad tauliah.
- b) Lazimnya, JAIS akan sentiasa mengadakan sesi penerangan melalui ceramah, dialog, forum dan seminar dalam menjelaskan pandangan dan pendirian pihak berkuasa agama mengenai sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KEPERLUAN DASAR BARU UNTUK PEMBANGUNAN BANDAR

66. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah proses untuk mengubah ketetapan 'plot ratio' (contohnya nisbah 1:4) untuk kawalan pembangunan bercampur, ketumpatan (16-20 unit dalam satu ekar) untuk keperluan perumahan dan nisbah tempat letak kereta yang kini sering kali tidak sesuai dipakai di kawasan bandar kerana masalah trafik dan kepadatan penduduk?

JAWAPAN :

- a) Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor telah mempunyai Rancangan Tempatan atau Draf Rancangan Tempatan masing-masing yang disediakan mengikut peruntukan Seksyen 12 hingga Seksyen 15 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Garis Panduan Pembangunan di dalam Rancangan Tempatan akan menetapkan elemen kawalan pembangunan seperti nisbah plot, kawasan plinth, densiti, keperluan tempat letak kereta dan sebagainya bagi menentukan intensiti setiap jenis aktiviti pemajuan tanah seperti perumahan, perdagangan, perindustrian dan lain-lain. Garis panduan ini dijadikan sebagai asas rujukan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengawal pemajuan tanah terutama semasa proses Kebenaran Merancang

Selain itu, rujukan juga dibuat kepada Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil.27/2007 bertarikh 26hb. September 2007.

Sekiranya terdapat keperluan untuk meminda nisbah plot/kawasan plinth, densiti dan tempat letak kereta dan sebagainya dalam Rancangan Tempatan, peruntukan Seksyen 16 dan Seksyen 16A Akta 172 hendaklah dipatuhi seperti berikut:

- Subseksyen 16(1) Akta 172 menetapkan pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian sesuatu rancangan tempatan.
- Jawatankuasa Perancang Negeri juga boleh mengarahkan supaya pihak berkuasa tempatan membuat pindaan terhadap rancangan tempatan masing-masing selaras dengan peruntukan subseksyen 16(2).
- Subseksyen 16(3), memperuntukan supaya pindaan rancangan tempatan hendaklah selaras dengan Rancangan Struktur Negeri dan proses pindaan hendaklah meliputi proses-proses bantahan, proses siasatan dan pendengaran awam serta dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk pertimbangan kelulusan.

Kesimpulannya dasar-dasar dan peraturan sedia ada boleh disemak dan diselaraskan dengan keperluan dan perkembangan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

67. Antara program merakyatkan kerja-kerja kebajikan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan Pusat Dialisis Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan sasaran yang hendak dicapai oleh kerajaan dalam melaksanakan program ini?
- b) Berapa banyakkah pusat-pusat seperti ini disasarkan penubuhannya dalam tahun 2010 hingga tahun 2012?
- c) Apakah kaedah pembiayaan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam mewujudkan setiap pusat seperti ini dan berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan dalam mewujudkan pusat-pusat ini?

JAWAPAN :

- a) Matlamat utama mewujudkan Pusat Dialisis Rakyat ini adalah bagi memastikan setiap pesakit yang memerlukan rawatan boleh menikmatinya walaupun kurang keupayaan kewangannya. Ini kerana setiap sesi dialisis memerlukan kos antara RM150.00 hingga RM200.00 tetapi pesakit akan memerlukan tiga kali rawatan setiap minggu di mana kos keseluruhannya sebulan di antara RM1,800.00 hingga RM2,400.00. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang telah berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas, namun ia tidak menghalang mereka yang tidak layak didaftarkan atas sebab-sebab tertentu termasuk yang berumur di bawah 60 tahun untuk turut sama menikmati kemudahan ini. Kerajaan Negeri juga turut mewujudkan bantuan kesihatan melalui bantuan dialisis kepada pesakit sebanyak RM2,000.00 secara *one-off* bagi meringankan beban mereka membiayai kos rawatan.
- b) Perlaksanaan program ini masih diperingkat awal. Mengikut kajian lebih daripada 3,000 orang rakyat Malaysia didiagnosis dengan kegagalan buah pinggang peringkat terakhir pada setiap tahun. Malah hari ini, lebih daripada 15,000 orang rakyat Malaysia dikatakan bergantung kepada mesin dialisis dan bilangan ini dijangka akan meningkat kepada 20,000 pada tahun 2010 ini. Namun begitu, dengan mengambil kira penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat yang mementingkan perkhidmatan kebajikan secara sukarela, Kerajaan Negeri tidak akan tergesa-gesa dalam perlaksanaan pusat dialisis rakyat tersebut. Kajian lanjut akan dibuat dan penubuhan pusat-pusat tersebut akan dibuat mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- c) Dalam mewujudkan pusat-pusat tersebut, Kerajaan Negeri telah membuat kerjasama dengan beberapa Badan Bukan Kerajaan dan pihak profesional yang mementingkan kebajikan yang memberikan perkhidmatan secara sukarela. Melalui kerjasama ini, Kerajaan Negeri akan membantu dalam konteks penyediaan tempat sekali gus kos dapat dikecilkan namun rakyat masih mendapat khidmat yang berkualiti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil alih ruang pejabat yang kini diduduki oleh Majlis Keselamatan Negara (sebuah jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan)?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat untuk mengambil alih ruang pejabat tersebut. Majlis Keselamatan Negara telah memohon perlanjutan masa sehingga 30 April 2010 untuk mencari ruang pejabat yang baru dan proses penyewaan juga mengambil masa untuk kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah bercadang untuk menggantikan kawasan tanah rizab Melayu yang telah diduduki oleh bukan Melayu. Berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang telah diduduki oleh bukan Melayu ?
- b) Sila senaraikan keluasan tersebut dan lokasinya mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut ?

JAWAPAN :

- a) Jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang telah diduduki oleh bukan Melayu yang dikesan setakat ini ialah kira-kira 309.221 ekar, iaitu 130 ekar di daerah Hulu Selangor, 30 ekar di Sepang, 134 ekar di daerah Sabak Bernam dan 15.221 ekar di daerah Klang. Jumlah keluasan bagi 5 daerah lain sedang dikenal pasti.

BIL.	DAERAH	LUAS (EKAR)
1.	Petaling	Tiada
2.	Klang	15.221 ekar
3.	Gombak	Tiada
4.	Hulu Selangor	130 ekar
5.	Hulu Langat	Tiada
6.	Kuala Selangor	Tiada
7.	Kuala Langat	Tiada
8.	Sepang	30 ekar
9.	Sabak Bernam	134 ekar

b) Lokasi kawasan-kawasan yang terlibat bagi 3 daerah tersebut adalah seperti berikut:-

BIL.	DAERAH	LOKASI	LUAS (EKAR)
1.	Klang	Pulau Indah	15.221 ekar
2.	Hulu Selangor	i) Mukim Rasa ii) Hulu Bernam iii) Ampang Pecah iv) Batang Kali	130 ekar
3.	Sepang	Kg. Sri Tanjong, Mukim Dengkil	30 ekar
4.	Sabak Bernam	a) Bagan Sekinchan b) Bagan Nakhoda Omar	74 ekar 60 ekar

c) Antara langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan bagi menyelesaikan masalah tersebut ialah mengenal pasti tanah ganti yang diduduki oleh Bukan Melayu di dalam Rizab Melayu untuk penempatan semula di kawasan Tanah Kerajaan yang belum diberi milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : SUMBER KEWANGAN

70. Kerajaan negeri ada bercadang untuk mengkaji penjanaaan sumber kewangan negeri yang baru seumpama model institusi Baitulmal.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status semasa dan hasil kajian tersebut?
- b) Siapakah tenaga pakar Islam dan profesional yang terlibat dalam membuat kajian ini?
- c) Apakah implikasi terhadap institusi sedia ada seperti Baitulmal jika model baru ini dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Cadangan tersebut masih di peringkat awal dan belum dikaji secara mendalam. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum berhasrat melaksanakan cadangan tersebut. Sekiranya rancangan ini hendak dikaji dengan lebih lanjut, Kerajaan Negeri akan merujuk kepakaran Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor.
- b) Cadangan tersebut masih di peringkat awal dan belum dikaji secara mendalam. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum berhasrat melaksanakan cadangan tersebut. Sekiranya rancangan ini hendak dikaji dengan lebih lanjut, Kerajaan Negeri akan merujuk kepakaran Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor.
- c) Cadangan tersebut masih di peringkat awal dan belum dikaji secara mendalam. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum berhasrat melaksanakan cadangan tersebut. Sekiranya rancangan ini hendak dikaji dengan lebih lanjut, Kerajaan Negeri akan merujuk kepakaran Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

71. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah pelajar PTRS di Selangor bagi tahun 2009 dan bilangan yang mendapat A dalam SPM 2009 yang lepas?
- b) Apakah ada perancangan untuk dibuka program ini pada PMR dan UPSR dan bila akan dilaksanakan?
- c) Huraikan kriteria pemilihan koordinator PTRS dan nyatakan jumlahnya.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PASIR

72. Dalam program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) Kerajaan telah meletakkan pasir di bawah seliaan Kumpulan Semester.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kecurian pasir yang agak ketara pada waktu ini?
- b) Berapakah jumlah yang telah diperoleh oleh Kerajaan sejak pengendalian diserahkan kepada Semester berbanding sebelum ini diurus oleh Pejabat Daerah dan pihak yang berkaitan?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kecurian pasir adalah seperti berikut:
 - i) Mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir;
 - ii) Mengeluarkan notis atas Borang 7A (pelanggaran syarat tanah) ke atas mana-mana tanah yang didapati mengeluarkan pasir tanpa permit yang sah di mana notis ini memerlukan tuan tanah untuk meremеди tanah kepada keadaan asal. Sekiranya tuan tanah tidak mematuhi arahan meremеди tanah tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan Borang 7B dan sekiranya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah masih dijalankan setelah siasatan dilaksanakan, Pentadbir Tanah hendaklah menyiarkan di dalam Warta Notis mengenai penyitaan atas Borang 8A;
 - iii) Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan Unit Penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, Jabatan-Jabatan Teknikal dan KSSB;
 - iv) Mengadakan rondaan / pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan
 - v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemantauan Permit Pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit / kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah.

- b) Jumlah royalti yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri sejak pengendalian KSSB (bermula Sep. 2008 – Mac 2010) adalah sebanyak **RM8,255,363.86** dengan pengeluaran sebanyak 4,535,914.21 tan metrik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : MASALAH RUMAH KOS RENDAH

73. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan mempunyai peruntukan untuk membaiki rumah pangsapuri kos rendah orang miskin yang bocor memandangkan terdapat rumah-rumah berkualiti rendah mengalami kerosakan serius setelah tamatnya liability defect period?
- b) Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memelihara pangsapuri-pangsapuri kos rendah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tiada mempunyai peruntukan khusus untuk membaiki rumah pangsapuri kos rendah yang mengalami kerosakan serius setelah tamatnya tempoh liabiliti kecacatan memandangkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] pembangunan kawasan pemajuan berstrata termasuk pangsapuri kos rendah merupakan lot-lot hakmilik kawasan persendirian. Oleh demikian, segala kos berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama seperti bumbung, lif, tangga dan sebagainya dibiayai melalui kutipan caj penyenggaraan yang dibayar oleh pembeli kepada pemaju, Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Pengurusan atau ejen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan.

Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan ke atas masalah rakyat Negeri Selangor, pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM396,192.00 untuk melaksanakan suatu kajian mengenai kerosakan bumbung pangsapuri kos rendah di Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung Selangor. Seterusnya Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah menyediakan anggaran kos untuk membaiki bumbung sahaja iaitu RM490,000.00 bagi 2 blok dan RM19,110,000.00 bagi 78 blok keseluruhan.

Justeru itu, pada tahun 2010 Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan RM500,000.00 khusus untuk membaiki pulih bumbung di kawasan terbabit. Namun, setelah Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM15 Juta bagi tujuan menyelesaikan isu-isu pangsapuri kos rendah di Bukit Beruntung, Kerajaan Negeri telah menarik peruntukan tersebut dan dimasukkan sebagai peruntukan tambahan kepada geran pelancaran RM 1 Juta untuk membaiki pulih lif di pangsapuri kos rendah.

Maka, Kerajaan Negeri pada tahun 2010 memberi fokus untuk membaiki pulih lif-lif di pangsapuri kos rendah memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang penting dan perbelanjaan penyenggaraan lif adalah sangat tinggi untuk dibiayai oleh pembeli-pembeli yang mempunyai pendapatan yang rendah. Geran pelancaran RM 1 Juta tersebut bagi membolehkan isu penyenggaraan lif bagi perumahan kos rendah dilihat secara keseluruhan dan menggubal suatu kaedah seragam untuk mengatasi kos penyenggaraan lif yang perlu ditanggung oleh pembeli-pembeli berkaitan.

- b) Kerajaan Negeri amat peka dan bersimpati dengan permasalahan pengurusan dan penyenggaraan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli pangsapuri kos rendah. Malahan, sering dilihat di paparan media massa, isu penyenggaraan bangunan telah menjadi satu isu nasional dan antara faktor penyebabnya adalah kegagalan pembeli menjelaskan bayaran caj kepada pemaju mahupun Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan atau ejen pengurusan yang dilantik. Oleh kerana sikap keprihatinan dan tahap kesedaran pembeli mengenai tanggungjawab mereka masih rendah, Kerajaan Negeri telah merancang untk meneruskan Program Kempen “Pangsapuri Kita...Bersih, Ceria Dan Harmoni” di kawasan perumahan bertingkat khususnya perumahan kos rendah yang turut membawa mesej penghargaan kepada pembeli-pembeli yang telah menjelaskan bayaran caj penyenggaraan mereka. Matlamat dan objektif kempen ini untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada komuniti perumahan bertingkat terutama perumahan bertingkat kos rendah. Ia bertujuan supaya setiap pembeli mempunyai inisiatif sendiri dan bertanggungjawab untuk menjaga kawasan masing-masing. Sebanyak lima program kempen telah disasar untuk diadakan bagi tahun 2010 sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama atau KPI bagi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggalan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: KERAJAAN NEGERI TELAH PUN MEMBERI KONTRAK KEPADA BEBERAPA SYKT BESAR YANG BERKEMAMPUAN UNTUK KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

74. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah nama syarikat besar yang terlibat dalam projek ini dan apakah /kriteria yang menjadikan syarikat ini layak dipilih?
- b) Adakah kerja-kerja pembersihan tersebut di'sub'kan kepada syarikat-syarikat kecil tempatan?

JAWAPAN :

- a) Proses pelantikan untuk Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang adalah satu proses yang telus. Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) pada 1 September 2009 telah membuat tawaran kepada umum melalui akhbar untuk syarikat-syarikat yang berminat mengemukakan cadangan-cadangan mereka. Sebanyak 37 syarikat swasta dalam dan luar negara memberi respons kepada penawaran ini dengan membeli dokumen 'Request for Business Proposals' yang berharga RM500.00.

Sebanyak 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah mengemukakan cadangan mereka semasa tarikh tutup. Cadangan-cadangan yang diterima telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai Peringkat 1 pada bulan November 2009. Jawatankuasa Penilai dianggotai oleh wakil-wakil jabatan kerajaan iaitu Pejabat Dato' Menteri Besar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Urus Air Selangor, Pejabat Tanah dan Galian serta Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Seterusnya, hasil daripada penilaian peringkat pertama, Jawatankuasa Penilai Peringkat 2 yang dianggotai oleh anggota-anggota Taskforce Projek Sungai Klang yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar telah membuat penilaian lanjut dan meluluskan untuk tindakan seterusnya. Semasa penilaian peringkat kedua ini, syarikat-syarikat yang di senarai pendek telah dijemput untuk membuat pembentangan kepada anggota-anggota Taskforce.

Setelah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai yang dianggotai jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, empat (4) syarikat-syarikat telah dipilih berdasarkan cadangan dan keupayaan mereka. Syarikat-syarikat tersebut telah dijemput untuk menganggotai 'Taskforce Public / Private Partnership' Projek Sungai Klang. Empat (4) syarikat tersebut ialah:-

- i) DPZ Asia Sdn Bhd
- ii) GJA Engineering & Construction Sdn Bhd
- iii) TSS MAKO Engineering Sdn Bhd
- iv) Wessex Water / I Berhad Consortium

Penubuhan Taskforce ini merupakan satu cara baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menjimatkan masa dan kos berbanding pendekatan lama di mana kontrak-kontrak diberikan hanya selepas Kerajaan Negeri telah mempunyai satu Pelan Induk. Dengan Taskforce ini, syarikat-syarikat swasta akan dilibatkan sejak dari awal lagi untuk mencorakkan pelaksanaan projek dan memastikan usaha-usaha yang dilaksanakan mempunyai nilai ekonomi yang baik.

- b) Setakat ini, kerja-kerja fizikal masih belum dianugerahkan kepada mana-mana syarikat lagi. Syarikat-syarikat yang telah dipilih adalah lebih kepada membuat perancangan dan cadangan pembangunan. Apabila telah bersedia untuk penganugerahan kerja-kerja fizikal, kerajaan negeri akan membuka kepada syarikat-syarikat tempatan dan luar negara, kecil dan besar untuk membuat permohonan untuk terlibat.

Sungai Klang sepanjang 120 kilometer memberikan peluang yang cukup kepada banyak syarikat untuk terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : KETUA KAMPUNG

75. Kerajaan negeri melantik ketua kampung secara bebas daripada diskriminasi politik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan pelantikan ketua kampung adalah adil dan telus?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN PEKERJA LADANG

76. Kerajaan negeri telah mengadakan program bagi meningkatkan taraf pendidikan bagi anak-anak peladang bersama beberapa NGO yang terpilih iaitu Child EWRP dan Tamil Foundation.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana taraf pendidikan anak-anak pekerja ladang setakat ini, adakah berlaku insiden keciciran?
- b) Bagaimana kerajaan membantu anak-anak peladang yang berpendidikan universiti mendapatkan pekerjaan sama ada di sektor awam mahupun swasta?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti CHILD, EWRP dan Tamil Foundation telah melaksanakan program menaikkan taraf pendidikan anak-anak pekerja ladang seperti English Camp, Reading Comprehension dan sebagainya. Program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa supaya taraf pendidikan mereka akan terus diperbaiki dan seterusnya mengelakkan mereka dari keciciran dalam pelajaran.
- b) Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Jom Kerja melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan di mana program ini dilaksanakan di setiap daerah di Selangor. Program ini adalah usahasama dengan syarikat-syarikat swasta untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada mana-mana individu yang berkelayakan. Sehubungan itu, anak pekerja ladang yang berkelayakan boleh menghadiri program sedemikian kerana ia akan diadakan dari semasa ke semasa untuk membantu mereka dalam mencari pekerjaan yang sesuai. Bagi peluang di sektor awam, anak pekerja ladang disarankan untuk memohon jawatan sektor awam melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) atau Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Selangor (SPN) atau memohon mana-mana jawatan kosong yang diiklankan oleh mana-mana agensi kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN ICT

77. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status dan manfaat Projek Pusat Siber Rakyat dan siapakah yang mengendalikannya?
- b) Setakat ini, bagaimanakah perkembangan projek capaian internet jalur lebar tanpa wayar seluruh Selangor?
- c) Masih adakah kawasan di Selangor yang masih ketinggalan dari segi penembusan internet?

JAWAPAN :

- a) Pusat Siber Rakyat (PSR) adalah penjenamaan semula projek Pusat Komuniti IT(PKIT) terdahulu. Tahun lepas terdapat lima(5) buah PSR yang telah diwujudkan iaitu :
 - i) PSR Perpustakaan Awam Klang
 - ii) PSR Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Banting
 - iii) PSR Perpustakaan Awam Semenyih
 - iv) PSR Perpustakaan Awam Berjantai Bestari
 - v) PSR Perpustakaan Awam Kg Melayu Ampang

Manfaat bagi projek ini adalah rakyat berpeluang menggunakan kemudahan ICT ini dan seterusnya dapat mengurangkan jurang digital. Kesemua PSR akan dikendalikan sepenuhnya oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

- b) Setakat ini Kerajaan Negeri telah mengujudkan lima(5) zon wifi di sekitar Shah Alam iaitu di Dataran Shah Alam, Kompleks PKNS, Seksyen Dua (2), Tiga (3) dan Sembilan (9). Tempat-tempat lain akan menyusul.
- c) Tidak dapat dinafikan sememangnya terdapat kawasan-kawasan terutama di pedalaman Negeri Selangor yang ketinggalan dari segi penembusan internet. Ini amat bergantung kepada dua(2) faktor iaitu kesediaan *Internet Service Provider (ISP)* atau syarikat telekomunikasi dan permintaan daripada pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PELABURAN

78. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa peratus kah jumlah pelaburan negeri Selangor menyumbang kepada jumlah ke peratusan pelaburan di Malaysia?
- b) Apakah 5 bidang utama yang menarik pelaburan masuk di Negeri Selangor?
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mencipta bidang pelaburan bagi memastikan Negeri Selangor kekal sebagai negeri yang paling kompeten dalam usaha untuk menarik pelaburan?

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2009, sebanyak **278 projek** perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 6,759,590,951** dan menyumbang sebanyak **21%** daripada peratusan jumlah pelaburan di Malaysia.
- b) 5 bidang utama yang menarik pelaburan masuk ke negeri Selangor adalah;-
 - i) Industri Pembuatan Barangan Elektronik dan Elektrik
 - ii) Industri Pembuatan Barangan Makanan
 - iii) Industri Pembuatan Barangan Mesin dan Peralatan
 - iv) Industri Pembuatan Kelengkapan Kenderaan
 - v) Industri Pembuatan Kimia dan Barangan Kimia
- c) Bagi memastikan Negeri Selangor terus kekal sebagai negeri yang paling kompeten dalam usaha untuk menarik pelaburan, Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa strategi bagi memastikan sektor perindustrian terus berkembang dan menjadi penyumbang utama kepada KDNK Negeri seperti ;-
 - i) Menggalakkan sektor industri yang berasaskan teknologi tinggi, berasaskan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam.
 - ii) Menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti;-
 - 1) Business and Professional Services
 - 2) Integrated Logistic Services
 - 3) ICT Related Services
 - 4) Distributive Services
 - 5) Education and Training Services
 - 6) Medical and Health Services
 - 7) Tourism Services
 - 8) Manufacturing Related Services

- iii) Menggalakkan penglibatan dalam industri berpotensi seperti;
 - 1) Biotechnology
 - 2) Aviation Industry
 - 3) Solar Industry
- iv) Menjadikan negeri Selangor bukan sahaja sebagai pusat pengeluaran produk tertentu tetapi mewujudkan nilai tambah pasaran produk.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menggalakkan pertumbuhan beberapa bidang industri seperti berikut:-

- i) Electrical & Electronics Industry
 - 1) Consumer Electronics
 - 2) Electronic Components
 - 3) Industrial Electronics
 - 4) Electrical Products
- ii) Life Sciences Industry
 - 1) Biotechnology
 - 2) Pharmaceuticals
 - 3) Medical Devices
- iii) Renewable Energy Industry
- iv) Machinery & Equipment Industry
- v) Transport Equipment Industry
- vi) Petrochemical & Polymer Industry
- vii) Marine-Based Industrial & Port-Related
- viii) Manufacturing Related Services.
 - i. Shipyard activities
- ix) Aerospace Industry
- x) Services Industry
 - 1) Business & Professional Services
 - 2) Integrated Logistic Services
 - 3) ICT Services
 - 4) Distributive Services
 - 5) Education and Training Services
 - 6) Health Services
 - 7) Tourism Services
 - 8) Manufacturing Related Services

- xi) Halal Industry
- 1) Raw Materials
 - Flour Mills
 - Cocoa Powder Processing
 - 2) Food & Beverages
 - Soft Drinks
 - Confectionery Products
 - Frozen Food Processing
 - 3) Dairy Products
 - Milk, Yogurt, Ice Cream
 - 4) Non-Food Products
 - Pharmaceuticals
 - Cosmetics
 - Herbal Supplements
 - Leather
 - 5) Packaging, Storage and Distribution
 - 6) Import & Export activities

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KONSEP BANDAR SELAMAT

79. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri bagi meningkatkan tahap keselamatan dan menurunkan kadar jenayah di Negeri Selangor bawah Kempen "Konsep Bandar Selamat"?
- b) Adakah satu jawatankuasa khas ditubuhkan oleh kerajaan negeri bagi memantau dan memastikan keberkesanan kempen ini dan siapakah anggota-anggota yang dipilih untuk menyertai jawatankuasa tersebut sekiranya ada?
- c) Berapakah jumlah peruntukkan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi memasang CCTV di kawasan yang kerap berlaku kes jenayah di Selangor dan senaraikan bilangan CCTV yang akan dipasang mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri semua PBT Negeri Selangor dipohon mempertingkatkan pelaksanaan Program Bandar Selamat selaras dengan Sasaran NKRA Bandar Selamat 2010 - 15 Langkah Program Bandar Selamat iaitu mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 20 % pada akhir 2010. Di bawah konsep tersebut, PBT digalakkan untuk meningkatkan penyediaan lampu jalan, laluan dan lorong pejalan kaki serta bekerjasama dengan pihak polis untuk menggalakkan, membangunkan dan melaksanakan inisiatif pencegahan jenayah di kawasan bandar.
- b) Program Bandar Selamat dipantau oleh Kerajaan Negeri dan JPBD Negeri Selangor dan dilaksanakan di kesemua 12 PBT di Negeri Selangor.

- c) Kerajaan Negeri akan memasang sebanyak 414 unit kamera CCTV di semua PBT Negeri Selangor. Projek ini akan dimulakan pada Julai 2010 secara sewaan dengan kos sewaan sebanyak RM 5.86 juta setahun. Senarai kamera CCTV yang akan dipasang adalah seperti berikut

PBT	SEDIA ADA
MBSA	50
MBPJ	60
MPSJ	50
MPKJ	60
MPS	50
MPK	60
MPSP	50
MDKS	8
MDSB	8
MDHS	8
MDKL	10
JUMLAH	414

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PRODUK PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

80. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah sembilan produk baru pelancongan yang telah dan akan diwujudkan setiap tahun bagi tahun; 2008, 2009, 2010, 2011, 2012?
- b) Berapakah peruntukan yang dikhaskan untuk pelancongan dan pulangan daripadanya bagi 2006-2009?
- c) Berapakah unjuran pulangan bagi tahun 2010?

JAWAPAN :

- a)
 - i. I-City - Shah Alam
 - ii. Sepang Gold Coast - Sepang
 - iii. Kolam Ikan Air Tawar - Kuala Selangor
 - iv. Galeri DiRaja - Klang
 - v) Heritage Walk (14 tempat bersejarah- Klang
 - vi) Kompleks Taman Seni Islam - Shah Alam
 - vii) Sungai Selangor (Tubing Area) - Kuala Kubu
- b) Peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan pelancongan ialah melalui Peruntukan Pembangunan (P 01 : Menteri Besar & Suk). Butiran perbelanjaan peruntukan pelancongan ialah seperti berikut :-

2006	-	RM 1,528,200.00
2007	-	RM 2,320,176.30
2008	-	RM 1,849,940.00
2009	-	RM 3,860,150.25

Secara keseluruhannya, pulangan daripada pelancongan bagi tahun 2006 – 2009 ialah seperti berikut :-

TAHUN	PERUNTUKAN	PULANGAN
2006		RM 2.51 billion
2007		RM 3.72 billion
2008		RM 3.98 billion
2009		RM 3.96 billion

- c) Dianggarkan unjuran pulangan bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM 3.92 billion daripada sasaran 5.6 juta pelancong yang akan melawat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : DEMAM DENGGI DAN INFLUENZA H1N1

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri yang mungkin lebih berkesan bagi menangani gejala wabak demam denggi yang semakin serius di Negeri Selangor?
- b) Apakah status terkini Penyakit Influenza H1N1 di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksana dan sedang menumpu perhatian kepada aktiviti berikut dalam usaha mencegah penyakit demam denggi di negeri ini:
 - i) Pembinaan punca pembiakan nyamuk ('source reduction') sebagai strategi utama. Strategi ini mengutamakan kebersihan alam sekeliling berterusan ('everyday cleanliness') untuk semua lokaliti berisiko yang merangkumi aktiviti pelupusan sampah teratur. Langkah ini disokong oleh aktiviti lain.
 - ii) Aktiviti mobilisasi masyarakat untuk menjaga kebersihan di dalam dan di luar rumah.
 - iii) Penguatkuasaan undang-undang.
 - iv) Aktiviti fogging hanya digunakan untuk mengawal wabak bila langkah-langkah pencegahan ini tidak efektif.
- b) Sehingga 1 April 2010 sebanyak 1644 kes influenza A H1N1 di kesan sejak pandemik ini bermula di Malaysia. Bilangan kematian yang disebabkan secara langsung oleh Virus H1N1 ini adalah 15 orang

Pada tahun lepas sebanyak 136 wabak/kluster H1N1 telah dilaporkan manakala untuk tahun ini sehingga 1 April 2010 sebanyak 11 wabak H1N1 telah dilaporkan. Pihak kerajaan sedang memantau situasi ini secara berterusan dan buat masa ini tiada tanda-tanda gelombang kedua bermula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : TASK FORCE

82. Kerajaan Negeri ada menubuhkan task force seperti task force tanah negeri dan melantik tenaga pakar untuk memperbaiki pentadbiran tanah negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa task force kah yang telah diwujudkan oleh kerajaan negeri dan apakah terma rujukan mereka?
- b) Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membiayai tenaga pakar dalam semua task force tersebut?
- c) Apakah cadangan dan inovasi yang telah dihasilkan oleh task force dan dapat dimanfaatkan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : MODEL EKONOMI BARU

83. Kerajaan Persekutuan mengumumkan Model Ekonomi Baru (MEB) dengan elemen kreativiti, inovasi dan nilai tinggi sebagai teras pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kerajaan negeri mempunyai model ekonomi tersendiri untuk memastikan ekonomi negeri terus kukuh?
- b) Apakah kerajaan negeri bersedia untuk menerapkan MEB dalam strategi pembangunan ekonomi negeri?
- c) Apakah strategi kerajaan untuk menjana kreativiti, inovasi dan nilai di kalangan rakyat Selangor?

JAWAPAN :

- a) Dalam memastikan ekonomi negeri terus kukuh menjelang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan dalam masa yang sama mampu beriringan dengan Kerajaan Persekutuan yang telah mengumumkan Model Ekonomi Baru (MEB) baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah terlebih dahulu mengorak langkah yang lebih proaktif dengan melancarkan model pembangunan yang lebih komprehensif dan menetapkan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 bagi menjadikan "Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan".

Berasaskan hala tuju tersebut, Kerajaan menetapkan pelbagai usaha-usaha pembangunan dilaksanakan secara holistik dengan melibatkan pembangunan modal insan yang sentiasa tunduk kepada Penciptanya, pembangunan infrastruktur, ekonomi, urus tadbir yang baik serta tidak melupakan pengurusan alam sekitar. Hala tuju yang holistik ini digariskan melalui 7 teras seperti berikut:-

- i) Menguruskan negeri maju berteraskan nilai murni, nilai sejagat, keunggulan budaya dan tradisi;
- ii) Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan;
- iii) Menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah;
- iv) Menambah baik tadbir urus;
- v) Mengurus pembangunan alam sekitar yang mampan;
- vi) Memacu pembangunan modal insan;
- vii) Menjana sumber pertumbuhan baru.

- b) Kerajaan akan menerapkan Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 sebagai asas dan wawasan pembangunan negeri Selangor kerana ia memberi penekanan terhadap pembangunan yang seimbang dengan menetapkan nilai kerohanian dalam sebarang perancangan pembangunan di samping memastikan penjagaan alam sekitar.
- c) Dengan status sebagai sebuah negeri maju, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi di kalangan masyarakat. Dalam usaha Kerajaan mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat negeri Selangor, Kerajaan telah melancarkan projek Pusat Siber Rakyat (PSR) yang berobjektifkan pengembangan dan penggabungan konsep ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan medium digital. Projek ini telah dilaksanakan di 5 lokasi seluruh negeri Selangor dan dianggarkan akan dilakukan penambahan sebanyak 10 lokasi-lokasi yang strategik bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat. Kerajaan akan mengadakan program Festival Sains, Teknologi dan Inovasi (FesSTIS) pada bulan Jun 2010. Program ini akan berjaya menarik minat ramai pengunjung di kalangan masyarakat untuk mengetahui dan mendalami teknologi-teknologi yang terkini yang berada di pasaran.

Kerajaan akan meneruskan lagi pengembangan Agenda U-WiSEL untuk meningkatkan perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar (*wireless broadband*) ke seluruh negeri Selangor tanpa diskriminasi bagi penduduk bandar ataupun luar bandar. Usaha ini akan memastikan pengagihan peluang adalah sama rata, mampu dimiliki oleh semua dan di dalam masa yang sama kelestarian alam sekitar dan pengawalan pencemaran iaitu pencemaran pemandangan dan radiasi dapat dikawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN ISLAM

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor sedar bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan rizab perkuburan untuk orang Islam, orang Cina dan orang India di Batu 3 Mukim Damansara Petaling Jaya Selangor. Berapakah keluasan tanah yang disediakan untuk tapak-tapak perkuburan tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor sedar sebahagian daripada tanah perkuburan Islam tersebut telah pun di ceroboh?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Keluasan tanah Perkuburan Islam Batu 3, Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor adalah seperti berikut :

Tapak Perkuburan Islam : 5.419 ekar

Tapak Perkuburan Cina : 3.547 ekar

Tapak Perkuburan India : 2.048 ekar

- b) dan c)

Kerajaan Negeri Selangor sedar berkenaan masalah itu dan tindakan akan diambil berdasarkan keputusan MMKN 47/31/2006. Status terkini - tindakan pewartaan semula oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling mengikut keluasan baru, sebelum dipagar mengikut sempadan baru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENGURUSAN PROJEK TERBENGGALAI

85. Kerajaan Negeri telah berusaha untuk membangunkan balik projek-projek terbengkalai di Negeri Selangor. Walaupun projek tersebut dapat dibangunkan semula tetapi kebanyakan pembeli rumah terutamanya rumah kos rendah mengalami masalah mendapatkan atau meneruskan pinjaman dibank, kerana telah berumur. Oleh kerana suatu tempoh masa yang panjang telah berlalu sehingga rumah terbengkalai dapat dinaikkan semula, maka umur pembeli rumah telah meningkat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bantuan penyelesaian Kerajaan Negeri kepada mereka yang sukar mendapat pinjaman bank kerana telah lanjut umur atau berpendapatan rendah?
- b) Oleh kerana projek terbengkalai, ramai pembeli telah berhenti membayar balik pinjaman ke bank. Justeru itu mereka di senarai hitamkan. Bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu pembeli rumah yang telah di senarai hitamkan ini apabila projek terbengkalai tersebut dibangunkan semula?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa bank terlibat yang bersedia memberi komitmen dalam memberi bantuan pinjaman perumahan kepada mereka yang telah lanjut umur atau berpendapatan rendah. Satu skim khas yang dikenali sebagai Skim Jaminan Kredit Perumahan telah diperkenalkan di mana pinjaman perumahan diberikan kepada golongan yang tidak mempunyai bukti pendapatan bulanan yang tetap tanpa mengira jenis pekerjaan. Menerusi skim ini, tempoh pembayaran dilanjutkan sehingga peminjam berusia 65 tahun. Di bawah skim ini, pinjaman 2 generasi boleh dilakukan untuk memanjangkan tempoh pembayaran dan tempoh pembayaran akan dikira berdasarkan usia anak/pewaris sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas dan tiada caj/yuran yang dikenakan kepada peminjam. Secara langsung, ianya akan membantu pembeli memperolehi peluang yang lebih besar untuk memiliki rumah tersebut di samping mengurangkan bebanan dalam membayar semula pinjaman perumahan yang dibuat.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pembeli yang telah di senarai hitamkan oleh agensi kewangan akibat tindakan mereka berhenti membayar balik pinjaman ekoran projek perumahan yang dibeli terbengkalai. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat usaha daripada pemaju asal atau pemaju penyelamat untuk memulihkan semula projek tersebut, Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan agensi kewangan yang terlibat bagi mendapatkan kerjasama untuk menawarkan semula pinjaman perumahan kepada pembeli tersebut. Tawaran semula pinjaman boleh dibuat dengan menstrukturkan

semula pinjaman mereka bagi membolehkan penyenaaraihitaman tersebut ditarik balik dalam usaha memulihkan projek terbengkalai.

Selain dari langkah tersebut, alternatif lain yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meminta pemaju asal atau pemaju penyelamat membeli semula unit yang dibeli oleh pembeli yang tidak dapat meneruskan pinjaman perumahan. Pembelian tersebut hendaklah dibuat dengan kadar harga berdasarkan jumlah pinjaman yang telah dibayar oleh pembeli kepada pihak bank. Langkah ini membolehkan pembeli terlibat memperolehi bayaran/pampasan yang dapat digunakan untuk membayar semula kepada pihak bank dan seterusnya membolehkan nama mereka ditarik balik dari disenaraihitamkan. Dengan itu, pembeli-pembeli tersebut dapat melepaskan bebanan hutang yang ditanggung serta mengelakkan dari dikenakan tindakan mahkamah oleh pihak bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : KAWASAN LAPANG DI NEGERI SELANGOR

86. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kawasan lapang yang telah disewa, dipajak atau diberi TOL untuk tujuan komersial di Negeri Selangor. Sila terperinci mengikut daerah, kadar sewa atau pajak, syarikat yang terlibat dan tempoh tamat.
- b) Adakah kawasan lapang boleh dijadikan tempat rizab sekolah? Kalau tidak sila berikan sebab-sebab.

JAWAPAN :

- a) Kawasan lapang yang digunakan untuk TOL bagi tujuan komersial adalah seperti berikut:-

Bil.	DAERAH	KEGUNAAN	KADAR SEWA	NAMA SYARIKAT	TEMPOH TAMAT SEWA
1.	Hulu Langat	Lapangan Sasar Golf	RM6,000.00 sebulan	MPAJ	April 2010
2.	Lain-lain daerah	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

- b) Kawasan lapang tidak boleh menjadi rizab sekolah kerana kawasan lapang berdasarkan Akta 172 ialah tanah lapang sebagai mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang dikhaskan atau dirizabkan untuk dikhaskan atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam. Kawasan lapang perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk diwartakan sebagai kawasan lapang (pegawai pengawal adalah Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan). Manakala rizab sekolah yang diserahkan kepada Kerajaan akibat pembangunan oleh pemilik tanah akan dipohon oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai tapak pembinaan sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

87. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah KPI yang telah digariskan untuk kontraktor-kontraktor sama ada di dalam Alam Flora atau Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan tahap kerja yang memuaskan dalam pengurusan sampah di Selangor?
- b) Sejak dari Mac 2008 sehingga Mac 2010, berapa ramaikah kontraktor-kontraktor yang di tamatkan terus perkhidmatan mereka dan tolong senaraikan nama-nama mereka?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan atau telah diambil untuk menambah baikkan tahap mutu dan keberkesanan kerja-kerja pembersihan kampung dan bandar yang masih berada di tahap yang belum memuaskan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

88. Mengikut kenyataan Menteri Kerja Raya, kerajaan pusat telah memperuntukkan sebanyak RM 315 juta kepada kerajaan Selangor untuk tujuan pembangunan infrastruktur di negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah peruntukan yang diagihkan oleh kerajaan negeri bagi penyelenggara jalan-jalan di negeri Selangor?
- b) Bagaimana kerajaan negeri menggunakan peruntukan RM 315 juta ini?
- c) Berapakah aduan kerosakan jalan raya yang diterima oleh JKR Selangor setiap bulan secara purata?

JAWAPAN :

- a) Perincian pengagihan peruntukan berjumlah **RM315,627,131.00** oleh kerajaan Negeri Selangor bagi penyelenggaraan jalan-jalan di Negeri Selangor pada tahun 2009 ialah, sebanyak **RM183,110,799.29** diagihkan kepada JKR Negeri Selangor bagi menaik taraf dan menyelenggara jalan, sebanyak **RM900,000.00** di agihkan kepada JPS Negeri Selangor bagi menurap jalan-jalan ladang dan sebanyak **RM76,000,000.00** di agihkan kepada PBT bagi menyelenggara jalan dan parit monson di bawah kawalan PBT. Pengagihan peruntukan kepada JKR dan JPS adalah dibuat melalui belanjawan tahunan Jabatan sementara peruntukan kepada PBT disalurkan terus daripada Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan **RM315,627,131.00** dengan mengagihkan peruntukan tersebut kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk menaik taraf atau menyelenggara jalan-jalan negeri. Tiga (3) agensi yang terlibat adalah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) untuk menaik taraf jalan, Jabatan Pengairan dan saliran (JPS) bagi menurap jalan pertanian dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi penyelenggaraan jalan-jalan dan parit monson di bawah kawal selia PBT tersebut. Geran peruntukan yang disalurkan adalah berdasarkan kepada keperluan penyelenggaraan jalan dan parit monson yang dipohon oleh PBT kepada Pihak Berkuasa Negeri dan berdasarkan kedudukan kewangan semasa PBT.
- c) Secara puratanya jumlah aduan yang diterima oleh JKR Negeri Selangor adalah sebanyak 116 aduan setiap bulan. Aduan-aduan tersebut adalah aduan kerosakan permukaan jalan, kerosakan lampu jalan dan perparitan.

LAMPIRAN 1**Pembahagian peruntukan RM315 juta**

BIL	TAHUN	TERIMAAN PERUNTUKAN MARRIS (RM)	PEMBERIAN PERUNTUKAN (RM)			BAKI YANG DIMASUKKAN KE DALAM AKAUN AMANAH (RM)
			JKR	JPS	PBT	
1	2009	315,627,131.00	183,110,799.29	900,000.00	76,000,000.00	55,616,331.71

Aduan kerosakan jalan raya yang diterima oleh JKR Selangor setiap bulan secara purata

BIL	BULANAN	JENIS ADUAN	JUMLAH
1	Januari	KEROSAKAN PERMUKAAN JALAN, LAMPU JALAN DAN PERPARITAN	47
2	Februari		78
3	Mac		124
4	April		113
5	Mei		57
6	Jun		133
7	Julai		123
8	Ogos		85
9	September		95
10	Oktober		135
11	November		201
12	Disember		209
JUMLAH			1400

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : URBAN AGRICULTURE

89. Kerajaan negeri pernah mewar-warkan hasrat untuk melaksanakan konsep dan program pertanian bandar (*urban agriculture*) bagi membantu warga bandar menghasilkan makan untuk kegunaan sendiri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status perkembangan program pertanian bandar (*urban agriculture*) ini?
- b) Apakah impak segera yang dinikmati oleh masyarakat bandar yang menyertai program ini?
- c) Apakah program ini boleh mendatangkan pulangan ekonomi tinggi untuk masyarakat bandar?

JAWAPAN :

a), b) dan c) dijawab bersekali.

Kerajaan negeri tidak pernah mengwar-warkan konsep pertanian bandar (*Urban Agriculture*) Walaubagaimanapun, kerajaan negeri menyokong pelaksanaan Program Bumi Hijau yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menggalakkan orang ramai terlibat menanam sayur-sayuran di halaman rumah untuk kegunaan sendiri. Sehingga kini seramai 13,434 individu dan 299 projek komuniti yang melibatkan 6587 peserta terlibat dengan program bumi hijau. Sejumlah 249.2 tan hasil sayur-sayuran yang dikeluarkan melalui program ini dan bernilai RM448,583.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : RANGSANGAN EKONOMI

90. Kerajaan menjangka dapat menarik pelaburan melebihi RM 50 bilion di bawah pakej rangsangan ekonomi negeri melalui Inisiatif Kewangan Swasta bagi melaksana enam projek teras iaitu:
- 1) Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang
 - 2) Pembangunan semula projek perumahan yang terbengkalai
 - 3) Pembangunan semula kawasan bandar
 - 4) Peningkatan hasil tanaman padi
 - 5) Perluasan sistem pengangkutan
 - 6) Penstrukturan semula industri air Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini berapakah nilai pelaburan yang telah diperolehi untuk merangsang ekonomi negeri dan projek teras manakah yang diberi keutamaan serta dapat menarik pelaburan tertinggi?
- b) Berapakah jumlah pekerjaan yang telah dapat dicipta hasil pakej rangsangan ekonomi?
- c) Adakah kerajaan bercadang membuka sebuah makmal (*laboratory*) yang memperincikan inisiatif pelaksanaan pakej rangsangan ini untuk tatapan rakyat?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PELABURAN

91. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa banyakkah jumlah pelaburan yang telah dihasilkan oleh rakyat tempatan di Negeri Selangor ini, semenjak tampuk pimpinan Kerajaan Negeri Selangor diambil alih oleh Pakatan Rakyat?
 - b) Siapakah para pelabur tempatan yang telah menyumbang kepada ekonomi Negeri Selangor dan apakah bidang-bidang pelaburan yang telah diceburi dan diusahakan oleh mereka-mereka ini?
 - c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik perhatian agar lebih ramai para pelabur tempatan datang melabur bagi menjanakan lagi pertumbuhan dan ekonomi Negeri Selangor pada masa kini?

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh April 2008 sehingga Disember 2009, sebanyak **522 projek** perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 16,903,197,086**. daripada jumlah ini sebanyak **RM 5,304,921,857** adalah daripada pelaburan tempatan.

- b) Pecahan maklumat industri yang melibatkan pelaburan tempatan bagi tempoh April 2008 sehingga Disember 2009 adalah seperti berikut;-

Industri	Proje	Peluang Pekerjaa n	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Electronics & Electrical Products	55	18,120	299,265,617	6,530,614,736	6,829,880,353
Basic Metal Products	25	1,365	622,718,756	975,752,776	1,598,471,532
Food Manufacturing	50	3,507	695,389,339	854,511,873	1,549,901,212
Machinery & Equipment	80	5,324	619,281,829	759,222,477	1,378,504,306
Transport Equipment	47	2,226	629,042,978	478,419,523	1,107,462,501
Chemical & Chemical Products	36	1,517	622,588,568	432,866,979	1,055,455,547
Fabricated Metal Products	66	3,122	425,475,500	372,835,215	798,310,715
Plastic Products	33	2,131	333,883,891	242,765,748	576,649,639
Paper, Printing & Publishing	17	1,697	189,256,443	311,034,505	500,290,948
Non-Metallic Mineral Products	11	764	130,790,836	242,813,058	373,603,894
Rubber Products	23	2,464	187,144,105	124,659,419	311,803,524
Scientific & Measuring Equipment	12	648	137,957,563	73,573,825	211,531,388
Furniture & Fixtures	29	3,132	142,565,372	44,014,599	186,579,971
Wood & Wood Products	15	811	149,443,110	21,076,640	170,519,750
Beverages & Tobacco	2	135	21,499,798	56,385,202	77,885,000
Textiles & Textile Products	9	658	20,107,903	54,635,309	74,743,212
Miscellaneous	7	278	49,809,262	17,843,342	67,652,604
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	5	113	28,700,990	5,250,000	33,950,990
Leather & Leather	0	0	0	0	0

Products					
Jumlah	522	48,012	5,304,921,860	11,598,275,226	16,903,197,086

Sumber : MIDA

- c) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik perhatian agar lebih ramai para pelabur tempatan datang melabur bagi menjanakan lagi pertumbuhan dan ekonomi negeri Selangor pada masa kini adalah seperti berikut:-
- i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii) Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - viii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
 - x) Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
 - xi) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
 - xii) Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
 - xiii) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
 - xiv) Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.

- xv) Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SUNGAI KELANG

92. Kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian pada membaik pulih Sungai Kelang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan lokasi sebenar yang diberi tumpuan baik pulih.
- a) Berapakah peruntukan yang akan digunakan bagi membaik pulih?
- c) Apakah pulangan yang dijangka didapati Kerajaan Negeri dari projek baik pulih?

JAWAPAN :

- a) Kawasan-kawasan yang terlibat di dalam Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang ialah:-
 - i) Zon 1 – Kawasan MPK sepanjang 21 km
 - ii) Zon 2 – Kawasan MBSA, MPSJ dan MBPJ sepanjang 35 km
 - iii) Zon 3 – Kawasan MPAJ sepanjang 24 km

Untuk peringkat awal, fokus kerajaan negeri ialah Zon 1 terlebih dahulu memandangkan Klang memerlukan pembaharuan yang segera.

- b) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang akan mengambil pendekatan 'Private Funding Initiative', di mana pihak swasta yang berminat akan menyediakan peruntukan yang sanggup dilaburkan berdasarkan nilai ekonomi yang dapat dijana oleh syarikat-syarikat tersebut. Ini membuatkan sebarang pelaburan yang dibuat adalah 'feasible' untuk dilaksanakan dan dapat mengurangkan berlakunya projek-projek 'Gajah Putih' akibat daripada pelaksanaan projek yang tidak mempunyai nilai ekonomi yang kukuh atau 'self sustainable'.
- c) Hasil daripada sistem ekonomi rakyat adalah melalui pelaburan-pelaburan dari dalam dan luar negara, menjana peluang pekerjaan kepada rakyat dan juga meningkatkan nilai hartanah di kawasan-kawasan sekitar sungai yang sebelum ini mempunyai nilai hartanah yang rendah akibat daripada pencemaran. Kesemua ini akan juga meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri untuk diagihkan semula kepada masyarakat melalui program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan juga program-program kemasyarakatan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

93. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan Negeri Selangor dalam mengurangkan kos penyelenggaraan sisa pepejal setiap PBT?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha kitar semula berlandaskan pengasingan pada sumber?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor kaji semula pelantikan Alam Flora Sdn Bhd dalam penyelenggaraan sisa pepejal di setiap PBT?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMULIHAN PROJEK RUMAH TERBENGGALAI

94. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila nyatakan jumlah keseluruhan projek rumah terbengkalai yang telah dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor mengikut susunan daerah ?
 - b) Sila nyatakan secara terperinci sehingga setakat ini,berapakah projek rumah terbengkalai yang sudah berjaya dipulihkan sejak pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor dan manfaat secara langsung kepada rakyat Negeri Selangor ?
 - c) Sila nyatakan berapakah jumlah suntikan dana yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha ini dan kesannya terhadap perkembangan ekonomi Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 31 Januari 2010, terdapat sebanyak 135 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 48,623 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut PBT adalah seperti berikut :

N O	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH BIL. PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MPK	22	5	1	-	28	4,134
2	MBPJ	3	4	-	-	7	2,996
3	MBSA	15	1	1	-	17	5,210
4	MPSJ	5	3	-	-	8	8,786
5	MPAJ	10	1	-	-	11	2,949
6	MPKj	11	-	-	-	11	4,150
7	MPS	9	1	-	2	12	2,310
8	MPSp	8	-	-	-	8	3,941
9	MDKS	9	-	-	2	11	7,128
10	MDHS	5	1	-	6	12	5,955
11	MDKlgt	7	2	-	-	9	1,032
12	MDSB	1	-	-	-	1	32
JUMLAH		105	18	2	10	135	48,623

- b) Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, adalah dimaklumkan sehingga kini Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telah berjaya menyelesaikan sebanyak 20 projek yang melibatkan 7,779 unit dari Mac 2008 sehingga 31 Januari 2010 seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit

12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	KOMPLEKS KOTA KAJANG, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
Jumlah Pembeli/Unit		7,779 unit	

Kesan daripada pemuliharaan projek tersebut, penyerahan kunci kepada rakyat dan Sijil Layak Menduduki (CF) ke atas projek tersebut dapat diberikan. Secara langsung, pemuliharaan projek ini akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat Negeri Selangor. Dengan ini, rakyat dapat menduduki rumah tersebut dan tidak perlu menyewa seterusnya mengurangkan kos hidup rakyat.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan semula projek-projek perumahan terbengkalai merupakan salah satu program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang diumumkan dalam Bajet 2010. Anggaran kos pemulihan projek sebanyak RM5 bilion diperlukan bagi membaik pulih dan memodenkan perumahan kos rendah di samping menjana ekonomi dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) pula dijangka sebanyak RM 7 bilion hingga RM 9 bilion. Walau bagaimanapun, buat masa ini suntikan dana tidak diperlukan dari Kerajaan Negeri bagi memulihkan projek-projek terbengkalai kerana projek-projek yang dipulihkan adalah bersifat *self financing* (pembiayaan sendiri) seperti contoh projek Bukit Botak yang sedang dipulihkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang mana ia melibatkan tindakan pengambilan tanah yang membolehkan Kerajaan Negeri menyusun semula pembangunan dengan tawaran unit rumah yang lebih menarik dan tinggi nilainya serta membolehkan pembeli bersetuju menambah wang sendiri untuk menanggung defisit tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : MODAL INSAN

95. Kerajaan negeri ada program SPIES untuk membina modal insan di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa orangkah yang telah dilatih sehingga akhir 2009?
- b) Apakah impak positif yang nyata hasil pelaksanaan program ini sejak dua tahun yang lalu?
- c) Adakah kerajaan negeri bersetuju bahawa kewujudan banyak pusat hiburan telah merosakkan agenda SPIES negeri?

JAWAPAN :

- a) Bermula tahun 2008 sehingga akhir 2009, sebanyak **351 program** telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai **29,243 orang**. Maklumat terperinci adalah seperti berikut :

Jadual 1: Pencapaian program SPIES tahun 2008

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Kanak - kanak	4	411
Belia	23	2303
Ibu bapa	6	714
Warga Industri	2	160
Ketua Kampung	3	330
Setiausaha JKKK	2	365
Pendidik	7	850
Remaja	7	700
Mahasiswa	12	1200
DUN	1	150

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Pegawai JAIS	2	135
Siswa 1K	4	400
Pimpinan Pelajar	2	200
JUMLAH	75	7048

Jadual 2: Pencapaian program SPIES tahun 2009

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Masyarakat	1	60
Belia	91	7339
Alumni SPIES Belia	19	1670
Remaja	47	1597
Alumni SPIES remaja	10	931
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam	42	3217
Warga Emas	1	50
Ibubapa	10	2000
Ibu Tunggal	2	200
Pendidik	17	1615
Pelajar IPT	3	253
Alumni SPIES Kepimpinan	1	24
SPIES Siswa	11	829
SPIES Siswa 1K	5	294
SPIES AJK Masjid	5	366
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	11	880
JUMLAH	276	21,325

- b) Berdasarkan daripada maklum balas secara lisan dan testimoni melalui laman Web mengenai program SPIES adalah memberangsangkan, di mana terdapat perubahan sikap dan persepsi peserta ke arah yang lebih baik dan positif.

Selain itu, Hasil kajian keberkesanan pelaksanaan program SPIES yang dijalankan ke atas peserta Kursus bagi tahun 2009, 5,074 maklum balas peserta telah di analisa dan majoriti telah memberikan maklum balas yang positif kepada kursus ini. Hasil kajian ini menunjukkan purata skor yang diperolehi adalah 3.48 (purata penuh adalah 4.00) mengatakan kursus ini memberikan keberkesanan ke atas aplikasi kehidupan mereka.

Keyakinan yang tinggi melalui purata skor yang diberikan ini adalah merupakan satu manifestasi atau terjemahan kepada keyakinan positif peserta ke atas kursus ini, melalui pengenalan elemen-elemen teras yang terdapat dalam SPIES iaitu pembinaan hubungan sesama manusia dan pencipta, pengurusan emosi yang baik, kepentingan penjagaan fizikal, dan pembinaan daya intelek yang tinggi. Melalui kursus SPIES ini, kerajaan negeri telah menyediakan satu platform yang baik dan terancang dalam mewujudkan satu masyarakat yang cemerlang dan seterusnya melahirkan warga yang bertamadun dari segi aspek fizikal dan spiritual.

- c) Kewujudan banyak pusat hiburan di Negeri Selangor tidak merosakkan agenda SPIES kerana pusat hiburan ini telah wujud sebelum SPIES diperkenalkan lagi. SPIES adalah satu usaha mengupayakan rakyat agar mereka mampu menjadi **self regulatory** kerana dilatih untuk berfikir secara **analytical** dan **kritikal** dalam SPIES. Justeru mereka mampu memilih sendiri jenis-jenis hiburan yang positif bukan yang boleh melekakan dan menggelapkan masa depan mereka.

Pelaksanaan Program SPIES juga menekankan nilai - nilai murnimoral yang universal sebagai asas dalam membina masyarakat Selangor yang cemerlang. SPIES tidak terjejas dengan kewujudan pusat hiburan tetapi Kerajaan Negeri mengharapkan supaya program SPIES akan dapat menambahkan kesedaran masyarakat dan pembuat polisi bagi mengurangkan bilangan pusat hiburan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PENGLIBATAN NGO

96. Badan Bukan Kerajaan (NGO) boleh menjadi rakan strategik kerajaan dalam pelaksanaan dasar dan program.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan bilangan, nama dan fungsi NGO-NGO yang telah menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri.
- b) Berapakah peruntukan yang telah diberi kepada NGO-NGO berkenaan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan pembangunan negeri dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Di antara NGO yang telah menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

- i) Pembangunan Kanak-kanak :

Persatuan Taska Negeri Selangor

Menyedari pembangunan modal insan kepada generasi muda dapat mencorak pembangunan sesebuah negeri, Kerajaan Negeri amat berbangga dengan sumbangan persatuan ini dalam membentuk dan memberi pendedahan mengenai ilmu dan maklumat cara pengasuhan kanak-kanak yang betul meliputi pelbagai aspek, seperti keselamatan, advokasi, pemakanan seimbang dan lain-lain ke seluruh daerah di Negeri Selangor.

- ii) Kebajikan

Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor

Pertubuhan ini berfungsi sebagai badan penyelarass kegiatan dan perunding kepada badan / pertubuhan sukarela di peringkat Negeri Selangor. Majlis ini turut membantu memberikan sumbangan terhadap kemajuan pertubuhan serta menyediakan kemudahan untuk mematuhi keperluan kebajikan golongan terbiar tanpa mengira agama dan bangsa.

iii) Pembangunan Pelajar

Ma'aruf Club

Pertubuhan ini diwujudkan di institusi pengajian tinggi (IPT) yang telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan menjalankan aktiviti khidmat masyarakat dan program berbentuk dakwah dan pembangunan pelajar.

iv) Pembangunan Kemahiran Orang Kurang Upaya

Kelab Kekacatan Fizikal Klang, Persatuan Pemulihan Orang Cacat, Beautiful Gate Foundation Petaling Jaya /Klang, Badan Bertindak OKU Malaysia

Kerajaan Negeri juga tidak meminggirkan golongan kurang upaya dengan membantu mereka mempelajari teknik dan kemahiran menghasilkan aksesori mudah sebagai salah satu kemahiran yang boleh meningkat pendapatan. Melalui aktiviti seperti ini, golongan OKU akan menjadi lebih produktif dan dapat berdikari tanpa sentiasa mengharapkan bantuan kebajikan.

- b) Setiap tahun, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada NGO yang berada di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Namun begitu, kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukkan khas untuk disalurkan kepada setiap NGO di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan dan menyokong NGO dengan melaksanakan aktiviti kebajikan / sukarela serta sumbangan terhadap kemajuan dan meningkatkan mutu perkhidmatan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : BEKALAN AIR PAHANG

97. Rancangan penyaluran sumber air mentah dari negeri Pahang amat penting untuk memastikan sumber air bersih yang mencukupi di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini projek penyaluran dan pembelian air dari negeri Pahang ini?
- b) Adakah wujud impak sosial dan alam sekitar hasil daripada projek penyaluran air ini?

JAWAPAN :

- a) Projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor ketika ini sedang dalam proses penyiasatan tanah oleh kontraktor pembinaan terowong penyaluran air mentah.
- b) Projek ini pada dasarnya tidak akan merosakkan alam sekitar dan mencemarkan sungai di Hulu Langat kerana aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat dititikberatkan di bawah pelan pengurusan alam sekitar (EMP) yang disediakan oleh pasukan projek. Setiap pelaksanaan projek akan dipantau dengan teliti oleh semua jabatan teknikal di bawah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: SMUE

98. Sejak negeri Selangor ini berada di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, banyak skim-skim bantuan rakyat telah diperkenalkan dan rakyat merasakan nikmatnya seperti Skim Usia Emas, TAWAS dan sebagainya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Tolong berikan jumlah RM perbelanjaan yang telah dibuat sepanjang tahun ini berbanding bajet yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri?
- b) Pecahan RM jumlah antara kaum yang telah menerima sumbangan di atas?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali

Skim Mesra Usia Emas

Bagi Skim Mesra Usia Emas sejumlah RM20.7 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2008 (bermula Oktober 2008) hingga 2009. Dan bagi tahun 2010 ini, RM20.7 juta lagi juga telah diperuntukkan untuk tujuan yang sama.

Sehingga 31hb Mac 2010, sejumlah RM25.557 juta telah dibayar kepada Penama Ahli yang layak dan berdaftar.

Daripada jumlah tersebut, RM11.119 juta adalah untuk Bayaran Peringkat Pertama (RM1000) di mana 43.8% penerimanya adalah kaum Melayu, 39.6% adalah kaum Cina, 15.6% adalah kaum India dan 1% lain-lain kaum.

Sementara RM14.438 juta pula adalah untuk Bayaran Peringkat Kedua (RM1500) di mana 44.3% penerimanya adalah dari kaum Melayu, 39% kaum Cina, 15.8% kaum India dan 1% lain-lain kaum.

Hadiah Anak Masuk Universiti

Untuk Hadiah Anak Masuk Universiti, sejumlah RM4.2 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2008 dan RM8.2 juta bagi tahun 2009.

Bagi tahun 2008 sejumlah RM3.567 juta telah dibelanjakan. Daripada jumlah ini, 74.43% penerima adalah daripada kaum Melayu, 17.43% adalah kaum Cina, 6.73% adalah kaum India dan 1.40% daripada kaum-kaum lain.

Untuk tahun 2009 pula sejumlah RM6.014 juta telah dibelanjakan di mana 54.14% penerima adalah daripada kaum Melayu, 25.7% kaum Cina, 18.24% kaum India dan 1.93% daripada lain-lain kaum.

Tabung Warisan Anak Selangor

Bagi Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), sejumlah RM13.5 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah tersebut, RM5 juta diperuntukkan bagi operasi TAWAS dan RM8.5 juta pula diperuntukkan bagi pembukaan akaun simpanan tetap Ahli.

Sehingga 28hb Februari 2010, sejumlah RM1,242,400.00 telah dibelanjakan bagi dikreditkan ke dalam akaun simpanan tetap Ahli. Daripada jumlah tersebut, 53.01% dikreditkan ke akaun simpanan tetap Ahli kaum Melayu, 29.99% Ahli kaum Cina, 13.99% Ahli kaum India dan 2.99% Ahli lain-lain kaum.

Lain-lain

Untuk program Bekalan Air 20 Meter Padu Percuma, sejumlah RM200,143,073.00 telah dibelanjakan. Daripada jumlah tersebut RM68,674,733.00 adalah bagi 1,101,541 pengguna bermeter individu pada tahun 2008. Sementara RM131,468,073.00 adalah untuk 1,160,324 pengguna bagi tahun 2009.

Sementara bagi program Bantuan Anak-anak Pekerja Ladang sejumlah RM1,472,739.60 telah dibelanjakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM354,200 telah digunakan untuk tahun 2008 dan RM1,118,539.60 telah digunakan pada tahun 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : KEMPEN KITAR SEMULA

99. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Selain daripada kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' pada setiap hari Sabtu, apakah kempen-kempen lain yang bakal diperkenalkan oleh kerajaan negeri?
- b) Pengguna merasakan pembayaran 20 sen untuk sehelai beg plastik telah menguntungkan peniaga. Apakah pandangan kerajaan negeri terhadap hal ini?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan penuh kepada kempen "Hari Tanpa Beg Plastik". Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan kempen-kempen yang lain contohnya kempen untuk menjimatkan air tetapi masih di dalam peringkat kajian dan perbincangan.
- b) Hasil kutipan caj 20 sen yang dikenakan disalurkan kepada badan-badan kebajikan?NGO alam sekitar/program-program CSR yang berkenaan dengan alam sekitar dan bukan untuk kegunaan pasar raya itu sendiri. Secara tidak langsung, masyarakat akan mempelajari untuk tidak menggunakan beg plastik kerana caj lebih akan dikenakan semasa mereka membeli belah. Pasaraya mendapat untung secara tidak langsung dengan pengurangan pembelian beg plastik kerana penggunaannya semakin berkurang. Masalah bebankan caj 20 sen kepada pengguna hanyalah sementara jika dibandingkan dengan masalah timbunan sampah plastik yang mengambil masa beribu tahun untuk dihapuskan dan menelan belanja Kerajaan Negeri yang amat besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : GARIS KEMISKINAN

100. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah anggaran rakyat Selangor yang kini berada di bawah garis kemiskinan negeri?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk membantu rakyat Selangor yang berada di bawah garis kemiskinan?

JAWAPAN :

- a) Anggaran rakyat Selangor yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 adalah sebanyak 30% daripada keseluruhan penduduk Selangor.
- b) Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah proaktif untuk membantu mengeluarkan golongan miskin dari garis kemiskinan dengan mengadakan program-program peningkatan pendapatan, mengambil berat isu perumahan, memberi peluang pendidikan dan memberi bantuan rawatan perubatan. Program-program yang masih diteruskan adalah seperti berikut :-
 - i) Program Kerajaan Prihatin
 - ii) Program peralatan "Blueprint"
 - iii) Program Kemahiran Teknikal; dan
 - iv) Program Bantuan Kesihatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : TANAH

101. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah geran-geran tanah persendirian (bukan tujuan komersil) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak 2 tahun pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat yang lalu?
- b) Apakah kriteria yang layak dipertimbangkan bagi kelulusan geran-geran tersebut?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : PEPERIKSAAN

102. Pencapaian pelajar Selangor dalam peperiksaan besar seperti PMR dan SPM tidak dapat mengatasi pencapaian negeri seperti negeri Terengganu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif untuk memastikan negeri Selangor menjadi terbaik berbanding negeri-negeri lain dalam peperiksaan PMR / SPM?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan program tuisyen percuma yang dapat membantu pelajar menghadapi peperiksaan terutamanya di kawasan luar bandar?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang terlibat?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN

103. Pewujudan zon pusat hiburan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dijangka dapat membendung masalah premis hiburan haram.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serius menguatkuasakan pewujudan zon-zon pusat hiburan di Selangor?
- b) Nyatakan pulangan ekonomi yang dinikmati hasil kewujudan pusat-pusat hiburan sedia ada?
- c) Nyatakan jumlah pelancong asing yang berkunjung ke premis-premis hiburan mengikut PBT dan adakah kerajaan negeri bersetuju bahawa kewujudan premis hiburan didalangi oleh kumpulan kongsi gelap (*underworld*)?

JAWAPAN:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan akan meneruskan perwujudan zon-zon pusat hiburan di Selangor sejajar dengan keputusan Kerajaan Negeri pada 30 Januari 2008. Pendekatan melaksanakan zon hiburan ini adalah bertujuan untuk memudahkan pemantauan dan kawalan oleh pihak PDRM dan PBT ke atas premis-premis hiburan berlesen di PBT Selangor. Sekiranya pusat-pusat hiburan ini dibiarkan wujud secara tidak berpusat, maka penumpuan penguatkuasaan sukar dilaksanakan.

Lanjutan daripada itu, semua pemilik premis hiburan di dalam Zon Hiburan diwajibkan mematuhi peraturan –peraturan yang ketat seperti pemasangan CCTV, memastikan tiada aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang seperti dadah, pelacuran, perjudian, penjualan arak kepada orang Islam dan yang berkaitan dengannya. Sekiranya pengusaha ingkar, maka lesen boleh dibatalkan.

- b) Pulangan ekonomi yang diterima boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu secara langsung dan tidak langsung. Pulangan secara langsung diperoleh melalui bayaran lesen premis dan juga cukai hiburan. Manakala pulangan tidak langsung adalah dari segi kedatangan pelancongan asing ke kawasan tersebut yang bakal membantu perkembangan ekonomi kawasan sekeliling.

- c) Pada masa ini PBT masih belum melaksanakan bancian pelancong asing yang mengunjungi premis-premis tersebut. Mengenai tanggapan bahawa kewujudan premis hiburan didalangi oleh kumpulan kongsi gelap hanya boleh diterangkan dan dinyatakan oleh pihak PDRM memandangkan PBT tidak ada pasukan yang meneliti perkara ini dan ia tidak tertakluk di bawah kuasa PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SUNGAI KLANG

104. Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang adalah salah satu teras di bawah pakej rangsangan ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan dan tempoh yang diperlukan untuk memulihkan Sungai Klang?
- b) Berapakah nilai pelaburan yang telah diperoleh setakat ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju tanpa bantuan Kerajaan Persekutuan projek ini sukar dilaksanakan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : CERUN TANAH RUNTUH DI KM12 JALAN RAWANG - SELAYANG

105. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah punca yang menyebabkan insiden keruntuhan cerun tanah di KM12 Jalan Rawang ke Selayang pada 2hb November 2009?
- b) Siapakah pihak bertanggungjawab yang menyebabkan keruntuhan cerun tanah ini dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan negeri bagi memastikan kestabilan cerun tanah tersebut dan kawasan yang berdekatan?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan insiden cerun tanah runtuh khasnya pada musim-musim hujan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman kejadian cerun runtuh pada 3 November 2010 (2.40 pagi) berlaku di KM16.5 Laluan Persekutuan FT001 Jalan Kuala Lumpur - Ipoh, Bandar Baru Selayang berhampiran Selayang Heights. Tiada kejadian tanah runtuh berlaku di KM12 seperti yang dilaporkan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati antara faktor-faktor berlakunya insiden kejadian tanah runtuh di kawasan tersebut adalah :

- i) Jumlah terkumpul keamatan (density) hujan sebanyak 177mm 14 hari sebelum berlakunya tanah runtuh dikenal pasti sebagai faktor pencetus kepada tanah runtuh.
- ii) Sistem perparitan yang tidak sempurna dan pecah di atas puncak cerun. Tiada sistem tanggapan cerun bersama sistem perparitan turut menyumbang kepada faktor cerun runtuh. Kegagalan memesongkan aliran air menyebabkan air larian permukaan meresap ke permukaan cerun dan menepukan struktur tanah di kawasan tersebut.
- iii) Cerun tambak tersebut tidak dibina mengikut spesifikasi pemadatan tanah (end tipping material). Ini berdasarkan ujian JKR Probe yang menunjukkan tanah di kawasan tersebut lebih lembut berbanding kawasan sekitarnya.
- iv) Analisa Digital Terrain Modelling menunjukkan keadaan cerun sebelum runtuh merupakan kawasan lembah.

- b) Kejadian tanah runtuh tersebut berlaku disebabkan beberapa faktor seperti jumlah keamatan hujan yang tinggi sebelum berlakunya kejadian tanah runtuh, tiada sistem perparitan di puncak cerun menyebabkan air larian permukaan tidak dapat dipesongkan dari memasuki permukaan cerun, dan cerun tambak yang tidak mengikut spesifikasi pemadatan tanah (end tipping material). Kejadian tanah runtuh tersebut berlaku di dalam kawasan yang dimiliki oleh kerajaan negeri Selangor.

Tindakan awalan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan kestabilan cerun tanah dan kawasan yang berdekatan adalah :

- i) Membina satu struktur penahan sementara di kaki runtuhan cerun bagi menghalang aliran puing/ lumpur dari memasuki jalan.
 - ii) Permukaan cerun yang runtuh dan rekahan tegangan di puncak cerun dilindungi dengan heavy duty plastic sheet.
 - iii) Membina sistem perparitan dan penyenggaraan berkala.
 - iv) Pemantauan yang berterusan ke atas cerun.
- c) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan kejadian insiden tanah runtuh adalah :
- i) Melalui kerja-kerja pengukuhan cerun dengan membina struktur-struktur tembok penahan seperti Reinforced Earth Wall, Reinforced Concrete Wall, Soil Nailing, Guniting, Debris Barrier dan sebagainya di jalan –jalan yang berisiko bagi menstabilkan cerun. Memastikan pembinaan sistem perparitan cerun yang sempurna serta mengikut standard dan spesifikasi semasa perancangan dan pembinaan cerun.
 - ii) ‘Menghijaukan’ cerun dengan menanam rumput seterusnya dapat mengurangkan air larian permukaan terus meresap ke dalam tanah. Menggalakkan kajian dan penggunaan teknologi bio-engineering yang lebih mesra alam.
 - iii) Sistem penyenggaraan cerun yang berkala. Membaiki sistem perparitan cerun yang rosak dan membersihkan sekiranya tersumbat. Mewujudkan nota dan garis panduan pemeriksaan cerun oleh Jabatan Kerja Raya .
 - iv) Menggalakkan kajian dan pembangunan (R&D) bagi mengenalpasti teknologi terkini yang boleh diguna pakai bagi membantu menstabilkan cerun. Mengumpul data-data berkaitan, menganalisis dan mentafsir data tersebut bagi membantu menilai keberkesanan teknologi dan metodologi yang digunakan.
 - v) Selain itu, sebarang perancangan dan pembangunan di tanah tinggi perlu disemak terlebih dahulu oleh pihak berwajib serta mengikut spesifikasi dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pelbagai agensi berkaitan. Sebagai contoh, Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi 1997 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan dan Tempatan dan sebagainya. Menyemak polisi dan penguatkuasaan akta-akta dan garis panduan berkaitan cerun yang sedia ada.
 - vi) Membangunkan sistem amaran awal dengan memasang peralatan instrumentasi di cerun-cerun berisiko bagi memantau dan membuat penilaian.
 - vii) Membangkitkan kesedaran awam dengan membuat program-program dan memberi ceramah berkaitan untuk menambah kefahaman awam mengenai tanah runtuh seterusnya dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha-usaha mengelakkan kejadian tanah runtuh.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah maklum balas dan respons Suruhanjaya Pilihan raya terhadap permohonan Kerajaan Negeri Selangor agar dikaji dan dilaksanakan pilihan raya peringkat Ahli Majlis?
- b) Adakah Kerajaan Negeri yang baru ini mempunyai alternatif atau cara lain bagi membolehkan pilihan raya PBT dijayakan?

JAWAPAN :

- a) Maklum balas dan respons daripada pihak Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) adalah seperti berikut:
 1. SPR mempunyai kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan tertakluk ia diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri menurut Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan;
 2. Akta 473 memberi SPR kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, SPR tidak dapat menguatkuasakan Akta 473 kerana subseksyen 15(1) Akta 171 yang memperuntukkan bahawa semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan dan terhenti kuat kuasanya atau terhenti mempunyai kesan;
 3. Berikutan dengan kuat kuasanya subseksyen 15(1) dan pemakaian seksyen 10 Akta 171, adalah jelas bahawa SPR tidak boleh menjalankan pilihan raya bagi memilih Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan kerana keanggotaan mereka hendaklah dibuat secara lantikan (*by appointment*);
 4. Walaupun pilihan raya kerajaan tempatan berada di bawah bidang kuasa Negeri, namun berdasarkan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, perubahan dasar berhubung dengan apa-apa cadangan untuk mengadakan semula pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh **Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (National Council for Local Government)**;
 5. Jika **Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (National Council for Local Government)** memutuskan bahawa Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan hendaklah dibuat melalui suatu pilihan raya, maka cadangan ini boleh dilaksanakan dengan cara berikut;
 - 5.1 Seksyen 10 dan 15 Akta 171 perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukkan sedia ada yang lain berkaitan dengan pelantikan Anggota Majlis;

- 5.2 Semua cadangan pindaan kepada Akta 171 hendaklah diterima pakai oleh semua Negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu; dan
 - 5.3 Peraturan-peraturan bagi menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diadakan.
6. Sehingga segala tindakan diambil berdasarkan cadangan yang dinyatakan di sebelum ini, SPR tidak boleh menguatkuasakan Akta 473 untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan bagi Negeri Selangor.
 7. Seterusnya, pihak SPR tidak boleh menjalankan kajian dan penyelidikan untuk Kerajaan Negeri Selangor kerana bertentangan dengan fungsi dan kuasa SPR di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada peruntukkan sedia ada sehingga ini, keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan di bawah Akta 473 tidak boleh dilaksanakan kerana semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan telah dimansuhkan dan terhenti berkuat kuasa atau terhenti mempunyai kesan atas pemakaian seksyen 155 Akta 171. Pihak Kerajaan Negeri juga adalah tertakluk kepada seksyen 10 Akta 171 yang menyatakan bahawa pelantikan Anggota Majlis Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat secara lantikan (*by appointment*).
- b) Memandangkan Kerajaan Negeri baru sahaja menerima maklum balas daripada SPR dan secara dasarnya dilihat pilihan raya kerajaan tempatan tidak dapat dijayakan kerana wujud kekangan undang-undang, maka Kerajaan Negeri akan meneliti perkara ini semula demi mencari pendekatan terbaik dengan kemungkinan alternatif yang tidak mewujudkan berlakunya percanggahan undang-undang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PUSAT SENI DAN BUDAYA SELANGOR

107. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Di manakah lokasi-lokasi yang akan dijadikan Pusat Seni dan Budaya?
- b) Berapakah kos perbelanjaan yang diperlukan untuk Pusat Seni dan Budaya?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : RUMAH RAKYAT SELANGOR

108. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah projek-projek rumah terbengkalai yang dapat di tangani oleh kerajaan pakatan rakyat?
- b) Apakah status terkini kependudukan dan baik pulih (bumbung) perumahan di taman perumahan bukit sentosa sehingga UMNO beria-ia benar mahu menjadi juara rakyat di situ?

JAWAPAN:

- a) Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, adalah dimaklumkan sehingga kini Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telah berjaya menyelesaikan sebanyak 20 projek yang melibatkan 7,779 unit dari Mac 2008 sehingga 31 Januari 2010 seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	KOMPLEKS KOTA KAJANG, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
Jumlah Pembeli/Unit		7,779 unit	

b) Dijawab oleh Jabatan Kerja Raya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PENYELESAIAN MASALAH BANJIR DI SELAYANG BARU

109. Selayang Baru adalah perkampungan lama yang kini mengalami pertumbuhan pesat dan menghadapi masalah densiti penduduk yang padat. Pembangunan yang tidak terancang ini telah memberi kesan buruk kepada sistem perparitan sedia ada sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat di sesetengah kawasan apabila berlakunya hujan lebat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan pembangunan yang akan dilakukan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi menyelesaikan masalah banjir ini untuk jangka masa panjang?
- b) Adakah penyelesaian bagi masalah banjir yang telah lama dihadapi ini dimasukkan sebagai projek pembangunan khas dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)?

JAWAPAN :

- a) Dijawab oleh MPS.
- b) Bagi mengatasi banjir di kawasan ini JPS telah pun siap menjalankan kajian reka bentuk Projek Menaiktaraf Saliran Bandar Baru Selayang. Projek ini dijangka akan dimulakan pada Mei 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : PENGANGKUTAN

110. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaikkan taraf pengangkutan awam demi keselesaan rakyat melalui pakej rangsangan ekonomi negeri.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Pembangunan (Blueprint) untuk jaringan pengangkutan negeri yang cekap dan berkesan?
- b) Apakah justifikasi manfaat jangka pendek dan jangka panjang perpindahan terminal pengangkutan Klang Sentral yang telah menyebabkan bantahan serta kontroversi?
- c) Berapa nilai pelaburan yang telah diperoleh untuk menaik taraf pengangkutan awam di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Pembangunan untuk jaringan pengangkutan Negeri. Ini adalah berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020 (RSN Selangor 2020) yang diwartakan pada 14 Jun 2007 No Warta 1541. RSN Selangor 2020 memberi penekanan kepada konsep pembangunan 2020 memberi penekanan kepada konsep pembangunan berorientasikan transit. Konsep tersebut adalah untuk mewujudkan rangkaian perhubungan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap serta pembangunan perbandaran yang tertumpu di kawasan pusat transit. Ia bertujuan untuk mengoptimumkan bersepadu di samping mengatasi masalah kesesakan dan konflik lalu lintas.

RSN Selangor 2020 telah menggariskan lima (5) dasar-dasar yang berkaitan dengan sistem pengangkutan secara menyeluruh iaitu :-

- i) Dasar FZ 14 – Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu Dilaksanakan Di Semua Bandar Untuk Mempertingkatkan Penggunaan Semua Mod Pengangkutan.
- ii) Dasar FZ 15 – Sistem Pengurusan Permintaan Perjalanan (Travel Demand Management) Perlu Dilaksana Bagi Mewujudkan Sistem Pengangkutan Bandar Yang Mampan.
- iii) Dasar FZ 16 – Sistem Pengangkutan Awam Perlu Diperluaskan Untuk Mengintegrasikan Perkhidmatan Pengangkutan Berasaskan Rel.
- iv) Dasar FZ 17 – Kemudahan Sokongan Pengangkutan Yang Selamat Dan Mesra Pengguna Perlu Disediakan Dengan Mencukupi, Menyeluruh Dan Berterusan.
- v) Dasar FZ 37 – Perkhidmatan Pengangkutan Awam Bersepadu Dan Pendekatan 'Travel Demand Management' Perlu Dilaksanakan Di Bandar-Bandar Utama.

Dasar-dasar tersebut adalah menjurus kepada mengadaptasikan konsep 'Transit Oriented Development' (TOD) di dalam dasar pembangunan di Negeri Selangor. Selaras dengan RSN Selangor 2020, konsep TOD telah diterapkan secara khusus di dalam Rancangan-rancangan Tempatan dan Draf-draf Rancangan Tempatan di Negeri Selangor. Cadangan-cadangan sistem pengangkutan bersepadu ini mengintegrasikan pengangkutan berasaskan rel, jaringan jalan raya dan terminal pengangkutan awam bersepadu.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 Kerajaan Negeri Selangor yang telah diumumkan, sistem pengangkutan awam merupakan salah satu perkara penting yang diberi tumpuan khusus. Antara program penting yang menjadi teras adalah seperti berikut :

- i) Memastikan pengukuhan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
- ii) Modal Split dari 90:10 ke 50:50
- iii) 'One Hour Public Transport Model'
- iv) Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.
- v) Menyambung Laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang
- vi) Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu (Bas, Teksi, LRT diintegrasikan dalam terminal pengangkutan awam).
- vii) Menambah penyediaan sistem pengangkutan ke seluruh kawasan dalam Negeri Selangor.
- viii) Menambah perkhidmatan 'bas henti-henti' antara bandar dalam Negeri Selangor

Untuk persaingan yang lebih kompetitif di dalam pembangunan serta untuk keselesaan pengangkutan pengguna, sistem-sistem berasaskan rail, tram, priority bus lane dan bus rapid transit akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan.

Kerajaan Negeri juga telah memberi pandangan dan supaya cadangan sistem pengangkutan awam di dalam Pelan Tempatan Bandar raya Kuala Lumpur 2020 diselaraskan dengan Kajian Pelan Integrasi Pengangkutan Awam dan Guna tanah Lembah Klang. Cadangan pengangkutan awam berasaskan rel di dalam Pelan Tempatan Bandar raya Kuala Lumpur 2020 perlu mengambil kira kedudukan Negeri Selangor dan pusat-pusat pertumbuhannya terutama lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu MBPJ, MPSJ, MPKj, MP Selayang dan MPAJ.

b) **Manfaat jangka pendek**

- i) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pusat Bandar
- ii) Menyediakan kawasan yang lebih luas untuk penempatan bas-bas kerana terminal sedia ada tidak mampu menampung pertambahan bas berikutan permintaan penduduk yang bertambah kesan dari pembangunan yang pesat di Daerah Klang
- iii) Menyediakan terminal yang lebih selesa dengan pelbagai kemudahan seperti tempat menunggu berhawa dingin, surau, kiosk, kedai makan dan lain-lain.

Manfaat jangka panjang

- i) Meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan sekitarnya dan Pekan Meru
- ii) Pemangkin kepada pembangunan yang lebih pesat di kawasan sekitarnya.

c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 30 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : GAYA HIDUP SIHAT

111. Bilangan pesakit akibat gaya hidup yang tidak sihat semakin meningkat di Malaysia.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik pesakit akibat gaya hidup yang tidak sihat di Selangor?
- b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk mengadakan program bagi mempromosikan gaya hidup yang sihat?

JAWAPAN :

- a) Mengikut Kajian Mobiliti Kesihatan Peringkat Kebangsaan (NHMS III) pada tahun 2006 didapati 52% penduduk Negeri Selangor adalah tidak aktif secara fizikal, 12% mengalami diabetes, 31% berlebihan berat badan dan 24% pernah merokok.

Pada tahun 2009 data-data yang diperolehi dari perkhidmatan saringan faktor risiko penyakit kardiovaskular yang dijalankan di Klinik-klinik Kesihatan dan Kem Kesihatan di Negeri Selangor menunjukkan 21% mempunyai tekanan darah tinggi, 15% mengalami diabetes, 21% berlebihan berat badan, 15% kolesterol tinggi dan 16% merokok.

- b) Kerajaan telah berusaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan Gaya Hidup Sihat dengan melaksanakan Kempen Cara Hidup Sihat di Negeri Selangor. Kempen ini merangkumi 5 skop iaitu: Makan secara sihat, Tak Nak Merokok, Lakukan aktiviti fizikal, Jauhi diri dari minuman alkohol dan kesihatan mental yang baik.

Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah:-

- i) Untuk Program Outreach Kempen Cara Hidup Sihat, pada tahun 2009, sebanyak **36 program** telah dilaksanakan di **sekolah**, **49 program** dilaksanakan di **tempat kerja** dan **37 program** dilaksanakan untuk **komuniti**. Program/ Kempen ini masih diteruskan pada tahun ini.
- ii) Mengadakan sambutan hari-hari khas kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran orang ramai berkenaan kepentingan Gaya Hidup Sihat.
- iii) Mengadakan aktiviti Karnival dan Kem Kesihatan. Sebanyak **271 Kem Kesihatan** yang telah diadakan pada tahun 2009. Aktiviti kem kesihatan ini merupakan aktiviti yang dilaksanakan pada tiap-tiap tahun.

- iv) Di klinik kesihatan, program saringan penyakit kardiovaskular untuk mengenal faktor risiko penyakit yang berkaitan gaya hidup sihat ini kepada komuniti termasuk program berhenti merokok. Program pengurusan berat badan juga ada dijalankan.
- v) Memberi kaunseling kepada pesakit dan ahli keluarga serta komuniti secara keseluruhannya mengenai gaya hidup sihat

Maklumat Tambahan

Jadual 1: Masalah Kesihatan disebabkan gaya hidup tidak sihat di kalangan penduduk Negeri Selangor.

Masalah Kesihatan	Negeri Selangor	Kebangsaan
Tidak aktif secara fizikal	52.1%	43.7%
Diabetes	12.0%	11.6%
Berlebihan berat badan	31.0%	29.1%
Merokok (ever smoker)	23.6%	27%

Sumber: Laporan Kajian Mobiliti Kesihatan Kebangsaan (NHMS III), 2006

Jadual 2: Masalah Kesihatan disebabkan gaya hidup tidak sihat dikalangan penduduk Negeri Selangor.

Masalah Kesihatan	Tahun 2008	Tahun 2009
<i>Hypertension</i>	20.0%	21.4%
Diabetes	10.0%	14.7%
Berlebihan berat badan	20.0%	20.8%
Merokok	14.0%	15.5%
<i>Hypercholesterolaemia</i>	17.0%	14.7%

Sumber: Reten Saringan Penyakit Kardiovaskular, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, 2008-2009

Program Mempromosi Gaya Hidup Sihat:

Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah:-

- i) Membudayakan amalan cara hidup sihat di kalangan masyarakat di Negeri Selangor dengan melaksanakan kempen cara hidup sihat di sekolah yang melibatkan pelajar dan warga sekolah, di tempat kerja yang mensasarkan pekerja agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Seterusnya, kempen untuk komuniti yang melibatkan masyarakat awam. Program ini merupakan program *Outreach* (temu seru) iaitu pihak kerajaan telah pergi kepada sasaran untuk melaksanakan Kempen Cara Hidup Sihat. Pada tahun 2009, sebanyak **36 program** telah dilaksanakan di sekolah, **49 program** dilaksanakan di tempat kerja dan **37 program** dilaksanakan untuk komuniti. Program/ Kempen ini masih diteruskan pada tahun ini.
- ii) Mengadakan sambutan hari-hari khas kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran orang ramai berkenaan kepentingan Gaya Hidup Sihat. Pada tahun ini, sambutan hari khas kesihatan masih diteruskan. Sambutan hari-hari khas yang telah dilaksanakan pada tahun 2009 adalah seperti di Lampiran A.
- iii) Pihak kerajaan juga telah mengadakan aktiviti Karnival dan Kem Kesihatan. Pengisian aktiviti ini adalah pemeriksaan kesihatan, pameran, ceramah kesihatan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan Gaya Hidup Sihat. Pemeriksaan kesihatan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengesan risiko penyakit yang dialami oleh individu. Sekiranya individu berisiko menghadapi penyakit seperti diabetes, jantung dan darah tinggi, mereka akan dinasihati untuk membuat pemeriksaan kesihatan yang selanjutnya di Klinik Kesihatan. Pameran, ceramah dan lain-lain aktiviti pula lebih kepada meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kesihatan. Sebanyak **271 Kem Kesihatan** yang telah diadakan pada tahun 2009. Aktiviti kem kesihatan ini merupakan aktiviti yang dilaksanakan pada tiap-tiap tahun.
- iv) Di Klinik-klinik Kesihatan dijalankan program saringan penyakit kardiovaskular untuk mengenal faktor risiko penyakit yang berkaitan gaya hidup sihat ini kepada komuniti termasuk program berhenti merokok. Program pengurusan berat badan juga ada dijalankan.
- v) Kaunseling kepada pesakit dan ahli keluarga serta komuniti secara keseluruhannya mengenai gaya hidup sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SELANGOR

112. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi penerangan terkini terhadap pelbagai pakej rangsangan ekonomi kerajaan negeri Selangor
- b) Apakah proses pelantikan syarikat-syarikat yang bertanggungjawab membersihkan Sungai Klang?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, kebanyakan daripada projek masih berada di dalam proses kajian dan perancangan.

1. Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang

- Pelancaran projek telah dibuat pada 13 Mac 2010 oleh DYMM Sultan Selangor semasa Karnival Sungai Klang 2010
- Setelah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai yang dianggotai jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, empat (4) syarikat telah dipilih untuk terlibat dengan Projek Sungai Klang berdasarkan cadangan dan keupayaan mereka. Syarikat-syarikat tersebut telah dijemput untuk menganggotai 'Taskforce Public / Private Partnership' Projek Sungai Klang. Empat (4) syarikat tersebut ialah:-
 - i. DPZ Asia Sdn Bhd
 - ii. GJA Engineering & Construction Sdn Bhd
 - iii. TSS MAKO Engineering Sdn Bhd
 - iv. Wessex Water / I Berhad Consortium
- Pelan Pembangunan Projek Sungai Klang telah ditunjukkan kepada umum secara berperingkat.

2. Pembangunan semula projek perumahan yang terbengkalai

- Telah berjaya menghidupkan semula 18 projek terbengkalai daripada 134 yang disenaraikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Pemulihan ini menyumbang terus kepada sektor pembinaan Negeri Selangor dan membuka peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, tiada nilai sebenar pelaburan dan pekerjaan diperolehi setakat ini.
- Beberapa projek terbengkalai telah dikenal pasti untuk menjadi fokus kerajaan negeri pada tahun ini iaitu Bukit Botak, Alam Perdana dan Alam Mutiara. Penyelesaian akan dibuat menggunakan:-
 1. Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)
 2. Perampasan Tanah
 - i) Seksyen 100 KTN di atas kegagalan membayar cukai tanah
 - ii) Seksyen 129 KTN di atas pelanggaran syarat tanah

3. Pembangunan semula kawasan bandar

- Projek Pembaharuan Bandar telah dimulakan di Ampang Jaya dengan pengumuman projek Datum Jelatek oleh PKNS dengan nilai pembangunan sebanyak RM1.2 bilion. PKNS telah mengambil pendekatan membangunkan semula flat-flat kos rendah PKNS yang lama untuk dijadikan perumahan kos sederhana dan tinggi. Projek ini dijangka akan menjadi rangsangan atau 'stimulus' kepada pembangunan Pusat Bandar Keramat.
- Selain itu, Seksyen 52, Petaling Jaya juga sudah dikenal pasti untuk dibangunkan untuk menjadi Pusat Bandar Petaling Jaya. Projek ini masih di dalam peringkat kajian dan perancangan untuk memastikan pembangunan yang terancang dan mampan dapat dilaksanakan, terutamanya untuk menyelesaikan masalah trafik di kawasan tersebut yang sangat genting.

4. Peningkatan hasil tanaman padi

- Program melipatgandakan hasil padi telah bermula dari 2009 dan ini akan berlangsung sehingga 2013 selama 5 tahun. Sawah-sawah yang terlibat meliputi kawasan seluas 18,355 hektar (ha) dan melibatkan seramai 9,332 petani
- Objektif program padi adalah untuk melipatgandakan pengeluaran hasil padi di semua kawasan untuk berada pada tahap seperti kawasan Sekinchan dengan pengeluaran melebihi 7.5 mt/ha pada 2013
- Program ini dijangka akan berjaya meningkatkan hasil padi kepada lebih daripada 140,000 mt berbanding sekarang 100,000 mt
- Pendapatan per kapita petani padi dijangka akan bertambah daripada RM12,900/musim kepada RM20,371/musim
- Program yang sedang ada dalam pelaksanaan ialah 2 projek perintis di daerah Sabak Bernam (Pancang Bedena, Pasir Panjang) dan 1 di daerah Kuala Selangor (Sawah Sempadan) pada musim 1/2009 (Mac – Julai), dan terdapat 21 kawasan projek baru bagi Musim 2/2009 (Sept – Feb)
- Apa yang akan dilaksanakan pada masa hadapan ialah memperkembangkan program ke seluruh sawah-sawah padi di barat laut negeri Selangor, dan sasaran untuk mengembangkan program daripada 16% (2009), kepada 37% (2010), 62% (2011), 87% (2012) dan 100% (2013) kawasan sawah-sawah padi

5. Perluasan sistem pengangkutan

- YAB Dato' Menteri Besar telah berjumpa dengan Menteri dalam Pejabat Perdana Menteri iaitu YB Dato' Seri Idris Jala yang mengetuai "Government Transformation Programme" dan "National Key Results Areas" di bawah Kerajaan Persekutuan. Perjumpaan tersebut adalah khas untuk membincangkan perkara sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang, iaitu salah satu daripada "NKRA".
- Taklimat telah diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor tentang hasrat Kerajaan Persekutuan memperbaiki sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang. Dalam perjumpaan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah memberi Kertas Dasar Cadangan untuk membentuk sebuah "Klang Valley Transport Council" iaitu Majlis Pengangkutan Lembah Kelang. Majlis ini dicadangkan agar dibentuk supaya hal-ehwal pengangkutan dan masalah yang dihadapi dapat diselaraskan pada peringkat tempatan dan negeri. Majlis ini juga akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang akan dilancarkan pada bulan Jun tahun ini.

- Dengan adanya Majlis ini, ia diharap agar perancangan untuk sistem pengangkutan akan dilaksanakan dengan lebih teliti lagi. Majlis ini dicadangkan supaya diwakili oleh pihak kerajaan negeri Selangor, ahli-ahli majlis masing-masing, ahli organisasi penduduk, syarikat pengangkutan awam, badan bukan kerajaan dan pakar akademik. Masalah yang dihadapi dapat diselesaikan, dan cadangan baru dapat dikemukakan untuk kelulusan. Kerajaan Persekutuan belum lagi memberi maklum balas berkenaan cadangan pembentukan Majlis Pengangkutan Lembah Kelang.

6. Penstrukturan semula industri air Selangor.

- Kerajaan Negeri Selangor masih berunding bersama Kerajaan Persekutuan dengan syarikat-syarikat konsesi air iaitu ABASS Sdn. Bhd., Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH), Puncak Niaga Sdn. Bhd. dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) dalam proses penstrukturan semula industri air Selangor.
- Kerajaan Negeri Selangor masih berhasrat supaya industri perkhidmatan air negeri Selangor akan akhirnya distrukturkan semula menjadi industri yang holistik dan diuruskan oleh kerajaan negeri sepertimana yang terkandung dalam dasar negara dan selaras dengan Akta Perkhidmatan Air Selangor 2006 (Akta 655). Kerajaan Selangor juga berhasrat agar kenaikan tarif air adalah berpatutan demi kepentingan pengguna-pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- Kerajaan Negeri Selangor berpendapat bahawa nilai tawaran yang diberi kepada keempat-empat syarikat konsesi tersebut adalah munasabah dan adil, berdasarkan jumlah yang dilabur oleh mereka, dan tidak akan sanggup memberi tawaran yang jauh lebih tinggi daripada yang berpatutan.
- Industri perkhidmatan air di Selangor sepatutnya di kendali oleh pihak yang profesional, supaya industrinya efisien dan dapat mengurangkan Non-Revenue Water (NRW), dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna-pengguna.

- b) Proses pelantikan untuk Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang adalah satu proses yang telus. Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) pada 1 September 2009 telah membuat tawaran kepada umum melalui akhbar untuk syarikat-syarikat yang berminat mengemukakan cadangan-cadangan mereka. Sebanyak 37 syarikat swasta dalam dan luar negara memberi respons kepada penawaran ini dengan membeli dokumen 'Request for Business Proposals' yang berharga RM500.00.

Sebanyak 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah mengemukakan cadangan mereka semasa tarikh tutup. Cadangan-cadangan yang diterima telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai Peringkat 1 pada bulan November 2009. Jawatankuasa Penilai dianggotai oleh wakil-wakil jabatan kerajaan iaitu Pejabat Dato' Menteri Besar, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Urus Air Selangor, Pejabat Tanah dan Galian serta Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Seterusnya, hasil daripada penilaian peringkat pertama, Jawatankuasa Penilai Peringkat 2 yang dianggotai oleh anggota-anggota Taskforce Projek Sungai Klang yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar telah membuat penilaian lanjut dan meluluskan untuk tindakan seterusnya. Semasa penilaian peringkat kedua ini, syarikat-syarikat yang di senarai pendek telah dijemput untuk membuat pembentangan kepada anggota-anggota Taskforce.

Setelah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai yang dianggotai jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, empat (4) syarikat-syarikat telah dipilih berdasarkan cadangan dan keupayaan mereka. Syarikat-syarikat tersebut telah dijemput untuk menganggotai 'Taskforce Public / Private Partnership' Projek Sungai Klang. Empat (4) syarikat tersebut ialah:-

- i. DPZ Asia Sdn Bhd
- ii. GJA Engineering & Construction Sdn Bhd
- iii. TSS MAKO Engineering Sdn Bhd
- iv. Wessex Water / I Berhad Consortium

Penubuhan Taskforce ini merupakan satu cara baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menjimatkan masa dan kos berbanding pendekatan lama di mana kontrak-kontrak diberikan hanya selepas Kerajaan Negeri telah mempunyai satu Pelan Induk. Dengan Taskforce ini, syarikat-syarikat swasta akan dilibatkan sejak dari awal lagi untuk mencorakkan pelaksanaan projek dan memastikan usaha-usaha yang dilaksanakan mempunyai nilai ekonomi yang baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: HADIAH KEPADA PELAJAR-PELAJAR CEMERLANG UPSR, PMR DAN SPM

113. Kerajaan negeri telah memberi sumbangan hadiah kepada pelajar-pelajar miskin cemerlang UPSR 2009 berbentuk wang dan beg pada awal tahun ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk memberi sumbangan hadiah kepada mereka yang cemerlang dalam PMR dan SPM?
- b) Selain dari wang ringgit, apakah bantuan-bantuan lain yang boleh diberikan kepada pelajar-pelajar UPSR?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PERSATUAN BOLA SEPAK SELANGOR (FAS)

114. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah dana Kerajaan Negeri dibelanjakan untuk Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) sepanjang 5 tahun yang lepas?
- b) Apakah perbelanjaan FAS ini diaudit untuk memastikan ketelusan pengurusan kewangan?

JAWAPAN :

- a) Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) ditaja oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bagi tahun 2007 – 2008 dengan jumlah tajaan sebanyak RM5 juta setahun. Bagi tahun 2009, FAS ditaja oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dengan jumlah tajaan sebanyak RM4.106 juta. Bermula tahun 2010, FAS ditaja oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). Perbelanjaan ini tidak melibatkan dana Kerajaan Negeri. Cuma pada tahun 2008, Kerajaan Negeri ada memberi pinjaman sebanyak RM500,000.00 kepada FAS.
- b) Penyata Akaun Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) telah diaudit oleh Azman, Wong, Salleh & Co. yang dilantik oleh Ahli-Ahli Kelab Gabungan Persatuan Bola sepak Selangor di Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 pada 11 September 2005.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KAWASAN KUTIPAN BELIAN SAMPAH MERU

115. Sehingga kini masalah sampah masih merupakan isu-isu yang belum diselesaikan dengan baik dan berkesan terutama di kawasan perumahan DUN Meru

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sistem kutipan yang padu dan berkesan yang akan diperkenalkan dan diperkemas oleh Majlis Perbandaran Klang?
- b) Apakah status Tempat Kutipan Belian Sampah oleh MPK di Meru yang merupakan projek gajah putih sama ada diteruskan atau digantikan dengan kemudahan lain?

JAWAPAN :

- a) Sistem Kutipan yang sedang dijalankan sekarang :-
 - 1. Kutipan rumah ke rumah.
 - 2. Kutipan tong sampah berpusat
 - 3. Kutipan sampah pukal.
- b) Tempat Kutipan Pembelian sampah telah ditutup dan tempat tersebut akan menjadikan pusat/ tapak tong transit untuk kegunaan penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : INDUSTRI PASIR

116. Jangkaan keuntungan hasil pasir negeri yang diuruskan oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd gagal menepati jangkaan RM150 juta setahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan jangkaan hasil ini dapat ditepati bagi tahun 2010?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menukar pengurusan Kumpulan Semesta Sdn Bhd atau melantik syarikat lain kerana kegagalan ini?
- c) Berapakah keuntungan sebelum cukai Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi tahun 2009?

JAWAPAN :

- a) Untuk mendapatkan keuntungan RM150 juta setahun, jumlah pasir yang perlu dijual adalah lebih dari 30 juta tan.
Untuk makluman, keperluan pasir di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya setahun hanyalah sekitar 12 ke 14 juta tan. Bekalan untuk kuantiti ini datang dari KSSB, pengusaha lombong haram dan juga sumber import dari negeri-negeri berhampiran. KSSB telah melantik perunding untuk menjalankan kajian terperinci keperluan pasir di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kajian tersebut akan memberikan gambaran yang lebih jelas berkenaan potensi pasaran, royalti kepada kerajaan negeri dan keuntungan kepada KSSB.
KSSB telah membuka lebih banyak lokasi lombong dan lokasi cuci gali sungai untuk memenuhi permintaan pasaran. Pada bulan Mac 2010 KSSB telah menjual lebih dari 500,000 tan metrik. Kuantiti ini dijangkakan akan meningkat.

Di samping itu, KSSB juga akan membuka beberapa buah lombong persendirian yang akan mengeluarkan sekitar 400,000 tan metrik sebulan.
- b) Ini adalah bidang kuasa dan budi bicara YAB Dato' Menteri Besar dan pihak berkuasa negeri. Walaubagaimanapun, setiap kakitangan KSSB telah bekerja keras dan akan terus berusaha untuk memastikan objektif penubuhannya dicapai.
- c) Bagi tahun 2009, KSSB telah mencatat jualan RM30 juta dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM8.21 juta (selepas ditolak sumbangan kepada kerajaan negeri sebanyak RM1.39 juta). KSSB juga telah membuat bayaran royalti sebanyak RM5.76 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI

117. Pembangunan semula projek perumahan terbengkalai adalah salah satu teras pakej rangsangan ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kewangan yang diperlukan untuk memulihkan semua projek terbengkalai di seluruh Selangor?
- b) Berapakah nilai pelaburan yang telah diperolehi?
- c) Adakah anak syarikat negeri terlibat dalam pembangunan semula projek perumahan terbengkalai?

JAWAPAN :

Jawapan a, b dan c dijawab bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2010 terdapat sebanyak 135 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 48,623 pembeli. Pembangunan semula projek-projek perumahan terbengkalai merupakan salah satu program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang diumumkan dalam Bajet 2010. Anggaran kos pemuliharaan projek sebanyak RM5 bilion diperlukan bagi membaik pulih dan memodenkan perumahan kos rendah di samping menjana ekonomi dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) pula dijangka sebanyak RM 7 bilion hingga RM 9 bilion. Walau bagaimanapun, buat masa ini suntikan dana tidak diperlukan dari Kerajaan Negeri bagi memulihkan projek-projek terbengkalai kerana projek-projek yang dipulihkan adalah bersifat *self financing* (pembiayaan sendiri) seperti contoh projek Bukit Botak yang sedang dipulihkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang mana ia melibatkan tindakan pengambilan tanah yang membolehkan Kerajaan Negeri menyusun semula pembangunan dengan tawaran unit rumah yang lebih menarik dan tinggi nilainya serta membolehkan pembeli bersetuju menambah wang sendiri untuk menanggung defisit tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH (RMK-10)

118. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berakhir pada tahun 2010 dan Kerajaan Persekutuan sedang mengumumkan Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri membuat kajian pencapaian RMK-9 dan prospek RMK-10 negeri ?
- b) Apakah projek-projek keutamaan di bawah RMK-10 negeri yang bergantung pada peruntukan Persekutuan ?
- c) Apakah nilai tambahan dalam menjayakan prospek RMK-10 Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MASALAH MORAL

119. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kes berkesedudukan yang telah dilaporkan dan diambil tindakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)?
- b) Apakah masih wujud pasukan khas yang menangkap dan nyatakan jumlahnya mengikut daerah?

JAWAPAN :

- a) Jumlah aduan yang telah diterima sepanjang **Januari 2009 hingga Mac 2010** ialah sebanyak **2052 aduan** bagi kes berkesedudukan / khalwat. Sementara aduan yang Berjaya dilaksanakan dan diambil tindakan ialah sebanyak **1764** tindakan. Jumlah aduan adalah melebihi daripada jumlah tindakan yang diambil kerana aduan yang diterima tidak kesemuanya boleh diambil tindakan seperti maklumat pengadu yang tidak lengkap, maklumat berkenaan aduan yang tidak lengkap, pengadu tidak mahu bekerjasama dengan pihak penguatkuasa agama, aduan serkap jarang dan lain-lain.
- b) Sudah tiada pasukan khas yang menangkap di daerah selain daripada pihak masjid dan Pegawai Penguatkuasa Agama sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PERMASALAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

120. Permasalahan sosial kalangan pelajar-pelajar sekolah sudah mencapai tahap yang membimbangkan. Kejadian pembuangan bayi antara akibat daripada permasalahan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Bagaimana kerajaan negeri menangani permasalahan sosial kalangan pelajar sekolah di Selangor dan pada masa sama dihalang oleh kementerian memasuki sekolah-sekolah?
- b) Senaraikan dengan terperinci masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh sekolah dan bilangan kes-kes tersebut dan usaha-usaha yang telah dimulakan dan kesannya dalam bentuk data yang lengkap.

JAWAPAN :

- a) Pihak Jabatan Pelajaran Selangor dengan rendah diri memohon pihak Kerajaan Negeri Selangor memberi maklumat dalam bentuk data yang menunjukkan bilangan murid sekolah terlibat dalam kes pembuangan bayi, kerana setakat hari ini Jabatan Pelajaran Negeri Selangor tidak menerima apa-apa maklumat berkaitan kes tersebut.

Bersama-sama ini disertakan senarai program-program yang telah dilaksanakan pada tahun 2009 bagi menangani gejala disiplin sekolah.

- b) Senarai laporan program Disiplin Sektor Pembangunan Kemanusiaan di Lampiran A.

Lampiran A

LAPORAN PROGRAM DISIPLIN
SEKTOR PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
JABATAN PELAJARAN SELANGOR

TAHUN 2009

BIL	Senarai Program Yang telah Dijalankan.
1.	Kem Kepimpinan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah (KPJS)
2.	Kursus Literasi Undang-Undang (Disiplin Sekolah) Untuk Guru Disiplin
3.	Kursus Praktikal Modul Rancangan Integrasi Murid Untuk Guru-Guru Pelaksanaan RIMUP
4.	Kursus Literasi Undang-Undang untuk guru –guru Disiplin SM dan SR.
5.	Kursus Menangani Stres Guru Disiplin SR dan SM.
6.	Kursus Menangani Stres Guru Disiplin SR dan SM.
7.	Kursus Praktikal Modul Rancangan Integrasi Murid Untuk Guru-Guru Pelaksanaan RIMUP (Siri ke-2)
8.	Kursus RIMUP untuk GPK HEM (SR)– Kajian Impak RIMUP
9.	Taklimat Kejurulatihan Pengurusan Adu Disiplin Untuk Guru Disiplin dan Warden Asrama 2009 KPM Bagi Zon Selatan dan Zon Tengah.
10.	Perhimpunan Dan Intergrasi Pemimpin Murid Peringkat Kebangsaan Tahun 2009
11.	Mesyuarat Pembentangan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
12.	Taklimat Kejurulatihan Pengurusan Adu Disiplin (Sekolah dan Asrama) 2009 bagi Zon Utara KPM.
13.	Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid untuk Guru Penolong Kanan Hem Sekolah Menengah Negeri Selangor.
14.	Mesyuarat Blog SSDM untuk JU SSDM Peringkat Negeri Selangor.
15.	Kursus Jati Diri Murid Sekolah Menengah Negeri Selangor.
16.	Kursus Pembangunan Sahsiah dan Jati Diri Murid Sekolah Rendah 2009
17.	Kursus Pengurusan Hal Ehwal Murid untuk Guru Penolong Kanan Hem Sekolah Rendah Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PROGRAM 'NO PLASTIC BAG EVERY SATURDAY'

121. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah syarikat dan korporat yang menyertai program ini?
- b) Berapakah korporat yang tarik diri selepas program ini bermula. Mengapa?
- c) Siapakah yang sepatutnya memantau program ini dan apakah sasaran yang kerajaan ingin capai dan cara-cara mencapai sasaran?
5	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	3	3		
6	Penolong Jurutera	J29	1	1		
7	Juruteknik	J22	0	0		
8	Juruteknik Awam	J17	3	3		
9	Juruteknik Elektraik	J17	1	1		
10	Pelukis Pelan	J17	5	5		
12	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1	1		
13	Juruteknik Komputer	FT17	0	0		
14	Pembantu Undang-Undang	L29	1	1		
16	Penolong Akauntan	W27	2	2		
17	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1		
18	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	11	11		
19	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1	1		
20	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1		
22	Penolong Pegawai Tadbir	NT31/32	1	1		
23	Penolong Pegawai Tadbir	N27	2	2		
24	Penghulu	NP27	2	2		
25	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	1	1		
26	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	6	6		
27	Penolong Pegawai Tanah	NT22	1	1		
28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	28	27		1
29	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	2	2		
30	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	2	2		
31	Pembantu Penguatkuasa	N17	6	5		1
32	Penolong Pegawai Tanah	NT17	6	6		
34	Pembantu Tadbir Rendah	N11	4	4		
35	Pembantu Am Pejabat	N4	0	0		
36	Penghantar Notis	N3	2	2		
37	Pembantu Am Pejabat	N1	6	6		
38	Pemandu Kenderaan	R3	7	5		2
39	Jaga	R1	1	1		
40	Pekerja Awam	R1	8	5		3
JUMLAH KESELURUHAN			123	116	0	7

LAMPIRAN D**RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT DAERAH / TANAH SABAK BERNAM**

BIL	JAWATAN	GRED	PENGISIAN	KAUM		
				MELAYU	CINA	INDIA
1	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	1	1		
2	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52	1	1		
3	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	2	2		
4	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44/M41	3	3		
5	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	1	1		
6	Penolong Jurutera	J29	1	1		
7	Juruteknik	J22	1	1		
8	Juruteknik Awam	J17	3	3		
9	Juruteknik Elektraik	J17	1	1		
10	Pelukis Pelan	J17	5	5		
11	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1	1		
12	Juruteknik Komputer	FT17	0	0		
13	Pembantu Undang-Undang	L29	1	1		
14	Penolong Akauntan	W27	2	2		
15	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	2	2		
16	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	14	14		
17	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1	1		
18	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1		
19	Penghulu	NP32	1	1		
20	Penolong Pegawai Tadbir	NT31/32	1	1		
21	Penolong Pegawai Tadbir	N27	2	2		
22	Penghulu	NP27	5	5		
23	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	1	1		
24	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	6	6		
25	Penolong Pegawai Tanah	NT22	2	2		
26	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N22	1	1		
27	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	38	38		
28	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	1	1		
29	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	2	2		
30	Pembantu Penguatkuasa	N17	8	8		
31	Penolong Pegawai Tanah	NT17	8	8		
32	Penghantar Notis	N12	1	1		
33	Pembantu Tadbir Rendah	N11	6	6		
34	Pembantu Am Pejabat	N4	1	1		
35	Penghantar Notis	N3	4	4		
36	Pembantu Am Pejabat	N1	7	7		
37	Pemandu Kenderaan	R3	10	9		1
38	Jaga	R1	3	2		1
39	Pekerja Awam	R1	15	9		6
JUMLAH KESELURUHAN			164	156	0	8

LAMPIRAN D

RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT DAERAH / TANAH PETALING

BIL	JAWATAN	GRED	PENGISIAN	KAUM		
				MELAYU	CINA	INDIA
1	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	KUP JUSAC	1	1		
2	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	KUP M54	1	1		
3	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	1	1		
4	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44/M41	2	2		
5	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	4	4		
6	Penolong Jurutera	J29	1	1		
7	Juruteknik	J22	1	1		
8	Juruteknik Awam	J17	4	4		
9	Juruteknik Elektraik	J17	1	1		
10	Pelukis Pelan	J17	9	8		1
11	Pelukis Pelan Rendah	(J11)	2	2		
12	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	2	2		
13	Juruteknik Komputer	FT17	1	1		
14	Pembantu Undang-Undang	L29/32	1	1		
15	Penolong Akauntan	W32	1	1		
16	Penolong Akauntan	W27	1	1		
17	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W26	1	1		
18	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	20	19		1
19	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1	1		
20	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1		
21	Penghulu	NP32	1	1		
22	Penolong Pegawai Tadbir	NT31/32	1	1		
23	Penolong Pegawai Tadbir	N27	2	2		
24	Penghulu	NP27	4	4		
25	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	0	0		
26	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	6	6		
27	Penolong Pegawai Tanah	NT22	2	2		
28	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	39	36		3
29	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	2	2		
30	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	2	1		1
31	Pembantu Penguatkuasa	N17	7	6		1
32	Penolong Pegawai Tanah	NT17	8	8		
33	Penghantar Notis	N12	1	1		
34	Pembantu Tadbir Rendah	N11	6	6		
35	Pembantu Am Pejabat	N4	1	1		
36	Penghantar Notis	N3	2	2		
37	Pembantu Am Pejabat	N1	9	7		2
38	Pemandu Kenderaan	R3	9	8		1
39	Jaga	R1	1	1		
40	Pekerja Awam	R1	18	17		1
JUMLAH KESELURUHAN			177	166	0	11

LAMPIRAN E**RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT EXCO YB PUAN DR. RODZIAH BINTI ISMAIL**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	KAUM		
		Melayu	Cina	India
1	Pegawai Penyelaras	1		
2	Pegawai Penasihat Dasar	1		
3	Setiausaha Kerja	1		
4	Pegawai Kerani	1		
5	Pemandu Kenderaan	1		
JUMLAH		5	0	0
JUMLAH PENGISIAN		5		

**RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT EXCO YB TUAN DR. A.XAVIER JAYAKUMAR**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	KAUM		
		Melayu	Cina	India
1	Setiausaha Kanan			1
2	Setiausaha Kerja	1		
3	Pegawai Kerani			1
4	Pembantu Tadbir (P/O)			2
5	Pemandu Kenderaan			1
JUMLAH		1	0	5
JUMLAH PENGISIAN		6		

**RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT EXCO YB PUAN TERESA KOK SUH KIM**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	KAUM		
		Melayu	Cina	India
1	Pegawai Penyelaras	1		
2	Setiausaha Kanan		1	
3	Setiausaha Kerja		1	
4	Pegawai Kerani	1		
5	Pemandu Kenderaan		1	
JUMLAH		2	3	0
JUMLAH PENGISIAN		5		

**RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT EXCO YB PUAN ELIZABETH WONG**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	KAUM		
		Melayu	Cina	India
1	Pegawai Penasihat		1	
2	Pegawai Penyelaras		1	
3	Pegawai Kerani		1	
4	Setiausaha Kanan		1	
5	Setiausaha Kerja		1	
6	Pemandu	1		
JUMLAH		1	5	0
JUMLAH PENGISIAN		6		

**RINGKASAN JAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT KAUM
DI PEJABAT EXCO YB TUAN YAAKOB BIN SAPARI**

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	KAUM		
		Melayu	Cina	India
1	Pegawai Tadbir	1		
2	Setiausaha Kanan	1		
3	Setiausaha Kerja	1		
4	Pegawai Kerani	1		
5	Pembantu Tadbir (P/O)	1		
6	Pemandu	1		
JUMLAH		6	0	0
JUMLAH PENGISIAN		6		
JUMLAH KESELURUHAN		28		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM KITAR SEMULA SISA MINYAK MASAK

129. LUAS sebagai agensi Kerajaan Negeri Selangor aktif menggalakkan program komuniti bagi mengitar semula sisa minyak masak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Di manakah program ini telah berjaya dilaksanakan?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk menggalakkan program ini dijalankan secara lebih meluas di kalangan pelbagai peringkat komuniti di Negeri Selangor?
- c) Selaras dengan usaha kerajaan membersihkan sungai, apakah insentif yang dirangkakan bagi memberi galakan kepada komuniti-komuniti yang melaksanakan program ini?

JAWAPAN :

- a) Program ini telah berjaya dilaksanakan di 25 buah komuniti di sekitar Shah Alam, Petaling Jaya dan Ampang Jaya. Pada masa ini telah ada komuniti di Klang dan Kuala Selangor yang berminat untuk melaksanakan program yang serupa ini.
- b) Kerajaan merancang untuk memperluaskan program ini ke seluruh negeri Selangor agar rakyat dapat melibatkan diri secara langsung dalam membantu memulihara sumber air dan alam sekitar di samping menjana pendapatan daripada menjual sisa minyak masak tersebut untuk dikitar semula menjadi biodiesel, lilin dan bahan pencuci. Buat masa ini telah ada beberapa syarikat yang menawarkan pada harga RM 170.00 setong (200 liter).
- c) Dalam usaha Kerajaan untuk membersihkan sungai, beberapa insentif telah dirangka sebagai galakan kepada komuniti-komuniti yang melaksanakan program tersebut. Ini termasuklah menawarkan kursus pembuatan 'Effective Microbe' (EM) dan baja kompos secara percuma, di samping penyertaan dalam Program Qua-Qua anjuran LUAS. Dengan insentif ini, komuniti akan dapat meminimumkan sisa buangan domestik secara bersepadu (sisa pepejal, sisa minyak dan sisa makanan) dan sekali gus meningkatkan kadar kitar semula di kalangan masyarakat.

SENARAI KOMUNITI PROGRAM KITAR SEMULA SISA MINYAK MASAK SHAH ALAM

1. PADANG JAWA (PETALING)
2. PADANG JAWA (KLANG)
3. KAMPUNG KUANTAN
4. SURAU NURUL HIDAYAH
5. SEKSYEN 17, SHAH ALAM
6. SURAU AN-NAJJAHAH SEKSYEN 19
7. SURAU AL-HUSNA SEKSYEN 20
8. SEKSYEN 23, SHAH ALAM
9. SEKSYEN 24, SHAH ALM
10. RIMBA JAYA
11. PUSAT KOMUNITI SEKSYEN 16
12. FLAT PKNS SEKSYEN 20
13. SEKOLAH KEBANGSAAN SEKSYEN 20

PETALING JAYA

14. BLOCK 3, DESA MENTARI, PETALING JAYA.

AMPANG JAYA

15. SURAU SRI BAIDURI
16. PANGSAPURI SRI WIRA
17. SURAU AT-TAQWA
18. PANGSAPURI SRI PUTRI
19. PANGSAPURI SRI MELOR
20. KG.MELAYU SUNGAI SERING
21. PANGSAPURI SRI IMPIAN
22. PANGSAPURI SRI KAYANGAN
23. PANGSAPURI SRI RAYA
24. TAMAN UKAY PERDANA
25. KOMUNITI SERING UKAY

**JUMLAH PENGUMPULAN DAN JUALAN
PROGRAM KITAR SEMULA SISA MINYAK MASAK**

Sehingga Mac 2010, jumlah pengumpulan sisa minyak masak ialah sebanyak 2000 liter daripada 6 komuniti yang aktif (tong penuh 100 %) dan hasil jualan terkumpul ialah sebanyak RM 1, 700.00. komuniti yang lain masih sekitar 30% hingga 50% penuh.

BIL.	TEMPAT	LITER	RM
1.	<u>SHAH ALAM</u> PADANG JAWA (PETALING)	200	170.00
2.	SURAU NURUL HIDAYAH, BATU TIGA	400	340.00
3.	SURAU AN-NAJJAHAH, SEKSYEN 19	200	170.00
4.	SURAU AL-HUSNA, SEKSYEN 20 <u>PETALING JAYA</u>	400	340.00
5.	BLOK 3, DESA MENTARI, PETALING JAYA <u>AMPANG JAYA</u>	400	340.00
6.	SURAU SRI BAIDURI	400	340.00
	JUMLAH	<u>2 000</u>	<u>1 700.00</u>

Nota:

Harga semasa pelancaran 7 Februari 2009 = RM 140.00/ 200 Liter

Harga semasa (Mac 2010) = RM 170.00 / 200 Liter

Ketumpatan minyak masak = 800 kg / m³

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : JEJAK ILMUAN

130. Kerajaan negeri ada merancang program Jejak Ilmuan untuk mengumpul dan memanfaatkan tenaga ilmuan kepada masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status program Jejak Ilmuan terkini dan siapakah tokoh-tokoh ilmuan Selangor yang telah dikenal pasti?
- b) Apakah program atau kajian yang melibatkan dan boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat Selangor?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2009, status pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak UNISEL telah berjaya melaksanakan program Jelajah Ilmuwan di 3 daerah di seluruh Negeri Selangor, iaitu di Daerah Sabak Bernam, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Klang, Majlis Pelancaran Program Jelajah Ilmuwan ini juga telah dilaksanakan pada 8 November 2009 yang telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Negeri Selangor.

Sepanjang program Jelajah Ilmuwan ini dilaksanakan terdapat beberapa ilmuan yang telah diketengahkan kepada masyarakat iaitu :

- i) Profesor Abdul Latif Ibrahim, yang merupakan ilmuan dari bidang Bio-teknologi. Beliau juga adalah anak kelahiran Negeri Selangor.
 - ii) Profesor Dr Khazani bin Abdullah, ilmuan dari bidang fiber optik. Beliau pernah dianugerahkan sebagai saintis Muda pada tahun 2001 di atas sumbangan beliau di dalam bidang fiber optik Negara.
 - iii) Profesor Dr Anuar bin Ahmad, ilmuan dari bidang kejuruteraan. Beliau adalah ketua projek bagi International Cansat Dewigns Competition di Madrid, Sepanyol di mana Unisel telah menjuarai 'open category'.
- b) di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi, satu "direct grant" akan diserahkan kepada IPT Selangor iaitu KUIS dan UNISEL bagi menjalankan aktiviti penyelidikan yang akan memberi impak kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa UNISEL akan membuat kajian tentang "**green technology**" dan juga **pembangunan makmal halal** di Negeri Selangor.

Bagi KUIS, kerajaan Negeri telah menetapkan bawah kajian yang perlu dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri adalah tentang "**Keberkesanan Sistem Pendidikan Islam di Negeri Selangor**".

Kedua-dua kajian ini dilihat akan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri, hasil dari kajian tersebut akan diguna pakai oleh Kerajaan Negeri untuk penambahbaikan sistem pendidikan dan pemeliharaan alam sekitar dan juga sebagai persediaan ke arah Negeri Selangor sebagai Hub Halal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PELUANG PEKERJA LADANG

131. Di maklumi kebanyakan estet dan ladang mengambil pekerja-pekerja asing sebagai pekerja di estet dan ladang-ladang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan atau langkah kerajaan negeri untuk membantu penduduk tempatan untuk mendapat peluang bekerja di estet dan ladang?

JAWAPAN :

- a) Pengambilan pekerja tempatan atau asing tertakluk kepada pemilik-pemilik ladang atau estet yang menguruskan ladang tersebut. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan sama ada pemilik ladang mesti mengambil rakyat tempatan untuk bekerja.

Walau bagaimana pun, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif di mana telah melancarkan Karnival Jom Kerja anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan di setiap daerah di Selangor. Melalui karnival ini, banyak peluang pekerjaan dapat ditawarkan kepada penduduk setempat dengan syarikat tempatan mahupun luar dari daerah. Program ini akan diadakan dari semasa ke semasa bagi membantu mereka yang masih belum ditawarkan sebarang pekerjaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : TOL HARAM BUKIT BERUNTUNG

132. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini mengenai isu "Tol Haram" yang dikenal pasti di kawasan Bukit Beruntung?
- b) Apakah tindakan yang akan diambil untuk menunaikan janji YAB Dato' untuk mengambil balik tanah tersebut supaya digunakan oleh penduduk tempatan?

JAWAPAN :

- a)
 - i. Keputusan MMKN telah menimbang dan memutuskan supaya mewujudkan Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah (Right of Way) di bawah seksyen 390 (1) Kanun Tanah Negara 1965 oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).
 - ii. Satu sesi mesyuarat bersama Y.B. Ronnie Liu dengan PNSB, pemilik/pengusaha tanah kawasan sekitar dan Pejabat Daerah Hulu Selangor di mana kos-kos yang terlibat dalam permohonan (Right of Way) ini ditanggung bersama dengan pembahagian RM 20,000.00 daripada PNSB dan Rm 30,000.00 daripada pemilik / pengusaha.
 - iii. Status terkini pihak PNSB telah melantik juruukur berlesen untuk membuat kerja ukur bagi tujuan mengemukakan permohonan secara rasmi ke Pejabat Daerah Hulu Selangor.
- b) Tiada sebarang pengambilan balik tanah akan dilakukan hanya pengujudan Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah (ROW).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

133. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak program merakyatkan ekonomi Selangor (MES) yang telah dijalankan oleh pentadbiran kerajaan negeri sepanjang tempoh 2 tahun pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat?
- b) Berapa banyak dana yang telah digunakan untuk menjayakan program-program merakyatkan ekonomi?
- c) Apakah statistik terkini jumlah rakyat yang menerima faedah dari program MES berdasarkan program dan daerah?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KEMPEN ZON BERSIH

134. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri bagi melaksanakan kempen zon bersih dan senaraikan kawasan-kawasan yang terpilih untuk menjalankan Kempen Zon Bersih mengikut PBT?
- b) Senaraikan program yang telah dijalankan di bawah Kempen Zon Bersih sejak pelancaran kempen ini dan rancangan akan datang dalam tahun 2010.
- c) Apakah rancangan jangka panjang kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar pembuangan sampah dalam negeri Selangor selain melalui program gotong-royong?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1.4 juta untuk pelaksanaan kempen zon bersih di semua Pihak Berkuasa Tempatan di mana masing-masing telah menerima sebanyak RM100,000 kecuali Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM100,000 melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor pada tahun 2009. PBT diarahkan untuk memilih satu kawasan yang paling rendah tahap kebersihannya untuk dipertandingkan dan senarai kawasan-kawasan adalah seperti berikut :

BIL	PBT	LOKASI ZON BERSIH
1.	MBSA	TAMAN SERI MUDA SEKSYEN 25, SHAH ALAM
2.	MPBJ	SEKSYEN 52
3.	MPSJ	KG. TRADISI SERI AMAN, PUCHONG
4	MPK	JALAN BERANGAN, PELABUHAN KLANG & TAMAN GEMBIRA, KLANG
5.	MPS	BANDAR BARU SELAYANG
6.	MPAJ	PANDAN INDAH
7.	MPKj	SEKSYEN 1, BANDAR BARU BANGI
8.	MPSp	TAMAN SEROJA, BANDAR BARU SALAK TINGGI
9.	MDKS	TAMAN BAYU, TAMAN DESIRAN & TAMAN PINGGIRAN
10.	MDHS	BANDAR BARU BATANG KALI
11.	MDKL	TAMAN SERI PUTERA, BANTING
12.	MDSB	PASAR AWAM SEKINCHAN

- b) PBT- PBT telah melaksanakan banyak program di bawah Kempen Zon Bersih ini sejak dilancarkan pada tahun 2009 lepas dan Kerajaan Negeri telah menetapkan tiga (3) perkara yang wajib dilaksanakan di setiap zon bersih iaitu Papan Tanda Zon Bersih, Tong Sampah Zon Bersih dan Cat Jalan (Pavement Marking) Zon Bersih. Selain daripada itu, PBT bersama Jawatankuasa Penduduk dan agensi luar telah bekerjasama dalam melaksanakan program yang dirancang dan dianjurkan oleh PBT dan atas inisiatif jawatankuasa penduduk sendiri bersama Ahli Majlis zon yang terlibat. Berikut adalah senarai program zon bersih yang dijalankan oleh PBT- PBT di Selangor :

Bil	PBT	Program Zon Bersih
1.	MBSA	<ul style="list-style-type: none"> a. Majlis Pemberian Kelengkapan Sekolah kepada Penduduk b. Program Gotong- royong c. Majlis Berbuka Puasa Surau Al-Falah, Sri Muda d. Program Forum Harapan Rakyat e. Program Perayaan pesta Hantu (Pho-Tho) Sri Muda f. Karnival Deepavali anjuran MP Penduduk g. Penambahbaikan landskap dan pembangunan infrastruktur di kawasan Sri Muda h. Pembersihan kawasan tapak pasar
2.	MBPJ	<ul style="list-style-type: none"> a. Penyediaan 'bunting' zon bersih b. Penyelenggaraan landskap c. Buku Informasi zon bersih
3.	MPSJ	<ul style="list-style-type: none"> a. Program Kitar Semula (3R) b. Program Mesra Rakyat MPSJ c. Karnival Kg. Seri Aman d. Program Pengkomposan e. Kebun Angkat f. Operasi Bunting Haram
4.	MPK	<ul style="list-style-type: none"> a. Program Gotong- royong b. Penggredan premis/ tandas c. Penguatkuasaan terhadap penjaja haram d. Kawalan wabak denggi/ anjing liar
5.	MPAJ	<ul style="list-style-type: none"> a. Program gotong- royong Perdana 20.12.2009 b. Majlis Penyerahan Tong Jingga dan Pasu Bunga di kawasan Zon Bersih, Pandan Indah c. Program Hari Bertemu Pelanggan
6.	MPS	<ul style="list-style-type: none"> a. Program gotong- royong Zon Bersih b. Program menanam pokok c. Kerja-kerja membaik pulih jalan (infra), kebersihan premis dan rumah
7.	MPKj	<ul style="list-style-type: none"> a. Majlis Perasmian Bangi Zon Bersih b. Program Gotong- royong Bangi Bersih (8 kali) c. Program Gotong- royong & Kempen Anti Denggi d. Majlis Kemuncak Bangi Bersih e. Karnival Usahawan Bangi f. Konvoi Sinar ke Medan Usahawan Sek.1, Bangi g. Forum Perdana h. Mesyuarat Persatuan Peniaga Pasar Awam

		<ul style="list-style-type: none"> i. Program Bumi Hijau j. Dialog MMP Zon 23 dengan Penduduk Council Homes k. Gotong –royong Tapak masjid Al-Umm l. Senamrobik Komuniti & kempen Kesihatan m. Ekspo Kasih Sayang 2010 n. Bengkel Kitar Semula
8.	MPSp	<ul style="list-style-type: none"> a. Pertandingan futsal Jawatankuasa Penduduk b. Program IFTAR Perdana c. Gotong –royong (3 kali) d. Program Maulidur Rasul e. Program Ceramah
9.	MDHS	<ul style="list-style-type: none"> a. Penyelenggaraan landskap b. Program Gotong- royong
10.	MDKL	<ul style="list-style-type: none"> a. Program Gotong- royong Taman Seri Putra b. Kerja-kerja Pembaikan Infrastruktur c. Taklimat Penjagaan Air Bersih oleh SYABAS d. Program Kesedaran Kitar Semula Zon Bersih e. Program Clean X-Race f. Sesi Dialog YDP bersama Penduduk
11.	MDKS	<ul style="list-style-type: none"> a. Majlis Pelancaran Zon Bersih b. Program Gotong- royong c. Program Kitar Semula d. Pameran Kesihatan e. Pertandingan Rumah Bersih f. Program Gotong- royong dan Kasih Ramadhan g. Hari Bertemu Pelanggan
12.	MDSB	<ul style="list-style-type: none"> a. Program gotong- royong Pasar Sekinchan b. Sesi Dialog Bersama Jawatankuasa Pasar Awam c. Operasi Zon Bersih Pasar Awam Sekinchan

- c) Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan Program Zon Bersih ini pada tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya di semua PBT memandangkan program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari semua pihak seperti Majlis Perwakilan Penduduk, Jawatankuasa Penduduk yang diketuai oleh Ahli Majlis, Joint Management Body (JMB) dan Management Corporation (MC) agensi luar dan sebagainya. Program yang dijalankan bukan sekadar melalui program gotong- royong sahaja tetapi turut melibatkan aktiviti kemasyarakatan yang lain di mana berjaya menarik penglibatan dan penerimaan yang positif dari semua pihak dan secara langsung dapat memupuk semangat menjaga kebersihan dan alam sekitar dalam diri individu masing-masing. Antara rancangan jangka masa panjang yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah seperti program kitar semula, pengedaran risalah-risalah mengenai penjagaan kebersihan serta kaedah pengurangan pembuangan sampah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan, premis-premis perniagaan dan sebagainya serta mengadakan pertandingan kawasan kediaman terbersih, premis makanan terbersih dan sebagainya

PBT bertindak sebagai pemantau dan rujukan kepada program yang dilaksanakan oleh penduduk dan pemeriksaan berkala perlu dibuat ke semua kawasan bagi memastikan kebersihan kawasan di tahap yang baik. Tindakan penguatkuasaan juga akan diambil ke atas pemilik premis yang ingkar mematuhi peraturan yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR NEGERI SELANGOR

135. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila huraikan apakah perkembangan terkini usaha rundingan penstrukturan semula industri air tersebut ?
- b) Sila nyatakan apakah asas yang diguna pakai oleh pihak syarikat konsesi bagi menuntut kenaikan tarif air walaupun proses rundingan masih belum selesai dan apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam konteks ini ?
- c) Sila nyatakan dengan jelas adakah pihak Kerajaan Negeri yakin proses rundingan tersebut akan berjaya dan bagaimana pula kesan terhadap dasar pemberian air percuma 20 meter padu kepada rakyat Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan bersama dengan keempat-empat syarikat pemegang konsesi air antara 25 hingga 29 Mei 2009. Tawaran pengambilalihan syarikat konsesi air menggunakan Model holistik Kerajaan Negeri Selangor diterima oleh SPLASH dan ABASS, manakala SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. menolak tawaran tersebut.

Lanjutan tidak mendapat persetujuan dari kesemua syarikat pemegang konsesi ke atas Model holistik Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju supaya Model Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) digunakan untuk proses penstrukturan semula di Selangor.

Di bawah Model PAAB ini, SYABAS akan dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator agihan manakala ABASS, SPLASH dan Puncak Niaga dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN. Di bawah Model PAAB ini juga, pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Selangor di dalam SYABAS akan ditingkatkan dari 30% kepada 49% manakala pegangan ekuiti Puncak Niaga di dalam SYABAS akan dikurangkan dari 70% kepada 51% dan saham emas akan kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Penerimaan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Model PAAB adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:-

- i) Terma-terma dan syarat-syarat yang menghendaki pengurusan SYABAS yang profesional, berkebolehan dan efisien akan dimuktamadkan di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang akan ditandatangani di antara pemegang ekuiti SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor; dan
- ii) Model PAAB dipersetujui untuk diterima oleh keempat-empat syarikat pemegang konsesi air negeri Selangor.

Antara 16 Mac 2010 hingga 23 Mac 2010, pihak KTTHA telah membuat rundingan bersama kesemua syarikat konsesi air bagi memaklumkan nilai untuk pengambilalihan oleh PAAB. Kesemua syarikat konsesi air diberi tempoh sehingga 06 April 2010 untuk memberikan maklum balas ke atas tawaran tersebut.

Walaupun bagaimanapun, pihak SPLASH dan ABASS telah mengemukakan maklum balas menolak tawaran oleh KTTHA tersebut. Sekiranya Model PAAB ini tidak dapat diterima oleh kesemua syarikat pemegang konsesi air, maka Kerajaan Negeri Selangor akan mencadangkan supaya Model holistik Negeri Selangor diguna pakai semula dengan menggunakan nilai yang ditawarkan oleh KTTHA.

Namun demikian, keputusan akhir sama ada Model holistik negeri Selangor akan diterima pakai adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Ini adalah kerana melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

- b) Semakan tarif telah diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS di mana pada setiap tiga (3) tahun sekali semakan tersebut perlu dibuat. Namun demikian, sama ada pelarasan tarif baru dibenarkan atau sebaliknya, ia adalah tertakluk kepada persetujuan bersama di antara kesemua pihak di dalam perjanjian, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS.

Walaupun SYABAS menuntut pelarasan tarif baru, Kerajaan Negeri tidak pernah memberi sebarang persetujuan terhadap tuntutan SYABAS tersebut. Pihak SYABAS telah mengemukakan Notis Tuntutan melalui peguamnya, namun demikian, Kerajaan Negeri sedia berhadapan dengan SYABAS walau sampai ke peringkat mahkamah. Kenaikan tarif yang tinggi adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai Agenda Merakatkan Ekonomi Selangor.

- c) Di dalam menjayakan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, faktor utama yang dititik beratkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah nilai yang berpatutan dan tidak membebankan pengguna. Syarikat konsesi air mempunyai hak di bawah Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Kerajaan Negeri Selangor masih memperhalus nilai wajar untuk ditawarkan kepada syarikat konsesi air supaya nilai tersebut tidak merugikan mana-mana pihak. Kerajaan Negeri Selangor masih konsisten dengan matlamat untuk Merakatkan Ekonomi Selangor, maka dasar pemberian air percuma 20meter padu masih dititik beratkan di dalam menentukan nilai wajar semasa memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : SUNGAI KLANG

136. Kerajaan negeri telah melantik empat syarikat untuk membersihkan sungai Klang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang fasa pembersihan sungai Klang?
- b) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan perjanjian integriti dengan syarikat yang dilantik?
- c) Berapakah jumlah peruntukan untuk melaksanakan projek ini dan apakah kesan hasil pembersihan kepada sistem ekonomi rakyat?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : KESELAMATAN BANDAR

137. Kerajaan negeri melalui PBT ada memasang kamera pengawasan di kawasan-kawasan panas kegiatan jenayah

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah inisiatif ini benar-benar dapat mengurangkan kadar jenayah?
- b) Nyatakan statistik kesalahan jenayah jalanan mengikut PBT tahun 2008 dan 2009?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, melalui Mesyuarat Perbincangan Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)- Mengurangkan Jenayah yang telah diadakan pada bulan Mac 2010 telah mengenal pasti beberapa kawasan panas di empat (4) buah negeri termasuk Selangor. Berdasarkan senarai 'hot spots' utama kadar jenayah yang dipantau oleh 42 balai polis di seluruh negara, Negeri Selangor mempunyai sepuluh (10) kawasan panas kegiatan jenayah. Walau bagaimanapun dengan adanya pemasangan kamera pengawasan di kawasan-kawasan panas jenayah iaitu di MBSA, MBPJ, MPK, MPS, MPAJ dan MPSJ kadar jenayah dapat dikurangkan berbanding kes- kes yang terdahulu.
- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan statistik jenayah jalanan mengikut PBT untuk tahun 2008 dan 2009. Maklumat adalah di bawah kawal selia Polis Diraja Malaysia. Oleh yang demikian, sekiranya maklumat ini adalah perlu maka dicadangkan untuk berurusan dengan Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KECICIRAN PELAJAR MISKIN

138. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah golongan pelajar miskin yang tidak mampu meneruskan persekolahan ke peringkat Sekolah Menengah khususnya dalam kawasan Telok Gong, Pelabuhan Klang?
- b) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan nasib atau masa depan golongan pelajar miskin ini tidak gelap?

JAWAPAN :

- a) Dijawab oleh BPSM
- b) Bagi memastikan para pelajar miskin ini tidak keciciran, Kerajaan Negeri mengadakan Program Kemahiran Teknikal, Program ini memberi peluang kedua kepada para pelajar yang tercacir disebabkan oleh masalah kemiskinan dan para pelajar yang tidak berminat bidang akademik untuk mendalami bidang kemahiran teknikal seperti Sijil Kenderaan Automatik, Juruteknik Elektrik, Kursus Pemandan Rambut, Jurukecantikan dan sebagainya. Kerajaan Negeri membiayai sepenuhnya yuran pengajian para pelajar miskin selain menyediakan elaun makan, elaun sara diri dan elaun penginapan. Program ini berjaya menyediakan tenaga mahir dan membuka peluang pekerjaan kepada pelajar seterusnya membantu keluarga untuk keluar dari garis kemiskinan.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : ISU TANAH

139. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pernah pihak Parti UMNO membuat permohonan jual beli tanah kepada bukan Bumiputera?
- b) Apakah prosedur dan proses permohonan jual beli tanah terutama tanah yang melibatkan rizab?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan rekod Permohonan Kebenaran Pindah milik yang terdapat di PTGS, tidak terdapat sebarang permohonan daripada Parti UMNO berhubung dengan jual beli tanah kepada Bukan Bumiputera.
- b) Permohonan jual beli tanah adalah merujuk kepada urusan untuk mendapatkan Kebenaran Pindah milik Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri. Permohonan Kebenaran Pindah milik perlu dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan untuk diproses. Kemudian permohonan tersebut di angkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri melalui PTGS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROGRAM BIRO TATANEGARA

140. Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan tindakan untuk tidak menghantar pelajar dan kakitangan kerajaan negeri ke program Biro Tatanegara.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jelaskan sebarang perancangan untuk menggantikan kursus-kursus sedemikian.

JAWAPAN :

- a) Kakitangan lantikan kerajaan negeri dan pelajar institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri adalah dilarang untuk menghadiri program Biro Tatanegara. Sehubungan itu kursus Biro Tatanegara akan digantikan dengan kursus SPIES bagi kakitangan awam. Maka, semua kakitangan awam yang telah pun lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) adalah dikehendaki untuk mengikuti kursus SPIES kakitangan awam bagi membolehkan urusan kenaikan pangkat dan anjakan gaji dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

141. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah Pusat Dialisis Rakyat yang telah ditubuhkan di Negeri Selangor? Sila senaraikan lokasi-lokasi pusat tersebut.
- b) Berapakah kos yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah pusat dialisis?
- c) Berapakah kos yang diperlukan untuk setiap bulan untuk pusat-pusat tersebut?

JAWAPAN :

- a) Pada masa ini, belum ada Pusat Dialisis Rakyat yang ditubuhkan. Pelaksanaan program ini masih diperingkat awal. Mengikut kajian lebih daripada 3,000 orang rakyat Malaysia didiagnosis dengan kegagalan buah pinggang peringkat terakhir pada setiap tahun. Malah hari ini, lebih daripada 15,000 orang rakyat Malaysia dikatakan bergantung pada mesin dialisis dan bilangan ini dijangka akan meningkat kepada 20,000 pada tahun 2010 ini. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak akan tergesa-gesa dalam perlaksanaannya. Kajian lanjut akan dibuat dan penubuhan pusat-pusat tersebut akan dibuat mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- b) Dalam mewujudkan pusat-pusat tersebut, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Menteri Besar Pemerbadanan telah membuat kerjasama dengan beberapa Badan Bukan Kerajaan dan syarikat yang berminat. Melalui kerjasama ini, kos dapat dikecilkan namun rakyat masih mendapat khidmat yang berkualiti.
- c) Kerajaan Negeri sehingga kini belum mengeluarkan sebarang peruntukkan untuk pengendalian Pusat Dialisis Rakyat kerana ia belum ditubuhkan lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SUNGAI

142. Rancangan bagi pembersihan Sungai Kelang.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat manakah pembangunan yang sedang dijalankan?
- b) Siapa dan berapakah syarikat yang mengambil bahagian dalam pembangunan ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PENGUNAAN KEMUDAHAN DEWAN ORANG RAMAI DAN BALAI-BALAI RAYA

143. Pada tahun lalu, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor termasuk MPS, begitu ghairah mengambil alih pengurusan dewan-dewan dan balai-balai raya di kampung-kampung dan taman-taman perumahan. Tindakan ini telah menimbulkan banyak masalah serta membelakangkan kepentingan rakyat. Selain kemudahan-kemudahan ini telah tidak di selenggara dengan baik oleh PBT, penduduk-penduduk tempatan juga menghadapi masalah untuk mengadakan program kemasyarakatan dari semasa ke semasa oleh kerana kelulusan bagi penggunaan kemudahan tersebut ditolak oleh pihak PBT.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional dan motif sebenar pengambilalihan pengurusan kemudahan-kemudahan tersebut oleh PBT.
- b) Mohon nyatakan bilangan permohonan penggunaan kemudahan dewan dan balai raya yang telah diterima oleh PBT dalam kawasan DUN Taman Templer dan bilangan permohonan yang telah dinafikan serta sebab-sebab bagi penafian berkenaan.

JAWAPAN :

- a) Pengambilalihan dewan-dewan ini adalah arahan Kerajaan Negeri yang bersidang pada 9hb. Julai 2008 yang mengarahkan semua PBT mengambil alih semua Dewan Orang Ramai yang didirikan di atas kawasan lapang.
- b) Untuk makluman, sehingga sekarang Majlis tidak menerima permohonan untuk menggunakan kemudahan dewan dan balai raya yang telah diambil alih oleh PBT kecuali pemohon merujuk terus kepada Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : KEMUSNAHAN PANTAI KELANANG

144. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menjaga pembangunan Pantai Kelanang yang terbiar sekarang ini?

JAWAPAN :

- a) Tugas JPS adalah untuk memantau perubahan pantai dan mengesyorkan kaedah-kaedah kawalan hakisan sekiranya berlaku hakisan pantai.

Bagi pembangunan Pantai Kelanang, satu kajian, perancangan dan reka bentuk bagi menjadikan Pantai Kelanang sebagai pusat rekreasi dan pelancongan telah dijalankan oleh pihak perunding NAHRIM Sdn. Bhd. di mana cadangan pelaksanaan projek ini kelak adalah di bawah Majlis Daerah Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PELAN INFRASTRUKTUR NEGERI SELANGOR

145. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan panjang Pelan Infrastruktur Negeri untuk sepuluh tahun akan datang?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : STATUS PEMBANGUNAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA (RRIM)

146. Ladang Lembaga Getah Malaysia (RRIM) dan Pusat Penyelidikan terletak di U4 Shah Alam sepanjang jalan Subang ke Sg.Buloh. Pusat Penyelidikan Getah ini adalah kepunyaan Kerajaan Persekutuan dan tanah adalah kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri atas penggunaan tanah tersebut oleh Lembaga Getah Malaysia, Sg.Buloh?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menuntut balik tanah tersebut daripada Lembaga Getah Malaysia dan apakah perancangan pembangunan di kawasan ini?

JAWAPAN :

- a) Semakan melalui carian rasmi menunjukkan bahawa tanah tersebut telah mempunyai hakmilik sebelum Kanun Tanah Negara diwujudkan pada 1965.
- b) Kerajaan Negeri tidak boleh membuat sebarang tuntutan balik ke atas hakmilik yang telah dikeluarkan melainkan dengan pengambilan balik tanah untuk tujuan awam dengan membayar pampasan mengikut harga semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : HOTEL BAJET, CYBER CAFE DAN PUSAT JAGAAN KESIHATAN

147. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk pembinaan/pemberian lesen hotel bajet, cyber cafe dan pusat jagaan kesihatan seperti rumah urut dan SPA?
- b) Adakah satu garis panduan dikeluarkan kepada semua PBT dan adakah dasar ini diselaraskan di semua PBT?

JAWAPAN :

- a) Dasar Kerajaan Negeri buat masa ini masih MEMBEKUKAN pemberian lesen kepada cyber cafe dan pusat jagaan kesihatan seperti rumah urut dan SPA. Walau bagaimanapun bagi lesen hotel bajet masih boleh dimohon untuk pertimbangan dan kelulusan PBT.
- b) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengeluarkan sebarang garis panduan memandangkan semua perkara yang diperlukan untuk mengawal aktiviti-aktiviti tersebut telah termaktub di dalam Undang – Undang Kecil PBT Selangor seperti berikut :
 - i) UUK Hotel 2007;
 - ii) UUK Pusat Siber dan Kafe Siber 2007; dan
 - iii) UUK Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan 2007

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: SKIM MESRA USIA EMAS

148. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa peratuskah golongan usia emas yang telah didaftarkan di dalam Skim Mesra Usia Emas di negeri Selangor sehingga kini.
- b) Bilakah fasa kedua skim ini yang memberi manfaat semasa hayat dapat di laksanakan

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, hampir 50 peratus warga emas di dalam negeri Selangor telah didaftarkan sebagai Ahli Skim Mesra Usia Emas.
- b) Kelulusan telah pun dibuat dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa sahaja lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TENAGA KERJA ASING

149. Bilangan pekerja asing semakin bertambah di sektor-sektor perindustrian, keselamatan dan perladangan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Selain inisiatif Persektuan membendung masalah kebanjiran pekerja asing, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan negeri?
- b) Adakah kerajaan negeri boleh memainkan peranan untuk menggantikan tenaga kerja asing dengan tenaga kerja tempatan terutama di sektor perkhidmatan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi membendung masalah kebanjiran pekerja asing di negeri Selangor. Jabatan Imigresen Negeri Selangor telah mengambil langkah pencegahan dengan membekukan pengambilan pekerja asing Bangladesh berkuatkuasa 12 November 2009. Selain itu, terdapat beberapa operasi pengawalan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Imigresen di negeri Selangor seperti berikut:

Jumlah Operasi Penguatkuasaan Kegiatan Pendatang Asing Tahun 2009

BIL	JENIS OPERASI	JUMLAH OPERASI
1.	MAHIR	29
2.	SELERA	138
3.	JAJA	23
4.	PINTU	207
5.	SAPU	78
6.	SAYANG	21
7.	DANDAN	21
8.	BELANJA	30
9.	MINYAK	8
10.	AJAR	1
11.	SERKAP	4
12.	KUTIP	77
13.	BERSAMA	65
14.	TEGAS	290
15.	LAIN-LAIN	6
JUMLAH BESAR		998

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Selangor

- b) Kerajaan Negeri Selangor memandang serius mengenai masalah kebanjiran pekerja asing. Isu ini telah diteliti dan langkah-langkah yang berpatutan telah diambil di dalam usaha menggantikan tenaga kerja asing dengan tenaga kerja tempatan terutama di sektor perkhidmatan.

Di antara langkah diambil adalah dengan menyediakan kursus-kursus vokasional di pusat latihan kemahiran yang sedia ada. Dengan menawarkan kursus-kursus kemahiran dan teknikal yang selaras dengan keperluan industri semasa, usaha ini akan memastikan tenaga kerja tempatan bersifat kompetitif dan '*value added*' untuk diambil bekerja oleh para majikan.

Di atas kesedaran untuk memastikan tenaga kerja tempatan mendapat keutamaan di dalam pengisian peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri telah mengadakan program 'Jom Kerja'. Program Jelajah 'Jom Kerja' adalah bertujuan untuk menghebahkan peluang pekerjaan yang ada di Selangor kepada masyarakat setempat. Melalui program ini, pihak syarikat berpeluang untuk mengadakan "walk in interview" di tempat program ini diadakan. Pertemuan di antara Selangor State Investment Centre (SSIC) dengan Ketua-Ketua Kampung, Guru-Guru Besar Sekolah dan Pengarah Institut Kemahiran Belia juga turut diadakan bagi menghebahkan kekosongan pekerja bersama-sama kilang-kilang yang memerlukan pekerja. Program Jom Kerja telah dijalankan di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam, Kuala Langat, Klang dan Shah Alam bermula dari November 2009 sehingga April 2010. Melalui program ini, sebanyak 185 orang telah ditawarkan pekerjaan terus semasa sesi *walk in interview* yang dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : KECURIAN PASIR

150. Aktiviti Perlombongan pasir haram bukan sahaja menyebabkan negeri kehilangan hasil malah menyebabkan masalah alam sekitar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang mewujudkan sebuah pasukan penguatkuasa atau semacam polis bantuan untuk mengekang aktiviti kecurian pasir?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengenakan penalti kepada pejabat tanah daerah akibat tidak dapat mengawal industri pasir?
- c) Adakah kerajaan menyediakan peruntukan khas bagi memperbaiki tebing sungai dan jambatan runtuh akibat aktiviti perlombongan pasir tidak terkawal?

JAWAPAN :

- a) Setiap Pejabat Tanah telah pun mempunyai Unit Penguatkuasa yang berfungsi menjalankan penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan di dalam Kanun Tanah Negara, 1965 termasuklah penguatkuasaan di bawah seksyen 426 KTN. Unit ini terdiri daripada Penolong Pentadbir Tanah, Penolong Pegawai Tanah dan Pembantu Penguatkuasa. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemantauan Permit Pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit / kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbiran Tanah.
- b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengenakan penalti kepada Pentadbir Tanah yang tidak dapat mengawal industri pasir kerana menyedari akan kekangan yang ada seperti kekurangan anggota serta peralatan di peringkat pentadbiran tanah. Sehubungan itu, bagi mempertingkatkan keberkesanan dalam aspek pengurusan isu pasir ini, kerajaan negeri melalui keputusan MMK Ke 11/2010 yang bersidang pada 24 Mac 2010 telah melantik Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Ketua Penyelaras kepada KSSB, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dari isu pasir ini dalam tempoh 6 bulan. Matlamat utama adalah supaya pengeluaran pasir dapat dipertingkatkan serta memberikan hasil yang maksima kepada Kerajaan Negeri.

- c) JPS tidak diberikan peruntukan khas bagi kerja-kerja memperbaiki tebing sungai dan jambatan yang runtuh akibat aktiviti perlombongan pasir haram, walaupun bagaimanapun terdapat peruntukkan di bawah Program Penyelenggaraan Sungai yang boleh digunakan bagi tujuan tersebut. Setakat ini JPS belum dapat mengaitkan insiden jambatan runtuh dengan perlombongan pasir.

Jumlah keseluruhan peruntukan di bawah Program Penyelenggaraan Sungai 2010 RM 800,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : KEMISKINAN

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kesan program Merakyatkan Ekonomi Selangor(MES) dapat mengurangkan kadar keluarga miskin tegar?
- b) Apakah rancangan spesifik kerajaan dalam mempertingkatkan pendapatan keluarga miskin masyarakat India?
- c) Adakah kerajaan bersedia memberi hak milik atau pajakan tanah pertanian PKPS kepada rakyat miskin untuk menambahkan pendapatan?

JAWAPAN :

- a) Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) adalah agenda Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah. Program MES ini telah dan akan dilaksanakan mengikut fasa-fasa seperti berikut :-

Fasa Pelaksanaan	Program MES
Fasa I	i) Tabung Anak Kelahiran Selangor ii) Bekalan Air Percuma Bagi 20m2 iii) Hadiah Anak Masuk Universiti iv) Caruman Takaful v) Penubuhan Kumpulan Khazanah Selangor vi) Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC)
Fasa II	i) Kemudahan cuti bersalin 90 hari ii) Kemudahan cuti untuk suami yang isterinya bersalin (14 hari) iii) Cuti kematian suami (30 hari)
Fasa III	i) Caruman takaful OKU/ Anak Yatim ii) Bantuan kepada peniaga muda iii) Bimbingan perniagaan kepada belia iv) Bantuan anak ke nurseri v) Bantuan anak prasekolah vi) Bantuan mendirikan rumah tangga vii) Elaun Ibu Tunggal viii) Elaun Khas Suri rumah ix) Bantuan memiliki rumah tangga

- b) Banyak program-program Kerajaan Negeri yang membantu meningkatkan pendapatan keluarga miskin semua kaum termasuk masyarakat India seperti Program Subsidi Tambang Bas, Program Kecemerlangan Anak-Anak UPSR, PMR dan SPM. Program peralatan 'Blueprint', Program Bantuan Kesihatan, Program Kerajaan Prihatin.
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 30 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : RIZAB PBT

152. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan rizab semua kerajaan tempatan di Selangor pada 2008 dan 2009.
- b) Terangkan sebab-sebab kemerosotan/penambahan rizab untuk tahun-tahun ini.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : UNDANG-UNDANG MEMATUHI PERUNTUKAN ADUN

153. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah pencegahan dan undang-undang yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan penyalahgunaan peruntukan ADUN?
- b) Senaraikan perbelanjaan yang dikeluarkan dari peruntukan ADUN yang disalahgunakan oleh wakil rakyat BN yang dihadapkan ke SELCAT.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, pada masa ini penyaluran peruntukan Ahli Dewan Negeri adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2010. Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi menggantikan Surat-surat Pekeliling yang berkuat kuasa sebelum ini iaitu Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 2008, Bil. 5 Tahun 2008, Bil. 6 Tahun 2008, Bil. 7 Tahun 2008 dan Bil. 7 Tahun 2009. Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2010 ini adalah bagi menambah baik tatacara bagaimana peruntukan ini boleh diluluskan dan digunakan.

Antara penambahbaikan yang dibuat adalah dengan menjelaskan dengan lebih terperinci akan perbelanjaan yang boleh digunakan dengan peruntukan tersebut. Antaranya adalah perbelanjaan bagi pengurusan dan pengubahsuaian pejabat, projek kecil pembangunan, sumbangan kemasyarakatan secara tunai, program dan aktiviti mesra rakyat dan mewujudkan tabung wang pendahuluan ADN bagi memudahkan ADN berbelanja.

Pekeliling baru ini juga menghendaki ADN menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan serta perlu dilampirkan bersama dokumen-dokumen yang berkaitan bagi memastikan permohonan tuntutan pengeluaran peruntukan yang dibuat adalah benar dan teratur.

- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 30 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: PINJAMAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR

154. Selangor telah mengeluarkan pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga kini?
- b) Apakah rancangan kerajaan negeri bagi mewujudkan biasiswa untuk pelajar-pelajar miskin yang cemerlang yang ingin melanjutkan pelajaran?

JAWAPAN :

- a) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)** telah ditubuhkan pada tahun 1987 berpandukan kepada "*State of Selangor Enactment No. 4 of 1949*" (Enakmen Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor 1949 (Pindaan 2001)). Berdasarkan enakmen tersebut, peruntukan tahunan TKWBNS adalah di bawah **pembiayaan Kerajaan Negeri**.

Sejak tahun 1988, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM82.8 juta** untuk membiayai TKWBNS, di mana sebanyak RM9 juta daripadanya merupakan caruman kepada tabung Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor yang ditubuhkan semenjak tahun 1994. Bagi **tahun 2010** pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah **RM8.1 juta** bagi aktiviti biasiswa dan pinjaman pelajaran di bawah TKWBNS.

Jumlah pelajar yang telah menerima kemudahan pembiayaan daripada TKWBNS setakat **31 Disember 2009** adalah seramai **12,800 orang**, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak **RM104.2 juta**. Pecahan pinjaman pelajaran yang telah ditawarkan mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

- i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor

Bil.	Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Amaun (juta)
1.	Ijazah	3,999	RM54.5
2.	Diploma	4,944	RM33.1
3.	Sijil (IPTA)	889	RM5.1
Jumlah Keseluruhan		9,832	RM92.7

ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor

Bil.	Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Amaun (juta)
1.	Sijil (IPTS)	2,968	RM11.5

b) TKWBNS mempunyai **dua (2) jenis tabung** yang memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Negeri Selangor dan mereka yang layak setelah dipertimbangkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS). **Bentuk tabung pinjaman** yang disediakan adalah seperti berikut:

i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor

Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar yang menuntut di IPT dalam negara (IPTA/ IPTS) dan IPT luar negara bagi pengajian di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah.

ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor

Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang teknikal dan kemahiran di peringkat Sijil.

Melalui pinjaman pelajaran yang disediakan, TKWBNS turut menawarkan kemudahan **Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah** kepada pelajar-pelajar yang telah **menamatkan pengajian** dengan **pencapaian cemerlang** di IPTA/ IPTS dalam negara.

Sejak dasar tersebut dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2003 sehingga 31 Disember 2009, seramai **428 peminjam telah pun mendapat kelulusan** LTKWBNS untuk ditawarkan kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah dengan melibatkan pelupusan pinjaman **secara biasiswa** berjumlah **RM2,944,540.14**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BANDAR

155. Salah satu teras pakej rangsangan ekonomi negeri ialah pembangunan semula kawasan Bandar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status projek pembangunan semula kawasan bandar ini dan berapakah nilai pelaburan yang telah dapat dijana ?

JAWAPAN :

- a) Projek Pembaharuan Bandar telah dimulakan di Ampang Jaya dengan pengumuman projek Datum Jelatek oleh PKNS dengan nilai pembangunan sebanyak RM1.2 bilion. PKNS telah mengambil pendekatan membangunkan semula flat-flat kos rendah PKNS yang lama untuk dijadikan perumahan kos sederhana dan tinggi. Projek ini dijangka akan menjadi rangsangan atau 'stimulus' kepada pembangunan Pusat Bandar Keramat.

Selain itu, Seksyen 52, Petaling Jaya juga sudah dikenal pasti untuk dibangunkan untuk menjadi Pusat Bandar Petaling Jaya. Projek ini masih di dalam peringkat kajian dan perancangan untuk memastikan pembangunan yang terancang dan mampan dapat dilaksanakan, terutamanya untuk menyelesaikan masalah trafik di kawasan tersebut yang sangat genting.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KEPAKARAN ASING

156. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan Negeri Selangor ada melantik Dr. Pornthip Rojanasunand, Pakar Autopsi dari Thailand dan kes pembunuhan Teo Beng Hock. Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membiayai tenaga pakar luar ini ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersikap prejudis dan menafikan kebolehan anak tempatan dalam melakukan autopsi ?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TAPAK PERKUBURAN CINA

157. Masyarakat bukan Islam sering menghadapi masalah kekurangan tanah perkuburan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini berapa permohonan tapak perkuburan Cina masih belum diluluskan oleh kerajaan negeri ?
- b) Kerajaan Negeri Selangor meluluskan berapa permohonan dalam tahun 2009 ?
- c) Apakah status permohonan tanah perkuburan Cina Tg.Sepat di daerah Sepang ?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: TANAH-TANAH RIZAB PERKUBURAN CINA DAN INDIA

158. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan tanah-tanah yang telah digazetkan sebagai tanah-tanah perkuburan Cina atau tanah perkuburan India mengikut pecahan PBT bagi tahun 2006-2010.
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mendirikan incinerator dan senaraikan tapak yang telah dikenal pasti untuk pembinaan incinerator mengikut PBT sekiranya ada.

JAWAPAN:

- a) Senarai bagi tanah-tanah perkuburan Cina dan India yang telah digazet adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membangunkan sebarang loji incinerator akan tetapi melihat ke arah untuk membangunkan tapak pelupusan sisa pepejal menggunakan teknologi mechanical biological treatment (MBT) atau materials recovery facility (MRF).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROGRAM (MES)

159. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan program-program yang telah dilaksanakan di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sepanjang dua tahun yang lepas.
- b) Apakah yang telah dicapai dan berapakah jumlah dana yang belum dibelanjakan serta perancangannya?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MEMPERTAHANKAN PEGANGAN AHLUS-SUNNAH WAL-JAMAAH

160. JAIS berusaha mempertahankan pegangan Ahlus-Sunnah wal-Jamaah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah yang dihadapi kini yang mencabar pegangan Ahlus-Sunnah wal-Jamaah?
- b) Apakah penyelewengan-penyelewengan yang dibawa pencabar-pencabar Ahlus-Sunnah wal-Jamaah?
- c) Mengapa kita perlu pertahankan pegangan Ahlus-Sunnah wal-Jamaah?

JAWAPAN :

- a) Antara masalah yang dihadapi kini yang mencabar pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah seperti berikut:

1. Tiada ilmu pengetahuan tentang isu yang dibahas (*subject matter*)

Terdapat ahli masyarakat yang suka membahaskan isu-isu tertentu seolah-olah berkepakaran dalam isu tersebut, sedangkan sebenarnya tidak mempunyai ilmu berkaitan isu tersebut. Mereka yang suka bertaklid secara membabi buta biasanya akan mudah terpengaruh dengan kata-kata golongan ini.

2. *Taklid* (ikut-ikutan dalam hal agama) secara membabi buta

Taklid sememangnya wujud dalam kehidupan beragama. Walaubagaimanapun, terdapat ahli masyarakat yang bertaklid secara membabi buta, yakni menerima secara bulat-bulat apa jua yang diperkatakan mengenai sesuatu perkara. Lantaran itu, penerimaan terhadap sesuatu perkara itu tidak lagi berdasar atau dinilai kepada ilmu, bahkan kepada emosi atau kesan psikologi yang diguna penghujah.

3. Mengambil jalan mudah dalam mencapai keredhaan Ilahi

Sebagai manusia biasa yang tidak kebal dari maksiat, adalah tidak dinafikan bahawa setiap orang sememangnya ingin mendapat keredhaan Allah. Walaubagaimanapun, ada sebilangan masyarakat yang mengambil jalan mudah untuk 'menyucikan diri' dari dosa demi mendapat keredhaan Allah. Ada juga yang ingin menghalalkan apa yang diharamkan oleh Islam demi memuaskan nafsu sendiri kerana menganggap bahawa Islam itu *rigid*, tidak *tolerant* dan sebagainya. Jalan pintas beginilah yang menjerumuskan manusia ke kancah ajaran sesat dan aliran pemikiran songsang.

4. Perselisihan tentang *bida'ah*

Pertikaian dalam isu *bida'ah* juga menjadi cabaran kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Seringkali isu ini dibahaskan dalam perkara-perkara *furu'*, iaitu perkara yang bukan pokok dalam agama, yang sudah tentu tidak wajar diperbesar-besarkan oleh mana-mana pihak sehingga menimbulkan salah faham dan perpecahan dalam masyarakat. Justeru, semua pihak harus berlapang dada kerana di sana terdapat *bida'ah-bida'ah* yang nyata lebih besar dan membawa impak yang sangat positif kepada ummah misalnya penulisan dan pembukuan al-Quran.

5. Kewujudan aliran selain Ahli Sunnah Wal Jamaah

Secara amnya, dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam, orang Islam terkelompok ke dalam beberapa aliran termasuk Ahli Sunnah Wal Jamaah. Aliran lain yang terkenal ialah Muktazilah, Syiah dan Qadiani. Sepertimana Ahli Sunnah Wal Jamaah, pengikut aliran lain juga kuat mempertahankan aliran mereka. Ketaksuban dan kepercayaan mereka, jika tidak dikawal dengan baik, mampu mengakibatkan perpecahan dan kecelaruan dalam masyarakat.

b) Terdapat begitu banyak penyelewengan yang dibawa oleh pencabar-pencabar Ahli Sunnah Wal Jamaah, antaranya:

1. Liberalisme
2. Tekstualisme agama
3. Penafsiran Al-Quran tanpa asas
4. Mengadakan hukum dengan membelakangkan sumber-sumber hukum
5. Mengadakan kepercayaan berkaitan kerohanian yang bercanggah dengan Islam

c) Berbeza dengan aliran lain, Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan aliran yang berpegang bahawa kepada Al-Quran dan Al-Hadis adalah asas dalam beragama dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak. Dalam memahami tuntutan kedua-duanya, pandangan-pandangan ulama sangat diambil kira menerusi Ijma' dan Qiyas, yang kesemuanya mempunyai metodologinya sendiri. Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak meletakkan logik akal sebagai teras utama, bahkan ia dijadikan sandaran kuat kepada apa yang telah dirumuskan oleh keempat-empat sumber itu tadi –Al-Quran, Al-Hadis, ijma' dan qiyas. Oleh yang demikian, aliran ini merupakan yang terbaik dalam memahami Islam dan perlu dipertahankan dengan harapan aqidah dan ibadah kita diterima oleh Allah sebagai aqidah dan ibadah yang sempurna. Penolakan terhadap pandangan ulama' dalam memahami Al-Quran dan Al-Hadis dikhuatiri akan menyimpangkan pemahaman yang sebenar kerana ulama' merupakan pakar dalam memahami Islam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : SISTEM PENGANGKUTAN AWAM DI NEGERI SELANGOR

161. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah kerajaan merancang sistem pengangkutan awam dan 'route' untuk bas-bas?
- b) Jika boleh, apakah rancangan kerajaan dalam masa 5 tahun dan 10 tahun?

JAWAPAN :

a) dan b) dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri boleh merancang sistem pengangkutan awam dan 'route' untuk bas. Kerajaan Negeri telah menyediakan perancangan terhadap sistem pengangkutan awam di peringkat Negeri melalui penetapan dasar pengangkutan awam yang terkandung dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor dan Rancangan-Rancangan Tempatan kawasan PBT. Tempoh perancangan RSN dan Rancangan Tempatan adalah antara 15 hingga 20 tahun.

Selain itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga telah mengambil usaha untuk memperbaiki sistem dan 'route' pengangkutan awam.

Antara perkara penting yang menjadi teras adalah seperti berikut:

- i) Memastikan pengukuhan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
- ii) Modal Split dari 90:10 ke 50:50.
- iii) 'One Hour Public Transport Model'
- iv) Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.
- v) Menyambung Laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang
- vi) Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu (Bas, Teksi, LRT diintegrasikan dalam terminal pengangkutan awam).
- vii) Menambah penyediaan sistem pengangkutan ke seluruh kawasan dalam Negeri Selangor.
- viii) Menambah perkhidmatan 'bas henti-henti' antara bandar dalam Negeri Selangor

Selain itu, perancangan bagi bandar-bandar baru atau koridor-koridor baru akan menitikberatkan jaringan pengangkutan dan sistem pengangkutan awam bersepadu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : BEKALAN AIR

162. Akibat fenomena El-Nino, Malaysia dijangka mengalami musim panas yang panjang dan boleh menjejaskan simpanan air di negeri-negeri

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Selangor dijangka berhadapan dengan masalah bekalan air dan adakah empangan-empangan air di Selangor sudah cukup dilindungi dari aktiviti pencerobohan dan pencemaran?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memelihara lembangan sungai yang membekalkan sumber air negeri?
- c) Kawasan manakah di negeri Selangor yang paling kritikal dan mudah terjejas jika berlaku pengurangan simpanan air dan adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan sumber air bawah tanah untuk menangani sebarang krisis air jangka panjang?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kepada Kajian Sumber Air Negara, Negeri Selangor dijangka kan menghadapi masalah kekurangan bekalan pada tahun 2014. Berdasarkan kepada kajian ini, Kerajaan Negeri telah pun bersedia dengan pelan penyelesaian jangka panjang iaitu melalui Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor yang dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2014. Selain daripada itu, projek bekalan air alternatif juga disediakan bagi memastikan bekalan air terawat dapat dibekalkan secara berterusan melalui pembinaan loji rawatan air baru di Sepang dan menaik taraf sistem pengepaman air mentah di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1.

Manakala dari segi perlindungan terhadap empangan dan sumber air mentah, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mewartakan sumber air alternatif dan kawasan tadahan air empangan sebagai zon perlindungan tertakluk dalam Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999.

- b) Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai rancangan jangka panjang bagi memastikan sumber bekalan air di negeri ini dipelihara. Antaranya adalah dengan melibatkan program/tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu yang dijalankan bagi pengawalan pencemaran sungai di samping memberi maklumat kepada orang awam akan status sungai di Selangor.

Dari segi perundangan pula, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mewartakan sumber air alternatif dan kawasan tadahan air empangan sebagai zon perlindungan tertakluk dalam Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999.

Manakala dari segi penglibatan awam, Kerajaan Negeri melalui LUAS berterusan menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin bekalan air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera. Antara aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh LUAS ialah seperti :

- i) Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok Bakau di Pantai Tanjung Harapan,
 - ii) Program Qua-Qua yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008,
 - iii) Program Sambutan Hari Air Sedunia,
 - iv) Program Pemeliharaan Sumber Air Melalui Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak; dan
 - v) Mengadakan ceramah-ceramah dan pameran-pameran dari semasa ke semasa.
- c) Secara keseluruhan, kawasan yang paling kritikal boleh terjejas dari segi pembekalan air adalah di sekitar Lembah Klang berdasarkan kepada kepadatan penduduk dan aktiviti perniagaan yang aktif.

Negeri Selangor bergantung sepenuhnya kepada sumber air permukaan untuk dijadikan sebagai air terawat yang dibekalkan kepada pengguna. Namun demikian, air permukaan akan berkurangan apabila berlaku kemarau panjang. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor telah bercadang untuk menggunakan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif. Dengan penggunaan air bawah tanah ini, penggantungan sepenuhnya terhadap air permukaan dapat dikurangkan.

Penggunaan air bawah tanah yang berlebih-lebihan boleh membawa impak sosial, ekonomi dan alam sekitar seperti penenggelaman tanah dan kerosakan infrastruktur. Sehubungan dengan itu, pengawalan yang berterusan adalah perlu bagi mengelakkan penggunaan air bawah tanah yang tidak terkawal. Penggunaan air bawah tanah di negeri Selangor adalah tertakluk kepada kawal selia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK: KECURIAN PASIR DI BANDAR MAHKOTA CHERAS DAN BANDAR SUNGAI LONG, KAJANG.

163. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?
- b) Bagaimana untuk memastikan operator pasir mempunyai permit yang sah?
- c) Adakah kerajaan negeri menilai jumlah kerugian daripada aktiviti mencuri pasir ini. Sekiranya ada, berapakah jumlahnya?

JAWAPAN:

- a) Untuk mengatasi masalah kecurian pasir di tanah kerajaan ialah kerajaan negeri telah mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965. Tindakan yang telah diambil ialah merampas apa-apa kenderaan dan jentera yang dipercayai telah digunakan atau sedang digunakan semasa kesalahan di bawah seksyen itu dilakukan di tanah kerajaan. Bagi kecurian pasir yang melibatkan tanah hakmilik, notis 7A iaitu notis membaik pulih tanah telah dikeluarkan dan akan disusuli dengan notis 8A iaitu perampasan tanah oleh kerajaan negeri sekiranya pemilik tanah gagal untuk mematuhi notis 7A tersebut.

Untuk makluman, notis 7A telah dikemukakan kepada pemilik tanah lot 745, lot 365 dan lot 366 di Bandar Mahkota Cheras dan lot 3512 dan lot 3513 di Bukit Enggang berhampiran Sungai Long, Mukim Hulu Langat. Selain itu, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat juga telah menyita 2 buah mesin 'excavator' di kawasan kecurian pasir tanah hak milik tersebut.

Bagi tanah kerajaan di sekitar kawasan Bukit Enggang berdekatan Bandar Sungai Long, Mukim Hulu Langat, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat telah mengambil tindakan dengan menyita sebuah mesin 'excavator' dan sebuah lori.

Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat juga, seperti mana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Mineral bermula 29 Mac 2010 telah melakukan rondaan pada setiap hari di semua lokasi yang dipercayai kejadian kecurian pasir dilakukan di daerah Hulu Langat. Ianya bertujuan bagi mencegah kejadian tersebut terus berleluasa.

- b) Dasar Kerajaan Negeri hanya memberikan kebenaran pengeluaran permit pasir yang sah kepada anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. sahaja. Untuk memastikan operator pasir di sesuatu kawasan operasi mempunyai permit yang sah di kawasan tersebut akan didirikan papan tanda berukuran 1.5m x 2.0m yang mengandungi maklumat – maklumat seperti berikut;
- i) Nama, alamat dan nombor telefon syarikat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ;
 - ii) Nombor permit dan tempoh permit; dan
 - iii) Maklumat tapak yang diluluskan
- c) Hasil kajian di tapak (*field study*) yang dijalankan oleh KSSB mendapati jumlah kerugian daripada aktiviti mencuri pasir adalah lebih kurang **RM1.9 juta (1.056 tan metrik) / bulan.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : LESEN PREMIS PENIAGA MELAYU MPK

164. Kebelakangan ini, ramai peniaga (majoritinya kaum Melayu) yang menyewa premis MPK telah disita premis perniagaan mereka dengan alasan tidak menjelaskan bayaran sewa premis / mempunyai tunggakan. Dimaklumkan juga, bahawa pihak penguat kuasa MPK tidak mengadakan sebarang proses budi bicara sebelum tindakan diambil.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prosedur yang sepatutnya diambil oleh pihak yang berkenaan sebelum mengambil tindakan berkenaan?
- b) Apakah peranan / bidang kuasa Ahli Majlis yang bertanggungjawab untuk membantu menyelesaikan kes-kes begini sebelum tindakan menyita premis dikenakan kepada para peniaga tersebut?
- c) Adakah kajian dilakukan oleh pihak MPK sama ada kawasan yang ditawarkan sebagai premis perniagaan berpotensi menjana ekonomi setempat / hanya sebagai tempat 'hidup segan mati tak mahu'?

JAWAPAN :

- a)
 - i. Penyewa perlu membayar sewa bulanan pada setiap 7hb setiap bulan .
 - ii. Sekiranya penyewa tersebut mempunyai tunggakan melebihi cagaran @ 3 bulan sewaan boleh diberi notis 14 hari mengikut klausa 13 Perjanjian penyewaan Premis Majlis yang dinyatakan di bawah:

KLAUSA 13 PERJANJIAN SEWAAN

Penamatan Perjanjian

- a) *Penyewaan adalah dianggap terbatal di mana berlakunya mana-mana atau kesemua perkara berikut :-*
 - i) *Gagal mematuhi mana-mana syarat dan terma di dalam Perjanjian ini.*
 - ii) *Penyewa diisytiharkan kebangkrapan atau membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang atau sebagai satu syarat membuat penyelesaian secara paksa atau sukarela maka Majlis boleh menamatkan Perjanjian.*
 - iii) *Penyewa didapati bersalah di bawah mana-mana Undang-Undang Jenayah.*
 - iv) *Gagal atau enggan membayar sewa bulanan yang telah ditetapkan.*
- b) *Jika pada bila-bila masa sewa yang dikenakan atau sebahagian daripadanya menjadi tertunggak dan tidak dibayar dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari*

*daripada tarikh sewa itu sepatutnya dibayar (samada dituntut secara rasmi atau tidak) atau sekiranya Penyewa gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini maka Majlis berhak menamatkan Perjanjian ini melalui Notis Penamatan **EMPAT BELAS (14)** hari tanpa sebarang prasangka dan tanpa menyentuh hak Majlis untuk mengambil tindakan mengenai apa-apa pelanggaran syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini oleh Penyewa, yang mana akibat daripada tindakan ini segala tanggungan terhadap sebarang kos, pembicaraan, tuntutan, permintaan dan perbelanjaan yang akan dan atau mungkin timbul akan ditanggung oleh Penyewa.*

- c) *Sekiranya perjanjian ini ditamatkan disebabkan kegagalan Penyewa menjelaskan tunggakan sewa dan atau disebabkan pelanggaran syarat-syarat Perjanjian ini, Majlis adalah berhak untuk memasuki premis tersebut dan seterusnya mengunci atau mensita apa-apa harta mudah alih yang ditemui di dalam premis tersebut dan kemudian melupuskannya dengan cara lelongan atau apa-apa cara yang Majlis fikirkan patut dan munasabah untuk menjelaskan segala tunggakan sewa dan sekiranya hasil pelupusan harta tidak mencukupi, Majlis berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap Penyewa.*
- iii. Selepas diberi Notis Akan Batal , Pembatalan akan dijalankan sekiranya tidak ada sebarang pembayaran / rayuan dan pihak penyewa dimaklumkan tarikh tindakan pengosongan/penyitaan.
- iv. Sekiranya pemohon masih berminat untuk menjalankan perniagaan maka penyewa tersebut hendaklah memohon dengan segera (sebelum iklan di keluarkan) serta menjelaskan bayaran tunggakan berserta kos pembatalan. Sekiranya melebihi 3 kali kesalahan dibatalkan penyewaan, penyewa tersebut dikehendaki mengisi semula borang permohonan dan perlu menghadiri temuduga semula di mana keputusan akan dibuat oleh panel temuduga yang terdiri daripada Ahli Majlis.
- b) Ahli Majlis boleh memberi info/maklumat, pandangan atau sebagainya. Walaubagaimanapun tertakluk kepada kuasa Majlis untuk mengambil tindakan sewajarnya.
- c) Ada. Secara umumnya Majlis mendapatkan pandangan awam, pengamatan kaji selidik, pertanyaan mulut dan sebagainya untuk menentukan tapak premis tersebut berjaya dan berpotensi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

165. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor dan huraikan status terperinci mengenainya perancangan memantapkannya?

JAWAPAN :

- a) Sejak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor ditubuhkan dan mula beroperasi pada bulan Julai tahun yang lalu, Perbadanan telah mengatur langkah merancang dan mengendalikan berbagai program. Program-program tersebut termasuklah program baru dan penerusan program lama di bawah Lembaga Muzium negeri dahulu.

Di antara program yang diberi penekanan ialah aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam mana aktiviti ini ditunas suburkan dengan bantuan pakar-pakar terdiri daripada profesor-profesor dan pengkaji daripada universiti tempatan. Perbadanan juga sedang menilai aspek-aspek persembahan terhadap artifak-artifak yang di pameran melalui teknik-teknik baru dengan mengambil pengalaman daripada muzium-muzium tempatan dan luar negara.

Kerja-kerja sedang giat dijalankan bagi menambah nilai bahan-bahan yang sedia ada dan bakal diperolehi dari berbagai sumber untuk menentukan muzium negeri mempunyai bahan-bahan artifak yang benar-benar menggambarkan teras budaya adat dan kesenian Negeri Selangor.

Selain daripada itu Perbadanan juga sedang menilai dan akan mengemukakan pelan pelaksanaan membaik pulih bangunan-bangunan muzium utama di Shah Alam dan muzium-muzium cawangan di daerah yang berkenaan.

Secara yang lebih spesifik untuk tahun 2010 dan tahun-tahun berikutnya tumpuan kerja Perbadanan adalah seperti berikut :-

1. Penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tugas utama PADAT iaitu:
 - i. Meningkatkan dan menambahkan keupayaan tradisi ilmu, bahasa dan persuratan,
 - ii. Menggali bahan-bahan sejarah dan mendokumentasikannya untuk dijadikan bahan rujukan mengenai Adat-Adat Melayu dan Warisan Selangor,
 - iii. Mengenal pasti, mengadun dan mempersembahkan warisan kesenian Melayu dan warisan Selangor,

- iv. Mengemukakan dasar-dasar dan landasan-landasan pembangunan dan perkembangan adat Melayu dan warisan Selangor,
 - v. Menerbit dan mengarkibkan bahan-bahan penulisan mengenai adat Melayu dan warisan Selangor ,
 - vi. Memoden dan mengemas kini sistem pengurusan Perbadanan Adat Melayu dan warisan Selangor,
 - vii. Memasukkan idea dan peralatan teknologi moden dalam system pengurusan,penambahbaikan dan pembangunan Perbadanan.
2. Mewujudkan desa budaya di Shah Alam dengan tujuan untuk mengetengahkan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor,
 3. Jalinan kerjasama antara PADAT dengan perbadanan negeri lain atau agensi lainnya yang mempunyai perkhidmatan teras (core business) yang sama termasuk di Asia dan peringkat antarabangsa,
 4. Mengujudkan kumpulan pakar permuziuman, adat dan warisan. Bagi merealisasikan hasrat ini satu bentuk bantuan sama ada biasiswa ataupun geran akan diwujudkan,
 5. Kebolehpayaan pembangunan daripada segi infrastruktur selain kakitangan,
 6. Lawatan kerja rasmi dalam dan luar Negara utama terpilih untuk melihat amalan membangun dan mempromosi adat dan warisan,
 7. Penambahbaikan ekshibit di ruang pameran semua muzium di bawah PADAT. Pengubahsuaian daripada segi peragaan ekshibit iaitu penambahbaikan maklumat di seluruh ruang pameran perlu dilaksanakan segera,
 8. Mengujudkan Pintu Gerbang Selangor di setiap pintu masuk. Sehubungan itu, perkampungan budaya perlu diwujudkan dengan jualan produk kraf selain produk IKS yang melambangkan identiti Selangor. Projek ini diharap dapat menonjolkan ikon Selangor di, setiap perkampungan budaya yang diwujudkan di daerah seluruh negeri,
 9. Konvensyen Adat Melayu Selangor perlu diadakan setahun sekali. perlaksanaannya sama ada pertengahan tahun atau hujung tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN (YBK)

166. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Bilakah kerajaan akan mengklasifikasikan maklumat berkaitan YBK?
- b) Apakah tindakan seterusnya kerajaan dalam isu ini?
- c) Adakah kerajaan akan menetapkan suatu pekeliling atau tatacara tentang sumbangan kerajaan kepada mana-mana badan kebajikan terutama yang diwujudkan oleh kerajaan?

JAWAPAN :

- a) Kajian telah dimulakan dan dalam prosesnya, kerajaan menemui sejumlah perkara yang memerlukan penelitian lanjut. Ini mengambil sedikit masa untuk selesai. Secara umumnya gambaran besar isu ini telah selesai. Penelitian ini perlu kerana ia melibatkan hal berkaitan undang-undang dan integriti maklumat tersebut.
- b) Buat masa ini kerajaan negeri punya cukup sebab untuk mengambil semula sebahagian tanah yang telah diberikan dan gagal diselesaikan cukainya. Kerajaan negeri juga tetap dengan pendirian bahawa wakilnya perlu ada di dalam Lembaga Pemegang Amanah untuk menjamin pengurusan yang baik, telus dan bertanggungjawab.
- c) Kerajaan negeri tidak bercadang untuk menyukarkan sumbangan kepada mana-mana badan kebajikan bahkan ia amat digalakkan. Apa yang penting bagi kerajaan negeri adalah isu-isu pentadbiran yang baik, telus dan bertanggungjawab. Untuk badan kebajikan yang diwujudkan oleh kerajaan negeri atau menerima bantuan daripada kerajaan negeri seperti tanah, kemudahan dan wang, wakil kerajaan negeri perlulah dibenarkan menjadi Ahli Lembaga Amanah menurut keputusan yang dibincangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Tujuan asasnya ialah seperti yang dinyatakan tadi iaitu memastikan wujudnya pentadbiran yang baik, telus dan bertanggungjawab.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : HADIAH RM1,000 ANAK MASUK UNIVERSITI

167. Dalam program Merakyatkan Ekonomi Selangor, hadiah anak masuk universiti sebanyak RM1,000 telah dilaksanakan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah program ini berjaya merakyatkan ekonomi kepada golongan miskin?
- b) Berapa ramaikah anak Selangor yang telah mendapat manfaat daripada program ini?
- c) Apakah kerajaan bercadang untuk tidak mengenakan pendapatan RM1,500 sebulan sebagai syarat layak menerima manfaat daripada program ini?

JAWAPAN :

- a) Program Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor (Hadiah Anak Masuk Universiti) merupakan salah satu kemudahan yang ditawarkan menerusi agenda **Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)**. Program bantuan yang berupa **sumbangan insentif berjumlah RM1,000** disediakan bertujuan khusus untuk membantu anak-anak Negeri Selangor yang **kurang berkemampuan** bagi melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi.

Bantuan tersebut merupakan satu kemudahan kepada pelajar sebelum mereka memperolehi **sumber kewangan** dari pihak penaja untuk mengikuti pengajian dalam bidang yang dipilih. Bantuan berkenaan juga mampu **meringankan beban tanggungan ibu bapa/ penjaga pelajar** bagi menampung kos perbelanjaan pelajar semasa di universiti kelak. Bantuan ini membuktikan **keprihatinan Kerajaan Negeri** bagi menunaikan tanggungjawab sosial terhadap kebajikan rakyat Negeri Selangor, terutamanya dari golongan mahasiswa IPT.

- b) Setakat 31 Mac 2010, sebanyak **15,792 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan insentif berjumlah RM1,000 berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya **11,146 pemohon (70.58%)** sahaja yang didapati layak untuk dipertimbangkan bagi menerima insentif tersebut, manakala 4,646 (29.42%) permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat sepertimana yang telah ditetapkan seperti di atas. Semenjak berkuat kuasa pelaksanaan program tersebut, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos berjumlah **RM11.14** juta bagi membiayai program ini.

- c) Program Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor telah mula dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2008**. Melalui program ini, pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT akan diberi **insentif berjumlah RM1,000** berdasarkan **syarat-syarat** yang telah ditetapkan seperti berikut:
- i) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
 - ii) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - 1) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - 2) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - 3) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
 - iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** sahaja;
 - iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana muda** dan **Diploma** sahaja;
 - v) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
 - vi) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Berdasarkan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 31/2009** bertarikh **30 September 2009**, mesyuarat telah menimbang dan **mengemukakan syarat kelayakan** permohonan HPIPT bagi perkara seperti pada **para (vi)** di atas.

Perkara ini adalah selaras dengan tujuan pemberian bantuan tersebut, iaitu bagi membantu anak-anak Negeri Selangor yang **kurang berkemampuan** bagi melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Selain itu juga, penetapan syarat tersebut adalah berdasarkan kepada **penetapan garis kemiskinan** Negeri Selangor, iaitu **pendapatan di bawah RM1,500**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : AHLI MAJLIS KERAJAAN NEGERI SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah nama-nama kesemua Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di seluruh Negeri Selangor bagi tahun 2008 dan 2009?
- b) Berapakah jumlah Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di seluruh Negeri Selangor mengikut kaum bagi tahun 2008 dan 2009?
- c) Berapakah jumlah Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di seluruh Negeri Selangor mengikut fahaman Parti Politik bagi tahun 2008 & 2009?

JAWAPAN :

- a) Senarai nama bagi semua Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di seluruh Negeri Selangor bagi penggal 2008/2009 adalah seperti di Lampiran A1 hingga Lampiran A12 manakala bagi penggal 2009/2010 adalah seperti di Lampiran B1 hingga Lampiran B12.
- b) Sehubungan dengan itu, jumlah Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di seluruh Negeri Selangor mengikut kaum bagi penggal 2008/2009 dan 2009/2010 adalah seperti Jadual A dan B di lampiran.
- c) Jumlah Ahli-Ahli Majlis adalah seperti di lampiran.

Jadual A : Jumlah Ahli Majlis PBT Selangor Bagi Penggal 2008/2009 mengikut kaum.

AHLI MAJLIS	BANGSA				JUMLAH
	M	C	I	LAIN	
MBSA	17	4	3	0	24
MBPJ	11	8	6	0	25
MPK	11	8	6	0	25
MPAJ	16	6	2	0	24
MPSJ	9	11	5	0	25
MPS	16	6	3	0	25
MPKj	13	7	5	0	25
MPSp	13	7	4	0	24
MDKS	14	6	5	0	25
MDHS	13	5	6	0	24
MDKL	12	7	5	0	24
MDSB	14	9	2	0	25
JUMLAH	159	84	52	0	295
PERATUSAN(%)	53.9	28.5	17.6	0.0	100

M – Melayu
C – Cina
I – India

Jadual B : Jumlah Ahli Majlis PBT Selangor Bagi Penggal 2009/2010 mengikut kaum.

AHLI MAJLIS	BANGSA				JUMLAH
	M	C	I	LAIN	
MBSA	18	4	3	0	25
MBPJ	11	8	6	0	25
MPK	11	8	6	0	25
MPAJ	15	7	3	0	25
MPSJ	9	11	5	0	25
MPS	17	5	3	0	25
MPKj	13	7	5	0	25
MPSp	14	7	4	0	25
MDKS	13	6	6	0	25
MDHS	12	8	5	0	25
MDKL	13	6	6	0	25
MDSB	15	8	2	0	25
JUMLAH	161	85	54	0	300
PERATUSAN(%)	53.7	28.3	18.0	0.0	100

M – Melayu
C – Cina
I – India

- c) Jumlah Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di seluruh Negeri Selangor mengikut fahaman Parti Politik bagi penggal **2008/2009** dan **2009/2010** adalah seperti jadual di bawah:-

Jadual C – Ahli Majlis Penggal 2008/2009

PBT	ORGANISASI						JUMLAH
	DB/YDP	OBD	PKR	DAP	PAS	NGO/ Pro	
MBSA	1	1	9	3	5	5	24
MBPJ	1	0	7	6	4	7	25
MPK	1	1	7	6	4	6	25
MPAJ	1	0	6	4	6	7	24
MPSJ	1	0	6	8	3	7	25
MPS	1	1	9	3	5	6	25
MPKj	1	1	6	6	5	6	25
MPSp	1	1	6	7	5	4	24
MDKS	1	1	6	5	6	6	25
MDHS	1	1	6	6	4	6	24
MDKL	1	1	5	6	6	5	24
MDSB	1	1	5	7	5	6	25
JUMLAH	12	9	78	67	58	71	295
PERATUSAN(%)	4.1	3.1	26.4	22.7	19.7	24.1	100.0

Jadual D - Ahli Majlis Penggal 2009/2010

PBT	ORGANISASI						JUMLAH
	DB/YDP	OBD	PKR	DAP	PAS	NGO/ Pro	
MBSA	1	1	9	3	5	6	25
MBPJ	1	0	7	6	4	7	25
MPK	1	1	7	6	4	6	25
MPAJ	1	0	7	4	6	7	25
MPSJ	1	0	6	8	3	7	25
MPS	1	1	9	3	5	6	25
MPKj	1	1	6	6	5	6	25
MPSp	1	1	6	7	5	5	25
MDKS	1	1	6	5	6	6	25
MDHS	1	1	6	6	4	7	25
MDKL	1	1	5	6	6	6	25
MDSB	1	1	5	7	5	6	25
JUMLAH	12	9	79	67	58	75	300
PERATUSAN(%)	4.0	3.0	26.3	22.3	19.3	25.0	100.0

AHLI MAJLIS
BAGI
PENGGAL 2008/2009
(LAMPIRAN A1 HINGGA A12)

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Mazalan b. Md. Noor SMS,AIS	MBSA
2	Y.D.H Dato' Seri Indah Diraja Dato' Hj Abu Bakar b. Hj. Abdul Hamid DSSA,SMS,PJK,PPN	OBD
3	En. Azhar Bin Maluddin	PKR
4	En.Kamarudzaman Bin Sanusi	PKR
5	En.Abd Manaff Hj Yusuff	PKR
6	En.Mohd Harris B Abu Bakar	PKR
7	Puan Dr Daroyah bt Alwi	PKR
8	En.Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai	PKR
9	En.Vembarasan A/L Vairakkannu	PKR
10	En.Adnan Bin Jamburi	PKR
11	En.Mohd Najmi Bin Samsuddin	PKR
12	En.Sow Kim Tar @ Sow Kin Ling	DAP
13	En.Cheong Kai Cheng	DAP
14	En.Ang Leng Kiat	DAP
15	Tuan Ir. Izhah bin Hashim	PAS
16	En.Norhalim bin Sirome	PAS
17	En.Azli bin Yusof	PAS
18	En.Ahmad Sayutzi bin Bashiron	PAS
19	Puan Mariam bt Abdul Rashid	PAS
20	En.Uthayasoorian a/l Kalimuthu	NGO
21		NGO
22	En.Pappa Raidu a/l Veraman	NGO
23	Y.Bhg Datin Nor' ini Bt. Md Top	NGO
24	En.Zulkefli bin Mohd Nani	NGO
25	En.Sivarajan a/l Arumugam	NGO

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Hj. Mohamad Roslan b. Sakiman <small>DPMS,PJM,AMS</small>	MBPJ
2	En.Mohd Halil Bin Harun	PKR
3	Tuan Syed Abd Malik Bin Syed A. Hamid Al Jafree <small>PPN</small>	PKR
4	En.Thiruvengadam a/l Anamuthu	PKR
5	En.Halimey Bin Abu Bakar	PKR
6	En.Mahharul Bin Ismail	PKR
7	Puan Latheefa Beebi Koya	PKR
8	En.Tang Fuie Koh	PKR
9	En.Ramakrishnan a/l Suppiah	DAP
10	En.Michael Soon Kwai Choy	DAP
11	En.Mak Khuin Weng	DAP
12	En.Tan Siang Chiok	DAP
13	Puan Tiew Way Keng	DAP
14	En.Chang Tiam See	DAP
15	En.Ahmad Yusof bin Ludin	PAS
16	En.Ghazali bin Shaari	PAS
17	En.Kamarudin bin Suhaimi	PAS
18	En.Muzammil bin Hafiz	PAS
19	En.Chan Chee Kong	NGO
20	En.Yeoh Yong Woi	NGO
21	En.Paneerselvam a/l Varatham	NGO
22	Professor Madya Dr. Melasutra bt Md Dali	NGO
23	En.Anthony Siva Balan a/l Thanasayan	NGO
24	Puan Cynthia Manonmani a/p Michael Gabriel	NGO
25	En.Derek John Fernandez <small>PJK</small>	NGO

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Mislan bin Tugiu SMS, AIS	MPK
2	Y.D.H Dato' Setia Diraja Dato' Abdul Ghani b. Pateh Akhir DSIS, SMS	OBD
3	En.Azmizam bin Zaman Huri	PKR
4	En.Ho Sang San	PKR
5	Tuan Haji Razali Bin Hassan	PKR
6	En.Sunthararajoo a/l Murugan	PKR
7	En.Tai Teck Chuan	PKR
8	En.Maneyvannan a/l Velue	PKR
9	Puan Hamidah Binti Mat Som	PKR
10	En.Tee Boon Hock	DAP
11	En.Selvadurai a/l Subramaniam	DAP
12	En.Ang Mah Chye	DAP
13	En.Ganasan a/l Macholai	DAP
14	En.Lim Lip Suan	DAP
15	En.Yap Beng Lee	DAP
16	En.Ismail bin Arsat	PAS
17	En.Jamuliddin bin Elias	PAS
18	En.Haidar bin Taslin	PAS
19	En.Mohd Termizi bin Ismail	PAS
20	En.Segaran a/l Ladasamy	NGO
21	Puan Noriah binti Abdul Rahman	NGO
22	Puan Nor'Ain Binti Eusoff	NGO
23	Puan Wong Siah Peng	NGO
24	En.Tee Beng Lee	NGO
25	En.Raju a/l Veerasamy	PROFESSIONAL

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Mohammad b. Yacob <small>KMN, DSIS, SIS</small>	MPAJ
2	En.Nik Md Zain Bin Nik Mohamad	PKR
3	En.Abdul Halim Mohd Yusof	PKR
4	En.Razali B Ramly	PKR
5	En.Jefrien Bin Mohammad	PKR
6	Puan Hayati Binti Abd Samad	PKR
7	En.Tan Hua Meng	PKR
8		PKR
9	Tuan Haji Azhari bin Ismail	DAP
10	Puan Chan Su Sann	DAP
11	En.Wong Khai Pun	DAP
12	Puan Tnew Kon Huang	DAP
13	Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan	PAS
14	En.Ali bin Ismail	PAS
15	Ustaz Fazlurahimi bin Maarop	PAS
16	En.Abdul Jalil bin Hasan	PAS
17	Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said	PAS
18	En.Abdul Wahab bin Hasan <small>JPP</small>	PAS
19	En.Izzuddin Che Din	PROFESSIONAL
20	En.Abdul Aziz Bin Ahmad	NGO
21	Puan Lee Shok Jing	NGO
22	En.Azman Shah bin Mohd. Yusof	PROFESSIONAL
23	En.Sooria Narayanan A/L Shanmugam @ Shumugam	PROFESSIONAL
24	En.Loh Kiat Khiong <small>FCCA</small>	PROFESSIONAL
25	En.Supiramany a/l Sinnapayal <small>PPN</small>	NGO

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Adnan B. Haji Md Ikshan	MPSJ
2	En.Hamidi Bin A. Hasan	PKR
3	En.Ismail Kamal bin Abul Rahman	PKR
4	Puan Norhesni Binti Ismail	PKR
5	En.Hamdan bin Ismail	PKR
6	En.Cheah Sang Soon	PKR
7	En.Keshminder Singh a/l K/ Karam, Singh	PKR
8	En.Pooi Weng Keong	DAP
9	En.Tai Cheng Heng	DAP
10	En.Chia Yew Ken	DAP
11	En.Chong Kuen Yip	DAP
12	En.Chin Sou Bong	DAP
13	En.Joseph Xavier A/L G. S. Antony	DAP
14	En.Chia Kwai Loy	DAP
15	En.Ng Sze Han	DAP
16	En.Roslan Shahir bin Datuk Mohd Shahir	PAS
17	En.Mohd Nasir bin Yusoff	PAS
18	En.Sapiyan bin Mohd Din	PAS
19	En.Choong Yew Lim	NGO
20	Y.Bhg Datuk Dr. Subramaniam @ Muthu A/L Nadarajan PSD, PMP, JMN, JSD, AMP	NGO
21	Puan Theresa Ratnam a/p John Ratnam	NGO/Pro
22	En.Arumugam a/l Kalimuthu	NGO
23	Puan Rabiah binti Omar	PROFESSIONAL
24	En.Tan Jo Hann	NGO
25	En.Chang Kim Loong	NGO

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Zainal Abidin b. Azim S.M.S,A.M.N.	MPS
2	Y.A.D Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan The DSIS,PBS,PTD(B)	OBD
3	Y.Bhg. Dato' Hj Mazlan B Hassan	PKR
4	En.Abdul Rahim B Abdul Wahab	PKR
5	En.Chee Chu Sang	PKR
6	En.A. Rahim B. Ahmad Kasdi	PKR
7	En.Nanto Gopalan Krishnan a/l Rajoo	PKR
8	Puan Maznah Bt Abd Aziz AMN	PKR
9	En.Md. Sabri bin Md. Taib	PKR
10	En.Zulnizam bin Shahrani	PKR
11	En.Zulfikli b. Hamzah	PKR
12	En.Murugan @ Murugesu a/l Arumugam	DAP
13	En.Lim Ching How	DAP
14	En.Kuan Perk Siong	DAP
15	En.Mohamad bin Abdul Rahman	PAS
16	En.Shamsudin bin A. Rahman	PAS
17	En.Hasbullah bin Mohd Ridzwan	PAS
18	Puan Khatifah Zamani bt Sulong	PAS
19	Tuan Dr. Ramli bin Jusoh	PAS
20	Puan Gurdip Kaur a/p Pritam Singh	NGO
21	En.Lim Jit Lee	NGO/Pro
22	Y. Bhg. Prof Madya Sr. Dr Hj Husin B Mohd Dini A.M.N,PENG(UK),BENG(UK)	PROFESIONAL
23	En.Tan Kian Boo	NGO
24	En.Tan Hui Chuan	PROFESIONAL
25	Y. Bhg. Dato' Ir. A. Rashid Bin Omar D.P.S.K.,J.M.N.A.M.N.B.C.M	PROFESIONAL

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Hasan Nawawi bin Abd Rahman DPMP, KMN, AMP, PPT	MPKj
2	Y.D.H Dato' Ungku Abdul Rani b. Dato' Shamsuddin DPMS, JSM, PJK, SMS	OBD
3	En.Mohd Yusoff bin Bachek	PKR
4	En.Mohd. Affandi Bin Ramli	PKR
5	En.Lee Learn Eng	PKR
6	En.Ong Seng Peng	PKR
7	En.Mohd Ali Hanapiah Ali Murtada	PKR
8	En.Narayanan a/l Perumal	PKR
9	Puan Lee Kee Hiong	DAP
10	En.Chandra Mohan a/l . S.Thambirajan	DAP
11	En.Chan Jeong Hon	DAP
12	En.Lee Ah Seng	DAP
13	En.Tan Han Kuo	DAP
14	Puan Leong Ooi Kwan	DAP
15	En.Razaly bin Hassan	PAS
16	En.Mohamad Jan bin Sulong	PAS
17	En.Samsol bin Bahari	PAS
18	Tuan Hj. Mohd Shafie bin Ngah	PAS
19	En.Mazwan bin Johar	PAS
20	Tuan Dr. Tajul Arifin bin Noordin	NGO
21	Prof Madya Dr Anizan Binti Isahak	NGO
22	Y.Bhg Dato' Hj Mustafa Kamal B Mohd Zaini	NGO
23	En.Lim Khey Hoong	NGO
24	En.Tan Boon Wah	NGO
25	En.Arutchelvan a/l Subramaniam	NGO

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Azizan Bin Mohd Sidin SMS, AMS	MPSp
2	Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin Bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj, <small>DSIS</small>	OBD
3	En.Azlan Bin Mohd Samin	PKR
4	Puan Norhayati Binti Dato' Hj. Zainuddin	PKR
5	En.Tan Chee Kiat	PKR
6	Tuan Hj Ishammudin Bin Hj. Ismail	PKR
7	En.S. Kanasan A/L Suppiah	PKR
8	En.Hidrat Bin Samsuddin	PKR
9	En.Batumalai A/L Mali Naidu	DAP
10	En.Pulanthran A/L Munisamy	DAP
11	Tuan Haji Hairuddin Bin Jantan	DAP
12	Tuan Dr. Wong Ang Peng	DAP
13	En.Wong Chuan How	DAP
14	En.Ivan Ho Fook Keong	DAP
15	En.Teddy @ Edward Pang	DAP
16	Tuan Ir. Mohamed Makki Bin Ahmad	PAS
17	En.Mohd Jamal Bin Awang	PAS
18	Tuan Ir. Mohd Haslin Bin Hassan	PAS
19	Tuan Hj. Ramlan Bin Sajadi <small>PPN, PJK</small>	PAS
20	Puan Rohaya Binti Mohd Shahir	PAS
21	Puan Lau Weng Chan	NGO/Pro
22	Tuan Ir.Tiong Boon Keong	Professional
23	En.Prabakaran Ganesan	NGO
24	En.Gunalan A/L Velayuthan	NGO
25		

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Haji Haris Bin Kasim	MDKS
2	Y.D.H. Tuan Haji Mohamad Yaacob Bin Ismail	OBD
3	Puan Fauziah Binti Sulaiman	PKR
4	En.Azmi Bin Muhamad	PKR
5	En.Zainal Abidin Bin Abdul Samad	PKR
6	En.Lim Piang Nam	PKR
7	En.Rajo A/L Kuppan	PKR
8	En.Koo Chin Min	PKR
9	En.Low Tan	DAP
10	En.Khairul Annuar Bln Ahmad	DAP
11	En.Ang Boon Teik	DAP
12	En.Selvandran A/L Pongudian	DAP
13	En.Tan Choon Lai	DAP
14	En.Mohd Saad Bin Ibrahim	PAS
15	En.Ab Rahman Bin Bujang	PAS
16	En.Nor Az Azlan bin Ahmad	PAS
17	Tuan Haji Abdol Raman Bin Moharam <small>PIS, BSI</small>	PAS
18	Tuan Haji Hairi @ Maruji Bin Darmo	PAS
19	Tuan Rosham Bin Muhammad	PAS
20	Puan Kwi Ai Mei	NGO/Pro
21	En.Ahmad Bungsu Bin Hamid Tuah	PROFESSIONAL
22	Hjh Junaidah Binti Mohd Shazilli	NGO
23	En.Lakshmanan A/Lsubramoniam <small>PJK</small>	NGO
24	Tuan Dr. Raken A/L Marimuthu	NGO
25	En.Steven A/L Arulappan	NGO

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Tukiman Bin Nail AMS, PPT	MDHS
2	Y.D.H Aman Shah Bin Mohd Shahar SMS	OBD
3	En.Mohd. Nashruddin Bin Abd. Aziz	PKR
4	En.Abdul Wahab B Ibrahim	PKR
5	En.Sharifudin B Budin	PKR
6	En.Rames A/L Ittan	PKR
7	Puan Mai Binti Mt Zin	PKR
8	En.Kassim Bin Ya'akub	PKR
9	En.K.Annamalai Ramu A/L Kandasamy	DAP
10	En.Ooi Leng Hang	DAP
11	En.Kong Kwok Chun	DAP
12	Puan Karin Lee Yen Ling	DAP
13	En.Rajoo Naidu A/L Appalasamy	DAP
14	En.Santokh Singh A/L Gurdev Singh	DAP
15	En.Abdul Wahid Bin Basri PJK	PAS
16	En.Abdul Sukor Bin Ali	PAS
17	En.Mohammed Salleh Bin Ri	PAS
18	En.Mahyuddin Bin Ismail	PAS
19		NGO
20	En.Md. Ridzuan Bin Md Idris	NGO
21	En.Mohd Yusof Bin Abdul Rahman	NGO
22	En.David Loh Tai Fatt	NGO
23	En.Ong Thiam Hock	NGO
24	En.Kaevan A/L Raghavan	NGO
25	En.Suppiah A/L Kurusamy	NGO

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Mohd Ahir Bin Haji Zawawi <small>A.I.S</small>	MDKL
2	Y.A.D Raja Dato' Haji Uzair Bin Tengku Zainon Rashid Shah <small>DSIS, PPN</small>	OBD
3	En.Othman Bin Dol	PKR
4	En.Norazmi Bin Mohamed Tahir	PKR
5	En.Karunakaran A/L Annavy	PKR
6	Tuan Haji Shamsuddin Bin Haji Kasran	PKR
7	Puan Salmah Binti Mohammad	PKR
8	En.Lim Soon Hong	DAP
9	En.Ng Cheng Kang	DAP
10	En.Ng Kee Chong	DAP
11	En.Pathmanathan A/L Perumal	DAP
12	En.Wong Kim Loon	DAP
13	En.Khoo Chong Teck	DAP
14	En.Mohammad Sallehuddin Bin Hafiz	PAS
15	En.Ab Rahman Bin Amir	PAS
16	En.Rizuan Bin Rahman	PAS
17	Puan Sapariah Binti Sarmidi	PAS
18	En.Hasnul bin Baharuddin	PAS
19	En.Jamil Bin Senir	PAS
20	Puan Ang Lee Yong	NGO
21	En.Vellasamy A/L Kollandai <small>PPS</small>	NGO
22	En.Cheong Kian Young	NGO
23		
24	Puan Janarthani A/P Arumugam	NGO
25	En.Vannirselvan A/L Ganesan	PROFESSIONAL

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Haji Mohd Zainal b. Mohd Nor	YDP
2	Y.D.H Dato' Haji Baharin @ Abdullah b. Mat Akhir <small>D.S.S.A, S.M.S., K.M.N. (Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Sabak Bernam)</small>	OBD
3	En.Abu Talib bin Bujang	PKR
4	Puan Salmah binti Ismail	PKR
5	En.Yunus Bin Ismail	PKR
6	En.Mohd Roduan Bin Hambali	PKR
7	En.Selvodory a/l Subramaniam <small>P.J.K.</small>	PKR
8	En.Wong Ah Chia	DAP
9	En.Mah Eng Kian	DAP
10	En.Lim Choon Kiat	DAP
11	En.Sia Chock Sung	DAP
12	En.Loo Kim Yong	DAP
13	En.Ahzaman Bin Mat Noor	DAP
14	En.Tan Ah Kau <small>P.J.K.</small>	DAP
15	En.Sallehen bin Mukhyi	PAS
16	En.Mohd Fadzlin bin Taslimin	PAS
17	En.Zulkifli bin Ibrahim	PAS
18	En.Noordin bin Atan	PAS
19	Puan Siti Latifah binti Maulud	PAS
20	Mohd Nor bin Rajikin <small>A.M.N.</small>	PROFESSIONAL
21	Prof. Madya Dr Harlina Halizah Binti Hj Siraj @ Hj Ramli	Pro
22	Puan Ng Swee Lee	NGO
23	En.Tan Taun Loo @ Tan Hock Lim	NGO
24	En.Kow Kim Hua	NGO/Pro
25	En.Veerappan a/l Muthiah	NGO/Pro

AHLI MAJLIS
BAGI
PENGGAL 2009/2010
(LAMPIRAN B1 HINGGA B12)

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Mazalan b. Md. Noor	MBSA
2	Y.D.H Dato' Seri Indah Diraja Dato' Hj Abu Bakar b. Hj. Abdul Hamid	OBD
3	En Adzhar Bin Maludin	PKR
4	En Kamarudzaman Bin Sanusi	PKR
5	En Abd Manaff Hj Yusoff	PKR
6	En Mohd Harris B Abu Bakar	PKR
7	Dr. Daroyah bt Alwi	PKR
8	En Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai	PKR
9	En Sabastine Rao a/l Pragasam	PKR
10	En Adnan Bin Jamburi	PKR
11	En Muhammad Najmi Bin Samsuddin	PKR
12	En Sow Kim Tar @ Sow Kim Ling	DAP
13	En Ng Boon Teck	DAP
14	En Ang Leng Kiat	DAP
15	Tuan Ir. Izham bin Hashim	PAS
16	En Norhalim bin Sirome	PAS
17	En Azli bin Yusof	PAS
18	En Ahmad Sayutzi bin Bashiron	PAS
19	Puan Mariam bt Abdul Rashid	PAS
20	En Uthayasoorian a/l Kalimuthu	NGO/Pro
21	En Mohd Khairuddin bin Othman	NGO/Pro
22	En Pappa Raidu a/l Veraman	NGO/Pro
23	Y.Bhg.Datin Nor' ini Bt. Md Top	NGO/Pro
24	En Zulkefli bin Mohd Nani	NGO/Pro
25	En Sivarajan a/l Arumugam	NGO/Pro

Lampiran B2

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Hj. Mohamad Roslan b. Sakiman	MBPJ
2	En Mohd Halil Bin Harun	PKR
3	Tuan Syed Abd Malik Bin Syed A. Hamid Al Jafree	PKR
4	En Selvararajan a/l Rathinam	PKR
5	En Halimey Bin Abu Bakar	PKR
6	En Mahharul Bin Ismail	PKR
7	Puan Latheefa Beebi Koya	PKR
8	En Tang Fuie Koh	PKR
9	En Ramakrishnan a/l Suppiah	DAP
10	En Michael Soon Kwai Choy	DAP
11	En Mak Khuin Weng	DAP
12	Tuan Ir Tiong Boon Keong	DAP
13	Puan Tiew Way Keng	DAP
14	En Terence Tan Teck Seng	DAP
15	En Ahmad Yusof bin Ludin	PAS
16	En Ghazali bin Shaari	PAS
17	En Kamarudin bin Suhaimi	PAS
18	En Muzammil bin Hafiz	PAS
19	En Chan Chee Kong	NGO/Pro
20	En Richard Yeoh Yong Woi	NGO/Pro
21	En Panneerselvam a/l Varathan	NGO/Pro
22	Professor Madya Dr. Melasutra bt Md Dali	NGO/Pro
23	En Anthony Siva Balan a/l Thanasayan	NGO/Pro
24	Puan Cynthia Manonmani a/p Michael Gabriel	NGO/Pro
25	En Derek John Fernandez	NGO/Pro

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Mislán bin Tugiu	MPK
2	Y.D.H Dato' Setia Diraja Dato' Abdul Ghani b. Pateh Akhir	OBD
3	En Azmizam bin Zaman Huri	PKR
4	En Ang Hiok Gai	PKR
5	Tuan Haji Razali Bin Hassan	PKR
6	En Sunthararajoo a/l Murugan	PKR
7	En Tai Teck Chuan	PKR
8	En Maneyvannan a/l Velue	PKR
9	Puan Hamidah Binti Mat Som	PKR
10	En Tee Boon Hock	DAP
11	En Selvadurai a/l Subramiam	DAP
12	En Ivan Ho Fook Keong	DAP
13	En Ganasan a/l Macholai	DAP
14	En Lim Lip Suan	DAP
15	Professor Madya Choo Teck Keong	DAP
16	En Ismail bin Arsat	PAS
17	En Jamuliddin bin Elias	PAS
18	En Haidar bin Taslin	PAS
19	En Mohd Termizi bin Ismail	PAS
20	En Mat Irwan bin Ismail	NGO/Pro
21	En Yew Boon Lye	NGO/Pro
22	Puan Nor'Ain Binti Eusoff	NGO/Pro
23	En Tan Heng Kim	NGO/Pro
24	En Tee Beng Lee	NGO/Pro
25	En Raju a/l Veerasamy	NGO/Pro

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Mohammad b. Yacob	MPAJ
2	En Nik Md Zain Bin Nik Mohamad	PKR
3	En Abdul Halim Mohamed Yusof	PKR
4	En Razali B Ramly	PKR
5	En Jafrien Bin Muhammad	PKR
6	Puan Hayati Binti Abd Samad	PKR
7	En Tan Hua Meng	PKR
8	En Nallan a/l Dhanabalan	PKR
9	En Cheong Chye Wah	DAP
10	Puan Chan Su Sann	DAP
11	En Wong Khai Pun	DAP
12	Puan Tnew Kon Huang	DAP
13	Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan	PAS
14	En Ali bin Ismail	PAS
15	Ustaz Fazlulrahimi bin Maarop	PAS
16	En Abdul Jalil bin Hasan	PAS
17	Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said	PAS
18	En Abdul Wahab bin Hasan	PAS
19	En Izzuddin Che Din	NGO/Pro
20	En Abdul Aziz Bin Ahmad	NGO/Pro
21	Puan Lee Shok Jing	NGO/Pro
22	En Abdul Latif bin Shaari	NGO/Pro
23	En Sooria Narayanan A/L Shanmugam @ Shumugam	NGO/Pro
24	Tuan Dr. Fam Seng Choy	NGO/Pro
25	En Supiramany a/l Sinnapayal	NGO/Pro

Lampiran B5

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Adnan B. Haji Md Ikshan	MPSJ
2	En Sufari bin Tinnin	PKR
3	En Ismail Kamal bin Abdul Rahman	PKR
4	Puan Norhesni Binti Ismail	PKR
5	En Hamdan bin Ismail	PKR
6	En Cheah Sang Soon	PKR
7	En Keshminder Singh a/l K/ Karam, Singh	PKR
8	En Pooi Weng Keong	DAP
9	En Tai Cheng Heng	DAP
10	En Chia Yew Ken	DAP
11	En Robert Tan Siang Chiok	DAP
12	En Stephen Chin Sou Bong	DAP
13	En Rajiv a/l Rishyakaran	DAP
14	En Chong Hoon Ming	DAP
15	En Ng Sze Han	DAP
16	En Roslan Shahir bin Datuk Mohd Shahir	PAS
17	En Mohd Nasir bin Yusoff	PAS
18	En Sapiyan bin Mohd Din	PAS
19	Tuan Dr. Loi Kheng Min	NGO/Pro
20	En Micheal Tamilarason a/l K.Nadaysen	NGO/Pro
21	En Theresa Ratnam a/p John Ratnam	NGO/Pro
22	En Arumugam a/l Kalimuthu	NGO/Pro
23**	Puan Rabiah binti Omar	NGO/Pro
24	En Tan Jo Hann	NGO/Pro
25	En Chang Kim Loong	NGO/Pro

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Zainal Abidin b. Azim	MPS
2	Y.A.D Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh	OBD
3	Y.Bhg. Dato' Hj Mazlan B Hassan	PKR
4	En Abdul Rahim B Abdul Wahab	PKR
5	En Chee Chu Sang	PKR
6	En A. Rahim B. Ahmad Kasdi	PKR
7	En Nanto Gopalan Krishnan a/l Rajoo	PKR
8	Puan Maznah Bt Abd Aziz	PKR
9	En Md. Sabri bin Md. Taib	PKR
10	En Zulnizam bin Shahrani	PKR
11	En Zulfikli b. Hamzah	PKR
12	En Murugan @ Murugesu a/l Arumugam	DAP
13	En Lim Ching How	DAP
14	Puan Sian Keng Eng	DAP
15	En Mohamad bin Abdul Rahman	PAS
16	En Samsudin bin A. Rahman	PAS
17	En Hasbullah bin Mohd Ridzwan	PAS
18	Puan Khatifah Zamani bt Sulong	PAS
19	Tuan Dr. Ramli bin Jusoh	PAS
20	En Gunarajah a/l R. George	NGO/Pro
21	En Lee Khai Loon	NGO/Pro
22	Y.M Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	NGO/Pro
23	Y. Bhg. Prof Madya Sr.Dr Hj Husin B Mohd Dini	NGO/Pro
24	En Tan Hui Chuan	NGO/Pro
25	En Roslin bin Mohd Rosli	NGO/Pro

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Y.Bhg. Dato' Hasan Nawawi bin Abd Rahman	MPKj
2	Y.D.H Dato' Ungku Abdul Rani b. Dato' Shamsuddin	OBD
3	En Mohamed Yusoff bin Bachek	PKR
4	En Mohd. Affandi Bin Ramli	PKR
5	En Lee Learn Eng	PKR
6	En Ong Seng Peng	PKR
7	En Mohd Mohyiddin Mohamed Mesbah	PKR
8	En Narayanan a/l Perumal	PKR
9	Puan Lee Kee Hiong	DAP
10	En Chandra Mohan a/l . S.Thambirajah	DAP
11	En Chan Jeong Hon	DAP
12	En Lee Ah Seng	DAP
13	En Tan Han Kuo	DAP
14	En Ng Tien Chee	DAP
15	En Razaly bin Hassan	PAS
16	En Mohamad Jan bin Sulong	PAS
17	En Samsol bin Bahari	PAS
18	Tuan Hj. Mohd Shafie bin Ngah	PAS
19	En Mazwan bin Johar	PAS
20	Tuan Dr. Tajul Ariffin bin Noordin	NGO/Pro
21	Prof Madya Dr Anizan Binti Isahak	NGO/Pro
22	Y.Bhg. Dato' Hj Mustafa Kamal B Mohd Zaini	NGO/Pro
23	En Lim Khey Hoong	NGO/Pro
24	En Tan Boon Wah	NGO/Pro
25	En Arutchelvan a/l Subramaniam	NGO/Pro

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Azizan Bin Mohd Sidin	MPSp
2	Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin Bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj	OBD
3	En Azlan Bin Mohd Samin	PKR
4	Puan Azura bt Ali	PKR
5	En Tan Chee Kiat	PKR
6	Tuan Haji Ishammudin Bin Hj. Ismail	PKR
7	En S. Kanasan A/L Suppiah	PKR
8	En Hidrat Bin Samsuddin	PKR
9	En Batumalai A/L Mali Naidu	DAP
10	En Pulanthran A/L Munisamy	DAP
11	Tuan Haji Hairuddin Bin Jantan	DAP
12	En Lwi Kian Keong	DAP
13	En Wong Chuan How	DAP
14	En Titus Gladwyn a/l S.G Gomez	DAP
15	En Foo Weng Fui	DAP
16	Ir. Mohamed Makki Bin Ahmad	PAS
17	Kapt. (B) Haji Jaafar bin Pangat	PAS
18	Tuan Ir. Mohd Haslin Bin Hassan	PAS
19	Tuan Hj. Ramlan Bin Sajadi	PAS
20	Puan Rohaya Binti Datuk Mohd Shahir	PAS
21	Puan Lau Weng Chan	NGO/Pro
22	Tuan Ir. Goh Hong Ping	NGO/Pro
23	En Salehuddin bin Muhamad	NGO/Pro
24	En Gunalan A/L Velayuthan	NGO/Pro
25	Puan Jashela Ayuni bt Shahidan	NGO/Pro

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Tukiman Bin Nail	MDHS
2	Y.D.H Dato' Haji Aman Shah Bin Mohd Shahar	OBD
3	En Mohd. Nashruddin Bin Abd. Aziz	PKR
4	En Abdul Wahab B Ibrahim	PKR
5	En Sharifudin B Budin	PKR
6	En Rames A/L Ittan	PKR
7	Mai Binti Mt Zin	PKR
8	En Hamiruddin bin Parman	PKR
9	En Velumony a/l Perumal	DAP
10	En Law Say Hin	DAP
11	Puan Law Suet Peng	DAP
12	Puan Yong Chan Hee	DAP
13	En Cheah Chee Mun	DAP
14	En Santokh Singh A/L Gurdev Singh	DAP
15	En Abdul Wahid Bin Basri	PAS
16	En Abdul Sukor Bin Ali	PAS
17	En Mohammed Salleh Bin Ri	PAS
18	En Mahyuddin Bin Ismail	PAS
19	En Chan Kok Siew	NGO/Pro
20	En Chua Yee Leng	NGO/Pro
21	En Mohd Yusof Bin Abdul Rahman	NGO/Pro
22	En David Loh Tai Fatt	NGO/Pro
23	En Ong Thiam Hock	NGO/Pro
24	En Kaevan A/L Raghavan	NGO/Pro
25	En Suppiah A/L Kurusamy	NGO/Pro

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Haji Haris Bin Kasim	MDKS
2	Y.D.H. Tuan Mohamad Yaacob Bin Dato' Ismail	OBD
3	Puan Faridah bt Abd. Rahman	PKR
4	En Mohd Faizal bin Baharuddin	PKR
5	En Zainal Abidin Bin Abdul Samad	PKR
6	En Lim Piang Nam	PKR
7	En Thirumoorthy a/l Periasamy	PKR
8	En Yap Kee Thian	PKR
9	En Low Tan	DAP
10	Puan Pua Lay Bee	DAP
11	En Ang Boon Teik	DAP
12	En Selvandran A/L Pongudian	DAP
13	En Azli Bin Idris	DAP
14	Tuan Haji Mohamad Judi bin Sarjo	PAS
15	Tuan Haji Misran Serman	PAS
16	En Nor Az Azlan bin Ahmad	PAS
17	Tuan Haji Sharuddin Dahlan	PAS
18	Tuan Haji Hairi @ Maruji Bin Darmo	PAS
19	En Rosham Bin Muhammad	PAS
20	Cik Kwi Ai Mei	NGO/Pro
21	En Navaratna Chandren a/l Kanagaratnam	NGO/Pro
22	Tuan Haji Abdol Raman Bin Moharam	NGO/Pro
23	En Lakshmanan a/l Subramoniam	NGO/Pro
24	Tuan Dr. Raken A/L Marimuthu	NGO/Pro
25	En Steven A/L Arulappan	NGO/Pro

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Abdul Razak bin Jaafar	MDKL
2	Y.A.D Raja Dato' Haji Uzair Bin Tengku Zainon Rashid Shah	OBD
3	En Othman Bin Dol	PKR
4	En Norazmi Bin Mohamed Tahir	PKR
5	En Munusamy A/L Erishin	PKR
6	Tuan Haji Shamsuddin Bin Haji Kasran	PKR
7	Puan Salmah Binti Mohammad	PKR
8	En Yap Lai Keng	DAP
9	En Ng Cheng Kang	DAP
10	En Ng Khee Chong	DAP
11	En Maniarasan a/l Ramaswamy	DAP
12	En Wong Kim Loon	DAP
13	En Yong Keh Chyn	DAP
14	En Mohammad Sallehuddin Bin Hafiz	PAS
15	En Ab Rahman Bin Amir	PAS
16	En Rizuan Bin Rahmat	PAS
17	Puan Sapariah Binti Sarmidi	PAS
18	En Hasnul bin Baharuddin	PAS
19	En Jamil Bin Senir	PAS
20	Puan Low Ying See	NGO/Pro
21	En Karunakaran A/L Annavy	NGO/Pro
22	En Gan Kai Soon	NGO/Pro
23	En Razali bin Ahmad	NGO/Pro
24	Puan Janarthani A/P Arumugam	NGO/Pro
25	En Vannirselvan A/L Ganesan	NGO/Pro

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Tuan Haji Mohd Zainal b. Mohd Nor	YDP
2	Y.D.H Dato' Haji Baharin @ Abdullah b. Mat Akhir	OBD
3	En Abu Talib bin Bujang	PKR
4	Puan Hamidah bt Abdul Malek	PKR
5	En Yunus Bin Ismail	PKR
6	En Mohd Abd. Razak bin Muhamad Hansul Karip	PKR
7	En Selvodory a/l Subramaniam	PKR
8	En Wong Ah Chia	DAP
9	En Mah Eng Kian	DAP
10	En Lim Choon Kiat	DAP
11	En Sia Chock Sung	DAP
12	En Loo Kim Yong	DAP
13	En Ahzaman Bin Mat Noor	DAP
14	En Tan Ah Kau	DAP
15	En Sallehen bin Mukhyi	PAS
16	En Mohd Fadzin bin Taslimin	PAS
17	En Zulkifli bin Ibrahim	PAS
18	En Noordin bin Atan	PAS
19	Puan Siti Latiffah binti Maulud	PAS
20	En Mohd Nor bin Rajikin	NGO
21	Tuan Haji Yahya bin Emat	PRO
22	Puan Ng Swee Lee	NGO
23	En Azman bin Haji Masri	NGO
24	En Kow Kim Hua	NGO/PRO
25	En Veerappan a/l Muthiah	NGO/PRO

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMULIHAN DAN PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

169. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang. Berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk projek pemuliharaan dan pembangunan Sg. Klang dan dari sumber mana peruntukan tersebut diperoleh?
- b) Sila nyatakan kawasan yang akan terlibat dalam pelaksanaan projek tersebut dan jadual pelaksanaan projek tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK: PENCEMARAN AIR SUNGAI LANGAT AKIBAT PEMBUANGAN SAMPAH.

171. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

a) Apakah langkah kerajaan negeri untuk menjaga sungai sebagai sumber air minum?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui beberapa agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber air di Negeri Selangor seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sentiasa prihatin terhadap kepentingan menjaga sungai sebagai sumber bekalan air.

Pelbagai langkah telah dirangka bagi memastikan sungai sentiasa berada di dalam keadaan selamat dan sesuai untuk di abstrak sebagai bekalan air. Antara langkah tersebut termasuklah:

- i) Mengawal pencemaran sungai.
- ii) Pelaksanaan tindakan undang-undang.
- iii) Kesedaran awam kepada orang ramai tentang kepentingan memelihara dan memulihara sungai.

Mengawal Pencemaran Sungai

Sekiranya sesuatu pencemaran sungai berlaku, Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air yang diurusetikan oleh LUAS dan dianggotai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat konsesi yang berkenaan akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah pencemaran tersebut termasuklah mengambil tindakan undang-undang.

Pelaksanaan tindakan undang-undang

Kerajaan Negeri tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui:

- i) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979.
- ii) Seksyen 79, Enakmen LUAS 1999 dan Peraturan-peraturan (Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar) LUAS 2010 yang sedang disediakan.
- iii) Akta Kerajaan Tempatan.

Kesedaran awam kepada orang ramai tentang kepentingan memelihara dan memulihara sungai

Menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi member pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin bekalan air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera. Antara aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh LUAS ialah seperti:

- i) Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok di Pantai Kelanang, Kuala Langat.
- ii) Program Qua-Qua melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008 di Ulu Yam, Hulu Selangor. Program ini dijalankan setiap dua (2) kali setahun bagi setiap lembangan sungai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYEDIAAN TAPAK KEMUDAHAN AWAM OLEH PEMAJU PERUMAHAN

172. Pemaaju perumahan bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan asas atau tapak pembinaan seperti tadika, surau, rumah ibadat, padang main, dewan komuniti dan sebagainya dalam tapak pembangunan sesebuah tapak perumahan baru.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan syarat-syarat penyediaan kemudahan yang akan dikenakan ke atas pemaaju mengikut saiz pembangunannya dan bilangan rumah (penduduk) ?
- b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri jika pemaaju gagal menyediakan kemudahan sedemikian?

JAWAPAN :

- a) Syarat-syarat penyediaan kemudahan adalah merujuk kepada Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan JPBD Selangor bagi penyediaan rizab kemudahan awam :

BIL	KEMUDAHAN	SAIZ MINIMUM	PENDUDUK
1.	Tadika	8000 kp	1 : 2500 penduduk @ 500 rumah
2.	Surau	0.5 ekar	1 : 500 unit rumah atau 2500 penduduk
3.	Rumah ibadat bukan Islam	1.2 ekar	1 : 2600 penduduk bukan Islam atau 5000 penduduk bukan Islam
4.	Padang permainan / Kawasan lapang	10% daripada keluasan pembangunan	Setiap 1000 penduduk
5.	Dewan	2,000 kp (apartment)	1 : 500 rumah atau 2,500 penduduk
6.	Balai Polis	5-10 ekar	10,000-15,000 penduduk
7.	Pondok Polis	2.5 ekar	8,000-10,000 penduduk

b) Pemaju hanya disyaratkan menyediakan tapak. Pembinaan bangunan akan dikendalikan oleh agensi kerajaan berkaitan. Contoh :

- i) Dewan – PBT seperti MBSA, MPKj, MDKL dan sebagainya
- ii) Surau – JAIS
- iii) Tadika – KEMAS
- iv) Balai Polis – PDRM./ KKDN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

173. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila senaraikan kedudukan keuntungan atau kerugian semua anak syarikat KDEB bagi tahun 2008 dan 2009 ?
- b) Sila nyatakan apakah peranan utama syarikat KDEB dalam proses rundingan penstrukturan air di Negeri Selangor ?
- c) Sila senaraikan secara terperinci kesemua Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat KDEB pada mutakhir ini ?

JAWAPAN:

a)

SYARIKAT : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD PERKARA : KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SYARIKAT KDEB DAN ANAK-ANAK SYARIKAT SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 DAN 2009				
SYARIKAT	[----BELUM AUDIT ---- --]		[----TELAH AUDIT ----]	
	<u>KUMPULAN</u>	<u>SYARIKAT</u>	<u>KUMPULAN</u>	<u>SYARIKAT</u>
	2009	2009	2008	2008
	RM' 000	RM' 000	RM' 000	RM' 000
Kump. Darul Ehsan Berhad	5,197	(126,619)	(119,069)	33,105
Kump. Perangsang Selangor Berhad	125,885	(139,277)	23,726	(25,759)
Kump. Hartanah Selangor Berhad	25,076	(99,898)	(35,321)	8
Cash Band Berhad (PTGC)	(2,931)	(1,078)	5,346	(54)
Quality Hotel City Centre	-	391	-	541
Quality Hotel Shah Alam	-	159	-	282
Central Spectrum Sdn Bhd	-	38,940	-	19,073

- b) KDEB telah memainkan peranan penting sebagai pemangkin (catalyst) dalam cadangan penstrukturan industri air di Selangor sejak penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA) 2006 yang bertujuan untuk menstrukturkan semula serta penggabungan industri air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 yang bertujuan untuk mengawal selia industri perkhidmatan air negara. KDEB pada pertengahan tahun 2007 telah mengemukakan model kewangan (financial model) bagi cadangan penggabungan industri air ini kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan.

Beberapa siri perundingan antara KDEB dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah dibuat berkaitan cadangan penstrukturan semula industri air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta mekanisme pembiayaannya. Selaras dengan cadangan penstrukturan air ini, Kerajaan Persekutuan melalui Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah meluluskan pelaksanaan penggabungan industri air secara holistik di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang akan diterajui oleh KDEB.

Ketika ini perundingan penstrukturan semula industri air sedang berjalan dan telah dibuat secara bersama antara KDEB, Kerajaan Negeri Selangor, Panel Penilai Air Kerajaan Negeri Selangor dan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan dan empat (4) syarikat konsesi air (Puncak Niaga, Syabas, Splash dan Abass). KDEB sentiasa memberi input dan maklumat kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor dari masa ke masa bagi membantu proses memuktamadkan perundingan tersebut untuk kepentingan semua rakyat.

c)

**SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD**

1. YAB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Ibrahim
2. YBhg Dato' Haji Abd Karim Munisar
3. YB Dato' Ramli Mahmud
4. YB Dato' Mohd Ariff Ab Rahman

**SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**

1. YBhg Dato' Hj Abd Karim Munisar
2. YBhg Dato' Azlan Bin Hashim
2. YBhg Dato' Hj Abd Halim Mohyiddin
3. Encik Mustaffa Kamal Ayub
4. Encik Arthur Wong Yien Kim

**SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD**

1. YBhg Dato' Hj Abd Karim Munisar
2. Encik Arthur Wong Yien Kim

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PUSAT KOMUNITI WANITA SELANGOR

174. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah Pusat Komuniti Wanita Selangor yang telah ditubuhkan? Sila senaraikan lokasi-lokasi pusat tersebut?
- b) Apakah reaksi dan maklum balas yang diterima terhadap Pusat Komuniti Wanita Selangor?
- c) Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Pusat Komuniti Wanita Selangor dan apakah langkah penyelesaian yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani masalah-masalah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Dalam merealisasikan pemberdayaan wanita Selangor, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita telah merancang mewujudkan Pusat Komuniti Wanita (PKW) di setiap DUN. PKW DUN ini ditubuhkan sebagai satu platform untuk meningkatkan jati diri, ilmu kemahiran, hak dan tanggungjawab serta memberikan pendidikan dari setiap segi. Pusat Komuniti Wanita DUN ini juga disasarkan menjadi satu wadah untuk mencambahkan segala idea-idea dan memperkembangkan setiap ruang yang ada untuk dikongsikan sesama wanita di DUN tersebut. PKW DUN ini juga boleh menjadi satu simbol dan lambang keberdayaan wanita yang berwawasan, dinamik dan mempunyai jati diri yang tinggi. Aktiviti yang dilakukan di PKW DUN ini meliputi segenap aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tidak terbatas, di mana ia juga boleh menjadi sumber penjana kewangan kepada golongan sasaran yang terlibat.
- b) Sehingga Disember 2009, Kerajaan Negeri telah berjaya mewujudkan sebanyak sepuluh (10) Pusat Komuniti Wanita. Berikut adalah pusat komuniti wanita yang berjaya diwujudkan :-
 - i) Pusat Komuniti Wanita DUN **Ijok**
 - ii) Pusat Komuniti Wanita DUN **Jeram**
 - iii) Pusat Komuniti Wanita DUN **Hulu Kelang**
 - iv) Pusat Komuniti Wanita DUN **Kota Damansara**
 - v) Pusat Komuniti Wanita DUN **Sijangkang**
 - vi) Pusat Komuniti Wanita DUN **Batu Tiga**
 - vii) Pusat Komuniti Wanita DUN **Morib**
 - viii) Pusat Komuniti Wanita DUN **Taman Medan**
 - ix) Pusat Komuniti Wanita DUN **Selat Kelang**
 - x) Pusat Komuniti Wanita DUN **Lembah Jaya**

- c) Dalam memastikan Pusat Komuniti Wanita ini berjaya, Kerajaan negeri telah membekalkan peralatan yang merangkumi aktiviti jahitan dan masakan. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 15,000.00 kepada setiap PKW yang lulus permohonannya. Berikut adalah senarai barangan yang dibekalkan kepada PKW yang layak:-

a. PERALATAN JAHITAN

BIL.	PERKARA	KUANTITI
1	Mesin Jahit Lurus Industri	2
2	Mesin Jahit Tepi Industri	1
3	Mesin Jahit Sulam	1
4	Mesin Jahit Serbaguna (Multipurpose)	1
5	Meja Potong Kain	1
6	Kit Jahitan	10

b. PERALATAN MASAKAN*

BIL	PERKARA	PERINCIAN
1.	Chiller	1 pintu
2.	Mixer	20 L @ 5 Kg
3.	Oven Gas	1 Deck, 2 Tray
4.	Working Table Stainless Steel	6' x 2 ½'
5.	Mesin Mee	1 unit
6.	Rack	Tray (Modular)
7.	Freezer	220 L

Seterusnya bagi menjayakan program ini, setiap PKW perlu melantik Penyelia Pusat Komuniti agar program dan aktiviti dapat diselaras dan dijalankan dengan baik. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah membelanjakan RM 50,000.00 dengan memberikan kursus Asas Penyeliaan kepada mereka supaya dapat meningkatkan martabat wanita dalam merancang dan membuat keputusan dengan lebih efektif dan tersusun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: KUARI

175. Kepadatan Pembangunan Perumahan di daerah Hulu Langat khususnya di DUN Lembah Jaya amat membanggakan namun:-

- a) Kenapakah masih ada sebuah kuari "CEMEX RMC CONCRETE SDN BHD" masih dapat beroperasi di tengah pembangunan tersebut?
- b) Apakah benar bahawa sebuah tanah gantian telah dianugerahkan oleh Kerajaan dahulu bagi menggantikan tanah yang sedia ada?
- c) Kenapakah pencemaran bunyi, habuk dan lain-lain yang mendatangkan kemudaratan kepada penduduk-penduduk sekitar tidak di hiraukan oleh pihak berkuasa dengan membenarkan kuari tersebut terus beroperasi??

JAWAPAN:

- a) Golden Plus Granite Sdn. Bhd. yang dahulunya dikenali sebagai Cemex RMC Concrete Sdn Bhd telah mula beroperasi dan diberikan pajakan kuari sejak 10 Disember 1973 dan telah disambung pajakannya dari 19 April 2007 untuk selama tiga puluh tahun lagi sehingga tamat tempoh 18 April 2037.

Untuk makluman operasi kuari tersebut telah diberikan kebenaran beroperasi melalui Borang 4C pada tahun 2010 adalah bersandarkan daripada ulasan – ulasan jabatan teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Alam Sekitar yang menyokong permohonan memperbaharui permit kuari tersebut selain tarikh tempoh pajakan berakhir pada tahun 2037.

Bagi tempoh tiga tahun berakhir hasil daripada kelulusan tersebut Kerajaan Negeri telah memperoleh royalti daripada Golden Plus Granite Sdn. Bhd. sebanyak RM 2,070,000.00 dengan pecahan sebanyak RM 822,000.00 bagi tahun 2008, RM 768,000.00 bagi tahun 2009 dan RM 480,000.00 sehingga Jun tahun 2010.

- b) Kerajaan Negeri tidak pernah menganugerahkan tanah gantian kepada Golden Plus Granite Sdn. Bhd. bagi menggantikan tanah sedia ada. Untuk makluman Golden Plus Granite Sdn. Bhd. telah menyerahkan seluas 14 ekar kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tujuan pembinaan perumahan bagi penyelesaian masalah setinggan pada tahun 2005 yang dimajukan oleh Syarikat Larut Jaya Sdn. Bhd.

Selain itu, seluas 1800 meter persegi tanah pajakan Golden Plus Granite Sdn. Bhd. telah dibuat pengambilan tanah dan telah diluluskan bagi tujuan jalan masuk ke Lot 1287 dan jalan alternatif ke Kampung Tengah Ampang dan Kampung Dato' Mufti Shuib bagi maksud pembangunan projek perumahan Sera-Tama Development Sdn. Bhd.

- (c) Siasatan Jabatan Alam Sekitar Selangor ke atas operasi kuari di atas mendapati pihak kuari telah melaksanakan semua arahan dan langkah kawalan berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan negeri ke atas semua kuari yang beroperasi di negeri Selangor. Operasi kuari juga mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya dari segi kawalan pencemaran dan juga mematuhi 'State Quarry Rules' yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains. Jabatan Alam Sekitar Selangor akan terus memantau dari masa ke semasa bagi memastikan operasi kuari ini sentiasa mematuhi kehendak perundangan. Namun demikian masalah habuk dan bunyi yang dihadapi adalah berikutan dari pembangunan perumahan yang telah dibangunkan kemudian yang tidak mengambil kira keperluan mewujudkan zon penamparan di antara operasi kuari dengan kawasan perumahan. Di samping itu laluan keluar masuk lori yang membawa batuan juga mendatangkan masalah habuk dan keselamatan penduduk disebabkan operasi yang terlalu hampir dengan kawasan perumahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : TANAH TOL

176. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah penduduk di Selangor yang telah diberikan tanah TOL oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut rekod yang sah?
- b) Berapa banyakkah kes tanah TOL yang masih belum disahkan pemilikan tanah mereka oleh Kerajaan Negeri?
- c) Di manakah lokasi terbesar tanah TOL / penerima teramai tanah tol yang diberikan kepada penduduk?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI

177. Projek perumahan terbengkalai atau tidak mempunyai hak milik

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai dan rumah yang tidak mempunyai hak milik?
- b) Setakat mana berjaya usaha Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini ?
- c) Apakah perkembangan Taman Murni Sepang yang masih belum memperoleh hak milik walaupun sudah belasan tahun diduduki?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31 Januari 2010, terdapat sebanyak 135 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 48,623 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :

No	Kawasan PBT	Projek Perumahan	Projek Komersial	Projek Industri	Projek Pembesaran Kampung	Jumlah Bil. Projek	Jumlah Unit
1	MPK	22	5	1	-	28	4,134
2	MBPJ	3	4	-	-	7	2,996
3	MBSA	15	1	1	-	17	5,210
4	MPSJ	5	3	-	-	8	8,786
5	MPAJ	10	1	-	-	11	2,949
6	MPKj	11	-	-	-	11	4,150
7	MPS	9	1	-	2	12	2,310
8	MPSp	8	-	-	-	8	3,941
9	MDKS	9	-	-	2	11	7,128
10	MDHS	5	1	-	6	12	5,955
11	MDKlgt	7	2	-	-	9	1,032
12	MDSB	1	-	-	-	1	32
JUMLAH		105	18	2	10	135	48,623

- b) Bidang kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Walau bagaimanapun, sehingga kini Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telah berjaya menyelesaikan sebanyak 20 projek yang melibatkan 7,779 unit dari Mac 2008 sehingga 31 Januari 2010 seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit

12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	KOMPLEKS KOTA KAJANG, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
Jumlah Pembeli/Unit		7,779 unit	

- c) Hakmilik Taman Murni Sepang masih belum dikeluarkan disebabkan pemaju Tetuan Syarikat Asas Tani Sdn. Bhd masih belum mengemukakan sijil akuan ukur berjumlah 242 lot daripada 438 lot keseluruhannya dan hanya 196 lot sahaja yang dibayar oleh pemaju ke Pejabat Tanah Daerah. Walau bagaimanapun peringatan telah dikeluarkan sebanyak 7 kali kepada pemaju tetapi sehingga kini tiada tindakan daripada pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : TABUNG PENDIDIKAN

178. Di 'Merakyatkan Ekonomi Selangor', ada dilancarkan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bajet yang diperuntukkan untuk tabung ini dan bagaimanakah status penggunaannya?
- b) Apakah kesan segera dan jangka panjang hasil manfaat daripada tabung ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi tabung ini. Berikut adalah status penggunaan tabung ini bagi tahun 2008 dan 2009:

PENGGUNAAN TAHUN 2008

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Tajaan pelajar ke kolej INPENS 102 pelajar x RM 5850 =RM 596,700	RM 596,700.00
2.	Program Kecemerlangan UPSR anak pekerja ladang 500 pelajar x RM 100	RM 50,000.00
JUMLAH		RM 646,700.00

PENGUNAAN TAHUN 2009

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Program peningkatan pendidikan anak pekerja ladang oleh CHILD organization	RM 688,501.00
2.	Bantuan yuran pengajian a. Mageswary a/p Rajan – RM 5,000 b. Sivanesan a/l Shanmugam – RM 2,400 c. Rajakogulan a/l Rajakopal – RM 2,154.00	RM 9,554.00
3.	Tajaan Pelajar Ke Kolej INPENS RM 5850 x 52 Pelajar	RM 304,200.00
4.	Bantuan kewangan bagi sekolah-sekolah ladang kepada 9 buah sekolah (program tuisyen UPSR)	RM 73,084.60
5.	Program Subsidi Tambang Bas Sekolah 172 pelajar x RM 50 x 5 bulan	RM 43,000.00
6.	Program kecemerlangan UPSR RM 125 x 1000 pelajar	RM 125,000.00
JUMLAH		RM 1,243,339.60

- b) Tujuan tabung ini ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang yang melanjutkan pelajaran ke Kolej Antarabangsa Inpens. Selain itu, tabung ini juga digunakan untuk membantu sekolah-sekolah di ladang dari aspek menaik taraf kemudahan sekolah serta memberi sumbangan mengadakan program-program sekolah.

Kerajaan Negeri berpendapat bawah salah satu cara untuk meningkatkan taraf hidup keluarga pekerja ladang adalah melalui pendidikan yang sempurna. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah menaja anak-anak pekerja ladang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau dalam bidang kemahiran yang bersesuaian.

Dengan pendekatan ini, Kerajaan Negeri yakin anak-anak pekerja ladang yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran dapat memperolehi peluang pekerjaan yang lebih baik supaya dapat membantu keluarga mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : KAWASAN RIZAB SUNGAI

179. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk mewartakan sungai-sungai utama di Selangor?
- b) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pengusaha-pengusaha yang menduduki tanah rizab sungai?
- c) Adakah kerajaan membenarkan struktur-struktur bangunan yang berkaitan pengusahaan ekopelancongan atau aktiviti ternakan perikanan dibina di kawasan rizab sungai?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah pun mewartakan sungai Klang di bawah seksyen (13) Kanun Tanah Negara, walaubagaimanapun JPS akan meneruskan usaha pewartaan Sungai Klang di bawah Seksyen (62) bagi memastikan rizab sungai lebih terpelihara. Di bawah seksyen (62), lot-lot tanah yang terlibat di dalam rizab sungai yang telah diberi hak milik akan dibuat pengambilan balik tanah. Bagi tujuan tersebut JPS akan menjalankan kerja-kerja ukur halus bagi tujuan tersebut. Di samping itu juga JPS dalam usaha untuk mewartakan Sungai Langat dan Sungai Selangor di bawah seksyen 13. Kertas-kertas pewartaan dijangka akan kemukakan bagi kedua-dua sungai tersebut pada September 2010.
- b) Apabila berlaku pewartaan di bawah seksyen (62), tanah-tanah persendirian akan dikenal pasti untuk pengambilan balik tanah. Bagi pengusaha-pengusaha haram pula, tindakan penguatkuasaan akan diambil atas tuduhan pencerobohan tanah kerajaan.
- c) Aktiviti-aktiviti pembangunan ekopelancongan dan penternakan ikan termasuk pembinaan struktur boleh dibenarkan di kawasan rizab sungai sekiranya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : HUTANG TALAM

180. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah hutang Talam yang telah berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri?
- b) Adakah jadual pengutipan hutang ini berjalan mengikut masa dan perjanjian yang telah ditandatangani? Sila berikan butir-butir.
- c) Bagaimanakah hutang yang telah dikutip dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Ke semua hutan Talam telah berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri.
- b) Tiada jadual tetap atau sebarang perjanjian dalam kutipan hutang ini.
- c) Setelah hutang-hutang itu diterima, kegunaannya tertakluk kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : HYWIN

181. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru tentang pelaksanaan jaringan internet HyWIN di negeri Selangor?
- b) Apakah sasaran kerajaan untuk mempopularkan penggunaan jaringan internet broadband di kawasan desa?

JAWAPAN :

- a) Perkembangan projek HyWIN di Negeri Selangor ialah pihak syarikat masih dalam proses menyelesaikan perolehan tapak dan lesen-lesen berkaitan.
- b) Sasaran kerajaan untuk mempopularkan penggunaan jaringan internet broadband di kawasan desa adalah melalui memperbanyakkan kandungan tempatan dan pakej capaian yang murah. Selain itu Kerajaan Negeri juga menganjurkan pertandingan laman web dan blog peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta latihan terhadap penggunaan laman sosial seperti Facebook dan Twitter

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: MASJID SEBAGAI PUSAT TRANSFORMASI MASYARAKAT

182. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian masjid-masjid di Selangor setelah berlakunya proses pemilihan AJK masjid mengikut enakmen yang tidak pernah di amalkan selama ini?
- b) Adakah hasrat untuk menjadikan masjid sebagai pusat transformasi masyarakat menampakkan tanda-tanda kejayaan?

JAWAPAN:

- a) Pencapaian masjid-masjid selepas pelantikan baru sesi 2009 – 2012 amat memberangsangkan. Perkara tersebut dapat dilihat melalui pelaksanaan pengimaran masjid seperti kuliah-kuliah Maghrib, Subuh dan Dhuha. Selain itu, pelaksanaan KPI Pengurusan Masjid telah mula dilaksanakan mengikut prestasi pengurusan masjid.
- b) Begitu juga dalam usaha menjadikan masjid-masjid sebagai pusat transformasi masyarakat, banyak program telah dilaksanakan antaranya Karnival Jom ke Masjid dan Koperasi Masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN CINA

183. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Di mana letaknya lokasi Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor?
- b) Bilakah Pusat Kebudayaan Cina dapat dilaksanakan dan disiapkan?
- c) Berapa anggaran perbelanjaan untuk projek ini?

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini, perbincangan masih lagi dibuat bagi memilih lokasi yang sesuai bagi pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor. Namun, ia akan terletak di sekitar pesisir Sungai Klang bersama-sama dengan Pusat Kebudayaan Pelbagai Kaum yang lain. Ini sebagai langkah memaju dan membangunkan pesisir Sungai Klang sebagai destinasi tarikan pelancong di samping menyemai rasa cinta terhadap sungai dan sistem-sistem saliran seumpamanya kepada masyarakat. Pihak jawatankuasa telah melantik juruperunding bagi membuat kajian terperinci berkaitan kesesuaian tapak yang akan dipilih kelak. Keputusan akhir akan diketahui sedikit masa lagi.
- b) Belum dapat dipastikan bilakah pelaksanaan dan pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor ini dapat disempurnakan. Ini kerana, pemilihan tapak dan reka bentuk projek berkenaan masih lagi di peringkat perbincangan jawatankuasa. Ia tidak boleh dibuat secara terburu-buru kerana pelbagai aspek perlu diberikan perhatian terutama berkaitan kesesuaian tapak, penerimaan masyarakat setempat, kesesuaian reka bentuk, implikasi kewangan / peruntukan dan hal-hal lain yang berkaitan. Selain itu, ia perlu dikemukakan ke peringkat tertinggi Kerajaan Negeri Selangor iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya.
- c) Butiran perbelanjaan masih belum boleh dipastikan berikutan kerja-kerja awalan masih belum bermula. Reka bentunk dan keadaan semasa tapak perlu diperincikan terlebih dahulu kerana ia merupakan antara mekanisme terpenting dalam pelaksanaan sesuatu projek pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : MASALAH TEKANAN AIR RENDAH

184. Masalah tekanan air rendah kerap berlaku di Kampung Sungai Tekali dan Kampung Sungai Makau, Hulu Langat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah punca yang menjadikan tekanan air ini rendah?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kampung Sungai Tekali dan Kampung Sungai Makau di Daerah Hulu Langat mengalami masalah tekanan air rendah berikutan daripada kedudukan kampung tersebut yang berada di paras ketinggian yang lebih. Paras ini menyebabkan kuasa graviti daripada sistem paip agihan tidak dapat menghantar sejumlah air yang sepatutnya ke kawasan tersebut.
- b) Kerajaan Negeri bersama-sama pihak SYABAS sentiasa berhasrat untuk memastikan setiap kawasan bekalan air tidak mengalami gangguan dari segi tekanan air rendah. Antara langkah yang dirancang adalah menyediakan pam baru yang dapat membantu menghantar air yang secukupnya sekiranya situasi tekanan air rendah yang berlaku. Selain itu jua, pembinaan sebuah tangki berasingan untuk kawasan ini juga boleh dijalankan bagi mengelakkan masalah tekanan air rendah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PEKAN PELABUHAN KLANG

185. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap pembangunan pekan Pelabuhan Klang.

Contoh:

- 1) Perhentian Bas Pelabuhan Klang
- 2) Jika dibandingkan 10 tahun dahulu pekan Pelabuhan Klang merupakan satu tempat yang meriah. Kini, suasana selepas jam 9 malam telah berubah sehingga ada yang menggelarkannya sebagai "Pekan Tanjung Balai". Di manakah silapnya?

JAWAPAN :

- a) 1) Majlis pada masa ini sedang mengambil tindakan penyelenggaraan terhadap bangunan Perhentian Pelabuhan Klang. Untuk makluman sehingga kini, bangunan tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan seperti Terminal Bas, Medan Selera, Pejabat Kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Pusat ICT dan lain-lain. Majlis sentiasa membuka ruang kepada semua pengusaha-pengusaha bas dan peniaga-peniaga untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di Perhentian ini.

Kurangnya pengunjung dan peniaga di Perhentian ini kerana gaya hidup penduduk masa kini yang mahukan pasaraya yang lebih besar serta ruang yang lebih luas untuk keselesaan bagi menjalankan perniagaan.

- 2) Jawapan akan diberikan oleh Jabatan Perancang Bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: TUISYEN PERCUMA

186. Program Tuisyen Rakyat Negeri Selangor telah pun masuk tahun kedua dan keputusan Peperiksaan SPM 2009 telah diumumkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tuisyen ini berkesan kepada peningkatan kemajuan pelajar-pelajar ?
- b) Apakah tawaran-tawaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kemajuan cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi?
- c) Apakah pula yang boleh ditawarkan kepada mereka yang tidak mendapat tempat ke IPT supaya mereka tidak terjebak dengan gejala yang tidak bermoral?

JAWAPAN :

- a)
- b) Terdapat **tiga (3) buah jabatan/ agensi** di bawah Kerajaan Negeri yang menawarkan pembiayaan pelajaran di peringkat pengajian tinggi, sama ada berupa biasiswa, pinjaman atau dermasiswa kepada pelajar-pelajar, terutamanya Anak-anak Negeri Selangor yang melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS seluruh negara seperti berikut:
 - i) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)** yang menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah di IPTA/ IPTS dalam pelbagai bidang;
 - ii) **Yayasan Selangor** yang menyediakan kemudahan Biasiswa Kecil dan Biasiswa Khas kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga 5, Dermasiswa kepada pelajar cemerlang Tingkatan 4 dan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian di IPT, khususnya IPT Kerajaan Negeri Selangor (UNISEL/ KUIS/ INPENS/ IKYS); dan
 - iii) **Pusat Zakat Selangor/ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)** yang memperuntukkan dermasiswa zakat, khusus kepada-pelajar-pelajar beragama Islam yang melanjutkan pengajian di Timur Tengah.

Kemudahan pembiayaan pengajian tersebut boleh diperolehi dengan membuat permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan/ agensi yang berkaitan.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut menawarkan bantuan kepada anak-anak Negeri Selangor yang **kurang berkemampuan** bagi melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi melalui program Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor (Hadiah Anak Masuk Universiti). Bantuan tersebut merupakan salah satu kemudahan yang ditawarkan menerusi agenda **Merakyatkan Ekonomi Selangor** (MES), di mana bantuan tersebut berupa **sumbangan insentif berjumlah RM1,000**.

Bantuan tersebut merupakan satu kemudahan kepada pelajar sebelum mereka memperolehi **sumber kewangan** dari pihak penaja untuk mengikuti pengajian dalam bidang yang dipilih. Bantuan berkenaan juga mampu **meringankan beban tanggungan ibu bapa/ penjaga pelajar** bagi menampung kos perbelanjaan pelajar semasa di universiti kelak. Bantuan ini membuktikan **keprihatinan Kerajaan Negeri** bagi menunaikan tanggungjawab sosial terhadap kebajikan rakyat Negeri Selangor, terutamanya dari golongan mahasiswa IPT.

c)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK KUALA LUMPUR-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY

187. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa batang pokok dan spesies pokok apakah yang ditebang di Taman Rimba Templer bagi membina Kuala Lumpur-Kuala Selangor Expressway?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan keseimbangan ekosistem di hutan tersebut terjaga setelah sebahagian pokok ditebang?
- c) Berapakah jumlah pampasan yang dibayar kepada kerajaan negeri untuk pokok-pokok yang telah ditebang dan siapakah pihak yang membayarkan pampasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Antara spesies pokok yang terdapat dalam kawasan pembinaan lebuh raya Kuala Lumpur – Kuala Selangor di Hutan Simpan Kanching ialah Kapur, Meranti Tembaga, Meranti Kepong, Meranti Rambai Daun, Kasai, Sena, Nyatoh, Batai, Tempinis, Medang, Kasai dan lain-lain. Jumlah pengeluaran sebenar dikeluarkan ialah 16,018 batang balak terdiri dari 1,470 tual balak bersaiz melebihi 30 sentimeter perepang pada paras dada(p.p.d) dan 14,548 tual kayu jaras.
- b) kawasan hutan yang terpaksa dibuka untuk projek lebuh raya berkenaan melibatkan kawasan seluas 7.6 hektar. Keluasan ini mewakili kurang 2% daripada Hutan Simpan Kanching yang berkeluasan 447.38 hektar. Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dalam memastikan keseimbangan ekosistem di hutan tersebut telah mengambil langkah-langkah berikut:-
 - i) memastikan tiada pokok daripada spesies rare, threatened and endangered didapati dalam kawasan pembinaan tersebut menerusi bancian pokok sebelum tebingan dilaksanakan.
 - ii) Kerja tanah dikawal agar tidak menjejaskan struktur tanah yang boleh mengakibatkan hakisan/runtuhan tanah dan kerosakan kepada pokok-pokok serta pencemaran pada kawasan saluran air/anak sungai dalam kawasan hutan yang bersempadanan.
 - iii) memastikan kerja pembinaan tidak melampaui batasan/had kawasan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri menerusi pemantauan dan rondaan oleh penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri.
- c) Jumlah ganti rugi ialah sebanyak Rm163,000.00 yang dijelaskan oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) kepada Kerajaan Negeri. Jumlah ini tidak termasuk bayaran royalti dan ses berjumlah Rm28,561.69 dan kawasan seluas 7.6 hektar yang terletak di Mukim Rawang yang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebagai ganti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : ASET MILIK YAYASAN SELANGOR

188. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah aset milik Yayasan Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjual, menyewa jangka panjang atau mengambil alih pengurusan bangunan-bangunan milik Yayasan Selangor ini?

JAWAPAN :

- a) Yayasan Selangor memiliki sebilangan aset dalam bentuk bangunan dan tanah yang diperoleh secara pemberimilikan ataupun sebagai sebahagian daripada pulangan daripada projek usaha sama.

Aset berkenaan adalah terdiri daripada bangunan Asrama Pusat Yayasan Selangor (yang menempatkan pelajar Rancangan Khas Pendidikan Bersama Kementerian Pelajaran Malaysia), Kem (kursus & latihan), bangunan komersil (bangunan pejabat, rumah kedai, rumah kediaman) dan tanah-tanah pertanian.

Pemilikan aset dan penajaan sumber kewangan daripada aset berkenaan adalah sangat penting kepada Yayasan Selangor bagi membolehkannya memperoleh sumber pendapatan untuk membiayai segala operasi dan fungsinya.

Yayasan Selangor sebagai sebuah organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan ditubuhkan sebagai agensi yang membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam memberi peluang dan bantuan pendidikan kepada rakyat negeri Selangor tanpa diberikan geran tahunan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Sebaliknya, ia beroperasi dengan menjana pendapatan sendiri dan menyumbangkan pendapatannya kepada usaha membangunkan generasi berilmu di negeri Selangor.

Senarai Bangunan & Premis:

Bangunan & Premis Komersil		
Bangunan Pejabat		
1.	Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya – Ibu Pejabat	18 Tingkat
2.	Bangunan Yayasan Selangor Jln Bukit Bintang, K. Lumpur	12 Tingkat
3.	Bangunan Yayasan Selangor Kampung Baru, K. Lumpur	18 Tingkat
Premis Komersil		
1.	Kedai/Pejabat Dana 1, Kelana Jaya	10 Lot - 4 tingkat
2.	Kedai/Pejabat Ara Business Centre, Ara Damansara	16 Unit
3.	Kedai/Pejabat Ampang Point, Ampang	3 Lot – 3 tingkat

4.	Kedai/Pejabat Jalan Stesen, Klang	1 Lot – 4 tingkat
5.	Kedai/Pejabat Semenyih Sentral, Semenyih	2 Lot – 3 tingkat
6.	Kedai/Pejabat Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor	2 Lot – 1 tingkat
7.	Kedai di Pasar Moden Rawang	7 unit
Kediaman – Kondominium/Pangsapuri		
1.	Kondominium University Towers, Petaling Jaya	25 unit
2.	Pangsapuri Puncak Damansara, Ara Damansara	14 unit
3.	Kondominium Templer Impian, Perang Templer Rawang	24 unit
Kediaman – Semi-Detached		
1.	Rumah Berkembar, Templer Bestari, Perangsang Templer, Rawang	3 unit
Kediaman - Rumah Teres		
1.	Rumah Teres 1 Tingkat, Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor	8 unit

Stesen Minyak		
1	Stesyen Minyak (Shell) – Lot 495 Kg Pandan	43,844 k.p

Bangunan Bukan Komersil		
Bangunan Asrama Pelajar / Kem Latihan		
1	Asrama Yayasan Selangor, Kuala Lumpur	7.2 ekar
2	Asrama Yayasan Selangor, Klang	4.8 ekar
3	Asrama Bestari Ampar Tenang, Dengkil	15.17 ekar
4	Kem PLKN Yayasan Selangor Kuala Kubu Baharu	2.8 ekar
5	Kem The Wood, Ulu Yam	34 ekar

Senarai Tanah:

Tanah Pertanian		
1.	Ladang Kelapa Sawit PT552, Pulau Carey, Kuala Langat	1296 ekar
2.	Ladang Kelapa Sawit PT357,358,359 Pulau Carey, Kuala Langat	631.5 ekar
3.	Ladang Kelapa Sawit PT88 Pulau Carey, Kuala Langat	91 ekar
4.	Tanam Kelapasawit PT712, Kuala Kubu Baharu	13.7 ekar
5.	Tanah PT647 Pulau Carey, Kuala Langat	1126 ekar
6.	Tanah PT 20307, 20308, 20309,020310,020311 Mukim Serendah	350 ekar
7.	Tanah PT2924, Ulu Bernam	225 ekar

Tanah Komersil		
1.	Tanah PT7, Seksyen 14, Shah Alam	1.1 ekar
2.	Tanah PT4221 Bandar Klang	16.59 ekar

b) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MASALAH GEJALA SOSIAL

189. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikah bilangan anak-anak tidak setaraf (anak luar nikah) yang telah didaftarkan di Negeri Selangor dari tahun 2000 sehingga tahun 2008 dan apakah peratus pecahannya mengikut bangsa atau kaum ?
- b) Apakah Kerajaan Negeri Selangor membuat kajian tentang punca-punca yang mendorong ke arah perlakuan zina yang menjijikkan ini?
- c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil dan bakal diambil untuk mencegah gejala zina atau bersekedudukan secara tidak sah ini dari terus menular di kalangan masyarakat?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : MASALAH PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

190. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah pembuangan sampah haram di sepanjang Jalan Ampang- Hulu Langat, Jalan Sungai Tekali-Empangan Semenyih dan Jalan Hulu Langat-Kuala Kelawang?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pembersihan sampah haram ini telah dibuat secara 'in house' mengikut pusingan.

Intipan

Intipan dan rondaan juga dilakukan oleh pegawai-pegawai jabatan Perkhidmatan perbandaran dan kesihatan dan penguat kuasa Majlis perbandaran Kajang.

Hebahan

Melalui Ahli Majlis dan Jawatankuasa Penduduk ataupun Ketua Kampung.

MPKj juga meletakkan tong RORO di beberapa lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan pembuangan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR

191. Di sesetengah kawasan terutamanya Pelabuhan Klang, keadaan jalan rayanya boleh diibaratkan seperti 'kek lapis' bila mana ia hanya ditampal dan dibaik pulih berulang kali apabila berlopak, berlubang dan berpasir. Ia hanya boleh bertahan selama kurang dari 2 bulan, kemudian jalan raya tersebut akan mengalami kerosakan semula

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Tiadakah perancangan jangka panjang dari PBT yang tidak merugikan Kerajaan Negeri bagi mengkaji semula struktur jalan atau menaik taraf jalan-jalan tersebut kerana ini boleh mengundang kepada kemalangan jalan raya khususnya kepada penunggang motosikal?
- b) Nyatakan jalan-jalan yang telah dibaik pulih dan dinaiktarafkan oleh PBT khususnya di kawasan Pelabuhan Klang.
- c) Apakah bentuk tindakan kepada kontraktor yang tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam erti kata lain, kerja yang disiapkan tidak mengikut spesifikasi?

JAWAPAN :

- a) Jalan-jalan biasanya perlu diturap semula secara berkala setiap 10 tahun sekali atau lebih awal bergantung kepada keadaan jalan semasa, kategori jalan dan jumlah trafik yang menggunakannya. Kerja-kerja menurap semula jalan dilaksanakan menggunakan geran jalan yang diperolehi dari Kerajaan Negeri. Oleh kerana kos menurap semula jalan adalah tinggi, ia tidak dapat dilaksanakan secara berkala tetapi mengikut keutamaan dan jumlah geran jalan yang diperolehi.
- b) Senarai kerja naik taraf jalan di kawasan Pelabuhan Klang, Majlis Perbandaran Klang dari tahun 2005 – 2009 adalah;
 - i) Menurap semula Jalan Sukma / jalan Sentul dan Jalan-Jalan berhampiran di sekitar Pandamaran, Klang Selatan
 - ii) Menaiktaraf/menurap semula jalan-jalan di kawasan Perindustrian Sungai 1 dan 2, Pelabuhan Klang
 - iii) Menaiktaraf Jalan-jalan di Kawasan Perindustrian Sobena Jaya Pelabuhan Klang.
 - iv) Menaiktaraf Jalan-jalan di Kawasan Perindustrian Lebu Raja Lumu, Pelabuhan Klang
 - v) Menaiktaraf Jalan-jalan di Kawasan Perindustrian Kampung Idaman, Pelabuhan Klang.
 - vi) Menaiktaraf jalan-jalan di kawasan perindustrian Pulau Indah, Pelabuhan Klang.
 - vii) Kerja-kerja memperbaharui muka jalan Lebu Gambus 5, Jalan Kastam, Jalan Lebu Raja Lumu serta kawasan sekitarnya.

- viii) Menurap Jalan Di Taman Pandamaran Jaya, Persiaran Permai 3 Dan Kawasan Sekitarnya
 - ix) Kerja-Kerja Membina Dan Menaiktaraf Kemudahan Jalan Dan Tempat Letak Kenderaan Di Kawasan Telok Gong, Pelabuhan Klang Dan Kawasan Dun Pelabuhan Klang
 - x) Membaharui muka jalan di Jalan Pelabuhan Selatan, Lorong Pelabuhan Selatan, Jalan Sekolah, Jalan Sungai Aur dan kawasan sekitarnya
 - xi) Membaharui muka jalan di Taman Pendamar Indah dan kawasan sekitarnya
- c) Bentuk tindakan kepada kontraktor yang tidak memenuhi piawai yang ditetapkan dalam erti lain kerja yang disiapkan tidak mengikut spesifikasi adalah mengarah kontraktor membina semula mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan jika gagal, disenarai hitamkan dan disusuli dengan tuntutan atau tindakan perundangan, jika perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH

192. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kerajaan bercadang mengekalkan keputusan memberi 30% tanah kepada kakitangan kerajaan dan huraikan rasionalnya ?
- b) Amalan anugerah khidmat cemerlang pada kakitangan di Pejabat Tanah di berikan tanah TOL seluas 1 ekar. Huraikan kewajarannya ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai dasar berkaitan dengan pemberian 30% tanah kepada kakitangan kerajaan. Kakitangan Kerajaan boleh memohon tanah kerajaan sekiranya kakitangan berkeelayakan mengikut 43 Kanun Tanah Negara.
- b) Pada masa ini tidak terdapat dasar berhubung Pemberian tanah secara TOL kepada kakitangan yang memperolehi Anugerah Khidmat Cemerlang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SKIM MIKRO KREDIT

193. Pengumuman khidmat pinjaman mikro kredit telah dibuat baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Bilakah skim ini akan dimulakan?
- b) Adakah jumlah yang diperuntukkan akan terhad kepada lima puluh juta sahaja atau akan ditingkatkan di masa akan datang?

JAWAPAN :

- a) Cadangan pelaksanaan program mikrokredit ini telah dibentangkan di mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 24 Mac 2010 dan berdasarkan jadual skop pelaksanaan kerja, pelancaran program akan diadakan pada bulan Mei 2010.
- b) Sumber dana permulaan bagi program ini akan disalurkan oleh kerajaan negeri yang berjumlah RM 50 juta hasil kutipan hutang tertunggak berbagai pihak kepada kerajaan negeri. Tambahan peruntukan hanya akan dibuat berdasarkan keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : SEKOLAH TADIKA, TASKA & PUSAT ASUHAN PRA SEKOLAH

194. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah Tadika, Taska dan/atau Pusat Asuhan Pra-Sekolah yang berdaftar dan beroperasi secara sah di seluruh Negeri Selangor pada masa kini?
- b) Siapakah pemilik-pemilik Tadika, Taska dan/atau Pusat Asuhan Pra Sekolah tersebut?
- c) Apakah kriteria-kriteria yang diperlukan untuk kelulusan dan pemberian lesen kepada para pengusaha Tadika, Taska dan/atau Pusat Asuhan Pra-Sekolah oleh pihak Pejabat Majlis Perbandaran atau Bandaraya?

JAWAPAN :

- a) Pendaftaran Tadika di bawah bidang kuasa Jabatan Pelajaran (Unit Pendidikan Swasta).Pusat Asuhan Pra Sekolah pula terletak di bawah Jabatan Pelajaran dan ditubuhkan di Sekolah Rendah Kerajaan. Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Sehingga Mac 2010, bilangan TASKA yang berdaftar di Negeri Selangor ialah sebanyak 112 buah TASKA manakala bilangan PUSAT JAGAAN yang berdaftar adalah sebanyak 116 buah pusat jagaan.
- b) Setakat ini, berdasarkan permohonan pendaftaran yang diterima oleh JKM, pemilik taska terdiri daripada orang perseorangan/ individu, perkongsian, syarikat, pertubuhan/ NGO dan majikan(tempat kerja).
- c) Untuk memproses pendaftaran TASKA/PUSAT JAGAAN di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan AKta Pusat Jagaan 1993, JKM memerlukan kelulusan dan sokongan daripada 3 agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Pejabat Kesihatan Daerah dan BOMBA dan Penyelamat Daerah. Walaupun kelulusan untuk syarat pemberian lesen perniagaan/ Kebenaran Merancang. (KM) iaitu ubah syarat dan kegunaan bangunan adalah berbeza-beza mengikut setiap PBT (tertakluk Undang-undang kecil tempatan).

Walaupun begitu, JKM mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu bagi mendapatkan kelulusan pendaftaran TASKA atau PUSAT JAGAAN. Iaitu

1. Mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Register of Business.
2. Mendapat sokongan daripada 3 agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan.
3. Menghadiri dan lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan yang telah diakreditasi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia contohnya Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS).
4. Menyediakan Jadual Aktiviti mengikut perkembangan menyeluruh dan mengikut kumpulan umur.
5. Menyediakan jadual menu yang seimbang untuk sebulan mengikut kumpulan umur.
6. Nisbah kanak-kanak dan pengasuh yang mencukupi iaitu
 - i) Di bawah 3 tahun 5 kanak-kanak : 1 Pengasuh
 - ii) 3 – 4 tahun 10 kanak-kanak : 1 Pengasuh
7. Penglibatan ibu bapa – Menyediakan perancangan aktiviti
8. Pelan lantai – pelan asal yang menggambarkan sudut-sudut aktiviti.
Pengiraan = Jumlah / 3.5 meter persegi (setiap kanak-kanak)
= Bilangan sebenar kanak-kanak yang boleh diambil di
sesebuah taska
9. Menyediakan senarai nama kanak-kanak dan pengasuh (nama, umur, jantina)
10. Pelan lakar ke lokasi
11. Peraturan taska
12. Wang pos / cek RM50.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : TANAH KERAJAAN DI TAMAN SEROJA, JALAN REKO, KAJANG

195. Sekelompok penduduk India dan Cina telah mendiami di atas tanah tol sejak 30 tahun lalu. Mereka memohon pecah lot bagi memiliki tanah tersebut dan mengangkat permohonan kepada pihak berkuasa.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kedudukan status tanah tersebut?
- b) Adakah kemungkinan permohonan mereka diluluskan?
- c) Jika tidak, mengapa sebahagian tanah-tanah berdekatan telah diberi hak milik?

JAWAPAN :

- a) Tanah tersebut masih berstatus tanah kerajaan dan termasuk di dalam sebahagian Rizab Sungai Langat.

Terdapat sebanyak 36 permohonan pemberimilikan tanah (Jadual 1) telah diterima oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat pada 10 Februari 2010 dan masih dalam tindakan. Dari rekod pejabat, hanya terdapat seorang pemohon sahaja yang pernah dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara (LMS) di kawasan berkenaan tetapi tidak diperbaharui sehingga kini.

- b) Pertimbangan bagi kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut :
 - i) Ulasan daripada Jabatan Teknikal yang berkenaan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Hulu Langat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hulu Langat dan lain-lain jabatan yang berkaitan; dan
 - ii) Permohonan diproses secara berkelompok untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Semua permohonan sedang dalam proses dan akan diangkat untuk keputusan MMKN dalam masa 4 bulan selaras dengan Piagam Pelanggan Bahagian Tanah Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat tertakluk penerimaan semua ulasan jabatan teknikal.

- c) Tanah-tanah yang berdekatan yang telah diberi hak milik sejumlah satu (1) permohonan adalah berdasarkan kepada permohonan secara individu dan tidak terlibat dengan faktor alam (pengalihan sungai) pada ketika itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN PEDALAMAN

196. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi lokasi Pulau Indah yang berdekatan dengan kawasan PKFZ yang merupakan hab perdagangan antarabangsa?

JAWAPAN :

- a) Rancangan Kawasan Khas Pulau Indah telah disediakan dengan menetapkan kawasan-kawasan yang sesuai dibangunkan sebagai industri, perdagangan dan perumahan selain kemudahan awam. Oleh itu pemilik tanah boleh mengemukakan cadangan pemajuan samada secara bersepakat atau individu untuk pertimbangan MPK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BEKAS LOMBONG SRI MANJA, PJS 3

197. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Adakah pernah dijalankan kajian akan kesan pengeluaran gas daripada lombong terhadap penduduk di kawasan sekitar?
- b) Apakah peruntukan undang-undang ke atas pemilik hartanah yang menyebabkan gangguan ke atas penduduk sekitar?
- c) Apakah cadangan kerajaan negeri terhadap bekas lombong yang tidak boleh dibuat apa-apa pembangunan sekurang-kurang sepuluh tahun lagi?

JAWAPAN :

- a) MBPJ pernah menjalankan "Kajian Penilaian Pencemaran Persekitaran dan Geoteknikal di Kawasan Tasik Lombong PJS 3, Taman Sri Manja, Petaling Jaya" dengan skop kerja seperti berikut:
 - i) Mengenalpasti jenis pencemaran dan menilai risiko pencemaran daripada tanah, air larut resap, gas, udara persekitaran "ambient air" , air permukaan dan air bawah tanah.
 - ii) Menilai ciri-ciri fizikal kawasan dari segi geologi, hidrologi, perparitan dan faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi penyebaran atau pergerakan pencemaran.
 - iii) Menjalankan kajian dari segi kejuruteraan, "sub-surface soil exploration" dan "surface water modelling",
 - iv) Menentukan risiko kesihatan dan persekitaran setelah pencemaran dikenalpasti,
 - v) Mencadangkan tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang di dalam mengurangkan dan mengawal tahap gas H₂S di kawasan sekitar,
 - vi) Mencadangkan program pemantauan persekitaran.
- b) MBPJ boleh mengambil tindakan keatas pemilik hartanah yang menyebabkan gangguan keatas penduduk sekitar mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) para 101 (v) iaitu kuasa-kuasa tambahan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu " melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam".
- c) MBPJ sedang mengkaji tindakan undang-undang yang sesuai keatas pemilik-pemilik tanah yang terlibat di atas lombong busuk di Sri Manja PJS 3 Petaling Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : Penguatkuasaan Undang-Undang

198. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah peniaga-peniaga di Kompleks PKNS bersebelahan Pasar Besar Klang masih di benarkan beroperasi dari jam 3 pagi sedangkan persatuan-persatuan peniaga-peniaga di Pasar Besar Klang difahamkan oleh pihak EXCO dan PBT bahawa selepas bulan Disember 2009 mereka (peniaga-peniaga di Kompleks PKNS) tidak akan diberikan lesen perniagaan sekiranya mereka masih berbuat demikian ?
- b) Setelah lebih dari 10 kali mesyuarat diadakan di antara wakil-wakil rakyat, pihak penguatkuasaan MPK, pihak polis dan persatuan peniaga Pasar Besar Klang, isu pendatang asing yang berniaga, isu masih belum dapat diselesaikan secara berkesan. Apakah ada langkah-langkah baru yang telah ditemui untuk menyelesaikan masalah-masalah ini secara tuntas dalam masa terdekat ?

JAWAPAN :

- a) Pihak penguatkuasa MPK telah menjalankan pemantauan di sekitar Kompleks PKNS setiap hari termasuk hari Sabtu dan Ahad bagi memastikan tiada peniaga-peniaga di kompleks tersebut menjalankan perniagaan pada awal jam 3 pagi. Pemantauan / operasi telah dijalankan sejak awal Disember 2009 sehingga Mac 2010 yang turut disertai pegawai Jabatan Perlesenan dan Penjaja MPK bagi mengenal pasti premis dan penjaja memiliki lesen perniagaan / penjaja dari pihak MPK yang melakukan kesalahan untuk diambil tindakan sewajarnya.
- b) Pihak penguatkuasa MPK mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen dan RELA bagi memastikan tiada penjaja warga asing menjalankan perniagaan. Selain itu, pihak penguatkuasa MPK turut menjalankan tindakan penyitaan ke atas warga asing yang menjalankan aktiviti menjaja di sekitar kawasan tersebut. Operasi bersepadu akan dijalankan dari masa ke semasa dengan lain-lain jabatan yang berkenaan mengikut kesesuaian dan keperluan jabatan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN KOMUNITI DI NEGERI SELANGOR

199. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan akan menambah perpustakaan komuniti di Negeri Selangor dalam 5 tahun ini dan berapakah buah perpustakaan komuniti yang akan ditambah? Sila nyatakan perpustakaan-perpustakaan dan kawasannya jika ada.
- b) Berapakah bajet untuk setiap perpustakaan komuniti dalam setiap tahun? Sila terperinci bajet untuk setiap perpustakaan.

JAWAPAN :

- a) Sejak ditubuhkan pada tahun 1971, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bergerak seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri Selangor dan sehingga tahun Mac 2010 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai sebanyak **92** pusat perkhidmatan. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor memiliki dan menguruskan **53** buah Perpustakaan Komuniti/ Desa di seluruh Negeri Selangor.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sentiasa merangka rancangan untuk menambah perpustakaan komuniti/ desa di Negeri Selangor bagi memenuhi keperluan penduduk setempat dan memberikan akses mudah mendapatkan maklumat terkini. Sepanjang 6 tahun ini, sebanyak **58** permohonan untuk mewujudkan perpustakaan telah diterima. Masyarakat di Negeri Selangor kini telah mula sedar akan kepentingan dan kebaikan perpustakaan kepada mereka dan menjadikan perpustakaan sebagai penghubung untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan juga tempat beriadah sesama ahli keluarga.

Perancangan bagi projek untuk membina dan menambah perpustakaan komuniti akan dilakukan bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Walaubagaimana pun, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah merancang beberapa buah perpustakaan komuniti/ desa seperti Perpustakaan Pekan Sri Manja di Petaling Jaya, Perpustakaan Pekan Ampang Waterfront, Perpustakaan Desa Pandan Jaya dan Perpustakaan Kg. Sungai Udang, Klang. Cadangan konsep bagi pembinaan perpustakaan tersebut telah mula dilaksanakan dan penyediaan kos adalah berdasarkan keperluan dan keluasan bangunan.

c) Peruntukan bagi membina perpustakaan komuniti berdasarkan jenis bangunan tersebut. Perincian berkaitan bajet ini adalah seperti di bawah:

i) Cadangan agihan peruntukan bagi membina **bangunan baru Perpustakaan Komuniti/ Desa (cadangan keluasan 50' X 30')**

PERKARA	KOS (RM)
Kos pembinaan bangunan	180,000
Koleksi asas perpustakaan	50,000
Kelengkapan perabut	30,000
Kelengkapan komputer	20,000
JUMLAH	280,000

** Data diperolehi dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : HAKMILIK KEKAL BAGI SEKOLAH TAMIL DAN PADANG PERMAINAN

200. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah nama sekolah-sekolah Rendah Tamil di Negeri Selangor yang tidak mempunyai hak milik tanah yang kekal dan adakah kerajaan berhasrat untuk memberikan hak milik kekal kepada sekolah-sekolah tersebut kelak?
- b) Apakah nama sekolah-sekolah di Negeri Selangor yang tidak mempunyai kemudahan padang permainan mereka sendiri?

JAWAPAN :

- a) Bagi sekolah Rendah Tamil yang berstatus sekolah kerajaan, hak milik tanah dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Manakala bagi sekolah Rendah Tamil yang berstatus Bantuan Kerajaan, hak milik tanah dimiliki oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS). Senarai sekolah seperti di Lampiran A.
- b) Senarai sekolah yang tiada padang adalah seperti di Lampiran B.

BAGI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL YANG BERSTATUS SEKOLAH KERAJAAN, HAK MILIK TANAH DIMILIKI OLEH PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP). SENARAI SEKOLAH ADALAH SEPERTI BERIKUT:

NO	NAMA SEKOLAH	STATUS
1	SJK(T) PERSIARAN RAJA MUDA MUSA	Sek Kerajaan
2	SJK(T) JALAN MERU	Sek Kerajaan
3	SJK(T) SIMPANG LIMA	Sek Kerajaan
4	SJK(T) SG MANGGIS	Sek Kerajaan
5	SJK(T) LDG GADONG	Sek Kerajaan
6	SJK(T) JENJAROM	Sek Kerajaan
7	SJK(T) SIMPANG MORIB	Sek Kerajaan
8	SJK(T) SUNGAI BUAYA	Sek Kerajaan
9	SJK(T) TELOK PANGLIMA GARANG	Sek Kerajaan
10	SJK(T) BATANG BERJUNTAI	Sek Kerajaan
11	SJK(T) LDG BUKIT CHERAKA	Sek Kerajaan
12	SJK(T) GHANDIJI	Sek Kerajaan
13	SJK(T) LDG TUAN MEE	Sek Kerajaan
14	SJK(T) VAGEESAR	Sek Kerajaan
15	SJK(T) LDG NIGEL GARDNER	Sek Kerajaan
16	SJK(T) KAJANG	Sek Kerajaan
17	SJK(T) AMPANG	Sek Kerajaan
18	SJK(T) LADANG BATANG KALI	Sek Kerajaan
19	SJK(T) KUALA KUBU BHARU	Sek Kerajaan
20	SJK(T) LADANG KERLING	Sek Kerajaan
21	SJK(T) RAWANG	Sek Kerajaan
22	SJK(T) TAMAN MELAWATI	Sek Kerajaan
23	SJK(T) SARASWATHY	Sek Kerajaan
24	SJK(T) PUCHONG	Sek Kerajaan
25	SJK(T) TUN SAMBANTHAN	Sek Kerajaan
26	SJK(T) DENGKIL	Sek Kerajaan
27	SJK(T) SEPANG	Sek Kerajaan



HAJI BAJURI BIN ABDULLAH
Timbalan Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Selangor


**BAGI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL YANG BERSTATUS
SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN, HAK MILIK TANAH DIMILIKI OLEH
LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH (LPS)
SENARAI SEKOLAH ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

NO	NAMA SEKOLAH	STATUS
1	SJK(T) LDG BATU AMPAT	Bantuan Kerajaan
2	SJK(T) LDG BRAFFERTON	Bantuan Kerajaan
3	SJK(T) LDG BUKIT RAJAH	Bantuan Kerajaan
4	SJK(T) LDG EMERALD	Bantuan Kerajaan
5	SJK(T) LDG HIGHLANDS	Bantuan Kerajaan
6	SJK(T) LDG JALAN ACOB	Bantuan Kerajaan
7	SJK(T) JLN TEPI SUNGAI	Bantuan Kerajaan
8	SJK(T) METHODIST	Bantuan Kerajaan
9	SJK(T) LDG VALLAMBROSA	Bantuan Kerajaan
10	SJK(T) LDG NORTH HUMMOCK	Bantuan Kerajaan
11	SJK(T) LDG JUGRA	Bantuan Kerajaan
12	SJK(T) SUNGAI SEDU	Bantuan Kerajaan
13	SJK(T) PUSAT TELOK DATOK	Bantuan Kerajaan
14	SJK(T) LADANG TUMBUK	Bantuan Kerajaan
15	SJK(T) PULAU CAREY SELATAN	Bantuan Kerajaan
16	SJK(T) PULAU CAREY BARAT	Bantuan Kerajaan
17	SJK(T) PULAU CAREY TIMUR	Bantuan Kerajaan
18	SJK(T) LDG BRAUNSTON	Bantuan Kerajaan
19	SJK(T) LDG BKT IJOK	Bantuan Kerajaan
20	SJK(T) LDG COALFIELDS	Bantuan Kerajaan
21	SJK(T) LDG HOPEFUL	Bantuan Kerajaan
22	SJK(T) LDG KG BARU	Bantuan Kerajaan
23	SJK(T) LDG SUNGAI TERAP	Bantuan Kerajaan
24	SJK(T) LDG KUALA SELANGOR	Bantuan Kerajaan
25	SJK(T) LDG RAJA MUSA	Bantuan Kerajaan
26	SJK(T) BUKIT ROTAN BARU	Bantuan Kerajaan
27	SJK(T) LDG RIVERSIDE	Bantuan Kerajaan
28	SJK(T) LDG SELANGOR RIVER	Bantuan Kerajaan
29	SJK(T) LDG SG BULOH	Bantuan Kerajaan
30	SJK(T) LDG SG RAMBAI	Bantuan Kerajaan
31	SJK(T) LDG MINYAK	Bantuan Kerajaan
32	SJK(T) LDG MARY	Bantuan Kerajaan
33	SJK(T) LDG SG TINGGI	Bantuan Kerajaan
34	SJK(T) BANGI	Bantuan Kerajaan
35	SJK(T) LDG DOMINION	Bantuan Kerajaan
36	SJK(T) LDG RINCHING	Bantuan Kerajaan
37	SJK(T) LADANG SEMENYIH	Bantuan Kerajaan
38	SJK(T) LDG WEST COUNTRY 'TIMUR'	Bantuan Kerajaan
39	SJK(T) LDG CHANGKAT ASA	Bantuan Kerajaan
40	SJK(T) LDG ESCOT	Bantuan Kerajaan
41	SJK(T) LADANG KALUMPANG	Bantuan Kerajaan
42	SJK(T) LDG LIMA BELAS	Bantuan Kerajaan



HAJI BAJURI BIN ABDULLAH
Timbalan Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Selangor


NO	NAMA SEKOLAH	STATUS
43	SJK(T) LDG SG CHOH	Bantuan Kerajaan
44	SJK(T) BUKIT BERUNTUNG	Bantuan Kerajaan
45	SJK(T) LADANG SUNGAI BERNAM	Bantuan Kerajaan
46	SJK(T) LADANG SABAK BERNAM	Bantuan Kerajaan
47	SJK(T) BATU CAVES	Bantuan Kerajaan
48	SJK(T) BATU ARANG	Bantuan Kerajaan
49	SJK(T) KUANG	Bantuan Kerajaan
50	SJK(T) BUKIT DARAH	Bantuan Kerajaan
51	SJK(T) CASTLEFIELD	Bantuan Kerajaan
52	SJK(T) LDG EFFINGHAM	Bantuan Kerajaan
53	SJK(T) F E S SERDANG	Bantuan Kerajaan
54	SJK(T) LDG KINRARA	Bantuan Kerajaan
55	SJK(T) RRI	Bantuan Kerajaan
56	SJK(T) VIVEKANANDA	Bantuan Kerajaan
57	SJK(T) HICOM	Bantuan Kerajaan
58	SJK(T) LADANG EBOR	Bantuan Kerajaan
59	SJK(T) LDG GLENMARIE	Bantuan Kerajaan
60	SJK(T) LADANG MIDLANDS	Bantuan Kerajaan
61	SJK(T) LDG RASAK	Bantuan Kerajaan
62	SJK(T) SEAPORT	Bantuan Kerajaan
63	SJK(T) SG RENGAM	Bantuan Kerajaan
64	SJK(T) LDG SEAFIELD	Bantuan Kerajaan
65	SJK(T) LADANG AMPAR TENANG	Bantuan Kerajaan
66	SJK(T) LADANG BUTE	Bantuan Kerajaan
67	SJK(T) BANDAR BARU SALAK TINGGI	Bantuan Kerajaan
68	SJK(T) TAMAN PERMATA	Bantuan Kerajaan
69	SJK(T) TELUK MERBAU	Bantuan Kerajaan
70	SJK(T) LDG WEST COUNTRY 'BARAT'	Bantuan Kerajaan



HAJI BAJURI BIN ABDULLAH
 Timbalan Pengarah Pelajaran
 Jabatan Pendidikan Selangor

SENARAI SEKOLAH YANG TIADA PADANG DALAM NEGERI SELANGOR

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	CATATAN
1	KUALA LANGAT	SJKT JENJAROM	SEKOLAH KERAJAAN	
2	KUALA LANGAT	SJKC TIONG NAM	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
3	KUALA SELANGOR	SK BUKIT BELIMBING	SEKOLAH KERAJAAN	PADANG JKK
4	KUALA SELANGOR	SK TANJUNG KARANG	SEKOLAH KERAJAAN	
5	KUALA SELANGOR	SK BATANG BERJUNTAI	SEKOLAH KERAJAAN	
6	KUALA SELANGOR	SK SAUJANA UTAMA	SEKOLAH KERAJAAN	GUNA SAMA SMK SAUJANA UTAMA
7	KUALA SELANGOR	SJKC BAGAN PASIR	SEKOLAH KERAJAAN	
8	KUALA SELANGOR	SJKC MING TEE	SEKOLAH KERAJAAN	
9	KUALA SELANGOR	SJKT LADANG NIGEL GARDNER	SEKOLAH KERAJAAN	
10	KUALA SELANGOR	SMK SAUJANA UTAMA	SEKOLAH KERAJAAN	GUNA SAMA SK SAUJANA UTAMA
11	KUALA SELANGOR	SJKC CHUNG WAH	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
12	KUALA SELANGOR	SJKC KHAI THEE	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
13	KUALA SELANGOR	SJKC PUI CHI	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
14	KUALA SELANGOR	SJKT LADANG BROUNSTON	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
15	KUALA SELANGOR	SJKT LADANG BUKIT IJOK	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
16	KUALA SELANGOR	SJKT LADANG HOPEFUL	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
17	KUALA SELANGOR	SJKT LADANG MARY	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
18	KUALA SELANGOR	SJKT LADANG BUKIT TINGGI	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
19	HULU LANGAT	SK KAMPUNG RINCHING	SEKOLAH KERAJAAN	
20	HULU LANGAT	SK JALAN BUKIT 1	SEKOLAH KERAJAAN	
21	HULU LANGAT	SK JALAN BUKIT 2	SEKOLAH KERAJAAN	
22	HULU LANGAT	SK JALAN SEMENYIH 1	SEKOLAH KERAJAAN	
23	HULU LANGAT	SK JALAN SEMENYIH 2	SEKOLAH KERAJAAN	
24	HULU LANGAT	SK SUNGAI SERAI	SEKOLAH KERAJAAN	
25	HULU LANGAT	SK BATU SEMBILAN	SEKOLAH KERAJAAN	
26	HULU LANGAT	SK TAMAN PUTERI	SEKOLAH KERAJAAN	
27	HULU LANGAT	SK KUALA POMSON	SEKOLAH KERAJAAN	


 HAJI BAJURI BIN ABDULLAH
 Timbalan Pengerah Pelajaran
 Jabatan Pelajaran Selangor

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	CATATAN
28	HULU LANGAT	SMK TAMAN SERAYA	SEKOLAH KERAJAAN	
29	HULU LANGAT	SJKC KG BARU SEMENYIH	SEKOLAH KERAJAAN	
30	HULU LANGAT	SJKC SIN MING	SEKOLAH KERAJAAN	
31	HULU LANGAT	SJKC BATU 9	SEKOLAH KERAJAAN	
32	HULU LANGAT	SJKC BATU 11 CHERAS	SEKOLAH KERAJAAN	
33	HULU LANGAT	SJKC BALAKONG	SEKOLAH KERAJAAN	
34	HULU LANGAT	SJKC KG BARU AMPANG	SEKOLAH KERAJAAN	
35	HULU LANGAT	SJKC ON PONG 2	SEKOLAH KERAJAAN	
36	HULU LANGAT	SJKT KAJANG	SEKOLAH KERAJAAN	
37	HULU LANGAT	SJKT BANGI	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	 HAJI BAJURI BIN ABDULLAH
38	HULU LANGAT	SMJK YU HUA	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	Timbalan Pengarah Pelajaran Jabatan Pelajaran Selangor
39	HULU LANGAT	SJKC YOKE MIN	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
40	HULU LANGAT	SJKC CHOON HWA	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
41	HULU LANGAT	SJKT LADANG DOMINION	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
42	HULU LANGAT	SJKC LADANG SEMENYIH	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
43	SEPANG	SK JENDERAM HILIR	SEKOLAH KERAJAAN	AKTIVITI DIJALANKAN DI PADANG AWAM TAMAN DESA
44	SEPANG	SK SG MERAB LUAR	SEKOLAH KERAJAAN	AKTIVITI DIJALANKAN DI PADANG AWAM KG SG MERAB LUAR
45	SEPANG	SJKC CHIO CHIAO	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	ADA GELANGGANG BOLA KERANJANG
46	SEPANG	SJKC SEPANG	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	ADA GELANGGANG BOLA KERANJANG
47	SEPANG	SJKC WAH LIAN	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	ADA GELANGGANG BOLA KERANJANG
48	SEPANG	SJKT LADANG BUTE	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	AKTIVITI DIJALANKAN DI PADANG AWAM LADANG BUTE
49	SEPANG	SJKT TAMAN PERMATA	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	AKTIVITI DIJALANKAN DI KAWASAN LAPANG DEPAN SEKOLAH
50	GOMBAK	SAM PAYA JARAS	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
51	KLANG	SK JALAN KEBUN	SEKOLAH KERAJAAN	
52	KLANG	SJKT JALAN MERU	SEKOLAH KERAJAAN	
53	KLANG	SMJK PULAU KETAM		

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	CATATAN
54	KLANG	SJKC SIN BIN	SEKOLAH KERAJAAN	
55	KLANG	SJKC KENG CHEE	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
56	PETALING PERDANA	SK TUDM SUBANG	SEKOLAH KERAJAAN	
57	PETALING PERDANA	SK PADANG JAWA	SEKOLAH KERAJAAN	
58	PETALING PERDANA	SK SERDANG	SEKOLAH KERAJAAN	
59	PETALING PERDANA	SK PUCHONG INDAH	SEKOLAH KERAJAAN	
60	PETALING PERDANA	SK KAMPUNG LINDUNGAN	SEKOLAH KERAJAAN	
61	PETALING PERDANA	SJKC KUNG MAN	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
62	PETALING PERDANA	SJKT FES SERDANG	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
63	PETALING PERDANA	SJKT LADANG EBOR	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
64	PETALING PERDANA	SJKT LADANG MIDLANDS	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
65	PETALING PERDANA	SJKT SG RENGAM	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
66	PETALING PERDANA	SJKT LADANG SEAFIELD	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
67	PETALING PERDANA	SMK SEKSYEN 16	SEKOLAH KERAJAAN	
68	PETALING UTAMA	SK BANDAR SRI DAMANSARA 3	SEKOLAH KERAJAAN	
69	PETALING UTAMA	SK SULTAN ALAM SHAH 1	SEKOLAH KERAJAAN	
70	PETALING UTAMA	SK SULTAN ALAM SHAH 2	SEKOLAH KERAJAAN	
71	PETALING UTAMA	SK PETALING JAYA 1	SEKOLAH KERAJAAN	
72	PETALING UTAMA	SK PETALING JAYA 2	SEKOLAH KERAJAAN	
73	PETALING UTAMA	SK JALAN SELANGOR 1	SEKOLAH KERAJAAN	
74	PETALING UTAMA	SK JALAN SELANGOR 2	SEKOLAH KERAJAAN	
75	PETALING UTAMA	SK TAMAN DATO' HARUN 1	SEKOLAH KERAJAAN	
76	PETALING UTAMA	SK TAMAN DATO' HARUN 2	SEKOLAH KERAJAAN	
77	PETALING UTAMA	SK TAMAN MEDAN	SEKOLAH KERAJAAN	
78	PETALING UTAMA	SK SEKSYEN 11 KOTA DAMANSARA	SEKOLAH KERAJAAN	
79	PETALING UTAMA	SK LA SALLE	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	HAJI BAJURI BIN ABDULLAH Timbalan Pengarah Pelajaran Jabatan Pelajaran Selangor
80	PETALING UTAMA	SK METHODIST	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
81	PETALING UTAMA	SK TROPICANA	SEKOLAH KERAJAAN	
82	PETALING UTAMA	SJKT RR1 SG BULOH	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
83	PETALING UTAMA	SJKT SEAPORT	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	JENIS SEKOLAH	CATATAN
84	PETALING UTAMA	SJKC CHUNG HWA	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
85	PETALING UTAMA	SJKT LADANG EFFINGHAM	SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN	
86	PETALING UTAMA	SMK TAMAN MEDAN	SEKOLAH KERAJAAN	
87	PETALING UTAMA	SMK TAMAN DATO' HARUN	SEKOLAH KERAJAAN	
88	PETALING UTAMA	SMK SRI UTAMA	SEKOLAH KERAJAAN	
89	PETALING UTAMA	SMK(P) TAMAN PETALING	SEKOLAH KERAJAAN	



HAJI BAJURI BIN ABDULLAH
Timbalan Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : FLYOVER DARI KAJANG UTAMA KE JALAN UTAMA BANDAR BARU BANGI

201. Menurut Syarikat Perumahan Metro Kajang pihaknya akan membina flyover bersama sebuah syarikat yang lain (sama mempunyai projek perumahan di Kajang Utama) dari kawasan perumahan yang sedang dibangunkan di atas bukit di Kajang Utama bersetentang dengan jalan masuk ke Bandar Baru Bangi di Jalan Reko.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Tidakkah sepatutnya kedua-dua syarikat ini terus membina flyover ini serentak dengan pembangunan perumahan yang sedang dijalankan?
- b) Benarkah peruntukan ini ditanggung oleh Syarikat perumahan berkenaan atau sebagai promosi jualan perumahan?
- c) Apakah pihak kerajaan akan mengambil tindakan, jika cadangan sebagai publisiti menarik pembeli, tetapi flyover tidak menjadi realiti?

JAWAPAN :

- a) Flyover telah disyaratkan kepada Tetuan Metro dan pemaju-pemaju lain yang terlibat dengan pembangunan di kawasan sekitar tersebut.
- b) kos pembinaan akan ditanggung bersama di antara Metro dan pemaju-pemaju lain.
- c) Pihak Majlis akan menubuhkan Jawatankuasa Taskforce pemantauan projek dan pengumpulan dana secara perkongsian dengan pemaju-pemaju yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT

202. Antara program pembangunan modal insan dan kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah Program Tuisyen Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kesan program ini terhadap pencapaian pelajar dari segi akademik serta pembangunan sahsiah dan akhlak?
- b) Berapakah bilangan pelajar yang mengikuti program ini pada tahun 2009 menurut DUN di mana program ini dilaksanakan?
- c) Berapakah peruntukkan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menjalankan program ini untuk tahun 2009 dan tahun 2010?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PEMULIHARAAN DAN PEMBERSIHAN SG. KLANG

203. Projek Pemuliharaan dan Pembersihan Sg.Klang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri sebagai salah satu inisiatif perangsang ekonomi Negeri Selangor. Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Majlis Perwakilan Penduduk dengan kerjasama NGO juga telah dikerahkan untuk melaksanakan pelbagai program pemuliharaan sungai Klang yang berhampiran dengan penduduk setempat. Acara Karnival Sungai Klang juga telah dianjurkan untuk menggalakkan program ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah fokus utama Kerajaan Negeri ,adakah ianya untuk melaksanakan pembersihan Sungai Klang dan menggalakkan komuniti berhampiran untuk memeliharanya ataupun adakah ianya untuk mengenal pasti dan membangunkan tebing sungai menjadi kawasan pembangunan harta nilai tinggi?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk komuniti–komuniti yang kini menduduki kawasan tebing atau berhampiran dengan Sungai Klang?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa segala cadangan perancangan dan guna tanah sepanjang Sg.Klang tersebut adalah mampan dan tidak menjejaskan ekologi Sungai?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PELANCONGAN

204. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah insentif daripada kerajaan dalam menggalakkan pelancongan homestay?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan dalam tahun 2008 dan 2009 untuk pembangunan agro pelancongan dan apakah pencapaiannya?
- c) Apakah pencapaian Tourism Selangor Sdn Bhd dalam menarik pelancong ke Selangor bagi tahun 2009?

JAWAPAN :

- a) Tiada sebarang insentif khusus diberikan kepada pelancongan berkonsepkan homestay di negeri Selangor. Namun, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa membantu dari sudut pembangunan dan promosi bagi menggalakkan lagi penyertaan masyarakat di dalam program homestay ini. Selaras dengan permintaan dan pertambahan jumlah pelancong ke homestay-homestay di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN telah banyak membantu menyediakan bahan-bahan promosi seperti brosure, pengiklanan di majalah, akhbar dan media elektronik, billboard. Pada tahun 2010, melalui program Selangor Shines Fam Tour, homestay turut menjadi sebahagian daripada lokasi kembara selama 4 hari. Ini sebagai langkah untuk terus menjadikan homestay sebagai produk dan ikon pelancongan di negeri Selangor.

Melalui program naik taraf produk-produk pelancongan negeri Selangor, homestay tidak terkecuali terutama berkaitan aspek papan tanda yang masih memerlukan perhatian. Tumpuan adalah kepada penambahbaikan dan pemasangan papan-papan tanda yang baru bagi menggantikan papan-papan tanda sedia ada yang usang dan memberikan imej yang positif kepada pengunjung. Ini adalah kerana, papan tanda merupakan pandangan dan gambaran pertama kepada sesuatu produk pelancongan di mana-mana jua sekalipun.

Tahun 2010, homestay akan dijadikan antar pusat utama menempatkan produk-produk kraf tangan terpilih di seluruh negeri Selangor. Ia dianggap sebagai strategi serampang dua mata dalam mempromosikan homestay dan kraf tangan kepada pengunjung. Justeru itu, adalah diharapkan ia kan mewujudkan rantaian dan jaringan kukuh antar pengusaha homestay dan kraf tangan di negeri ini. Malah dengan cara ini juga diharapkan, penyertaan dan minat masyarakat akan lebih meningkat terhadap program homestay dan Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan penyertaan baru kerana setakat ini terdapat 16 buah homestay (33 kampung) di negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia ke – 9 telah menyalurkan sejumlah RM249000.000.00 bagi program peningkatan kemudahan infrastruktur di beberapa buah homestay di negeri Selangor. Ini bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kepercayaan pengunjung kepada homestay di negeri ini.

- b) kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM400,000.00 pada tahun 2008 dan RM 700,000.00 pada tahun 2009. Peruntukan ini digunakan bagi membangunkan homestay di kawasan pertanian seperti Sungai Haji Dorani Sabak Bernam dan Sungai Sireh, Kuala Selangor.
- c) Tourism Selangor Sdn Bhd telah mencapai dan mengambil beberapa langkah untuk menarik ramai lagi pelancong ke negeri Selangor adalah seperti berikut :-
- i) Dalam usaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor Tourism Selangor Sdn Bhd juga memenangi Anugerah Libur bagi kategori Anugerah Khas libur sebagai Agensi Promosi Pelancongan Negeri Terbaik 2009 dan sebagai agensi yang aktif menjalankan aktiviti promosi.
 - ii) Tourism Selangor Sdn Bhd giat menyertai promosi pelancongan dalam dan luar Negara untuk menarik pelancong ke Selangor pada tahun 2009.

**Senarai Program Promosi Pelancongan Luar Negara Yang Disertai Oleh
Tourism Selangor Sdn Bhd Bagi Tahun 2009.**

Bil	Program	Tarikh
1	Promosi Ke Medan	21 – 24 Jan 2009
2	ITB Berlin, Germa	15 – 18 Mac 2009
3	Media Fam Trip, Phuket	1 – 4 May 2009
4	Media Fam Trip, Padang	15 – 17 May 2009
5	Fascinating Malaysia Travel Fair (Singapura)	12 – 17 May 2009
6	PATTA Travel Mart, China	22 – 25 Sept 2009
7	Fascinating Malaysia Travel Fair (Singapura)	13 – 15 Nov 2009

**Senarai Program Promosi Pelancongan Dalam Negara Yang Disertai Oleh
Tourism Selangor Sdn Bhd Bagi Tahun 2009.**

Bil	Program	Tarikh
1	MASUM 2009	15 – 17 Jan 2009
2	Karnival Rakyat (Stadium Bukit Malawati)	20 – 21 Mac 2009
3	Zoom Malaysia, Pulau Pinang	27 Feb – 1 Mac 2009
4	MATTA Fair, KL	13 – 15 Mac 2009
5	Zoom Malaysia, Pahang	21 – 25 May 2009
6	KTM & Anda, Pulau Pinang	29 – 31 May 2009
7	MDTF Fair Kuala Lumpur	3 – 5 Julai 2009
8	Program Become, Kuala Lumpur	15 – 19 Julai 2009
9	MATTA Fair, Melaka	7 – 9 Ogos 2009
10	MATTA Fair, Kuala Lumpur	4 – 6 Sept 2009
11	EAES, Shah Alam	5 – 7 Nov 2009

- iii) Berdasarkan statistik kedatangan pelancong ke Selangor bagi tahun 2009, seramai 5,647,641 pelancong telah melawat Selangor berbanding jumlah pelancong yang disasarkan sebanyak 5.5 juta dengan pulangan RM3.96 billion.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KADAR PERCERAIAN

205. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila nyatakan jumlah kadar perceraian di kalangan pasangan muda khususnya mengikut pecahan kaum sejak 5 tahun yang lalu ?
- b) Sila nyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan kecenderungan kadar perceraian semakin tinggi dan berleluasa di kalangan masyarakat sejak mutakhir ini ?
- c) Sila nyatakan apakah bentuk bantuan dan bimbingan yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi meminimumkan masalah tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kadar perceraian di kalangan masyarakat Islam sejak lima (5) tahun yang lalu adalah seperti berikut :-

TAHUN	2005	2006	2007	2008	2009
Masyarakat Islam	3,030	3,421	3,685	4,069	2,247

STATISTIK KADAR PERCERAIAN PASANGAN MUDA* MENGIKUT KAUM

KAUM TAHUN	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
2005	321	151	17
2006	388	183	19
2007	483	231	30
2008	525	254	49
2009	577	267	46
*PASANGAN MUDA ADALAH DALAM LINGKUNGAN UMUR 20-30 TAHUN			

- b) Di antara faktor utama yang menyebabkan kadar perceraian semakin tinggi adalah seperti berikut ;
- 1) Disebabkan ketidaksefahaman antara pasangan (irreconcilable differences)
 - 2) Jahil tentang ilmu perkahwinan yakni tidak tahu akan tanggungjawab sebenar suami isteri
 - 3) Kesibukan pasangan masing-masing menyebabkan tanggungjawab sebagai suami dan isteri sering diketepikan. justeru itu, kurang masa kualiti bersama-sama.
 - 4) Gaya hidup moden yang menjurus kepada permasalahan sosial seperti suami atau isteri yang terjerumus dalam kancah hubungan sulit
 - 5) Tidak berterus terang dan menyembunyikan tentang masa silam
 - 6) Gagal memahami dan menghargai pasangan dan membawa kepada permasalahan komunikasi antara pasangan
 - 7) Gagal memenuhi tuntutan batin pasangan
 - 8) Perkahwinan yang diaturkan oleh agensi mencari jodoh yang selalunya dengan pasangan warga asing akan berakhir dengan perceraian kerana pasangan tersebut akan lari pulang ke negara asal.
 - 9) Menyembunyikan sifat /sikap sebenar pasangan sebelum dan selepas perkahwinan
 - 10) Sifat cemburu yang keterlaluan

Agensi atau badan yang bertanggungjawab dan lebih arif tentang soalan ini adalah badan pendamai perkahwinan atau tribunal perkahwinan. Oleh itu, untuk mendapat jawapan yang lebih tepat adalah disarankan soalan ini diajukan kepada tribunal tersebut.

- c) JAIS telah melaksanakan perkhidmatan runding cara dan khidmat nasihat terhadap pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga. Di samping itu juga beberapa program telah dilaksanakan seperti mewujudkan Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS) untuk membantu masyarakat yang mengalami masalah kekeluargaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TANAH-TANAH MILIK KERAJAAN

206. Tanah-tanah milik Kerajaan (kawasan hijau, reserves dan sebagainya) yang kini telah dimiliki oleh individu-individu tanpa kebenaran dan ianya mempunyai nilai harga yang amat tinggi, yang didirikan bangunan dan disewakan tanpa lesen di lokasi strategik seperti jalan-jalan utama.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan supaya khazanah negeri mendapat pulangan kepada Kerajaan/PBT bukannya individu?
- b). Apakah langkah-langkah yang diambil bagi penguatkuasaan undang-undang di PBT supaya mendatangkan kegerunan pada peneroka-peneroka ini, yang selama ini seolah-olah tanah kerajaan adalah tanah mereka.
- c) Bilakah tindakan akan diambil pada mereka-mereka ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dalam tindakan mengenal pasti dan mengumpul data/maklumat berkaitan dengan aset-aset Kerajaan Negeri. Setelah data/maklumat tersebut diperolehi, penguatkuasaan undang-undang akan dilakukan bagi memastikan tanah-tanah tersebut tidak digunakan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
- b) Sekiranya peneroka-peneroka ini telah menggunakan tanah milik Kerajaan tanpa sebarang kebenaran, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil bersama-sama dengan Pentadbir Tanah Daerah. Ini kerana kuasa mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara (TOL) adalah di bawah kuasa Pentadbir Tanah Daerah. Walau bagaimanapun PBT boleh merobohkan sebarang binaan yang dibina di atas tanah Kerajaan memandangkan ia tidak mempunyai sebarang Kebenaran Merancang dan boleh diklasifikasikan sebagai binaan tanpa kebenaran.
- c) Dijawab oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : BEKALAN AIR

207. Di Negeri Selangor, terdapat banyak apartmen dan kondominium yang menghadapi masalah pengurusan dan pemotongan bekalan air sering berlaku.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pandangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengelakkan hal ini berlaku?
- b) Adakah penghuni-penghuni apartmen dan kondominium juga boleh menikmati bekalan air 20 meter padu pertama secara percuma?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor berpandangan isu pemotongan bekalan air di apartmen dan kondominium sering berpunca daripada kegagalan pihak pengurusan bangunan menjelaskan bayaran meter pukal kepada pihak SYABAS. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku adalah disarankan supaya pihak Persatuan Penduduk dan Pengurusan Bangunan mempercepatkan urusan migrasi meter pukal kepada meter individu.
- b) Bagi memastikan penghuni-penghuni apartmen dan kondominium boleh menikmati bekalan air 20 meter padu pertama secara percuma, pihak pengurusan bangunan dan Persatuan Penduduk hendaklah memohon untuk berpindah daripada meter pukal kepada meter individu dalam masa terdekat ini kepada pihak SYABAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

208. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah proses pelantikan kontraktor untuk kerja pembersihan Sungai Klang?
- b) Adakah keputusanewartakan tanah rizab sepanjang Sungai Klang menjejaskan aktiviti yang sedia ada? Jika ya, sila berikan butir-butir seperti lokasi, aktiviti yang terjejas dan cara untuk mengatasinya.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : LOMBONG PASIR HARAM

209. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak lombong pasir haram yang masih beroperasi di Selangor sekarang?
- b) Nyatakan bilangan operasi serbu yang telah dilancarkan oleh Pejabat-pejabat Daerah di seluruh Selangor terhadap lombong-lombong pasir haram ini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah lombong pasir haram yang masih beroperasi (sehingga 5 Mac 2010) semakin berkurangan kerana bagi perlombongan pasir haram di atas tanah milik. Pentadbir Tanah Daerah telah diarahkan untuk mengeluarkan Notis 7A (perampasan tanah) kepada pemilik-pemilik tanah yang berkenaan. Bagi perlombongan pasir haram di atas tanah kerajaan pula, beberapa kelulusan baru telah diberikan kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).
- b) Sejak Mac 2008 sehingga Mac 2010 sebanyak 280 serbuan / 3,040 tangkapan telah dilakukan oleh Pejabat-Pejabat Tanah di seluruh Negeri Selangor terhadap lombong-lombong pasir haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

210. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi PKPS di bawah pengurusan baru?
- b) Apakah projek-projek yang ada potensi yang boleh melibatkan rakyat terutamanya golongan belia untuk turut serta dalam menjana ekonomi mereka?

JAWAPAN:

- a) PKPS telah mencatatkan keuntungan operasi tahun ini sehingga Februari 2010 sebanyak RM0.194 juta. Walaubagaimanapun, setelah mengambil kira bayaran faedah atas pinjaman terdahulu, kerugian PKPS adalah sebanyak RM0.293 juta. Secara keseluruhan Kumpulan PKPS telah mencatatkan keuntungan tahun ini sehingga Februari 2010 sebanyak RM0.140 juta seperti berikut:

NAMA SYARIKAT	EKUITI PKPS (%)	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL BAGI TAHUN 2010 (RM'JUTA)
PKPS		0.194
SOPIC S/B	100%	(0.232)
POLENS (M) S/B	100%	0.031
PKPS Agro Industries S/B	100%	0.411
PKPS Farm Mart S/B	40% (ambilalih 100% pada 10/2009)	0.198
PKPS Bukit Tinggi Fishfarm S/B	86%	0.025
Jumlah		0.627
(-) Bayaran faedah bank atas pinjaman terdahulu		0.487
Jumlah Keuntungan/(Kerugian)		0.140

Langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan prestasi PKPS adalah seperti berikut:

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN :

BIL	PERKARA	TINDAKAN																
1.	Tenaga Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Kakitangan diberi <i>multi tasking</i> dan bukan lagi kerja hakiki sahaja. • Pegawai-pegawai berlebihan di WISMA dipindahkan ke tapak projek untuk menguruskan projek secara langsung (12 orang). • Tindakan disiplin (buang kerja) 4 orang. 																
2.	Ruang Pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu pejabat di WISMA dikurangkan daripada 4 tingkat kepada 2 tingkat sahaja. • Ruang-ruang kosong pejabat yang ada disewakan kepada pihak luar dan menjanakan pendapatan RM1,810,524/tahun. 																
3.	Pejabat Bahagian Perladangan	Pejabat dipindahkan dari WISMA ke ladang.																
4.	Penjimatan Penyelenggaraan WISMA	Penjimatan sebenar yang telah dicapai dalam tahun 2009 adalah seperti berikut: <table border="1" data-bbox="1016 826 2011 1310"> <thead> <tr> <th>PERKARA</th> <th>RM/TAHUN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sewaan ruang WISMA – Tingkat 6, 7 & 8</td> <td>872,400</td> </tr> <tr> <td>Penjimatan penyelenggaraan WISMA</td> <td>696,000</td> </tr> <tr> <td>Penjimatan letrik</td> <td>85,284</td> </tr> <tr> <td>Penjimatan telefon</td> <td>61,200</td> </tr> <tr> <td>Penjimatan internet</td> <td>42,900</td> </tr> <tr> <td>Penjimatan fotokopi</td> <td>26,354</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>1,784,138</td> </tr> </tbody> </table>	PERKARA	RM/TAHUN	Sewaan ruang WISMA – Tingkat 6, 7 & 8	872,400	Penjimatan penyelenggaraan WISMA	696,000	Penjimatan letrik	85,284	Penjimatan telefon	61,200	Penjimatan internet	42,900	Penjimatan fotokopi	26,354	JUMLAH	1,784,138
PERKARA	RM/TAHUN																	
Sewaan ruang WISMA – Tingkat 6, 7 & 8	872,400																	
Penjimatan penyelenggaraan WISMA	696,000																	
Penjimatan letrik	85,284																	
Penjimatan telefon	61,200																	
Penjimatan internet	42,900																	
Penjimatan fotokopi	26,354																	
JUMLAH	1,784,138																	
BIL	PERKARA	TINDAKAN																

5.	Penutupan Operasi Syarikat Bagi Tahun 2009	<p>Anak syarikat berikut telah ditutup operasi kerana mengalami kerugian berpanjangan dan tiada harapan dipulihkan.</p> <table border="1" data-bbox="1016 280 2031 619"> <thead> <tr> <th data-bbox="1016 280 1281 400">SYARIKAT</th> <th data-bbox="1281 280 1704 400">(KERUGIAN) TERKUMPUL @ 31/12/08 (RM)</th> <th data-bbox="1704 280 2031 400">HUTANG @ 31/12/08 (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1016 400 1281 528">PKPS Landscaping Services S/B</td> <td data-bbox="1281 400 1704 528">(3,053,473)</td> <td data-bbox="1704 400 2031 528">2,945,793</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1016 528 1281 619">MAIS Food Industries S/B</td> <td data-bbox="1281 528 1704 619">(2,345,763)</td> <td data-bbox="1704 528 2031 619">4,909,203</td> </tr> </tbody> </table>	SYARIKAT	(KERUGIAN) TERKUMPUL @ 31/12/08 (RM)	HUTANG @ 31/12/08 (RM)	PKPS Landscaping Services S/B	(3,053,473)	2,945,793	MAIS Food Industries S/B	(2,345,763)	4,909,203
SYARIKAT	(KERUGIAN) TERKUMPUL @ 31/12/08 (RM)	HUTANG @ 31/12/08 (RM)									
PKPS Landscaping Services S/B	(3,053,473)	2,945,793									
MAIS Food Industries S/B	(2,345,763)	4,909,203									
6.	Pengecilan Operasi Syarikat	Anak syarikat (SOPIC S/B) yang masih mempunyai aktiviti perniagaan yang boleh diperbaiki telah dikecilkan operasi dan pengurusan lama telah digantikan serta Ibu Pejabat dipindahkan dari WISMA ke ladang.									
7.	Penggulungan Syarikat Usahasama	PKPS telah memulakan penggulungan syarikat-syarikat sekutu yang tidak menguntungkan PKPS (Megafores Nursery S/B dan United Falcon S/B)									
8.	Pengambilalihan Ekuiti Syarikat Usahasama	PKPS telah mengambilalih ekuiti PKPS Farm Mart S/B (dari 40% kepada 100%) pada bulan Oktober 2009. Syarikat ini telah mengalami kerugian setiap tahun (2000 – 2008). Pada tahun 2010, syarikat ini telah mencatatkan keuntungan.									
9.	Pembatalan perjanjian pajakan tanah	PKPS telah memajak beberapa keping tanah kepada syarikat-syarikat luar dengan pajakan murah. PKPS telah meneliti semua perjanjian dengan tujuan untuk membatalkan pajakan dan mengambilalih tanah-tanah berkenaan. Perjanjian dengan 5 syarikat telah dibatalkan (Insan Makmur Sdn. Bhd., Maju Global Trading Sdn. Bhd., Serasi Murni Sdn. Bhd., MRZ Base sdn. Bhd. dan Metro Country Sdn. Bhd.).									
BIL	PERKARA	TINDAKAN									
10.	Melaksanakan tanaman buah-buahan, nanas, tebu dan ubi kayu.	Dengan tujuan membantu IKS, tanah-tanah kosong PKPS telah dibangunkan dengan tanaman nanas (50 ekar), ubi kayu (110 ekar) dan tebu (32 ekar)									

PERANCANGAN DAN STRATEGI :

BIL	PERANCANGAN	STRATEGI
1.	Meningkatkan operasi pembenihan ikan air tawar dan pengeluaran ikan tilapia merah.	Dimaklumkan bahawa projek PKPS dalam pembenihan ikan keli dan ternakan ikan tilapia merah dalam tanki simen adalah yang terbesar dalam Malaysia.
2.	Projek penanaman getah balak	Mengusahakan tanah Hutan Simpan Rantau Panjang dengan tanaman pokok getah balak seluas 300 hektar di bawah Program Penghutan Semula PKPS. Benih adalah dari RRIM.

b)

BIL	PROJEK	PENERIMA FAEDAH	BILANGAN
1.	Projek Perladangan Kelapa Sawit	Kontraktor dan pembekal input pertanian	135 orang
2.	Kompleks Pasar Borong Selangor Menyediakan ruang perniagaan kepada usahawan kecil untuk menjual hasil pertanian dengan menawarkan lot-lot perniagaan.	Peniaga ikan, daging, sayur, buah-buahan dll	306 orang
3.	Kilang Pemprosesan , Pembungkusan dan Pengilangan Kontrak Menyediakan khidmat pemprosesan, pembungkusan dan pengilangan kontrak untuk produk kesihatan dan makanan ringan oleh anak syarikat (POLENS (M) S/B)	Syarikat pengedar	594 syarikat
4.	Bazaar Rakyat PKPS Menyediakan ruang perniagaan untuk usahawan berniaga produk-produk makanan dengan menawarkan lot perniagaan di Seri Kembangan, Puchong.	Peniaga	127 orang
5.	Projek Nanas PKPS telah menyediakan tanah kepada usahawan tani bagi memulakan aktiviti pertanian secara komersil bagi projek nanas.	Pengusaha	1 syarikat
BIL	PROJEK	PENERIMA FAEDAH	BILANGAN
7.	Kontrak farming ikan air tawar (2010)	Pengusaha	30 orang

	PKPS akan melaksanakan kontrak farming ikan air tawar. PKPS juga akan bekerjasama dengan FELDA.		
8.	<p>Pusat Latihan Ikan Air Tawar</p> <p>Melalui Pusat Latihan Ikan Air Tawar PKPS, seramai 300 Orang peserta telah mengikuti kursus dalam tahun 2009. Kejayaan Pusat Latihan ini boleh dibanggakan dengan sebahagian bekas peserta telah memulakan projek ternakan ikan di tempat masing-masing.</p>	Peserta	Sebahagian daripada 300 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : AKHBAR SELANGORKINI

211. Akhbar Selangorkini telah dikeluarkan sejak Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Selangorkini akan diterbitkan di dalam bahasa Cina dan Tamil kerana kaum Cina dan India kurang faham Bahasa Malaysia mereka juga ingin mengetahui perkembangan dan kemajuan Negeri Selangor.
- b) Apakah rancangan penerbit Selangorkini supaya lebih menarik dan berinformasi?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PINJAMAN MIKROKREDIT

212. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan anggota-anggota yang menyertai Jawatankuasa Pinjaman Mikrokredit yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Selangor dan berapakah jumlah wang yang diperuntukkan bagi memulakan program pinjaman mikrokredit ini?
- b) Siapakah golongan sasaran yang layak mendapatkan pinjaman mikrokredit dan apakah syarat-syarat yang ditentukan bagi membolehkan mereka yang layak meminjam?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan mereka yang mendapat pinjaman dapat memanfaatkannya dengan sebaiknya dan seterusnya memulangkan wang yang telah dipinjam?

JAWAPAN:

- a) Di bawah skim pinjaman mikrokredit ini terdapat 2 jawatankuasa yang dicadangkan iaitu;
 - i) Lembaga Pemegang Amanah yang dianggotai oleh:
 - 1) Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor;
 - 2) Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri;
 - 3) Y.B Pegawai Kewangan Negeri;
 - 4) Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan kemudahan Awam;
 - 5) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan);
 - 6) Pengurus Besar Tabung Al-Qardhul Hassan Selangor (TQHS);
 - 7) Wakil Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
 - ii) Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai oleh:
 - 1) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan kemudahan Awam – Pengerusi;
 - 2) Y.B. Pegawai Kewangan Negeri – Ahli;
 - 3) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan – Ahli;
 - 4) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi – Ahli;
 - 5) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin – Ahli;
 - 6) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram – Ahli;
 - 7) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan) – Ahli;
 - 8) Pegawai – pegawai Daerah – Ahli;
 - 9) Pengurus Besar Tabung – Setiausaha.

- iii) Jumlah Yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi memulakan program mikro Kredit ini ialah RM50 juta.

- b) Golongan yang bakal menerima faedah adalah kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah iaitu kurang dari RM1,500.00 bagi tujuan meningkatkan pendapatan supaya mereka dapat mengeluarkan diri dan keluarga dari kemiskinan. Fokus pembangunan program adalah bagi kawasan luar bandar.

- c) Untuk menjayakan skim mikro Kredit Selangor, pengalaman AIM dan Bank Grameen di Bangladesh menunjukkan bahawa latihan merupakan faktor terpenting dalam menjayakan skim ini. Modul latihan yang komprehensif akan dibentuk merangkumi latihan pegawai dan kakitangan agensi pengendali dan latihan para peminjam di berbagai-bagai peringkat.

Kumpulan pakar juga perlu diwujudkan bagi menentukan idea – idea baru terus mengalir bagi memperkasa dan memantapkan skim mikro Kredit Selangor ini. Kumpulan pakar ini akan memberi input tentang “hardware dan software” terkini yang perlu diadakan bagi menentukan keberlangsungan skim ini. Pakar – pakar dari Bank Grameen, AIM dan lain individu yang mempunyai kepakaran khusus di bidang ekonomi pedesaan dan skim mikro Kredit akan dijemput untuk menganggotai kumpulan pakar ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : LANTIKAN CANSOLOR UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR

213. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan untuk dilantik sebagai Canselor Universiti Industri Selangor (Unisel)?

JAWAPAN :

- a) Perlembagaan UNISEL, perkara 10(1) menyatakan

'Maka hendaklah ada seorang Canselor yang hendaklah menjadi Ketua Universiti dan hendaklah mempengerusikan konvokesyen apabila menghadirinya dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan'

dan perkara 10(2) menyatakan

'Canselor Universiti ialah DYMM Sultan Selangor atau wakil yang dilantik olehnya'

dan perkara 10(3) pula menyatakan

'Canselor boleh dengan mengutus surat yang ditandatangani kepada Lembaga Pengarah, meletakkan jawatannya'

Kerajaan Negeri sehingga kini belum menetapkan apa-apa kriteria bagi pelantikan Canselor UNISEL.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MASALAH KEBAKARAN

214. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Jelaskan perkembangan terkini cara mengawal kebakaran di Johan Setia dan apakah tindakan yang telah diambil pada mereka yang terlibat ?

JAWAPAN :

- a) Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani isu pembakaran terbuka di Johan Setia dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:
- i) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Majlis Perbandaran Klang (MPK), Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Pertanian dan Jabatan Bomba;
 - ii) Pihak MPK telah menubuhkan Unit Pemantauan Pembakaran Terbuka dan mulai tahun 2009 telah menjalankan pemantauan berjadual di kawasan Johan Setia dari pukul 8 pagi hingga 12 malam pada setiap hari;
 - iii) Melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka dengan melaksanakan "water management system" melalui pembinaan "check dam" dan pembinaan pintu air oleh Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengekalkan kelembapan tanah supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan. Setakat ini dua buah "check dam" telah siap dibina; dan
 - iv) Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka. Dalam hubungan ini, pada tahun 2009, satu program kesedaran mengenai larangan pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut di Johan Setia kepada para petani telah diadakan oleh Jabatan Pertanian dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar pada 24 Mac 2009.

Tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang menjalankan aktiviti pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah mengenakan tindakan mahkamah di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga lima ratus ribu ringgit (RM 500,000.00) atau lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Pada tahun 2009, sebanyak 6 kes pembakaran terbuka di Johan Setia telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka. Di samping itu Pejabat Tanah dan Daerah juga sedang mengambil tindakan mengenal pasti tuan-tuan tanah yang telah melanggar syarat nyata tanah dan boleh dikenakan tindakan perampasan ke atas tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BAIKPULIH PERKHIDMATAN LIF DI FLAT KOS RENDAH

215. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan pengagihan peruntukan baik pulih perkhidmatan lif di flat kos rendah di seluruh Selangor.
- b) Apakah prasyarat pengagihan tersebut?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN DI LUAR KAWASAN MAJLIS

216. Sebahagian kawasan DUN Meru terutama Kg Bukit Kapar dahulunya adalah kawasan di luar kawasan Majlis Perbandaran Klang yang merupakan banyak pembinaan projek perumahan tidak mengikut standard undang-undang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bentuk bantuan kepada pembeli dan pemaju bagi menyelesaikan masalah dari segi mendapatkan sijil CF dan kemudahan PBT?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PEMANTAUAN KEGUNAAN TANAH DI SETIAP PEJABAT DAERAH

217. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sistem pemantauan tanah yang ada sekarang di setiap pejabat Daerah.
- b) Mengapakah Ahli Dewan Negeri setempat tidak dibenarkan untuk menjadi ahli jawatankuasa untuk menentukan kegunaan tanah di kawasan masing-masing?
- c) Mengapakah Ahli Dewan Negeri sejak pilihan raya tahun 2008 tidak dimaklumkan sekiranya tanah di kawasan mereka sudah dijual, dipajak atau disewa?

JAWAPAN :

- a) Bagi urusan permohonan-permohonan pembangunan tanah, pemantauan dilaksanakan menerusi kaedah pemprosesan pusat setempat (*One Stop Center*) yang diterajui oleh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan. Menerusi OSC ini input setiap Jabatan Teknikal bagi mengawal selia aspek-aspek yang berkaitan pembangunan sesuatu lot tanah, contohnya dari segi kesesuaian *Zoning* perancangan pematuhan kategori serta syarat nyata tanah dan juga elemen-elemen alam sekitar akan ditapis rapi sebelum sesuatu cadangan pembangunan dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- b) Komposisi keahlian Jawatankuasa Setempat telah ditentukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Keahliannya terdiri daripada Jabatan-Jabatan Teknikal dan Ahli-Ahli Majlis di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.
- c) Kebenaran kepada pemilik tanah bagi menjual, memajak atau menggadai tanah adalah merujuk kepada sekatan kepentingan di bawah Kanun Tanah Negara dan kuasa bagi melepaskan sekatan ini adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun, PBN telah menurunkan kuasa ini kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Pengarah Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah mengikut kategori-kategori permohonan. Ini adalah bagi memudahkan serta melancarkan urusan penyampaian perkhidmatan. Perkara ini tidak dirujuk kepada Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri kerana Kerajaan berpandangan kaedah yang sedia ada sudah memadai bagi menguruskan permohonan-permohonan yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : NAMA-NAMA JALAN

218. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah nama-nama jalan dan jalan raya di seluruh Negeri Selangor yang menggunakan nama-nama tokoh politik dan siapakah tokoh-tokoh politik tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menamakan lebih banyak lagi jalan-jalan dan jalan raya menggunakan nama tokoh-tokoh politik pada masa hadapan dan siapakah yang menjadi pilihan?
- c) Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam pemilihan nama-nama tokoh politik yang bakal diabadikan sebagai nama-nama jalan dan jalan raya di dalam Negeri Selangor ini kelak?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, buat masa ini hanya dua (2) PBT sahaja yang menggunakan nama tokoh-tokoh politik untuk nama jalan dan jalan raya iaitu :

Majlis Perbandaran Klang (MPK)

- i) Jalan Tun Abd Razak – Bekas Perdana Menteri
- ii) Jalan Tun Dr Ismail – Bekas Timb. Perdana Menteri
- iii) Nama-nama bekas Menteri Besar Selangor – di Pulau Indah
- iv) Jalan Tun Sambanthan
- v) Jalan Tan Sri Manickavasagam
- vi) Jalan Dato' Dollah
- vii) Jalan Dato' Hamzah – Bekas Menteri Besar Selangor
- viii) Jalan Yeo Guan Hup – pemimpin tempatan
- ix) Jalan Mohet
- x) Nama pemimpin tempatan di Meru seperti Haji Salleh, Haji Abdul Manan

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

- i) Lorong Dato' Mufti (bekas Ketua Bahagian UMNO Ampang)

- b) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menambah lagi nama jalan-jalan dan jalan raya menggunakan nama tokoh-tokoh politik tetapi bergantung pada permohonan yang diterima pada masa akan datang.

- c) Kerajaan Negeri masih belum menetapkan sebarang kriteria di dalam pemilihan nama-nama tokoh politik di Negeri Selangor dan mengikut maklumat yang diterima pemilihan nama adalah berdasarkan sumbangan dan jasa yang telah dibuat oleh tokoh-tokoh politik tersebut kepada negeri atau negara dan diabadikan sebagai nama-nama jalan untuk dikenang sepanjang zaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SELANGOR KINI DAN TV SELANGOR

219. Pihak musuh politik Pakatan Rakyat mengeluarkan akhbar hantu (tiada nama penerbit) mirip akhbar Selangor. Kini dengan diberi judul `Selangor Kita` yang memburuk-burukkan pimpinan dan Kerajaan Negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri menghadapi `Akhbar Hantu` yang memburukkan pimpinan dan Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Sejauh manakah keberkesanan akhbar `Selangor Kini` di dalam menyebarkan maklumat dan menentang dakyah yang disebar oleh Akhbar Hantu?
- c) Sejauh manakah Selangor TV dapat menyebarkan maklumat kepada orang ramai?

JAWAPAN :

- a) Aktiviti ini menyalahi undang-undang Akhbar berkenaan tiada nama penerbit mahupun lesen Kementerian Dalam Negeri. Ia adalah aktiviti haram. Tindakan undang-undang bermula dengan laporan polis akan diusahakan.

Berhubung dengan kandungan akhbar ini yang memburukkan pimpinan Kerajaan Negeri, kita akan perhebatkan penerangan dalam media milik kerajaan negeri melibatkan Selangor Kini yang sedang diusahakan kekerapannya daripada satu edisi sebulan kepada dua keluaran setiap bulan.

www.tvselangor.com juga akan mempertingkatkan bahan jawapan dan pembetulan mengenai laporan palsu dan fitnah oleh akhbar hantu berkenaan.

- b) Ia banyak bergantung pada sistem pengedarannya. Buat masa ini 80% daripada edaran sampai kepada sasaran. Ini bermakna akhbar ini sampai kepada rakyat. Namun pihak pengedaran berusaha mempertingkatkan jaringan pengedaran.

Lembaga penasihat editorial telah ditubuhkan untuk memantapkan kandungan akhbar Selangor Kini melalui sistem pengedaran yang baik, Insya-Allah usaha penyampaian maklumat Kerajaan Negeri akan semakin berkesan.

c) Lawatan atau hits TV Selangor semakin meningkat. Sejak usaha memperbaiki wajah dilakukan Oktober 2009, jumlah hits semakin bertambah seperti data berikut :

Januari 2010 : 5.14 juta lawatan

Februari 2010 : 10.5 juta lawatan

Mac 2010 : 13.8 juta lawatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK

220. Komitmen Kerajaan Negeri terhadap penjagaan alam sekitar dibuktikan antara lain melalui kempen Hari Tanpa Beg Plastik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan sasaran yang hendak dicapai dengan pelancaran kempen ini?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan penggunaan bahan-bahan plastik termasuk beg plastik di Negeri Selangor?
- c) Berapa banyakkah belanja yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan kempen ini?

JAWAPAN :

- a) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini dilaksanakan khusus bagi mengurangkan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor dan juga mengubah pemikiran masyarakat tentang beg plastik bukan sumber percuma tetapi sumber asasnya adalah petroleum. Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk menggunakan beg plastik secara lebih efisien.

Matlamat utama kempen ini adalah untuk mengurangkan peratus penggunaan beg plastik sebanyak 20% untuk tahun 2010.

Kerajaan Negeri mensasarkan lebih ramai peruncit/pasar raya yang menyertai kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" ini dan penglibatan orang ramai bagi menjayakan kempen ini penting bagi keberkesanan pengurangan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor dan seterusnya menjadi contoh ikutan bagi negeri-negeri lain.

- b) promosi yang berterusan, pendidikan dan penyebaran maklumat melalui program-program meningkatkan kesedaran pengguna bagi mengurangkan penggunaan beg plastik. Sejak kempen ini diperkenalkan pada Januari 2010, penggunaan beg plastik pada hari Sabtu dikenakan caj 20 sen bagi 1 beg. Pendekatan ini adalah untuk menggalakkan para pengguna di Negeri Selangor membawa beg-beg masing-masing dari rumah semasa membeli belah.

Sebagai alternatif penyelesaian penggunaan beg plastik, beg mesra alam dan beg guna semula boleh didapati di kebanyakan pasar raya di Negeri Selangor bagi menggantikan penggunaan beg plastik. Selain itu, pemberian kotak-kotak percuma diberikan kepada para pengguna.

Risalah-risalah mengenai kesan negatif penggunaan beg plastik diedarkan kepada orang ramai bagi memupuk budaya menghayati alam sekitar dan impak sekiranya masyarakat tidak mengambil bahagian dalam usaha ini.

Kerajaan Negeri juga mempromosikan kempen “Hari Tanpa Beg Plastik” menerusi laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor sejak diperkenalkan pada Januari 2010.

- c) Setakat Mac 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak lebih kurang RM 187,000.00 di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna bagi kegunaan kempen “Hari Tanpa Beg Plastik” untuk tujuan bahan-bahan promosi kempen dan pemberian beg guna semula percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN OLEH PIHAK BERKUASATEMPATAN

221. Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya(MBPJ) mempunyai program lengkap untuk aktiviti pembasmian kemiskinan di bandar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah semua PBT di Selangor mempunyai program yang sedemikian
- b) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri kepada program-program yang sedemikian?
- c) Apakah tatacara yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri untuk memantau dan menilai pencapaian program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh PBT?

JAWAPAN :

- a) Ya, semua PBT mempunyai Program Pembasmian Kemiskinan Bandar masing-masing.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan setiap PBT untuk mengambil inisiatif melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan.
- c) Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, setiap agensi pelaksana program pembasmian kemiskinan akan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan selain menilai pencapaian-pencapaian program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh semua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA KUMBAHAN

222. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam mengawal selia kuantiti kumbahan sisa daripada restoran, gerai makanan?
- b) Apakah kaedah atau sistem yang digunakan untuk mengawal selia minyak buangan bengkel-bengkel kenderaan motor dan jentera?

JAWAPAN :

- a) Buat masa kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang rancangan ataupun pelan tindakan dalam mengawal selia kuantiti kumbahan sisa daripada restoran dan gerai makanan. Ini adalah kerana kesukaran untuk menentukan kuantiti sisa yang dilepaskan dari restoran dan gerai makanan.
- b) Sisa perindustrian terbahagi kepada 2 iaitu sisa domestik dari kilang-kilang dan juga sisa berbahaya. Bagi sisa-sisa domestik ia akan dilupuskan di tapak-tapak pelupusan sanitari ataupun tapak pelupusan sampah mengikut kawasan PBT masing-masing. Untuk sisa-sisa perindustrian berbahaya ia akan diuruskan oleh Kualiti Alam Sdn Bhd, di mana ia akan diproses dan dilupuskan di Pusat Pelupusan Sampah Bukit Nanas, Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

223. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila nyatakan sehingga kini, apakah prestasi pencapaian program tersebut?
- b) Sila senaraikan jumlah pemberian hak milik tanah ataupun geran yang berjaya diselesaikan oleh Kerajaan Negeri sejak 2 tahun yang lalu ?
- c) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan permohonan lanjutan tempoh pajakan hak milik tanah ataupun geran gagal diselesaikan oleh Kerajaan sebelum ini sehingga terdapat yang melebihi tempoh 50 tahun ?

JAWAPAN:

- a)
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 30 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 30 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: BAGI MENINGKATKAN ATAU MENAIK TARAF SEMUA PBT SUPAYA IANYA
LEBIH KEHADAPAN**

224. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ada pemilihan atau pertukaran Ahli-Ahli Majlis di PBT negeri Selangor selepas berakhir tempoh perkhidmatan mereka akhir Jun ini?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pelantikan Ahli-Ahli Majlis di PBT kali ini terdiri dari mereka yang betul-betul mantap dan bertanggung jawab yang dapat menjalankan tugas mereka dengan baik.
- c) Apakah pula tindakan yang diambil untuk memulihkan prestasi Kakitangan & Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri termasuk juga Ahli-Ahli Majlis juga Ketua-Ketua Kampong yang menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan dalam perkhidmatan mereka?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana yang dipraktikkan, penilaian prestasi Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan bagi penggal 2009/2010 akan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri untuk menilai tahap pencapaian dari segi komitmen dan tanggungjawab seseorang Ahli Majlis sepanjang perkhidmatannya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan mengekalkan Ahli-Ahli Majlis yang mendapat penilaian tinggi manakala bagi Ahli-Ahli Majlis yang mendapat penilaian rendah akan digantikan dengan Ahli-Ahli Majlis baru.
- b) Sejak dari awal lagi, Kerajaan Negeri telah pun mengambil beberapa langkah dan juga inisiatif bagi memastikan pelantikan Ahli-Ahli Majlis di PBT terdiri dari mereka yang betul-betul mantap dan bertanggungjawab serta dapat menjalankan tugas dengan baik. Beberapa tapisan akan dijalankan di peringkat Jawatankuasa Pemilihan Ahli Majlis PBT Negeri Selangor di mana salah satunya adalah berdasarkan maklum balas dan pencapaian prestasi yang dinilai bagi Ahli-Ahli Majlis terdahulu daripada ADUN, Ahli Parlimen dan juga Datuk Bandar/yang Dipertua. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri amat menekankan status permastautinan seseorang Ahli Majlis yang dilantik di sesebuah kawasan agar komitmen dan sumbangan terhadap masyarakat setempat dapat diberi sepenuhnya. Dalam pemilihan calon-calon baru Ahli Majlis PBT juga, Kerajaan Negeri akan berpandukan dan membuat penilaian berdasarkan justifikasi serta kepercayaan setiap parti politik terhadap calon-calon yang dicadangkan bagi mengelak tersalah membuat pilihan.

- c) Bagi memulihkan prestasi Kakitangan & Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri termasuk Ahli-Ahli Majlis dan juga Ketua-Ketua Kampung, Kerajaan Negeri telah pun mengambil beberapa tindakan dan inisiatif bagi mereka yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan dalam perkhidmatan. Pelbagai bentuk kursus, bengkel dan juga seminar telah dijalankan di peringkat Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan kerajaan yang berusaha untuk memberi motivasi dan semangat bekerja terhadap golongan ini. Contoh kursus/bengkel/ seminar yang disediakan adalah seperti Khusus ESQ In House Training SUK Selangor, Bengkel Asas Ahli Majlis PBT Selangor, Bengkel Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Ahli Majlis PBT Selangor, Kursus SPIES Kepimpinan Ketua Kampung Negeri Selangor, Seminar Kesedaran Integriti dan Pencegahan Rasuah Negeri Selangor serta banyak lagi.

Di samping itu, mana-mana kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan yang didapati melakukan kesalahan mahupun tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan tatatertib ke atas mereka dengan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SG. SEDU, KUALA LANGAT

225. Sanitary Landfill Tanjung Dua Belas telah dibuka dan digunakan bagi menggantikan tapak pelupusan sisa pepejal Sg. Sedu, Kuala Langat. Akan tetapi, tapak pelupusan di Sg.Sedu ini yang tidak digunakan lagi, tidak diuruskan dengan baik misalnya sampah tidak ditutup dan sebagainya. Oleh sebab itu, tapak tersebut masih mengeluarkan bau busuk dan terus menjejaskan kehidupan penduduk berhampiran.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini?
- b) Apakah langkah-langkah pencegahan dan teknologi yang akan digunakan oleh kerajaan negeri untuk mengelakkan masalah yang sama berlaku di Sanitary Landfill Tanjung Dua Belas?

JAWAPAN :

- a) Tapak pelupusan terbuka di Sungai Sedu adalah di bawah seliaan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan dibantu oleh Alam Flora Sdn Bhd. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak ini dioperasikan di atas tanah milik persendirian yang disewa.

Sehubungan itu, sehingga kini Kerajaan Negeri tidak mengambil sebarang langkah untuk menutup selamat tapak pelupusan terbuka ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada pihak MDKL agar menulis surat kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT dan memohon peruntukan untuk menutup selamat tapak pelupusan ini.

- b) Tapak pelupusan Tanjung Dua Belas yang dibangunkan dan dioperasikan oleh Worldwide Holdings Berhad ini merupakan tapak pelupusan yang diuruskan secara sanitari yang mana ia dilengkapi dengan sel-sel yang berliner bagi mengelakkan pencemaran air, pengurusan *leachate*, pengurusan gas, pemantauan air bawah tanah dan dipantau secara berkala oleh golongan terlatih.

Ini amat berbeza dengan situasi di tapak pelupusan terbuka Sungai Sedu yang menerima sisa pepejal tanpa dilengkapi dengan sebarang teknologi seperti yang dinyatakan sebelum ini. Oleh itu kebarangkalian untuk timbul masalah seperti mana yang wujud di Sungai Sedu adalah tipis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PEMBERIAN TOL

226. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah TOL yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling untuk kawasan DUN Subang Jaya sejak tahun 2008? Sila berikan butir-butir seperti nama pemilik TOL, kegunaan tanah, tarikh luput TOL dan lokasi tanah.
- b) Siapakah yang menentukan pemberian TOL?
- c) Nyatakan faktor dan proses yang terlibat untuk pemberian TOL dan nyatakan perbezaan (jika ada) di bawah pemerintahan kerajaan negeri baru.

JAWAPAN :

- a) TOL yang telah dikeluarkan oleh Pentadbiran ini sejak tahun 2008 adalah sebanyak 7 Lesen dan butirannya adalah seperti berikut :

Bil	Nama Pemegang TOL	Kegunaan Tanah	Tarikh Luput	Lokasi
1	Surtar Singh a/ Sudhu Singh	Tapak Semaian	31.12.12	Plot A, Simpanan TNB PJS 7
2	MPSJ	Kiosk Penjaja	31.12.12	Jalan USJ 8/2
3	MPSJ	Kiosk Penjaja	31.12.12	Jalan USJ 1/19
4	MPSJ	Kiosk Penjaja	31.12.12	Pangsapuri Angsana SSJ 1
5	MPSJ	Kiosk Penjaja	31.12.12	Kaw Hijau USJ 1
6	Kuil Sri Varatharajah	Tempat Letak Kereta	31.12.12	Pers Kewajipan Subang Jaya
7	Tadika Sri Melodi	Tadika	31.12.12	Tapak Rumah Ibadat Jalan PJS 7/13

- b) Pentadbir Tanah setelah mendapat ulasan dan komen daripada Jabatan-Jabatan Teknikal seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya, Tenaga Nasional Bhd, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan agensi-agensi lain yang berkaitan.
- c) di bawah Kerajaan Negeri baru, permohonan TOL akan diputuskan oleh Pentadbir Tanah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tanah Daerah yang pad kebiasaannya akan bersidang pada setiap bulan. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan. Berbeza sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat dengan tatacara menimbangkan permohonan TOL sebelum Kerajaan baru, Pentadbir Tanah Daerah boleh meluluskan TOL setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah bagi kawasan yang luasnya tidak lebih daripada 3 ekar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TV SELANGOR DAN SELANGOR KINI

227. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Mentewri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi statistik terkini hit-rate laman web TV Selangor.
- b) Apakah cara-cara yang telah dilakukan untuk memperkasakan TV Selangor dan Selangor kini supaya ianya mampu bersaing dengan media aliran utama?

JAWAPAN :

- a) Hits TVSelangor menurut catatan CMS atau Contents Management System ialah seperti berikut:
 - Januari 2010 – 5.14 juta
 - Februari 2010 – 10.5 juta
 - Mac 2010 – 13.8 juta
- b) Cara memperkasakan TV Selangor ialah dengan usaha-usaha berikut:
 - i) Meningkatkan kuantiti program agar benar-benar merakyat. kini TV Selangor berupaya menyiarkan bahan atau program secara live untuk enam jam sehari. penambahan program terbitan sendiri akan membantu proses "habit forming" atau kesetiaan kepada saluran webtv kita.
 - ii) Menambah kualiti dengan tumpuan kepada program berita dan ehwal semasa. baik mutu penyampai mahupun teknik penerbitan harus dipertingkatkan.
 - iii) Membuat Promosi: Rancangan diatur untuk memperkenalkan www.tvselangor.com kepada khalayak penonton, terutama di luar bandar melalui sebaran vcd dan dvd serta kempen terbuka atau jelajah negeri bersama agensi kerajaan seperti pendaftaran warga emas dan sebagainya.
 - iv) Iklan di laman web yang mempunyai hits tinggi dan popular. Selain itu kempen seperti menggunakan bill boards dan radio sedang diikhtiarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: HUTANG TALAM

228. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah hasil hutang Talam yang berjaya dikutip oleh kerajaan negeri sejak tahun 2008 sehingga kini?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan bahawa Talam akan menunaikan tanggungjawab mereka bagi menjelaskan segala hutang syarikat tersebut?
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri bagi menggunakan jumlah hutang yang berjaya dikutip daripada TALAM untuk pembangunan negeri?

JAWAPAN:

- a) Keseluruhan jumlah hutang yang bernilai RM392.0 juta telah berjaya dipungut setakat ini dari Syarikat Kumpulan Talam Berhad.
- b) Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa Talam akan menunaikan tanggungjawab mereka bagi menjelaskan segala hutang syarikat tersebut dengan memindahkan ke semua hartanah yang disenaraikan oleh Talam bernilai RM392.0 juta kepada MBI dan MBI akan menguruskan jualan hartanah tersebut bersama dengan Talam kepada pihak pembeli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : GERAN USAHAWAN YANG TIDAK MELEBIHI RM10000 YANG
DILANCARKAN PADA TAHUN 2009 OLEH PEJABAT EXCO KEUSAHAWAN**

229. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah ramai orang yang telah berjaya untuk mendapatkan geran tersebut. Sila nyatakan nama pemohon, syarikat-syarikat terlibat, tujuan untuk mendapat geran dan berapakah geran yang mereka dapat.
- b) Bagaimanakah pihak kerajaan memantau geran yang telah diberi kepada usahawan-usahawan adalah untuk tujuan perniagaan?
- c) Adakah geran ini diteruskan pada tahun 2010? Jika ada bilakah permohonan tersebut dibuka dan ditutup?

JAWAPAN :

- a) Seramai 99 orang telah menerima bantuan dana di bawah program dana industri kecil pada tahun 2009. Tujuan bantuan diberikan adalah untuk meningkatkan kualiti dan menambahkan pengeluaran. Bantuan yang diberi adalah berbentuk mesin dan peralatan di mana nilainya antara RM1000 hingga 10,000 berdasarkan keperluan utama pemprosesan produk yang dibangunkan. Senarai penerima bantuan dan peralatan yang diterima adalah seperti di lampiran A.
- b) Antara syarat untuk memohon dana adalah telah memulakan perniagaan sekurang-kurangnya 2 tahun. Proses kerja bagi pemberian dana ini telah berjaya mendapat pengiktirafan MS-ISO2000/2008. Berdasarkan proses kerja tersebut pemantauan akan diadakan selepas setahun penerima menerima bantuan bagi memastikan bantuan yang diberi mencapai matlamat.
- c) Setiap tahun tarikh tutup untuk penyerahan borang adalah pada bulan Mac. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan dibawa ke tahun seterusnya.

Lampiran A

PERMOHONAN DANA INDUSTRI KAMPUNG 2008/2009

DAERAH : GOMBAK

BIL	NAMA PEMOHON	PRODUK	PERALATAN DILULUS
1.	NORMA BT MUSTAPHA	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi
2.	ZAIDAH BT ABAS	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus – 2 unit ➤ Mesin Jahit Tepi
3.	NORPIAH BT HJ. DAUD	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi (Halus) ➤ Mesin Jahit Tepi (Biasa)
4.	NORMAH BINTI ARSHAD	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi (Halus)
5.	AZRAN BIN JUSOH @ YUSOF	Gula Kapas	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Cotton Candy Machine Heat Sealer Standing ➤ Popcorn Machine
6.	WONG MEI YIN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Double Needle, Compound Feed, Lockstitch Sewing Machine
7.	HASANA BINTI MOHD AZAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam
8.	BIBI SURIAYA BINTI ABU BAKAR KHAN	Bakeri	<ul style="list-style-type: none"> ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck ➤ Planetary Mixer – 20 liter ➤ Proofer

DAERAH : KLANG

1.	ROSNIWATI BT BAHAROM	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam
2.	ROBIAH BT ISMAIL	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit ➤ Mesin Jahit Tepi (Halus)
3.	NOR AZIMAH BT JOHARI	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi
4.	NORAINI BT OTHMAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi
5.	JAMIAH BT KAHDEEN	Kuih	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Steamer GRS 10
6.	SITI HAJJAR AB KADIR	Cili Giling Tempoyak Sayur Jeruk Kerisik	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Chilly Mincer

7.	HJ. KHAIRULNAZRI BIN HJ. KARMAN	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Perah Santan 1 HP ➤ Mixer – 20L
8.	NORSALEHA BINTI JAWAHIR	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam ➤ Mesin Jahit Tepi
9.	ZURAIDAH BINTI BAHAROM	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Bungkus Butang ➤ Round Knife Cutting Machine
10.	SABARIAH BINTI YAHAYA	Sos	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Industrial Fryer
11.	HAFSAH BINTI MOHD MOHIDDIN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi (Halus) ➤ Mesin Jahit Tepi (Biasa)
12.	NONI BT MOHAMMAD NASIR	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi
13.	HASRUL AZLI AZIZ	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi
14.	MARIANI BT MUSA	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi

DAERAH : PETALING

1.	NORMAWATI BT LEMAN	Pastri, Roti Dan Kek	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dough Sheeter – model yang letak atas meja
2.	RAJIAH ABU HASSAN	Peniaga	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Industrial Fryer
3.	MAS LILI BINTI MANGON	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus (Tebal)
4.	ROHANI BINTI MOHD YUSUF	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Sulam Komputer
5.	NASRUN HAKIM BIN MOHD YAHAYA	Kuih Muih	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Sealer (Jenama Newlong) – Horizontal type with hot printer.
6.	SAYUTI BINTI KARIM	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Proofer ➤ Working Table With Undershelf – 3kaki X 6kaki ➤ Sealer ➤ Gas Oven
7.	SHARIFAH MAZUIN SAYED AZLAN	Produk kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Printer
8.	HAWIYAH BT SALLEH	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dough Knead & Press ➤ Doh Divider ➤ Sealer

DAERAH : HULU LANGAT

1.	MAZAINI @ MAZANI BINTI UJANG	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus – 2 unit ➤ Mesin Jahit Tepi Biasa
2.	SARIMAH BINTI KHAMIS	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ S/Steel Drum Fryer Mixer – (macam pembacuh simen). ➤ Heat Sealer
3.	ISMAIL BIN YAACOB	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Industrial Fryer
4.	ROSLINA BINTI AHMAD	Bakeri	<ul style="list-style-type: none"> ➤ OVEN – 2 deck (Electric)
5.	SAADIAH BINTI HJ AINI	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Industrial Fryer

DAERAH : KUALA LANGAT

1.	FUZIAH BT SITOR	Makanan Sejuk Beku	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dough Sheeter – (Atas Meja)
2.	MOHD FAIZ BIN ABU	Bakery & Snek	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dough Divider ➤ Blower Sealer
3.	AIZATUL MUNIRAH BINTI MOHD MOHSIN	Jahitan/ Kraftangan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus – 2 unit ➤ Mesin Jahit Tepi
4.	NORMAZIAH BINTI MASNAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Read Pleaters Smoking
5.	MARYANI BINTI MAHMUD	Makanan Tradisional	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Potong Untuk Kerepek ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck
6.	MUNJAYANAH BINTI TAMZIR	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck ➤ Planetary Mixer – B20 – 20 liter ➤ Working Table With Undershelf – 3kaki X 6kaki
7.	MOHD AZNOOR BIN ABD MAJID	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Soya Bean Machine With Separating ➤ Mesin Press untuk buat tauhu ➤ Papan cetak tauhu 4 unit
8.	NORHASHIMAH BINTI HASHIM	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi (Biasa) ➤ Mesin Jahit Lurus
9.	MISRUSMAH BINTI SARING	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus
10.	ZUNALIS BINTI MISUAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus
11.	AMINAH BINTI MAT DESA	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus
12.	RUHAJIMIE BINTI ABDUL RAHIM	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lubang Butang

13.	AHMAD BIN SURATIN	Berniaga	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Planetary Mixer – B40 – 40 liter ➤ Dough Divider
14.	SITI HAWA BT ZAINAL ABIDIN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus
15.	DAYANG SEPIAH BTE DARMAWI	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus

DAERAH : SABAK BERNAM

1.	AZLINA BINTI MAT JELANI	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Tepi Halus ➤ Gravity Feed Steam Iron CW/Telfon Shoe – 1 unit
2.	KAMSIAH BINTI KOSRIN	Kerepek Biskut	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Planetary Mixer – 20L ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck
3.	SIRBANIAH BINTI SALAMUN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus 2 unit
4.	NURUL SYAFIQA BINTI SHAMSUDIN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus 2 unit
5.	SITI FATONAH BINTI SUKATI	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ HLY – 6 (GAS OVEN) – 3 DECK
6.	ZAKIAH BINTI ABIDIN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus 1 unit ➤ Portable Sewing Machine
7.	MAZNAH BINTI IBRAHIM	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Portable Sewing Machine
8.	ZAHARAH BINTI HASSAN	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Chest Freezer Top Open Door 178 Liters ➤ Planetary Mixer – 20L ➤ Heat Sealer – Standing
9.	AZAWATI BINTI JAAFAR	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Lubang Butang
10.	GHSIAH BINTI MOKRI	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mixer 20L ➤ Dough Divider
11.	NORAISHA BT HJ YAHYA	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Spiral Mixer 20L ➤ Oven Gas 1 deck – HLY – 2

DAERAH : SEPANG

1.	MISDAR B TUMERAN	Makanan Ringan (k.Ubi, Pisang)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Penggelek tepung kerepek ➤ Mesin Potong Ubi
2.	ROSTAH ABDUL RAHMAN	Makanan / kuih muih	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Planetary Mixer- 30 Liter ➤ Display Chiller

DAERAH : HULU SELANGOR

1.	ZOEHANA BT ARBAEI	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi Biasa
2.	ROSTAH BINTI JAMIL	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Oven 3 deck elektrik
3.	MOHD SUHAIMI BIN HARUN	Kraftangan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Swan Air Compressor – 2 HP ➤ Air Stapler Gun ➤ Ryobi Router R-601Sliding ➤ Table Saw 4 x 4 ➤ AGP Mitter Saw 10"
4.	ROSTAH BINTI BARIK	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Oven 2 deck elektrik
5.	MOHD NASIR BIN MOHD NOOR	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi Halus Tudung ➤ Mesin Jahit Sembat
6.	ZAITON BINTI ZAKARIA	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Komputer (brother)
7.	FUZIAH BINTI SHAFIE	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam
8.	ISHAK BIN AHMAD	Cendol	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Cendol – 1hp elektrik motor c/w 24" bowl, cyclinder 4 ½ ", 27"W x 32"L x 62 ➤ Continuous Band Sealer Machine (Vertical pack)
9.	MARIANA BINTI ABDULLAH	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam
10.	NORSURAYA BINTI AHMAD	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Sulam ➤ Mesin jahit Tepi Biasa
11.	LEHA BINTI ABDUL GHANI	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam
12.	ZAIMUN BINTI MUSTAFA	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Multipurpose Portable Domestic Sewing Machine ➤ Gravity Feed Steam Iron C/W Telfon Shoe
13.	JAMALIAH BINTI HASHIM	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – 1 deck ➤ Planetary Mixer – 20 liter
14.	ZOEHANA BT ARBAEI	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus – 1 unit ➤ Mesin Jahit Tepi Biasa – 1 unit
15.	ROSTAH BINTI JAMIL	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Oven 3 deck elektrik

16.	MOHD SUHAIMI BIN HARUN	Kraftangan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Swan Air Compressor – 2 HP ➤ Air Stapler Gun ➤ Ryobi Router R-601 Sliding Table Saw 4 x 4 ➤ AGP Mitter Saw 10"
17.	ROHANA BINTI BARIK	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Oven 2 deck elektrik

DAERAH : KUALA SELANGOR

1.	TEE BOON YEW	Beraneka Kuih	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Planetary Mixer – 10 liter ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck ➤ Proofer
2.	BADARIAH BT ABD WAHAB	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus – 1 unit ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Steamer – 1 unit
3.	SALMAH BT MOHAMED	Pastri Dan Roti	<ul style="list-style-type: none"> ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck ➤ Spiral Mixer
4.	SANIAH BT BASIR	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lubang Butang
5.	NORWAHIDA BT HAMZAH (OKU)	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Sulam Komputer APPLE
6.	NORZAM B MUSTARI	Bawang Goreng Kerisek Aneka Kerepek	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dapur Goreng – Model seperti gambar.
7.	SARSARIMI BT BARDAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Sulam Berkomputer
8.	NOR LIZA BT ABDUL MANAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Sulam Steamer
9.	AZIMAH BT BASIR	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Lurus Tebal ➤ Round Knife cutting Machine
10.	HALPAH BINTI SELAMAT	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Sulam ➤ Mesin Jahit Tepi
11.	SHHRUL RIZAL BIN HASIB	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Spiral Mixer – Max. Flour (kg) – 25kg
12.	SARIPAH BINTI ISMAIL	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Chest Freezer With Curve Sliding Door – 208 L – 1 unit ➤ Planetary Mixer – 30liter
13.	SAADIAH BINTI AHMAD	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Lurus – ➤ Mesin Jahit Sulam ➤ Feed Steam Iron C/W Telfon Shoe
14.	SALEHUDIN BIN SENAN	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ HLY – 2 (Gas Oven) – Single deck ➤ Chest Freezer Top Open Door – 208L ➤ Rice Miller – SX 15M (untuk mengisar cili)

15.	MOHD SUIB BIN ALIAS	Perabot	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Hollow Chisel Mortiser X 230 V ➤ Bosch Sliding Miter Saw GSM 10-S ➤ Table Circular Saw Machine (3/8" shaft) ➤ Sliding Table Circular Saw Machine
16.	KAMISAH BINTI UTEH	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi - 2 unit ➤ Mesin Jahit Lurus
17.	NORZITA BT HASAN	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus ➤ Mesin Jahit Tepi
18.	MAZILA HAFIZZA BINTI MASSOOT	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Mesin Jahit Lurus
19.	SHAMEER B. RAMLY	Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin Jahit Tepi ➤ Round Knife cutting Machine

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PUNGUTAN HUTANG

230. Kerajaan Selangor berjaya menuntut hutang sebanyak RM50 juta dari Syarikat Talam yang berhutang sebanyak Rm391 juta.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah dijangka Syarikat Talam akan menyelesaikan semua hutangnya kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Syarikat-syarikat mana lagi kah yang masih berhutang dengan Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Apakah tindakan yang akan diambil bagi mendapatkan hutang-hutang berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Syarikat Talam akan bertanggungjawab menyelesaikan semua hutangnya kepada Kerajaan Negeri Selangor seperti yang dijangkakan.
- b) Anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa ada membuat permohonan bantuan sokongan kewangan yang diberi secara Geran atau Pinjaman kepada mereka.
- c) Tindakan-tindakan yang akan diambil bagi mendapatkan semula hutang-hutang tersebut adalah dengan memberi jadual pembayaran balik kepada mereka ini merupakan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat-syarikat tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM KITAR SEMULA BARANG BUANGAN

231. Program kitar semula barang buangan seperti plastik, botol, kertas, kotak dan lain-lain kini dijalankan melalui kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk meluaskan lagi program ini ke kawasan-kawasan padat penduduk di PBT-PBT di Negeri Selangor?
- b) Apakah seperti program-program Tuisyen Rakyat, Pusat Komuniti Wanita dan Pusat Dialisis Rakyat, program kitar semula barang buangan akan dilaksanakan melalui ADUN?
- c) Adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan program membekalkan tong-tong kitar semula barang buangan melalui DUN-DUN?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROGRAM PUSAT KOMUNITI WANITA DUN- MESIN JAHIT

232. Syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah berusaha menyumbangkan mesin-mesin jahit untuk wanita di beberapa kawasan DUN demi membantu kaum wanita.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukkan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk sumbangan Mesin Jahit tersebut?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memantau dan memastikan pelaksanaan program tersebut benar-benar mencapai kumpulan sasar warga miskin kota , wanita dan ibu tunggal?
- c) Apakah KPI yang akan digunakan untuk evolusi kejayaan program ini dari segi meningkatkan pendapatan wanita agar membebaskan mereka dari belunggu kemiskinan?

JAWAPAN :

- a) Demi memastikan Pusat Komuniti Wanita ini berjaya, Kerajaan negeri telah membekalkan peralatan yang merangkumi aktiviti jahitan dan masakan. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 15,000.00 kepada setiap PKW yang diluluskan permohonannya. Berikut adalah senarai barangan yang dibekalkan kepada PKW yang layak:-

i) PERALATAN JAHITAN

BIL.	PERKARA	KUANTITI
1	Mesin Jahit Lurus Industri	2
2	Mesin Jahit Tepi Industri	1
3	Mesin Jahit Sulam	1
4	Mesin Jahit Serbaguna (Multipurpose)	1
5	Meja Potong Kain	1
6	Kit Jahitan	10

ii) **PERALATAN MASAKAN**

BIL	PERKARA	PERINCIAN
1	Chiller	1 pintu
2	Mixer	20 L @ 5 Kg
3	Oven Gas	1 Deck, 2 Tray
4	Working Table Stainless Steel	6' x 2 ½'
5	Mesin Mee	1 unit
6	Rack	Tray (Modular)
7	Freezer	220 L

Seterusnya bagi menjayakan program ini, setiap PKW perlu melantik Penyelia Pusat Komuniti agar program dan aktiviti dapat diselaras dan dijalankan dengan baik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM 50,000.00 dengan memberikan kursus Asas Penyeliaan kepada mereka supaya dapat meningkatkan martabat wanita dalam merancang dan membuat keputusan dengan lebih efektif dan tersusun.

- b) Dalam memastikan program PKW ini berjalan dengan lancar, Kerajaan Negeri telah meminta setiap PKW untuk melantik Penyelia Pusat Komuniti sebagai ketua yang dapat menyelaras dan memastikan PKW ini sentiasa teratur dan terurus. Kerajaan Negeri juga akan memberikan latihan penyeliaan kepada mereka agar dapat memahami tugas dan tanggungjawab sebagai seorang penyelia. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meminta mereka untuk memberikan laporan bulanan kepada Kerajaan Negeri dalam memastikan pelaksanaan program tersebut benar-benar mencapai kumpulan sasar. Selain itu, wakil dari kerajaan Negeri juga akan menjalankan lawatan secara mengejut dalam menentukan tahap kelancaran PKW yang diamanahkan.
- c) Oleh kerana PKW ini merupakan program baharu Kerajaan Negeri, belum ada suatu penanda aras yang bersesuaian untuk diletakan sebagai suatu pencapaian. Namun dalam menjadikan program PKW ini lebih berkesan dan mencapai sasaran, kerajaan negeri akan berusaha untuk membantu PKW mencapai matlamat mereka.

Sehubungan itu, kerajaan negeri akan menimbang cadangan dari Y.B Kota Damansara dengan mementikan KPI yang bersesuaian agar golongan sasaran menerima bantuan ini sekaligus mampu keluar dari cengkaman kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : SUMBER AIR

233. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan menghadapi kekurangan bekalan air dalam jangka masa 20 tahun yang akan datang?
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam pengurusan air untuk menjamin pembekalan yang mencukupi selepas pengambilan balik kuasa daripada Syabas?

JAWAPAN :

- a) Permintaan terhadap air meningkat setiap tahun selari dengan kadar peningkatan penggunaan air yang dianggarkan 2.5% hingga 3.7% per tahun. Ini dapat dilihat daripada data yang menunjukkan permintaan purata permintaan air di negeri Selangor pada tahun 2006 ialah 3780 JL/H meningkat kepada 3864.5 JL/H pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, kini keadaan masih terkawal memandangkan kapasiti loji bagi Negeri Selangor adalah 4256 JL/H.

Daripada kajian yang dijalankan, unjuran peningkatan terhadap permintaan air dijangkakan akan meningkat sehingga 4335 JL/H pada tahun 2013. Jika sekiranya tiada perancangan atau langkah mitigasi dijalankan, kapasiti loji sedia ada di Negeri Selangor tidak dapat menampung permintaan tersebut dan menyebabkan pengurusan pembekalan air semakin kritikal.

- b) Melalui pengambilalihan semua konsesi air di Selangor, satu struktur perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan dengan ciri-ciri seperti mana yang telah dihasratkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655) iaitu:-
 - i) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan;
 - ii) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
 - iii) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna.

Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini di mana rakyat mendapat manfaat hasil kemakmuran ekonomi negeri Selangor.

Struktur baru ini dapat mengujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH HAKISAN PANTAI

234. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hakisan tersebut ?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan masalah hakisan pantai terus berlanjutan sehingga kini tanpa suatu penyelesaian yang holistik ?
- c) Bilakah masalah hakisan pantai yang sering melanda pantai Bagan Sekinchan dan sungai Sekinchan dapat diselesaikan oleh pihak JPS ?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hakisan di kawasan pantai Negeri Selangor telah dibahagikan kepada lima daerah berpantai yang terlibat iaitu Daerah Klang, Sepang, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Kuala Langat. Daerah Klang menerima peruntukan sebanyak RM100 ribu pada tahun 2007, RM100 ribu pada tahun 2009 dan RM100 ribu untuk tahun 2010. Daerah Sepang pula menerima RM200 ribu, RM100 ribu, RM140 ribu dan RM100 ribu masing-masing pada tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009. Bagi Daerah Kuala Langat pula, peruntukan yang diterima bagi mengawal hakisan pantai adalah sebanyak RM150 ribu pada tahun 2007, RM157 ribu pada tahun 2009 dan RM200 ribu untuk tahun 2010. Daerah Kuala Selangor pula mendapat peruntukan sebanyak RM450 ribu pada tahun 2006, RM150 ribu pada tahun 2007, RM375 ribu pada tahun 2008, RM100 ribu pada tahun 2009 dan RM100 ribu pada tahun 2010. Daerah Sabak Bernam pula menerima peruntukan berjumlah RM200 ribu pada tahun 2009 dan RM100 ribu pada tahun 2010.
- b) Hakisan pantai adalah satu fenomena alam yang akan berlaku berterusan dimana ianya berpunca daripada ribut ketika air pasang. Ianya menjadi masalah apabila harta benda dan infrastruktur diancam oleh hakisan pantai tersebut.

Tindakan mengatasi masalah hakisan pantai adalah melalui dua kaedah iaitu kaedah jangka pendek dan kaedah jangka panjang. Bagi kaedah jangka pendek, struktur kawalan hakisan pantai dibina untuk melindungi benteng-benteng pantai daripada ancaman ombak.

Bagi kaedah jangka panjang pula, anjakan pembangunan adalah dicadangkan bagi sebarang pembangunan di kawasan pantai berdasarkan Garis Panduan JPS 1/97. Anjakan pembangunan yang dimaksudkan adalah 400 meter daripada barisan pertama bakau yang menghadap ke laut bagi kawasan pantai berlumpur dan 60 meter daripada garisan pantai ke daratan bagi kawasan pantai berpasir.

- c) Pantai Sekinchan dilindungi oleh benteng-benteng pantai yang sentiasa dipantau oleh pihak JPS supaya berada dalam keadaan baik. Ini kerana kawasan tersebut adalah lebih rendah daripada aras laut ketika air pasang.

Benteng-benteng ini mengalami masalah hakisan dari semasa ke semasa di mana pihak Jabatan telah menjalankan kerja-kerja menyelenggara benteng di beberapa kawasan di sepanjang pantai Sekinchan berdasarkan peruntukan yang diterima. Di samping itu, pihak Jabatan juga telah memohon peruntukan untuk memperkukuhkan benteng pantai Sekinchan di dalam RMK-10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

235. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status bas yang telah dijanjikan untuk diberikan kepada MPSJ untuk kegunaan orang ramai pada tahun 2008?
- b) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk memperbaiki sistem kemudahan pengangkutan di kawasan bandar seperti Subang Jaya dan Petaling Jaya?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk (b) di atas? Jika ya, berikan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Permohonan untuk mendapatkan 2 buah bas melalui Exco Kerajaan Tempatan telah pun dihantar. Walaubagaimanapun permohonan tersebut sedang dalam pertimbangan.

Selain daripada itu, pihak MPSJ melalui Jabatan Perancang telah mengemukakan surat bertarikh 13/4/2009 (No. rujukan: MPSJ.260/10/55 Jld. 4(23)) kepada pihak Rapid KL bagi memohon supaya menyediakan perkhidmatan percuma kepada OKU dan warga emas.

- b) Antara dasar – dasar yang telah diambil untuk memperbaiki kemudahan sistem pengangkutan di kawasan bandar termasuk Subang Jaya dan Petaling Jaya adalah dengan melaksanakan dasar sistem pengangkutan awam yang lebih menyeluruh di Negeri Selangor dengan menghubungkan seluruh Negeri Selangor dalam tempoh satu (1) jam perjalanan. Ini merupakan hasrat dan fokus penting Kerajaan Negeri di bawah **Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 Kerajaan Negeri Selangor**.

Perluasan Sistem Pengangkutan Awam di Negeri Selangor merupakan salah satu perkara penting yang diberi tumpuan khusus di dalam **Pakej Rangsangan Ekonomi 2009 Kerajaan Negeri Selangor**. Antara program penting yang menjadi teras adalah seperti berikut :

- i) Memastikan pengukuhan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.
- ii) Modal Split dari 90:10 ke 50:50.
- iii) 'One Hour Public Transport Model'
- iv) Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.
- v) Menyambung Laluan LRT dari Kelana Jaya ke Klang.

- vi) Terminal pengangkutan Awam Bersepadu (Bas, Teksi, LRT diintegrasikan dalam terminal pengangkutan awam).
- vii) Menambah penyediaan sistem pengangkutan ke seluruh kawasan dalam Negeri Selangor.
- viii) Menambah perkhidmatan 'bas henti'henti' antara bandar dalam Negeri Selangor.

Antara perancangan jangka masa pendek yang dicadangkan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di kawasan Subang Jaya dan Petaling Jaya adalah Projek Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang (AMG) dan LRT Laluan Kelana Jaya (KLJ) oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)

Sambungan LRT Laluan Ampang sepanjang 17.7 km akan bermula dari Stesen Sri Petaling sedia ada dan berakhir di Puchong/USJ – Bandar Putera Heights. Bagi sambungan LRT Laluan Kelana Jaya sepanjang 17 km akan bermula dari Stesen Kelana Jaya dan berakhir di Puchong/USJ – Bandar Putera Heights. Daripada 26 stesen, sebanyak 9 stesen akan disediakan kemudahan 'Park & Ride'.

Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 17/2009 yang bersidang pada 27 Mei 2009 telah mengambil maklum mengenai cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya.

Selaku Pihak Berkuasa Negeri, Kerajaan Negeri telah meminta pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) mengambil kira dan mematuhi perkara-perkara berikut :

- Penyediaan tempat letak kereta (TLK) yang mencukupi bagi menggalakkan 'park n ride'.
- Penyediaan 'feeder service' seperti perkhidmatan bas serta memastikan frekuensi perkhidmatan yang menetapi waktu, pantas dan cekap serta laluan 'loop' yang berkesan.
- Penyediaan 'lay by' dan 'drop zone' khas berbumbung untuk perkhidmatan bas dan teksi serta orang awam yang menghantar dan mengambil pengguna LRT.
- Reka bentuk stesen yang 'mesra pengguna' dengan mengambil kira keperluan OKU, warga emas dan kanak-kanak.
- Memperkenalkan sistem tiket bersepadu (one ticket) yang merangkumi semua mod pengangkutan awam.
- Mengambil kira kesan 'gegaran' dan tahap bunyi bising' terhadap guna tanah sekitar.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam perancangan sistem pengangkutan di kawasan bandar khususnya Subang Jaya, Petaling Jaya, Shah Alam, Kajang, Ampang Jaya, Selayang dan Klang. Perancangan sistem pengangkutan melibatkan perancangan yang melangkaui satu-satu Pihak Berkuasa Tempatan dan ia perlu diselaraskan supaya wujudnya kesinambungan jaringan dan perancangan yang komprehensif.

Kerajaan Negeri juga telah memberi pandangan dan cadangan sistem pengangkutan awam di dalam Pelan Tempatan Bandar raya Kuala Lumpur 2020 diselaraskan dengan Kajian Pelan Integrasi Pengangkutan Awam dan Guna tanah Lembah Klang. Cadangan pengangkutan awam berasaskan rel di dalam Pelan Tempatan Bandar raya Kuala Lumpur 2020 perlu mengambil kira kedudukan Negeri Selangor dan pusat-pusat pertumbuhannya terutama lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu MBPJ, MPSJ, MPKj, MP Selayang dan MPAJ.

Antar kerjasama dan penyelarasan yang dilakukan adalah mengguna pakai dasar-dasar berkaitan pengangkutan awam seperti yang terkandung di dalam Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara dan langkah-langkah di bawah National Key Result Areas (NKRA).

Terdapat lima (5) Dasar Rancangan Fizikal Negara, tiga (3) Dasar Perbandaran Negara dan enam (6) Langkah National Key Result Area (NKRA) yang memerlukan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Lima (5) dasar-dasar di dalam Rancangan Fizikal Negara yang berkaitan adalah seperti berikut :

- i) RFN 23 – Rangkaian pengangkutan negara bersepadu perlu diwujudkan dengan mengambil kira hubungan antara guna tanah dan pengangkutan.
- ii) RFN 25 – Rangkaian jalan raya negara perlu diperluaskan untuk kemudahnya di peringkat wilayah dan tempatan.
- iii) RFN 26 – Lapangan terbang dan pelabuhan utama perlu dibangunkan mengikut fungsi yang saling melengkapi bagi mengukuhkan daya saing ekonomi negara dan memudahkan ketibaan pelancong.
- iv) RFN 27 – Konsep pembangunan berorientasikan transit (TOD) perlu digalakkan sebagai asas perancangan guna tanah bandar bagi memastikan kebolehlaksanaan pengangkutan awam.
- v) RFN 29 – Sistem pengangkutan awam bersepadu perlu dibangunkan di semua pusat bandar utama.

Tiga (3) Dasar Perbandaran Negara yang berkaitan adalah :

- i) DPN 15 – Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan.
- ii) DPN 16 – sistem Pengurusan lalu lintas yang lebih menyeluruh dilaksanakan untuk memastikan pergerakan lalu lintas yang lebih cekap dan berkesan.
- iii) DPN 17 – Rangkaian jalan raya yang lebih menyeluruh dibangunkan bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti di dalam dan di antara Bandar.

Enam (6) Langkah National Key Result Area (NKRA) di bawah Program Peningkatan Sistem Pengangkutan seperti berikut :

- i) Cadangan sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Cadangan Laluan yang melibatkan kawasan Petaling Jaya dan Subang Jaya.
- ii) Intergrated Smart Ticketing diperkenalkan untuk mengurangkan masa menunggu di waktu puncak dan mengatasi masalah penyelarasan tiket antara pengusaha bas yang berbeza.
- iii) Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu.
- iv) meningkatkan rangkaian perkhidmatan pengangkutan, di mana Laluan baru akan meliputi rangkaian yang lebih luas.
- v) menyediakan 3 kategori laluan bas utama iaitu Bus Expressway Transit (BET), Bus Lane dan Bus Rapi Transit (BRT).
- vi) Menyemak Inventori Hentian Bas dan menyelaras penyediaannya mengikut hierarki iaitu, High Quality, Shelter, Flag Pole dan Informal.

Kesemua dasar-dasar tersebut telah diterjemahkan di dalam Rancangan-Rancangan Tempatan PBT dan diguna pakai di dalam perancangan dan pembangunan setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN

236. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah perkembangan terkini isu permohonan tanah Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK)?
- b) Meminta kerajaan negeri membentangkan satu penerangan khas terhadap YBK dan badan-badan amal yang pernah mendapat sumbangan daripada kerajaan negeri?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN

237. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah aset baik dalam bentuk tanah ataupun kewangan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Yayasan Basmi Kemiskinan sejak penubuhan yayasan tersebut pada tahun 1990 hingga 2010?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan bahawa sumbangan yang diberikan oleh kerajaan negeri ini adalah digunakan dengan sebaiknya oleh yayasan tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : KEGAGALAN PEMAJU

238. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan Negeri terhadap pemaju yang gagal menyerahkan dewan, tadika dan kemudahan awam lain seperti syarat bina dan serah ?
- b) Nyatakan jumlah kegagalan ini bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan jelaskan apakah puncanya ?

JAWAPAN :

- a) **Status Kemudahan Awam (Dewan, Tadika, Surau dan Gerai) yang disyaratkan Bina dan Serah dalam Kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam.**

Bil	Kemudahan Awam	Disyaratkan Bina dan Serah *	Status Pembinaan	
			Telah Dibina	Belum Dibina
1.	Dewan	107	55	52
2.	Tadika	110	31	79
3.	Surau	149	101	48
4.	Gerai	58	14	44

Nota : * Tapak Khas/Berasingan untuk kemudahan awam

b) Punca pemaju gagal membina dan menyerahkan kemudahan-kemudahan awam tersebut :-

i) **Fasa Pembangunan**

Terdapat tapak-tapak pembangunan yang masih belum dibangunkan sepenuhnya oleh pemaju terutama bagi projek-projek pembangunan yang berskala besar di mana ianya dibangunkan secara berperingkat mengikut fasa pembangunan. Kemudahan-kemudahan awam dibangunkan mengikut jumlah unit kediaman yang dibangunkan dan anggaran penduduk yang akan mendiami kawasan tersebut.

ii) **Kelulusan Terdahulu**

Pembangunan terdahulu yang mana kelulusannya diproses oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor tidak mensyaratkan kemudahan-kemudahan awam ini dibina tetapi hanya diserahkan tapak sahaja selaras dengan peruntukkan Di Bawah Seksyen 200 Kanun Tanah Negara (Akta 56). Walau bagaimanapun, Majlis mengambil inisiatif dengan mensyaratkan kepada pemaju supaya tapak-tapak tersebut dibina dan diserahkan kepada Majlis bagi memastikan penduduk menikmati kemudahan dan prasarana yang baik bagi kawasan kejiranan mereka.

iii) **Masalah Pemaju**

Terdapat juga kawasan yang telah diluluskan pelan pembangunannya tetapi masih belum dibangunkan kerana pemaju mempunyai masalah kewangan sehingga menyebabkan pembangunan tidak dapat dilaksanakan dan siap separuh jalan (terbengkalai).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : KEGIATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN DI NEGERI SELANGOR

239. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program yang telah dirancang mengenai kebudayaan dan kesenian sejak tahun 2008?
- b) Apakah polisi kerajaan mengenai kebudayaan dan kesenian di Negeri Selangor?
- c) Cara-cara untuk menggalakkan orang ramai berminat dalam bidang ini.

JAWAPAN :

- a) Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Negeri Selangor terus diwarisi dan tidak lapuk ditelan zaman terutama bidang seni yang berkaitan dengan kehidupan seperti kraf tangan, bahasa, tradisi, makanan, seni & muzik, sejarah, teater, teknologi, seni bina, agama, sistem pendidikan, busana dan kegiatan masa senggang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan memfokuskan beberapa bidang untuk memastikan perkembangan seni budaya Negeri Selangor dapat ditonjolkan dengan seimbang.

Di antara program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut :-

- i. Sambutan Tahun Baru Cina – untuk meraikan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan golongan kurang berkemampuan dari kaum cina.
- ii. Mengadakan Majlis Dialog Bersama Budayawan, Karyawan dan Seniman – untuk mengupas isu dan masalah yang perlu diteliti bagi meningkatkan taraf kebudayaan di Negeri Selangor.
- iii. Mengadakan klinik permainan gasing – kerjasama dengan Persatuan Gasing Negeri Selangor untuk berkongsi minat dan pembelajaran kepada masyarakat mengenai permainan seni warisan.
- iv. Pementasan teater rakyat – bagi menarik minat dan pendedahan kepada masyarakat untuk tidak melupakan seni teater yang berkonsepkan “edutainment”. – “Menunggu Kata Dari Tuhan” dan “Menanti Perang Berakhir”
- v. Membuat program kerjasama dengan Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) untuk melihat aktiviti seni budaya yang dipersembahkan. – Pesta Bon Odori dan Persembahan Karate Do Antarabangsa.
- vi. Festival Jalanan – menggabungkan aktiviti kebudayaan, seni mempertahankan diri, kraf tangan dan pelbagai seni muzik dari pelbagai kaum sempena Program

Musical Extravaganza di sekitar Shah Alam sebagai tarikan orang ramai untuk melihat keunikan kebudayaan di Selangor.

- vii. Sambutan Hari Budaya Kanak-Kanak Peringkat Negeri Selangor – yang menyetengahkan bakat dan kebolehan kanak-kanak dalam aktiviti kebudayaan dan dipersembahkan untuk memupuk minat kanak-kanak terhadap seni kebudayaan.
 - viii. Majlis Berbudaya Bersama Rakyat – program yang mengumpulkan aktiviti seni budaya sukan rakyat dengan penyertaan dari pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Negeri Selangor bagi memperkenalkan dan mengekalkan warisan budaya sukan rakyat kepada generasi muda.
- b) Budaya adalah perlakuan harian dan cara hidup sesuatu kaum. Bagi Kerajaan Negeri, polisi mengenai budaya Negeri Selangor adalah mempamerkan cara hidup semua kaum dan etnik di Selangor dengan setulus mungkin. Jenis-jenis makanan, pakaian, permainan, tarian dan muzik adalah sebahagian daripada unsur dan elemen yang harus diketengahkan dalam mengenali budaya sesuatu kaum. Selain itu turut mengambil kira dasar kebudayaan kebangsaan, iaitu :-
- i. Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.
 - ii. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar.
 - iii. Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.
 - iv. Polisi kerajaan mengenai kebudayaan dan kesenian di Negeri Selangor.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut menitik beratkan aspek penerapan nilai-nilai murni dan budaya di kalangan masyarakat melalui aktiviti seni budaya, di samping meningkatkan martabat sukan rakyat serta melahirkan kanak-kanak yang berbudaya positif.

Begitu juga dengan seni persembahan teater yang merupakan salah satu elemen kebudayaan yang harus diterap dan dipupuk bagi memastikan peningkatan seni budaya dapat dikekalkan.

- c) Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan untuk menggabungjalinkan seni budaya pelbagai kaum melalui program-program yang telah dirancang sebagai salah satu cara untuk menggalakkan masyarakat berminat dan terlibat secara langsung dalam bidang ini.

Di Negeri Selangor, terdapat banyak pusat dan tempat rekreasi yang boleh digunakan sebagai tempat untuk mempersembahkan seni karya, seni muzik dan budaya juga tidak bertumpu kepada seni nyanyian. Antaranya Laman Budaya Shah Alam yang mampu untuk seniman dan karyawan berkarya dan dipersembahkan kepada pengunjung yang mengunjung tempat tersebut. Sehubungan itu, melalui pusat dan tempat yang sedia ada ini, secara tidak langsung program-program kebudayaan yang dilaksanakan mampu untuk menarik dan menggalakkan orang ramai mengenali seni budaya yang dipersembahkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : ELAUN PERJALANAN KE LUAR NEGARA YANG TELAH DIBELANJAKAN
OLEH AHLI EXCO DAN FAEDAH DARIPADA LAWATAN RASMI TERSEBUT**

240. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan perjalanan ke luar negara oleh setiap Ahli EXCO yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga ke hari ini?
- b) Siapakah dan di manakah negara-negara yang telah dilawati bagi tujuan urusan rasmi oleh Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor tersebut?
- c) Apakah faedah-faedah yang telah diguna pakai dan dinikmati oleh Kerajaan Negeri Selangor hasil daripada lawatan-lawatan rasmi Ahli-Ahli EXCO tersebut?

JAWAPAN :

- a) Seperti di lampiran
- b) Seperti di lampiran
- c) Seperti di lampiran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : OSCC

241. Dasar prihatin kerajaan terhadap wanita dimasukkan dalam program Merakyatkan Ekonomi Selangor di bawah OSCC. OSCC diwujudkan di hospital-hospital di bawah pentadbiran Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah berkesannya pelaksanaan OSCC?
- b) Apakah peranan ADUN dalam menjayakan MES di bawah program OSCC ini?
- c) Apakah seperti program-program Tuisyen Rakyat, Pusat Komuniti Wanita dan Pusat Dialisis Rakyat, program untuk mempromosikan OSCC ini akan dilaksanakan secara langsung melalui ADUN?

JAWAPAN :

- a) OSCC ditubuhkan untuk memberi perlindungan dan rawatan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa yang datang ke pusat ini. Peranan Kerajaan Negeri adalah untuk mendidik serta mendedahkan fungsi OSCC itu sendiri supaya orang ramai sedar bahawa pusat sedemikian wujud untuk memberi perkhidmatan. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita telah menjalankan Seminar Katakan Tidak Kepada Keganasan di setiap kawasan DUN Selangor. Hasil maklum balas yang diterima, orang ramai telah mula memahami fungsi OSCC ini serta lebih mengetahui apakah hak terutamanya dalam perundangan sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku. Usaha ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendidik orang ramai tentang tanggungjawab serta kesedaran tentang keganasan domestik.
- b) Kempen OSCC ini dijalankan di setiap kawasan DUN Selangor di mana secara tidak langsung semua ADUN turut membantu Kerajaan Negeri dalam mempromosi peranan OSCC serta mendedahkan aspek perundangan kepada orang ramai terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, Kerajaan Negeri telah menerbitkan pelbagai bahan promosi berkaitan dengan OSCC di mana pihak ADUN dipohon untuk membantu mengedarkan bahan promosi ini kepada orang ramai.
- c) Jawapan sama seperti di b).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERKHIDMATAN ALAM FLORA

242. Kebanyakan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan telah menyuarakan ketidakpuashatian mereka terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Alam Flora.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menamatkan perkhidmatan mereka sebagai pemungut , pembersih dan pengurus sampah di Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membenarkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurus sistem pungutan dan pembersihan sampahnya masing-masing?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : KESIHATAN AWAM

243. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam mempertingkatkan kesihatan awam selain memenangi wabak seperti Denggi, H1N1 dan lain-lain lagi?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan pada tahun 2008 dan 2009 untuk sumbangan kepada pesakit-pesakit miskin yang tidak mampu menjelaskan bayaran perubatan?
- c) Adakah kerajaan bersedia memberi sumbangan berkala kepada warga emas untuk membiayai kos perubatan/ kesihatan?

JAWAPAN :

- a) Selain daripada kawalan dan pencegahan denggi dan H1N1, kerajaan juga terlibat dalam merancang aktiviti yang meningkatkan kesihatan masyarakat di negara ini. Antaranya:
 - i) meningkatkan kualiti rawatan pesakit di semua fasiliti kesihatan sama ada di hospital dan klinik
 - ii) memperluaskan liputan kemudahan kesihatan melalui klinik 1 Malaysia dan menyediakan perkhidmatan di klinik pada hari Sabtu dan Ahad dan melanjutkan waktu rawatan di klinik sehingga pukul 9 malam pada klinik-klinik terpilih.
 - iii) menjalankan program dalam komuniti seperti program kesihatan di sekolah, program kesihatan di tadika, rumah penjagaan warga emas dan lain-lain kempen kesihatan.
- b) Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan rakyat terutama mereka yang miskin dan warga emas. Kepada pesakit-pesakit miskin yang tidak mampu menjelaskan bayaran perubatan mereka dikecualikan bayaran bil hospital yang dikenakan kepada pesakit dan rawatan yang diberikan adalah secara percuma.
- c) Pada masa ini, dalam sistem perkhidmatan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, semua keperluan warga emas untuk kos perubatan dan kesihatan adalah diberikan percuma bagi mereka yang tidak mampu membayar kos rawatan. Kemudahan ini diberikan berterusan kepada semua warga emas Warga Negara Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT TADIKA

244. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila senaraikan butiran terperinci jumlah Pusat Tadika Rakyat yang bakal dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor di setiap DUN yang dikenal pasti dan apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan ?
- b) Sila nyatakan apakah matlamat utama Pusat Tadika Rakyat didirikan dan berapakah jumlah perbelanjaan yang bakal disalurkan untuk menjayakan program tersebut ?
- c) Sila nyatakan apakah jenis bayaran yang bakal dikenakan kepada pelajar-pelajar pra sekolah dan berapakah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi setiap pelajar tadika tersebut ?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : GODELL PARKING

245. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hasil kajian Kerajaan Negeri untuk kontrak yang telah ditandatangani dengan pihak Godell Parking?
- b) Mengapakah kajian tersebut mengambil masa yang begitu lama?
- c) Mengapakah tiada tindakan diambil oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) walaupun pihak Godell Parking tidak memenuhi tanggungjawab kontrak mereka seperti memberikan mesin kupon yang mencukupi dan pembayaran lewat kepada MPSJ?

JAWAPAN :

- a) Dijawab oleh MAKRO
- b) Dijawab oleh MAKRO
- c) Majlis telah mengadakan perbincangan dengan Godell Parking pada 26 Ogos 2009 berhubung rungutan penduduk berhubung kekurangan mesin kupon yang tidak mencukupi dan pembayaran lewat diterima.

Godell Parking telah membuat penambahan dengan tempahan mesin letak kereta sebanyak 135 mesin dan kesemua mesin ini dapat dipasang dan beroperasi sepenuhnya pada penghujung Februari 2010. Kelewatan ini disebabkan mesin ini diimport dari luar negara. Jumlah keseluruhan mesin di MPSJ kini adalah sebanyak 605 unit iaitu merupakan pertambahan sebanyak 112% berbanding bilangan pada tahun 2002 iaitu 285 unit sahaja. Berbanding dengan penambahan petak letak kereta hanya sebanyak 36% untuk tahun yang sama iaitu dari 17,159 kepada 23,409 petak.

Selain daripada itu Majlis telah memberi amaran kepada syarikat Godell Parking ke atas kelewatan pembayaran dan kini mereka telah menjelaskan bayaran mengikut jadual yang dipersetujui iaitu di dalam tempoh 30 hari selepas akhir bulan berikutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)TAJUK : ORANG ASLI**

246. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian-pencapaian yang telah di kecapi oleh Kerajaan Selangor selepas penubuhan Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor (BBTOAS)?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PENDAPATAN PER-KAPITA RAKYAT NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2008 DAN 2009.

247. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah anggaran jumlah pendapatan per-kapita rakyat di Negeri Selangor bagi tahun 2008 sehingga tahun 2009 mengikut komposisi kaum?
- b) Berapakah jumlah ekuiti yang dipegang oleh rakyat Negeri Selangor mengikut komposisi kaum bagi tahun 2008 sehingga 2009?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan pendapatan per-kapita dan menjana ekuiti tersebut?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

248. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila nyatakan bilakah masalah kekurangan lampu jalan dan pembahagi jalan khususnya dari kilang BERNAS Sekinchan hingga ke Balai Bomba Sekinchan dapat diatasi ?
- b) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja membaiki permukaan jalan yang tidak rata dan berlekuk-lekak itu dapat dilakukan demi keselamatan para pengguna jalan raya ?
- c) Sila kemukakan jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan tahunan untuk Jalan Persekutuan 5 dari Kapar hingga ke Sabak Bernam ?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, jalan ini merupakan sebahagian daripada Laluan Persekutuan FT005 dan segala peruntukan penyelenggaraan/naik taraf adalah di bawah kerajaan Persekutuan.

JKR telah memohon peruntukan kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk menaiktaraf aspek-aspek keselamatan meliputi pemasangan lampu jalan dan membina pembahagi jalan berjumlah RM2,340,000.00.

Pada 19 Mei 2009, satu lawatan tapak telah diadakan dengan dihadiri wakil IPJKR Cawangan Jalan untuk melihat keadaan sebenar ditapak serta perancangan yang perlu dilakukan di kawasan tersebut. Sehingga kehari ini pihak JKR Selangor masih belum menerima sebarang arahan untuk melaksanakan kerja tersebut.

- b) Kerja-kerja membaiki permukaan jalan di Laluan Persekutuan 5 (FT005) yang tidak rata dan berlekuk-lekak ini telah dan akan dijalankan dari masa ke semasa oleh pihak konsesi yang dilantik iaitu syarikat Road Care Sdn Bhd.

Selain daripada itu pihak JKR Selangor melalui Unit Pengurusan Penyelenggaraan Jalan telah menghantar permohonan ke Bahagian Senggara Fasiliti Jalan melalui surat "Cadangan Pembaikan Jalan Dan HDM-4 2009" yang memerlukan peruntukan sebanyak RM 2,844,907.04. Sehingga kini, JKR Selangor masih diperingkat menunggu kelulusan dan pejabat ini akan melakukan segera kerja-kerja pembaikan tersebut sekiranya kelulusan peruntukan diterima.

- c) Kos keseluruhan penyelenggaraan tahunan untuk Jalan Persekutuan 5 dari Kapar hingga ke Sabak Bernam adalah seperti dilampirkan. (Lampiran 1)

PENSWASTAAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN ZON TENGAH/TIMUR - NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**LAPORAN PENYENGGARAAN FT 05 (KAPAR - SABAK BERNAM)
TAHUN 2008-2010**

Bil.	Kerja Penyelenggaraan	TAHUN 2008		TAHUN 2009		TAHUN 2010		JUMLAH MENGIKUT KERJA (RM)
		Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM) Sehingga Februari 2010	
1	RUTIN		1,803,270.00		1,803,270.00		300,545.00	3,907,085.00
2	BERKALA PAVEMEN	2	1,339,880.75	6	2,755,607.85	0	-	4,095,488.60
3	BERKALA BUKAN PAVEMEN	11	603,018.98	0	-	0	-	603,018.98
	JUMLAH	13	3,746,169.73	6	4,558,877.85	0	300,545.00	8,605,592.58

NEGERI SELANGOR :BERKALA BUKAN PAVEMEN

Bil.	Perihal Kerja	Lokasi		Daerah	Kos
		Laluan No.	Seksyen No.		Muktamad (RM)
A Tahun:2008					
1	Mill 50 n Pave 60	5	544-548	Sabak Bernam	551,719.81
2	Mill 60 Rep 60	5	491-493	Kuala Selangor	788,160.94
JUMLAH					1,339,880.75
B Tahun:2009					
1	Mill 60 n Pave 60	5	478.3-478.8	Kuala Selangor	413,387.43
2	Mill n Pave 50 & Overlay	5	479.0-481.0	Kuala Selangor	704,473.54
3	Kerja membaikpulih permukaan jalan	BP	484.0-486.6	Kuala Selangor	608,930.98
4	Kerja membaikpulih permukaan jalan	BP	487.0-489.0	Kuala Selangor	476,871.68
5	Kerja pembaikan permukaan jalan	BP	494.50-495.50	Kuala Selangor	251,975.18
6	Membaikpulih permukaan jalan dan regulate permukaan jambatan FT 005/532/10	BP	480&500	Sabak Bernam	299,969.04
JUMLAH					2,755,607.85
C Tahun:2010					
	-				0
JUMLAH					0
JUMLAH KESELURUHAN					4,095,488.60

NEGERI SELANGOR :BERKALA BUKAN PAVEMEN

Bil.	Perihal Kerja	Lokasi		Daerah	Kos
		Laluan No.	Seksyen No.		Muktamad (RM)
A	Tahun:2008				
1	Kerja regulate dan heavy patching	5	426.00	Klang	3,146.67
2	Penyenggaraan Penghadang Jalan	5	450 - 548	Kuala Selangor/Sabak	56,044.60
3	Penyenggaraan Papan Tanda	5	472.2-508.1	Kuala Selangor/Sabak	38,275.88
4	Kerja 'regulate approach bridge/culvert'	5		Kuala Selangor	204,523.43
5	Penyenggaraan Papan Tanda	5	452-458	Klang	43,371.17
6	Kerja memasang 'delinator post'	5	515.8-535.9	Sabak Bernam	62,480.70
	Kerja memasang 'delinator post'	5	458-540/0-14	5/54	32,619.30
7	Penyenggaraan Penghadang Jalan	5	509.9-525.6	Sabak Bernam	36,377.80
8	Kerja membaikpulihan approach jambatan	5	500-502	Kuala Selangor	51,001.08
9	Penyenggaraan Penghadang Jalan	5	423-427	Klang	10,976.75
10	Penyenggaraan Penghadang Jalan	29	34.3-43.1	Sepang	10,925.70
11	Penyenggaraan Penghadang Jalan	5		Kuala Selangor	28,733.90
	Penyenggaraan Penghadang Jalan	5		Sabak Bernam	24,542.00
JUMLAH					603,018.98
B	Tahun:2009				
					0
JUMLAH					0
C	Tahun:2010				
					0
JUMLAH					0
JUMLAH KESELURUHAN					603,018.98

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : HASIL KAJIAN CCTV

249. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hasil kajian CCTV untuk PBT oleh Kerajaan Negeri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan kontrak semasa walaupun ia memakan kos yang tinggi? Jika ya, mengapa?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI

250. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah telah ada tindakan pada pemaju ingkar yang dilihat sengaja melengahkan penyerahan rumah pada pembeli? Nyatakan bilangan mengikut daerah?
- b) Pemaju di kawasan saya Rimau Indah Development ingkar untuk menyiapkan rumah di Bukit Rimau sedangkan mereka telah berjanji akan siap selewat-lewatnya Ogos 2009. Apakah tindakan kerajaan?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa telah mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju perumahan yang projek mereka terbengkalai dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) (senarai pemaju seperti dilampirkan mengikut PBT/Daerah). Tujuannya ialah untuk membantu bakal pembeli memperolehi maklumat terkini mengenai kredibiliti pemaju bagi mana-mana projek perumahan yang ingin dibeli. Di samping itu nama-nama pemaju yang disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah syarikat pemaju lain. Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin.

Selain dari itu, pembeli juga berhak menuntut Denda Penyerahan Lewat Rumah (LAD) daripada pemaju ekoran kegagalan pemaju menyiapkan rumah mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli. Sekiranya pemaju enggan membayar pampasan tersebut, pembeli boleh membawa kes mereka ke Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mendapatkan hak mereka.

.Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2010 terdapat sebanyak 122 pemaju ingkar yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor yang melibatkan 135 projek terbengkalai dengan 48,623 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :

No	Kawasan PBT	Projek Perumahan	Projek Komersial	Projek Industri	Projek Pembesaran Kampung	Jumlah Bil. Projek	Jumlah Unit
1	MPK	22	5	1	-	28	4,134
2	MBPJ	3	4	-	-	7	2,996
3	MBSA	15	1	1	-	17	5,210
